

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK: PEMBALAKAN HARAM

1. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
 - a) Berapakah bilangan kes pembalakan tanpa kebenaran di hutan simpanan dalam tahun 2010?
 - b) Apakah usaha kerajaan dan kekurangannya dalam pencegahan pembalakan tanpa kebenaran?
 - c) Apakah status atau kemajuan dalam perlaksanaan pembalakan secara sistem pengurusan selektif(*selectial management system*) di Selangor?

JAWAPAN :

- a) Bilangan kes pembalakan tanpa kebenaran yang direkodkan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal dalam tahun 2010 ialah sebanyak 38 kes dan semuanya berlaku di kawasan Hutan Simpan berjenis paya laut (Hutan Bakau).
- b) Usaha kerajaan dalam pencegahan pembalakan tanpa kebenaran ialah memperuntukkan sebanyak RM150,000-RM200,000 setiap tahun melalui Projek Pembalakan Haram Sifar kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bagi tempoh RMK 10 (2011-2015) khususnya bagi pemantauan melalui udara menggunakan helikopter. Kerajaan Negeri dalam proses untuk membuat pengisian kekosongan 8 jawatan baru bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA).
- c) Sistem Pengurusan Memilih atau *Selective Management System*(SMS) ialah sistem pengurusan hutan yang telah diamalkan di Selangor sejak tahun 1980an. SMS diamalkan dalam kawasan hutan asli yang diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal(HSK) bagi menjamin pengeluaran hasil hutan, khususnya kayu balak secara berkekalan/mampan iaitu setelah mencapai tempoh matang antara 25 hingga 55 tahun. Sistem ini melibatkan bancian(inventori) bagi menentukan had tebangan bagi pokok yang matang dalam kawasan HSK yang telah dikenalpasti mengikut kup (had) keluasan tebangan tahunan yang telah ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara (kini diserapkan ke dalam Majlis Tanah Negara) dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Had tebangan ditentukan berasaskan dua(2) jenis utama kayu balak iaitu Damar atau Dipterokarpa (spesis termasuk pokok seperti Chengal, Meranti dan Keruing) dan Bukan Damar atau Bukan Dipterokarp (spesis seperti Merbau, Kempas dan Nyatoh) bertujuan untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya 25% daripada hutan yang ditinggalkan setelah pembalakan terdiri dari pokok-pokok dari jenis Damar yang menjadi identiti hutan hujan negara ini. Pokok-pokok berdasarkan saiz had tebangan ini akan ditanda di lapangan. Pembalakan yang dijalankan perlu mematuhi garispanduan ketat dinamakan *Reduced Impact Logging*(RIL) bagi memberikan kesan minima ke atas dirian hutan yang tinggal. Bancian anak pokok yang tinggal akan

dilaksanakan selepas pembalakan bagi menentukan rawatan sesuai bagi membantu pertumbuhan anak pokok ini bagi pusingan tebangan yang akan datang. Sejak tahun 2008, SMS tidak dilaksanakan kerana dasar moratorium pembekuan pembalakan oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : KELULUSAN TANAH SECARA BERKELOMPOK

2. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :
 - a) Sila nyatakan apakah pencapaian terkini penyelesaian tanah secara berkelompok yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak 3 tahun yang lepas ?
 - b) Sila kemukakan butiran terperinci masalah tanah yang telah diselesaikan oleh Kerajaan Negeri melalui kaedah kelulusan secara berkelompok mengikut pecahan kaum dan daerah ?
 - c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mencegah individu-individu yang cuba menangguk di dalam air yang keruh walaupun mereka tidak mengusahakan tanah ?

JAWAPAN:

- a) Pencapaian terkini penyelesaian tanah secara berkelompok yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak 3 tahun yang lepas adalah seperti dalam jadual berikut :-

**PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN DI BAWAH SEKSYEN 76 KANUN
TANAH NEGARA SEHINGGA 2010**

DAERAH	BIL PERMOHONA N DITERIMA	TINDAKAN MMKN/MTE S	KEPUTUSAN			
			LULUS	TOLAK	TANGGUH	
					MMK N	MTES
KLANG	20	8	8	2	2	-
SABAK BERNAM	58	24	12	8	14	-
GOMBAK	66	8	23	27	8	-
HULU SELANGOR	56	32	10	8	6	-
PETALING	29	8	11	7	3	-
HULU LANGAT	64	21	26	8	9	-
KUALA SELANGOR	39	13	17	2	7	-

KUALA LANGAT	23	8	6	4	5	-
SEPANG	33	23	6	-	4	-
JUMLAH	388	145	119	66	58	-

- Statistik adalah berdasarkan bilangan fail yang diterima, manakala statistik mengikut bilangan pemohon/ kaum/dsb masih menunggu maklum balas daripada PTD
- b) Sehingga kini belum ada butiran terperinci masalah tanah yang telah diselesaikan oleh Kerajaan Negeri melalui kaedah kelulusan secara berkelompok mengikut pecahan kaum dan daerah.
- c) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 20 Mei 2009 dan 17 Jun 2009 telah memutuskan supaya setiap permohonan pemberimilikan tanah diangkat semula dan diproses mengikut kawasan atau kampung secara berkelompok bagi memastikan masalah tanah ini selesai secara muktamad. Perubahan pendekatan ini menimbulkan sedikit kelewatian memandangkan Pejabat-Pejabat Tanah Daerah perlu membuat siasatan semula terhadap tanah-tanah yang dipohon untuk mencapai hasrat Kerajaan Negeri dan selaras dengan dasar Negeri Berkebajikan. Kerajaan Negeri yakin pendekatan diambil boleh selesaikan masalah pemberimilikan tanah secara komprehensif dan sistematik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PROJEK JAKESS

3. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 berkenaan Jabatan Kehakiman Syariah di muka surat 100:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan perancangan projek tidak menyeluruh?
- b) Apakah keputusan-keputusan yang tidak konsisten yang mengakibatkan pembaziran kos juru perunding?
- c) Apakah pecahan-pecahan kos juru perunding yang telah melibatkan sejumlah RM1.77 juta?

JAWAPAN :

- a) Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) adalah sebuah agensi yang berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Peruntukan pembangunan juga adalah dari peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri Selangor.

Pada 01 Julai 2003, JAKESS telah membentang permohonan pembangunan di Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor(MTES), sejumlah RM150,000,000.00 telah diluluskan untuk menaiktaraf bangunan Mahkamah Syariah dan kuarters dalam Negeri Selangor. Walau bagaimanapun kelulusan peruntukan itu bergantung kepada keupayaan kewangan negeri .

Pada tahun 2005, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM25 juta untuk membina bangunan Ibu Pejabat JAKESS dan diuruskan oleh JKR Selangor. JKR Negeri telah melantik 6 juru perunding untuk mereka bentuk bangunan Ibu Pejabat JAKESS.

Pada Februari 2006 MMKN telah meluluskan pembinaan projek JAKESS secara BLT oleh Amanah Raya Development Berhad dengan kos berjumlah RM160.59 juta.

JAKESS sebagai sebuah jabatan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri menerima dan melaksana keputusan Kerajaan Negeri bagi membina baru bangunan Mahkamah Syariah seluruh Negeri Selangor bagi mengganti bangunan lama sedia ada.

- b) JKR telah melantik 6 juruperunding bagi mereka bentuk bangunan Ibu Pejabat JAKESS. Walau bagaimanapun JKR telah menamatkan perkhidmatan juruperunding tersebut apabila projek pembinaan bangunan baru JAKESS dilaksanakan secara BLT di bawah Amanah Raya Development Berhad.

Walau bagaimanapun juru perunding Arkitek, Juru Ukur berlesen dan Perunding Mekanikal dan Elektrikal masih digunakan dalam melaksanakan projek pembinaan bangunan Ibu Pejabat JAKESS.

- c) Di bawah ini disenaraikan juru perunding yang dilantik dan dibayar oleh JKR Selangor

BIL	JURU PERUNDING	KERJA YANG TELAH DILAKSANAKAN	BAYARAN (RM JUTA)
1	Perunding Arkitek	Dokumen Kontrak (70%)	0.85
2	Perunding Ukur Bahan	Penyiasatan Bills Of Quantities Dan Dokumen Tender Yang Lain (60%)	0.28
3	Perunding Mekanikal dan Elektrikal	Peringkat Reka bentuk (50%)	0.20
4	Perunding Awam Dan Struktur	Peringkat Reka bentuk (80%)	0.41
5	Perunding Penyiasatan Tapak (SI)	Laporan Kerja-Kerja Penyiasatan Tanah Dan Ujian Makmal (100%)	0.01
6.	Juru Ukur Berlesen	Pelan Ukur Tanah Tapak Projek (100%)	0.02
JUMLAH			1.77 Juta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : TREND PELABURAN DI SELANGOR

4. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:
 - a) Apakah trend dan jumlah pelaburan di negeri Selangor berbanding negeri-negeri lain?
 - b) Senaraikan jumlah pelaburan dalam negeri dan dari luar negara untuk negeri Selangor dalam tahun 2006-2010

JAWAPAN :

- a) Bagi tempoh tahun 2006 sehingga 2010, Negeri Selangor mencatatkan prestasi pelaburan yang menggalakkan di mana Negeri Selangor masih mengekalkan kedudukan sebagai salah sebuah negeri yang mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi berbanding negeri-negeri lain. Walaupun begitu, Negeri Selangor telah mencatatkan kelulusan bilangan projek, yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

Pada tahun 2006, Negeri Selangor menduduki tempat keempat selepas Negeri Kedah, Johor dan Pulau Pinang. Namun begitu, pada tahun 2007 sehingga 2010, Selangor mengekalkan rekod dengan mencatatkan negeri kedua tertinggi dari segi jumlah pelaburan yang diterima.

Maklumat terperinci jumlah pelaburan yang diterima oleh Negeri Selangor bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 secara perbandingan dengan negeri-negeri lain seperti jadual berikut:-

Negeri	Tahun 2006				
	Projek	Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Kedah D.A.	59	5,180	8,050,122,006	1,830,118,178	9,880,240,184
Johor D.T.	222	21,286	2,178,939,552	5,557,383,309	7,736,322,861
Pulau Pinang	156	13,539	1,432,450,483	3,918,203,864	5,350,654,347
Selangor D.E.	312	24,831	3,054,241,068	2,274,343,250	5,328,584,318
Sabah	74	4,650	4,181,340,283	812,458,424	4,993,798,707
Terengganu D.I.	7	997	808,924,458	2,124,831,040	2,933,755,498
W.P.- Labuan	3	581	2,220,264,271	2,585,000	2,222,849,271
Negeri Sembilan D.K.	37	3,222	1,052,101,179	747,762,137	1,799,863,316
Pahang D.M.	33	1,680	900,635,168	891,929,049	1,792,564,217
Melaka	55	3,424	353,563,195	1,047,559,353	1,401,122,548
Perak D.R.	62	4,112	705,691,926	475,618,305	1,181,310,231
Sarawak	30	2,776	673,398,935	86,420,882	759,819,817
W.P. - Kuala Lumpur	18	1,853	123,548,331	380,319,626	503,867,957
Perlis I.K.	3	340	400,000	60,780,115	61,180,115
Kelantan D.N.	6	481	29,502,340	17,571,500	47,073,840
Jumlah	1,077	88,952	25,765,123,195	20,227,884,032	45,993,007,227

Negeri	Tahun 2007				
	Projek	Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Kedah D.A.	46	5,288	7,856,661,494	6,133,555,679	13,990,217,173
Selangor D.E.	318	25,443	6,989,739,432	4,191,710,937	11,181,450,369
Johor D.T.	188	25,772	2,495,412,449	6,747,426,115	9,242,838,564
Terengganu D.I.	11	1,933	2,772,157,162	3,391,072,131	6,163,229,293
Pulau Pinang	134	8,833	1,625,246,462	3,143,414,785	4,768,661,247
Melaka	38	5,292	1,618,503,951	2,219,208,654	3,837,712,605
Sabah	41	2,820	1,080,883,461	2,176,661,327	3,257,544,788
Negeri Sembilan D.K.	40	7,982	493,616,883	2,181,946,337	2,675,563,220
Perak D.R.	59	8,353	651,687,036	1,382,919,999	2,034,607,035
Pahang D.M.	28	1,467	406,893,791	1,156,870,397	1,563,764,188
Sarawak	23	2,346	403,047,608	631,418,240	1,034,465,848
W.P. - Kuala Lumpur	12	537	52,761,459	39,594,450	92,355,909
Kelantan D.N.	9	1,429	52,576,800	30,090,000	82,666,800
Perlis I.K.	2	178	7,110,000	0	7,110,000
W.P.- Labuan	0	0	0	0	0
Jumlah	949	97,673	26,506,297,988	33,425,889,051	59,932,187,039

Negeri	Tahun 2008				
	Projek	Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Sarawak	39	6,711	1,988,348,768	13,180,531,913	15,168,880,681
Selangor D.E.	302	30,980	2,866,163,788	9,004,746,225	11,870,910,013
Johor D.T.	173	17,192	2,315,056,624	9,396,616,223	11,711,672,847
Pulau Pinang	151	22,215	5,068,720,530	5,087,580,883	10,156,301,413
Melaka	41	6,476	182,348,556	3,452,167,121	3,634,515,677
Perak D.R.	50	4,792	696,814,578	2,433,202,672	3,130,017,250
Kedah D.A.	46	3,217	288,075,479	2,279,270,375	2,567,345,854
Negeri Sembilan D.K.	26	1,718	821,003,102	294,788,185	1,115,791,287
Pahang D.M.	23	2,441	1,017,684,593	63,065,242	1,080,749,835
Terengganu D.I.	9	472	636,776,230	355,482,997	992,259,227
Sabah	40	3,244	620,561,707	343,814,185	964,375,892
Perlis I.K.	2	357	63,255,300	106,994,700	170,250,000
W.P. - Kuala Lumpur	12	750	94,018,240	23,768,350	117,786,590
Kelantan D.N.	3	486	17,600,000	66,000,000	83,600,000
W.P.- Labuan	2	122	9,795,046	10,745,462	20,540,508
Jumlah	919	101,173	16,686,222,541	46,098,774,533	62,784,997,074

Negeri	Tahun 2009				
	Projek	Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Sarawak	25	6,572	2,736,935,571	5,713,816,148	8,450,751,719
Selangor D.E.	278	20,753	2,752,526,769	4,007,064,182	6,759,590,951
Sabah	25	2,509	425,427,130	5,238,868,368	5,664,295,498
Johor D.T.	150	11,511	1,494,541,008	2,568,900,512	4,063,441,520
Pulau Pinang	104	8,696	716,746,786	1,448,494,148	2,165,240,934
Kedah D.A.	40	4,127	449,134,195	1,046,928,755	1,496,062,950
Perak D.R.	47	3,268	494,277,418	399,595,456	893,872,874
Melaka	23	1,912	406,308,768	486,403,150	892,711,918
Negeri Sembilan D.K.	30	2,202	271,133,021	586,464,997	857,598,018
Pahang D.M.	17	943	402,205,908	202,635,508	604,841,416
Terengganu D.I.	9	360	204,014,630	301,820,338	505,834,968
W.P. - Kuala Lumpur	14	795	122,678,967	32,985,353	155,664,320
Kelantan D.N.	4	682	16,229,520	110,700,000	126,929,520
W.P.- Labuan					0
Perlis I.K.					0
Jumlah	766	64,330	10,492,159,691	22,144,676,915	32,636,836,606

Negeri	Tahun 2010				
	Projek	Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Pulau Pinang	128	21,618	1,786,853,018	10,451,105,860	12,237,958,878
Selangor D.E.	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,848	10,641,835,401
Johor D.T.	172	14,915	4,861,167,970	2,603,746,673	7,464,914,643
Sarawak	43	7,083	388,156,720	3,556,890,253	3,945,046,973
Perak D.R.	49	5,396	1,393,042,344	1,646,663,971	3,039,706,315
Terengganu D.I.	9	688	2,110,937,930	216,994,000	2,327,931,930
Kedah D.A.	49	5,056	359,894,257	1,600,741,840	1,960,636,097
Melaka	37	4,345	437,191,905	1,193,937,900	1,631,129,805
Sabah	39	3,481	849,333,698	476,277,179	1,325,610,877
Negeri Sembilan D.K.	35	4,227	219,289,190	1,073,317,852	1,292,607,042
Pahang D.M.	13	745	30,880,756	1,007,856,425	1,038,737,181
Kelantan D.N.	5	1,328	87,331,000	82,224,000	169,555,000
W.P. - Kuala Lumpur	4	332	55,046,132	0	55,046,132
Perlis I.K.	1	210	31,440,000	0	31,440,000
W.P.- Labuan	1	30	14,866,935	0	14,866,935
Jumlah	910	97,319	18,120,418,408	29,056,604,801	47,177,023,209

Sumber : MIDA

- b) Jumlah pelaburan yang diterima oleh Negeri Selangor bagi tahun 2006 sehingga 2010 adalah seperti jadual berikut;-

Tahun	Bilangan Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
2006	312	24,831	3,054,241,068	2,274,343,250	5,328,584,318
2007	318	25,443	6,989,739,432	4,191,710,937	11,181,450,369
2008	302	30,980	2,866,163,788	9,004,746,225	11,870,910,013
2009	278	22,753	2,752,526,768	4,007,064,183	6,759,590,951
2010	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,848	10,641,835,401
Jumlah	1,535	131,872	21,157,657,609	24,624,713,443	45,782,371,052

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : KAMERA INTIPAN PEJABAT MB

5. Insiden intipan berkamera telah berlaku di pejabat YAB Dato' Menteri Besar dan jawatankuasa siasatan telah ditubuhkan sejak sekian lama.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan hasil siasatan terhadap isu tersebut?
- b) Bilakah hasil siasatan tersebut akan didedahkan kepada rakyat Selangor?
- c) Adakah Kerajaan negeri telus dalam menguruskan kes ini?

JAWAPAN :

- a) Siasatan masih lagi diteruskan.
- b) Hasil siasatan akan diberikan apabila selesai.
- c) Ya, Kerajaan Negeri telus dalam menjalankan siasatan. Kerajaan Negeri juga bertumpu kepada mengekang perkara yang sama dari berulang. Justeru telah melantik Tetuan Akhbar Associates beralamat di L-2-7, Plaza Damas, Jalan Sri Hartamas Satu, 50480 Kuala Lumpur untuk melakukan pemeriksaan dari masa ke semasa tentang keadaan keselamatan di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Pemeriksaan secara komprehensif telah dijalankan selama 3 hari bermula 27 hingga 29 Disember 2010 ke atas 10 bilik YAB. Dato' Menteri Besar dan seluruh ahli majlis Kerajaan Negeri. Siasatan dilakukan bagi mencari jika wujud sebarang tanda yang menunjukkan terdapat sebarang divice elektronik yang berupa recorder , video, kamera dan sebagainya. Siasatan akan diteruskan dari masa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)**

**TAJUK : PUSAT RAMALAN NOMBOR SPORTSTOTO DIPERINTAH PINDAH OLEH
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

6. Sebuah pusat ramalan nombor *SportsToto* yang terletak di antara Taman KOSAS dan Bukit Indah diperintah pindah ke kawasan lain oleh pihak MPAJ.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah hukuman yang dikenakan ke atas pemilik pusat ramalan nombor itu munasabah dan tidak membebankan ?
- b) Adakah semua PBT melaksanakan tindakan yang sama dan bukannya secara pilih kasih ?
- c) Adakah ia merupakan langkah awal Kerajaan PR untuk mengamalkan Hukum Hudud di Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

- a) Tindakan yang diambil adalah selaras dengan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPAJ) 2007 iaitu :
 - (i) UUK 10 - Kuasa pembatalan lesen: Pihak Berkuasa Melesen boleh membatalkan suatu lesen yang diberikan jika berpuas hati bahawa pemegang lesen itu melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau gagal mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan ke atasnya.
 - (ii) UUK 43 - Kuasa menutup premis: Pihak Berkuasa Melesen boleh, dengan serta-merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana premis berlesen jika dia berpuas hati bahawa telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen

- b) Tindakan secara adil oleh semua PBT
 - (i) Pihak MPAJ melaksanakan tindakan selaras dengan peruntukan yang ditetapkan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPAJ) 2007.
 - (ii) PBT-PBT lain di dalam kawasan pentadbiran Negeri Selangor akan menjalankan tindakan selaras dengan peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian masing-masing.

- c) Langkah awal Kerajaan PR untuk melaksanakan hukum hudud

Pihak MPAJ melaksanakan tindakan selaras dengan peruntukan yang ditetapkan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPAJ) 2007 atas kesalahan melanggar syarat kelulusan lesen perniagaan dan tiada kaitan dengan perlaksanaan hukum hudud

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)**

TAJUK : GREATER KL: PERANAN SELANGOR

7. Kerajaan Persekutuan telah melancarkan projek Greater KL yang antaranya meliputi transit aliran berkapasiti tinggi di Lembah Klang dan Selangor

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pendapat kerajaan negeri tentang projek tersebut?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri dapat berperanan dalam menjayakan projek Greater KL ini?
- c) Apakah bentuk manfaat yang bakal dinikmati oleh rakyat Selangor dengan projek tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kuala Lumpur dan Lembah Klang telah diiktiraf di peta dunia sebagai antara bandar ikon di Asia Tengara. Dengan bangunan pencakar langit seperti Menara Berkembar Kuala Lumpur, kawasan Kuala Lumpur / Lembah Klang ini boleh dikatakan sangat lengkap dengan sistem perhubungan dan infrastruktur yang berkualiti tinggi dan lengkap kepada penduduk. Menyedari persaingan yang tinggi telah berlaku dari bandar - bandar besar sekitar negara-negara jiran, kekangan yang dihadapi oleh Kuala Lumpur / Lembah Klang adalah bandar-bandar negara jiran yang jauh lebih pesat dan maju, masalah sistem pengangkutan awam yang masih tidak mencukupi serta aset semula jadi yang masih tidak digembung sepenuhnya dan merugikan. Menyedari permasalahan tersebut, maka projek Greater KL / KV telah dimasukkan sebagai salah satu agenda di dalam Bidang Ekonomi Utama Negara atau NKEA.

Walaupun dinamakan sebagai Greater Kuala Lumpur / Klang Valley, tetapi sebenarnya potensi pembangunan Greater KL / KV ini meliputi sebahagian besarnya kawasan dibangunkan di kawasan dalam Selangor. Apa yang pasti ekonomi negeri Selangor akan lebih dipacu dengan pelaksanaan projek mega tersebut dan akan menambah hasil pendapatan kepada kerajaan Negeri secara keseluruhan.

- b) Di dalam melaksanakan Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) Greater KL / KV ini, Kerajaan Negeri Selangor telah dijemput menganggotai jawatankuasa pemandu (*Steering Committee*) Greater KL di mana melibatkan keanggotaan YAB Dato' Menteri Besar Selangor serta YB Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Ahli Jawatankuasa. Antara lain termasuklah pembinaan fasa pertama Aliran Transit Massa (MRT) yang melibatkan laluan Sungai Buloh ke Kajang sejauh 60 kilometer, mengkoordinasikan projek pengindahan dan pembersihan Sungai Klang di bawah projek River of Life (RoL), serta yang terbaru iaitu kerjasama dengan agensi InvestKL dengan kerjasama

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) untuk menarik seratus (100) syarikat multinasional melabur di Greater KL / KV . Pelbagai rundingan dan mesyuarat telah dan akan dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memastikan projek-projek mega di bawah Greater KL / KV ini dapat dilaksanakan.

- c) Terdapat empat manfaat utama Greater KL / KV kepada ekonomi Selangor secara keseluruhan dan rakyat negeri ini secara kasarnya. Pertama, Greater KL / KV sebagai magnet untuk menarik syarikat –syarikat antarabangsa dan multinasional yang dinamik dan berdaya saing melabur dan bertapak di kawasan Greater KL / KV melalui penubuhan agensi InvestKL yang akan bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Kedua, projek ini akan menguatkan jaringan perhubungan penduduk antara kawasan Greater KL / KV dengan pelaksanaan pembinaan fasa pertama Aliran Transit Massa (MRT) dari Sungai Buloh ke Kajang dan akan menambah baik sistem perhubungan awam di Greater KL / KV untuk memacu ekonomi negeri Selangor. Ketiga, Greater KL / KV juga akan mengenal pasti tempat-tempat yang berpotensi tinggi untuk dijadikan sebagai tarikan pelancong dalam dan luar negara. Selain itu, tempat-tempat awam juga akan ditambah elemen ‘kehijauan’ dengan menggunakan alam semula jadi seperti pokok, dedaun dan bunga sebagai landskap untuk meningkatkan lagi kualiti hidup penduduk. Keempat, sistem perkhidmatan akan ditambah baik secara berterusan demi menjadikan Greater KL / KV sebagai Kawasan Mesra Didiami. Ini juga termasuk projek pengindahan Sungai Klang melalui River of Life (RoL) dan penambahbaikan sistem pengurusan kumbahan sisa pepejal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : MASALAH KENAIKAN HARGA BARANG

8. Dalam mengatasi masalah inflasi dan kenaikan harga barang khususnya bahan makanan asas seperti beras, gula, minyak masak.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat mendapatkan barang ini pada kadar harga yang lebih murah?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap kebijakan rakyat dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membantu untuk mengurangkan beban rakyat. Antara langkah-langkah yang diambil adalah :-
- i) meminta pihak pengeluar meningkatkan kapasiti pengeluaran barang kawalan;
 - ii) mewujudkan Jawatankuasa Harga dan Bekalan bagi menghasilkan kerjasama dengan semua agensi yang bertanggungjawab dalam memastikan bekalan berterusan pada harga yang berpatutan;
 - iii) menangani isu ketirisan dan penguatkuasaan dengan cara mewujudkan *Special Task Force* bersama agensi-agensi berkaitan;
 - iv) menjalankan Kempen Kuasa Pengguna yang mendidik pengguna mempraktikkan kuasa mereka dalam membuat pilihan barang yang ditawarkan pada harga yang berpatutan dan member nilai untuk wang (*value for money*);
 - v) menjalankan kempen penurunan harga dengan kedai-kedai runcit, pasaraya dan pasaraya besar;
 - vi) mengadakan perbincangan secara berkala dengan industri makanan dan minuman supaya tidak menaikkan harga produk akhir sekiranya harga barang kawalan terutamanya gula dinaikkan; dan
 - vii) memperketat Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

Langkah-langkah di atas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri amat serius dalam membendung isu kenaikan harga barang yang membebankan rakyat, khususnya rakyat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN CINA & INDIA.

9. Bertanya Kepada Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar:
 - a) Bilakah rakyat Negeri Selangor akan menikmati kemudahan-kemudahan di Pusat Kebudayaan Cina dan India didalam Negeri Selangor ini ?
 - b) Mengapakah Pusat Kebudayaan Cina dan India masih belum diadakan dan direalisasikan oleh Kerajaan Negeri Selangor walaupun mendapat sokongan daripada rakyat jelata amnya kaum Cina dan juga India?
 - c) Apakah kemudahan-kemudahan yang akan dinikmati oleh rakyat Negeri Selangor apabila Pusat Kebudayaan Cina & India itu dibina kelak?

JAWAPAN :

- a) Ketika ini, Pusat Kebudayaan Cina masih di peringkat penyelesaian status tapak. Sebelum ini, jawatankuasa telah memohon agar reka bentuk, komponen projek dan cadangan tapak dikemukakan untuk dibawa dan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa mengikut cadangan asal. Tapak bagi cadangan pembangunan telah dikenalpasti dan hanya menunggu reka bentuk dan pelan pembangunan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri sahaja. Peringkat dan upacara pecah tanah dijangka dapat dilaksanakan pada tahun 2011 ini manakala pembangunan dan pelaksanaan projek berkenaan dijangka bermula pada tahun 2012. Bagi Pusat Kebudayaan India, sehingga kini masih belum terdapat sebarang butiran terperinci tentang projek pembinaannya. Ia hanya di peringkat cadangan dasar sahaja.

Projek pembinaan hanya tertumpu kepada Pusat Kebudayaan Cina sahaja yang akan turut menjadi projek perintis sebelum pusat kebudayaan kaum lain dibina. Ini bagi membolehkan penilaian dan pemerhatian dibuat terhadap penerimaan masyarakat, kemajuan pelaksanaan dan operasi pusat kebudayaan berkenaan dari setiap sudut. Ini seterusnya membolehkan sebarang penambahbaikan dibuat terhadap pembangunan pusat kebudayaan kaum lain kelak.

- b) Kerajaan Negeri Selangor menyedari tentang keperluan dan sokongan masyarakat terhadap cadangan mewujudkan Pusat Kebudayaan Pelbagai Kaum ini. Namun, dari sudut yang lain, Pembinaan pusat kebudayaan ini memerlukan penelitian dan penyelesaian daripada pelbagai aspek. Projek ini dinilai bukan sahaja dari sudut kebudayaan kaum semata-mata. Ia juga dilihat dari sudut impak dan sumbangannya kepada pembangunan ekonomi setempat khususnya dalam bidang pelancongan, kesenian dan pengembangan ilmu. Projek pembangunan Pusat Kebudayaan Cina dijangka akan bermula dengan upacara pecah tanah pada tahun 2011 ini dan pembangunan fizikal di tapak akan bermula pada tahun 2012 kelak.

- c) Pembinaan Pusat Kebudayaan Cina, India dan Melayu kelak dijangka akan memberi pelbagai kemudahan dan faedah dari aspek:-
- i. Pengembangan kesenian dan kebudayaan sesuatu kaum.
 - ii. Sumber dan lokasi rujukan utama berhubung nilai-nilai budaya masyarakat, asal usul, kesenian, kraftangan dan makanan.
 - iii. Menggalakkan pengembangan pendidikan dan pembelajaran di kalangan generasi muda tentang nilai dan budaya masyarakat.
 - iv. Sebagai pusat dan lokasi rekreasi keluarga yang bukan sekadar untuk beristirahat malah dapat menimba ilmu dan pengembangan minda yang sangat berguna.
 - v. Tarikan utama kepada pelancong tempatan dan asing. Ini akan membantu memberikan lebih pilihan kepada pengunjung terhadap produk-produk pelancongan di negeri Selangor. Malah secara tidak langsung menggalakkan pelancongan mengunjungi Selangor dan memperkenalkan Selangor sebagai hub-seni budaya terbaik. Malah ia akan memberikan kesan jangka panjang kepada sektor perhotelan dan peruncitan di negeri Selangor.
 - vi. Membantu pembangunan ekonomi setempat melalui penglibatan pengusaha restoran, peniaga cenderahati dan kraftangan serta perniagaan-perniagaan berteraskan kesenian, kebudayaan dan pelancongan.
 - vii. Membantu mewujudkan rantaian kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat melalui penganjuran acara-acara kesenian dan kebudayaan.
 - viii. Ia juga merupakan pemangkin kepada pembangunan Sungai Klang yang akan menjadi daya tarikan terbaru pelancongan dan rekreasi di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR PULANG KE MESIR

10. Akibat dari Revolusi Rakyat di Mesir, ramai pelajar Malaysia di sana di bawa pulang untuk keselamatan ke tanah air

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa ramaikah pelajar Selangor di Mesir yang dibawa pulang ke tanah air?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan membiayai kos pemergian mereka kembali ke Mesir?
- c) Berapakah jumlah perseorangan dan keseluruhan yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Jumlah pelajar Selangor yang telah dihantar semula ke tanah air adalah seramai 1,280 orang.
- b) Kerajaan Negeri telah membiayai kos para pelajar untuk kembali ke Mesir melalui OPS Ehsan dan telah dilaksanakan secara berperingkat iaitu bermula pada 14hb Mac 2011 sehingga 18hb Mac 2011.
- c) Jumlah Pelajar yang telah dihantar kembali melalui Ops Ehsan adalah seramai 1154 orang pelajar, kos bagi setiap pelajar yang dihantar pulang adalah sekitar RM 2,150 sehingga RM 2,220.00 termasuk kos "ground arrangement" apabila tiba di Mesir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM MIKROKREDIT BANDAR (MIMBAR)

11. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Nyatakan bilangan pinjaman yang telah diluluskan sehingga sekarang dan beri pecahan permohonan yang diterima mengikut etnik dan daerah?
 - Nyatakan kos pentadbiran yang terlibat dalam program ini.
 - Berapa banyak peratusan pembayaran balik?

JAWAPAN :

- a) Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) adalah suatu program inovasi unik dan baru berlandaskan konsep "WORKFARE" yang diharap dapat menggantikan amalan kebiasaan program "WELFARE". Ia mungkin satu-satunya program yang wujud di negara ini bercirikan pinjaman mudah kebaikan yang menginovasikan pendekatan mesra terhadap rakyat miskin bandar yang tertekan dengan pelbagai masalah kehidupan bandar yang berbeza. Program ini juga diharap berjaya menambahkan pendapatan seisi keluarga melepas Paras Garis Kemiskinan (PGK) negeri Selangor, iaitu sebanyak RM1,500.00 sebulan. Program ini baru dilancarkan oleh YAB Menteri Besar Selangor pada 3hb Mac 2010 di Taman Pendamar Indah 2, Pelabuhan Klang.

Jumlah peserta yang telah diluluskan adalah seramai 102 peserta daripada 474 borang permohonan yang telah diterima pada bulan Februari 2011, berjumlah RM298,500.00. Pecahan daerah dan etnik adalah seperti berikut :-

KAWASAN PBT	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH
Shah Alam	15	2		17
Klang	12	1	3	16
Subang Jaya	8	-	1	9
Selayang	5	2		7
Gombak	20	1		21
Sepang	6	2		8
Ampang	16	1	1	18
Petaling Jaya	6			6
Jumlah	88	9	5	102

Beberapa taklimat dan latihan awal telah diberikan kepada Pusat Khidmat DUN (PKD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membantu mereka menyebarkan borang dan maklumat terkini MiMBAR kepada orang ramai di kawasan masing-masing. Walau

bagaimana pun tidak semua PKD/PBT tersebut dapat mengambil bahagian secara aktif di peringkat awal ini.

- b) Kos pengurusan pada keseluruhannya adalah mengikut keperluan dan tuntutan keadaan semasa mengikut perancangan awal pelan perbelanjaan. Setakat ini kos operasi semasa termasuklah:-

1. Kos Peralatan	- RM26,156.00
2. Kos Warga Kerja (Gaji)	- RM84,087.00
3. Kos Promosi, Pencetakan dan Majlis Rasmi	- RM41,914.00

- c) Kelulusan pembiayaan pinjaman fasa pertama adalah pada 3hb Mac 2011 yang lalu semasa Majlis Pelancaran MiMBAR oleh YAB Menteri Besar. Pengagihan pembiayaan pinjaman pula baru sahaja dilaksanakan pada 16hb Mac 2011 selepas peserta berjaya menghadiri latihan atas kecemerlangan MiMBAR.

Pembayaran semula pinjaman adalah selepas 30 hari dari tarikh pembiayaan diberi iaitu 16 April 2011. Oleh itu tiada lagi pembayaran semula pinjaman dibuat oleh para peserta setakat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK: SETINGGAN

12. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah bilangan setinggan dan keluarga yang masih terdapat di Selangor ketika ini?
 - Nyatakan bilangan setinggan yang belum diselesaikan dan yang sudah dipindahkan mengikut kawasan PBT ?

JAWAPAN :

(soalan a dan b dijawab bersekali)

- Berdasarkan laporan bancian yang dibuat oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sehingga 18 Mac 2011 masih terdapat seramai 3,299 keluarga setinggan di Negeri Selangor yang belum dipindahkan ke penempatan baru atau diselesaikan. Jumlah keluarga setinggan yang belum dipindahkan mengikut PBT adalah seperti berikut:-

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Bilangan Setinggan
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	-
2	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	78
3	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	349
4	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	141
5	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	884
6	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	256
7	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	963
8	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	71
9	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	12
10	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	8
11	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	331
12	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKLgt)	206
JUMLAH		3,299

Untuk makluman Yang Berhormat, Tiada pemindahan setinggan sepanjang tempoh 3 tahun ini kerana kebanyakan penempatan setinggan sedia ada mempunyai pelbagai masalah yang perlu diselesaikan secara teliti kerana ianya melibatkan isu-isu berkaitan pemilikan tanah, kes mahkamah, tuntutan yang dibuat oleh setinggan dan sebagainya. Tindakan penyelesaian bagi penempatan setinggan akan dibuat sekiranya difikirkan ada keperluan untuk membangunkan segera kawasan tersebut seperti penempatan Kg.

Fajar, Hulu Kelang. Perancangan pembangunan yang akan dilakukan ke atas penempatan Kg. Fajar kelak akan mengambil kira kos yang akan ditanggung antara Kerajaan Negeri dan penduduk setinggan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PROGRAM KESIHATAN

13. Kerajaan negeri memperkenalkan pelbagai program bantuan kesihatan seperti pemeriksaan, rawatan kecil dan penerangan amalan gaya hidup sihat

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimakah status perkembangan program-program tersebut?
- b) Nyatakan jumlah mereka yang setakat ini telah menerima bantuan?

JAWAPAN :

- a) Pada tahun 2010, kerajaan negeri telah menganjurkan program-program kesihatan yang meliputi pelbagai aspek kesihatan. Antara program yang telah dilaksanakan adalah Kem Keshihan di Pekan Bestari Jaya, Kuala Selangor pada Mac 2010. Program ini menawarkan pelbagai perkhidmatan rawatan kesihatan secara percuma seperti pemeriksaan tekanan darah, kandungan gula dalam darah, *papsmear*, pemeriksaan gigi, pemeriksaan mata. Selain itu terdapat juga khidmat doktor-doktor pakar seperti pakar kanak-kanak, *radiology*, *obstetrics & gynecology*, *ophthamology*, *orthopedic*, *surgery* dan pemeriksaan telinga, mata dan tekak (*Ent*). Program seumpama ini juga memberikan ubat-ubatan secara percuma kepada orang awam. Kerajaan negeri juga telah menganjurkan satu program bersama MAKNA berhubung kesedaran kanser bagi kakitangan di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada Oktober 2010. Program anjuran MAKNA dan kerajaan negeri ini juga menawarkan pemeriksaan percuma barah payudara dan juga turut menyediakan khidmat nasihat percuma berhubung kanser kepada kakitangan awam.
- b) Sehingga Mac 2011, Kerajaan negeri telah memberi bantuan sebanyak RM 178,813.00 kepada 103 orang penerima bantuan kesihatan melalui Program Bantuan Keshihan Rakyat Miskin di Negeri Selangor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program ini bermula pada tahun 2009. Berikut adalah pecahan bantuan tersebut mengikut jenis permohonan.

Bil	Jenis Bantuan	Jumlah Penerima	Jumlah Di Bayar (RM)
1.	Dialisis	48 orang	RM 79,430.00
2.	Katarak Mata	23 orang	RM 6,354.00
3.	Pembedahan Kecil	32 orang	RM 53,529.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : PERUNTUKAN ADUN

14. Peruntukan kawasan DUN yang dimenangi oleh calon Barisan telah diuruskan oleh EXCO Kerajaan Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah peruntukan ini digunakan dengan betul?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk mengelakkan kesalahguna peruntukan tersebut?
- c) Nyatakan dengan terperinci pemberian peruntukan bagi N6 Kuala Kubu Baru tahun 2008 hingga 2010.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bahawa setiap peruntukan digunakan dengan betul mengikut tatacara kewangan yang berkuat kuasa. Peruntukan kawasan DUN yang dimenangi oleh calon Barisan telah diuruskan oleh EXCO Kerajaan Selangor selaku Ahli Dewan Negeri (ADN) angkat kepada kawasan-kawasan DUN berkenaan. Walau bagaimanapun bermula tahun 2011, peruntukan ini diuruskan oleh seorang Pegawai Penyelaras DUN yang telah dilantik oleh Pejabat Dewan Negeri Selangor.

Dalam hal ini, setiap perbelanjaan adalah dikawal oleh Pegawai Pengawal iaitu Pegawai Daerah yang dilantik sebagai Ketua Jabatan di Pejabat Tanah dan Daerah yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran tanah, daerah dan kewangan serta tertakluk kepada arahan yang berkuat kuasa dari masa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri.

- b) Dalam memastikan peruntukan ADN diurus tadbir dengan teratur dan telus, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan tatacara kewangan sebagai garis panduan penggunaan peruntukan tersebut melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 2/2008, SPP Bil. 5/2008, SPP Bil. 6/2008, SPP Bil. 7/2008 dan SPP Bil. 7/2009. Walau bagaimanapun selepas Kerajaan Negeri mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2010, semua SPP yang sedang digunakan telah terbatal.

Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2010 adalah berhubung garis panduan penggunaan peruntukan Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN), Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor dan Pegawai Daerah sebagai salah satu cara memastikan setiap peruntukan

digunakan dengan betul tanpa sebarang penyelewengan dan salah guna. Pekeliling ini juga telah diguna pakai berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

Tujuan Pekeliling Perbendaharaan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN), Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor dan Pegawai Daerah mengenai penggunaan Akaun Khas peruntukan ADN di Pejabat-pejabat Daerah bagi memastikan pengurusan peruntukan ADN ini adalah selari dengan prinsip Keupayaan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusan.

Pekeliling Perbendaharaan ini juga menyentuh tentang tatacara penggunaan peruntukan yang mana terbahagi kepada empat (4) kategori seperti berikut:

- i) Pengurusan Pejabat ADN (Tidak melebihi RM10,000 setahun);
 - ii) Projek kecil pembangunan (Tidak melebihi RM20,000 setiap projek);
 - iii) Sumbangan kemasyarakatan secara tunai (Tidak melebihi RM10,000 setiap sumbangan); dan
 - iv) Program dan aktiviti mesra rakyat (Tidak melebihi RM20,000 setiap program)
- c) Perincian pemberian peruntukan bagi N6 Kuala Kubu Baru daripada tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di bawah.

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM) di bawa ke hadapan
2008	826,000.00	814,835.79	11,164.21
2009	515,109.21	491,870.05	23,239.16
2010	523,239.16	459,950.35	63,288.81

Perincian perbelanjaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**PRESTASI PERBELANJAAN ADUN KUALA KUBU BHARU DAERAH HULU SELANGOR
BAGI TAHUN 2008**

BIL.	TARIKH	PERKHIDMATAN	PENERIMA	NO. BAUNGER	TARIKH REKOD	SEKONGSI	PERUNTUKAN	PERBELANJAHAN	BALIK PERUNTUKAN
		Baki 2007 Dibawa Kehadapan (RM92,800) Dan Peruntukan Tahun 2008 (RM500,000)					592,800.00	448,500.00	144,300.00
		Peruntukan Tambahan 2008 (Julai 2008)					230,700.00		375,000.00
1	09/07/2008						3,168.00	371,832.00	
2	09/07/2008						3,550.50	368,281.50	
3	09/07/2008						3,180.00	365,101.50	
4	11/08/2008						2,500.00	362,601.50	
5	11/08/2008						2,500.00	360,101.50	
6	11/08/2008						4,965.00	355,136.50	
7	11/08/2008						4,850.00	350,286.50	
8	11/08/2008						4,980.00	345,306.50	
9	11/08/2008						4,525.00	340,781.50	
10	11/08/2008						4,525.00	336,256.50	
11	11/08/2008						4,960.00	331,296.50	
12	11/08/2008						4,650.00	326,646.50	
13	11/08/2008						4,590.00	322,056.50	
14	22/08/2008						500.00	321,556.50	
15	22/08/2008						500.00	321,056.50	
16	09/09/2008	Kerja membina lantai konkrit utk tempat pembuangan sampah Kg Air Panas, Kerling	Syarikat Aris		9/9/2008	977440		9,095.00	311,961.50
17	09/09/2008	Kerja mengecat dinding, membina pagar dan longkang di pasar Rasa, Jalan komuter KTM	Fizami Construction		9/9/2008	977441		18,750.00	293,211.50
18	09/09/2008	Sumbangan untuk penyediaan "Letter Head" dan "Cop Rasmi" Ketua-ketua Kg. dan JKKK Daerah Hulu Selangor	Pegawai Daerah Hulu Selangor	0445	9/9/2008	977442		2,000.00	291,211.50
19	10/09/2008	Bantuan kewangan untuk pembayaran yuran masuk Sekolah Latihan Monforth Youth Centre	Magenthiran a/l Muniandy	0446	9/10/2008	977443		550.00	290,661.50
20	10/09/2008	Sumbangan kewangan kepada Orang Kurang Upaya	Yokiswaran a/l Thangayah	0447	9/10/2008	977444		1,000.00	289,661.50
21	10/09/2008	Sumbangan kepada Kuil Thandayuthapani Pekan Rasa	Kuil Sri Thandayuthapani	0448	9/10/2008	977445		2,000.00	287,661.50
22	10/09/2008	Sumbangan kepada Kuil Sri Mahamariamman, Taman Wawasan, Batang Kali	Kuil Sri Mahamariamman	0449	9/10/2008	977446		2,000.00	285,661.50
23	10/09/2008	Sumbangan kewangan bagi program motivasi pelajar darjah 6	PIBG SRA KKB	0450	9/10/2008	977447		2,000.00	283,661.50
24	12/09/2008	Program Integrasi Erat Mesra Mahasiswa IPT bersama Masyarakat DUN KKB	PEMADAM Derah Hulu Selangor	0451	9/12/2008	977448		5,000.00	278,661.50

**PRESTASI PERBELANJAAN ADUN KUALA KUBU BHARU DAERAH HULU SELANGOR
BAGI TAHUN 2008**

BIL	TARIKH	PERJALANAN	PENGETAHUAN	NO. REKODER	TARIKH GEREK	SJKC NO.	PERINTAHAN	REFID BANKAAN	BAIK PERUNTUKAN
25	24/09/2008	Sumbangan kepada Kuil Muneeswaar Veepathra Kaaliyamman, Bt. 42, Jalan Pahang, KKB	Persatuan penganuan Agama Hindu Sri Muneeswaraar	0452	9/24/2008	977449		2,500.00	276,161.50
26	24/09/2008	Sumbangan kepada Tanah Perkuburan Kaum India Kerling	Kuil Arulmigu Sri Subramaniar	0453	9/24/2008	977450		2,500.00	273,661.50
27	24/09/2008	Sumbangan kepada surau-surau DUN KKB	Surau As-Sakinah Taman Damai Utama, Ampang Pecah	0454(a)	9/24/2008	977451		500.00	273,161.50
28	24/09/2008	Sumbangan kepada surau-surau DUN KKB	Surau Taman Seruling	0454(b)	9/24/2008	977452		500.00	272,661.50
29	24/09/2008	Sumbangan kepada surau-surau DUN KKB	Surau Jamiiyah, Padang Tembak	0454(c)	9/24/2008	977453		500.00	272,161.50
30	24/09/2008	Sumbangan kepada surau-surau DUN KKB	Surau Taman Arif Utama	0454(d)	9/24/2008	977454		500.00	271,661.50
31	24/09/2008	Sumbangan kepada surau-surau DUN KKB	Surau Kg. Paya Dalam KKB	0454(e)	9/24/2008	977455		500.00	271,161.50
32	21/09/2008	Sumbangan buku kpd pelajar cemerlang SJKC Rasa & SJKC Kerling	Live & Love Book Store	0460	9/26/2008	977456		2,500.00	268,661.50
33	21/09/2008	Program turun padang ke Kg Baru Rasa	Harty Enterprise	0461	9/26/2008	977457		5,010.00	263,651.50
34	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga Emas	Yip Faw Hin @ Yap Loy	0462	9/26/2008	977458		500.00	263,151.50
35	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga Emas	Yip Kang Sang @ Yup Kang Sang	0463	9/26/2008	977459		1,000.00	262,151.50
36	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga Miskin	Chong Yok Lon	0464	9/26/2008	977460		2,500.00	259,651.50
37	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga OKU	Yap Yoon Chooi	0465	9/26/2008	977461		1,500.00	258,151.50
38	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga Ibu Tunggal	Woo Choi Yang	0466	9/26/2008	977462		2,000.00	256,151.50
39	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga OKU	Fong Mun Wai	0467	9/26/2008	977463		2,000.00	254,151.50
40	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga Emas	Heen Len	0468	9/26/2008	977464		1,000.00	253,151.50
41	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga Ibu Tunggal	Heon Sau Har	0469	9/26/2008	977465		2,500.00	250,651.50
42	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd pesakit jantung	Lee Sai Hai	0470	9/26/2008	977466		2,000.00	248,651.50
43	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga Emas	Kong Ng Yon	0471	9/26/2008	977467		1,000.00	247,651.50
44	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Ibu Tunggal	Toh Siew Fong	0472	9/26/2008	977468		2,500.00	245,151.50
45	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Ibu Tunggal	Kannamah a/p Muniandy	0473	9/26/2008	977469		2,000.00	243,151.50
46	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Ibu Tunggal	Parwethey a/p Amurugam	0474	9/26/2008	977470		2,000.00	241,151.50
47	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd pesakit jantung	Ng Kim Lan	0475	9/26/2008	977471		2,500.00	238,651.50
48	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga OKU	Bu Kok	0476	9/26/2008	977472		1,500.00	237,151.50
49	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga OKU	Thilagawathy a/p Krishna	0477	9/26/2008	977473		2,000.00	235,151.50
50	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga Miskin	Ho Chin Mow	0478	9/26/2008	977474		2,000.00	233,151.50

**PRESTASI PERBELANJAAN ADUN KUALA KUBU BHARU DAERAH HULU SELANGOR
BAGI TAHUN 2008**

BIL.	TARIKH	PERIHAL	PENERIMA	NO. BAUCER	TARIKH BUK	PEK NO.	PERINTAHAN	PERBELANJAHAN	BANGUNAN PERUNEKAAN
51	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga Miskin	Ho Yin Kong @ Ho Yim Kong	0479	9/26/2008	977475		2,500.00	230,651.50
52	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga Emas	Singkok bin Bagas	0480	9/26/2008	977476		500.00	230,151.50
53	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga Emas	Muhammad Ela bin Abdullah	0481	9/26/2008	977477		500.00	229,651.50
54	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga Emas	Sitam Anak Jalil	0482	9/26/2008	977478		500.00	229,151.50
55	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd Warga Emas	Sinam bt Jalil	0483	9/26/2008	977479		500.00	228,651.50
56		Cek Batal	Cek Batal	0484	9/26/2008	977480			228,651.50
57	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd pesakit otak	Lai Foo Yong	0485	9/26/2008	977481		2,500.00	226,151.50
58	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd pesakit berbahaya (malignancy)	Chin Kam Loong	0486	9/26/2008	977482		2,500.00	223,651.50
59	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd warga OKU	Hayati bt Nuh	0487	9/26/2008	977483		500.00	223,151.50
60	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd warga OKU	Nasir bin Tani	0488	9/26/2008	977484		500.00	222,651.50
61	15/09/2008	Sumbangan kewangan kpd warga OKU	Gadong bin Singkok	0489	9/26/2008	977485		500.00	222,151.50
		Replace 977471	Replace 977471			977486			222,151.50
62	23/09/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau Muahjirin, Pekan Rasa	0454(f)	9/26/2008	977487		500.00	221,651.50
63	23/09/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau Taman Keruing	0454(g)	9/26/2008	977488		500.00	221,151.50
64	23/09/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau Al- Hidayah, Kg Rasa Tambahan	0454(h)	9/26/2008	977489		500.00	220,651.50
65	23/09/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau At- Taufiqiah, Kg Bukit Rasa	0454(i)	9/26/2008	977490		500.00	220,151.50
66	23/09/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau As-Syifa	0454(j)	9/26/2008	977491		500.00	219,651.50
67	23/09/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau Sa'Odatus- Salam	0454(k)	9/26/2008	977492		500.00	219,151.50
68	07/10/2008	Majlis dialog dgn penduduk Kg Baru Air Panas	WSK Services	0467	10/7/2008	977493		4,630.00	214,521.50
69	07/10/2008	Membina longkang baru dan mengganti saluran air/bumbung di Tokong Hock Chuan Batang Kali	Ab Aziz Ab Hamid	0468	10/7/2008	977494		4,966.00	209,555.50
70	07/10/2008	Membersih longkang besar di depan Jalan Chuang 6E/1, Kg Baru Chuang Rasa	Fizami Construction	0469	10/7/2008	977495		4,700.00	204,855.50
71	07/10/2008	Membina penutup konkrit di jln besar menggantik saluran air dan membersih longkang dan jln di pasar Rasa	Syarikat Aris	0470	10/7/2008	977496		4,169.00	200,686.50
	07/10/2008	Replace 977452	Replace 977452			977497			200,686.50
72	07/10/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau Raudhatul Ulum Ad-Diniah	0454(l)	10/7/2008	977498		500.00	200,186.50

**PRESTASI PERBELANJAAN ADUN KUALA KUBU BHARU DAERAH HULU SELANGOR
BAGI TAHUN 2008**

BIL	TARIKH	PERIHAL	PENERIMA	NOMBOR BAUCER	TAHARU/JURK	CEK NOS	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	BALI PERDUTAAN
73	07/10/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau As-Solihin, Maktab Polis KKB	0454(m)	10/7/2008	977499		500.00	199,686.50
74	07/10/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau Masjid Lama Ampang Pecah	0454(n)	10/7/2008	977500		500.00	199,186.50
75	07/10/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau NurHidayah, Tmn Rasa Utama	0454(o)	10/7/2008	977501		500.00	198,686.50
76	07/10/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau Al-Hidayah Kg Jawa Kerling	0454(p)	10/7/2008	977502		500.00	198,186.50
77	07/10/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau Kg Air Panas Kerling	0454(q)	10/7/2008	977503		500.00	197,686.50
78	07/10/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau Kg Pasir Kerling	0454(r)	10/7/2008	977504		500.00	197,186.50
79	07/10/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau Kg Jawa Kerling	0454(s)	10/7/2008	977505		500.00	196,686.50
80	07/10/2008	Sumbangan kpd surau-surau DUN KKB	Surau Kg Kerandang	0454(t)	10/7/2008	977506		500.00	196,186.50
81	10/10/2008	Sumbangan untuk perayaan Sri Maha Mariamman, batu 4, Ldg Sg Jernih, Kerling	Kuil Sri Maha Mariamman	0494	10/10/2008	977507		2,500.00	193,686.50
82	10/10/2008	Majlis Sambutan Hari raya Aidilfitri Tahun 2008 PDHS	Kelab Sukan Dan Kebajikan PDHS	0495	10/10/2008	977508		2,500.00	191,186.50
83	10/10/2008	Program Merdeka tanpa dadah (XPDC Hulu Kali)	PEMADAM Daerah Hulu Selangor	0496	10/10/2008	977509		2,500.00	188,686.50
 2. Melalui Program Pemuliharaan Sumber Air Melalui Kitar Semula Sisa Minyak Masak, orang ramai digalakkan untuk mengumpul sisa minyak masak hasil daripada kegunaan dapur di satu pusat pengumpulan dan menjual sisa yang terkumpul ini. Program ini mendidik untuk memulihara sumber air dan menghargai air yang digunakan daripada membuang sisa minyak masak ke dalam sinki yang seterusnya akan mengalir ke sungai dan mendatangkan pencemaran.
 3. Melalui Program Qua-Qua LUAS, peserta didedahkan dengan faktor-faktor yang menyumbang kepada pencemaran sungai, seterusnya diberi tunjuk ajar bagaimana untuk mengukur kualiti air sungai secara kimia dan biologi serta diterapkan juga penggunaan dan penjimatan air. Peserta adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi, komuniti dan pengilang.
- c) Melalui kempen dan program ini, ianya bukan sahaja memupuk budaya penjimatan air, malah, pendedahan dan kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air dapat mewujudkan rasa tanggungjawab untuk memastikan sumber air sentiasa dalam keadaan baik dan berkualiti, seterusnya rasa menghargai keperluan air dan penggunaannya yang baik dan efisien. Penambahbaikan dan semakan terhadap kempen dan program sentiasa dilakukan bagi mendapatkan hasil yang lebih baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK : ISU POLIS BANTUAN

29. Pertanyaan kepada Menteri Besar
- a) Adakah Kerajaan negeri fikir bahawa idea pelaksanaan polis bantuan yang ditolak kerajaan pusat sebagai pandangan yang relevan dalam membasmi jenayah?

JAWAPAN :

- a) Cadangan membentuk polis bantuan mula diajukan kepada Kerajaan Pusat pada 04 Disember 2009 melalui Majlis Bandar raya Petaling Jaya. Selaku bandar raya pertama di Malaysia yang memenuhi 23 Indikator untuk Bandar Selamat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan sangat aktif bergerak melalui program-program yang melibatkan pihak PDRM, Persatuan Penduduk dan Pertubuhan NGO's. Pihak Majlis juga telah mewujudkan "**Crime Base Mapping**" bagi mengenal pasti dan menyokong strategi untuk membantu dan bekerjasama dengan pihak PDRM mengurangkan kadar jenayah serta meningkatkan tahap keselamatan penduduk di Petaling Jaya.

Di samping itu, perbincangan bersama dengan pihak Kementerian Dalam Negeri telah menggalakkan penubuhan Unit Polis Bantuan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyokong sepenuhnya "**Crime Lab : Reducing Crime, A Safer Malaysia**" di mana ia juga adalah merupakan sasaran pencapaian NKRA di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Walau bagaimanapun cadangan kami ditolak atas alasan bahawa ditakuti akan berlaku pertindihan kuasa dan tanggungjawab dengan PDRM. Dikatakan juga bahawa Akta Kerajaan Tempatan Seksyen 101(1)(v) cukup memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk melakukan segala yang perlu demi manfaat kepada keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan awam.

Kerajaan negeri telah sekali lagi memberi surat kepada Kementerian Dalam Negeri bagi merayu membolehkan Polis Bantuan Negeri. Selain dari kenyataan-kenyataan di media, Kerajaan Negeri belum menerima sebarang maklum balas mengenainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN**

(BALAKONG)

TAJUK : BANTUAN KERAJAAN NEGERI KEPADA SJKC/SJKT/SAR

30. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Berapa buah sekolah yang telah memohon dan mendapat kelulusan bantuan ini dari 2009 hingga 2010?
 - Adakah kerajaan mempunyai bantuan-bantuan lain selain daripada bantuan tersebut?

JAWAPAN :

- Visi Pendidikan Kerajaan Negeri Selangor adalah untuk menjadikan Selangor sebagai Hub Ilmuwan dan Hub Pendidikan. Di dalam mencapai matlamat tersebut, beberapa perkara telah diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri Selangor seperti berikut :
 - Keadaan infrastruktur dan kemudahan pendidikan yang ada di sekolah-sekolah
 - Kemahiran peningkatan pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru-guru sekolah
 - Kualiti para pelajar terutama sekali dari aspek akademik dan sahsiah.
 - Kelicinan dan pengurusan sekolah yang sistematik dan efektif

Oleh itu program agihan bantuan pendidikan sekolah-sekolah ini adalah merupakan di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memantapkan elemen-elemen di atas, agar visi pendidikan Kerajaan Negeri Selangor tercapai.

Jadual 1 : Menunjukkan Jumlah Permohonan dan Jumlah Permohonan diluluskan pada tahun 2009 dan 2010 mengikut jenis sekolah.

Jenis Sekolah	Jumlah peruntukan yang diluluskan	2009		2010	
		Jumlah Permohonan	Jumlah Permohonan Diluluskan	Jumlah Permohonan	Jumlah Permohonan Diluluskan
Sekolah Agama Rakyat (SAR)	RM6 Juta	169	146	280	252
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	RM 6 Juta	77	77	100	100
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	RM 4 Juta	97	97	97	97
Jumlah Keseluruhan	RM 16 Juta	343	320	477	449

- b) Selain dari bantuan pendidikan kepada sekolah-sekolah yang diperuntukkan sebanyak RM 16 Juta, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin turut memberi bantuan berikut:
- i) Bantuan diberikan kepada sekolah-sekolah yang berada di dalam kawasan ladang.
 - ii) Bantuan subsidi tambang bas kepada anak-anak pekerja ladang.
 - iii) Bantuan pemberian buku teks.
 - iv) Bantuan pemberian beg sekolah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : BANGUNAN TEATER DICEROBOH

31. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 berkenaan Majlis Bandaraya Shah Alam di muka surat 79:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan bangunan belum beroperasi walaupun sudah siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2008?
- b) Berapakah kerugian yang ditanggung akibat aktiviti ceroboh tersebut?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan taraf teater, kesenian dan kebudayaan di Negeri Selangor dengan beroperasinya teater itu kelak?

JAWAPAN :

- a) Bangunan Teater masih belum beroperasi disebabkan oleh kerja-kerja audit serta penambahbaikan yang akan dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri. Bangunan ini terlebih dahulu perlu diserahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor sebagai pemilik yang akan menentukan pihak "*End-User*" bagi bangunan ini.
- b) Tiada maklumat atau sebarang laporan yang memaklumkan bangunan tersebut telah di ceroboh. Kerosakan (pecah) pada dinding kaca pintu masuk utama adalah disebabkan vandalism dan tiada pencerobohan ke dalam bangunan dilaporkan oleh pengawal keselamatan yang ditugaskan. Dinding kaca tersebut telah digantikan oleh pihak kontraktor tanpa sebarang kos tambahan kepada pihak Majlis.
- c) Pihak Kerajaan Negeri di bawah kelolaan YB Rodziah Ismail dalam tindakan untuk melakukan kerja-kerja penambahbaikan dan meningkatkan taraf Bangunan Teater ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PENGERUSI JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG

32. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan bagaimanakah pencapaian prestasi Pengerusi JKKK Kampung tradisi , Kampung Baru dan Bagan serta Kampung tersusun ?
- b) Sila nyatakan apakah bentuk usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan peranan dan mutu perkhidmatan mereka terhadap masyarakat setempat ?
- c) Apakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan secara holistik untuk meningkatkan kebijakan Pengerusi JKKK termasuk menaikkan elaun yang sedia ada dan juga memberi ganjaran kepada mereka yang dapat menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang ?

JAWAPAN:

- a) Pencapaian prestasi Ketua-Ketua Kampung Tradisi telah dinilai mengikut proses penilaian prestasi Ketua Kampung Negeri Selangor yang telah dirancang dan ditetapkan berdasarkan kriteria-kriteria dan prosedur penilaian. Berdasarkan penilaian prestasi Ketua Kampung Negeri Selangor yang dinilai, hampir semua Ketua Kampung Negeri Selangor melaksanakan tugas dengan cemerlang dan baik. Mereka juga memberikan kerjasama dan komitmen yang sangat tinggi dalam tugas harian ataupun tugas semasa ke semasa selain mempunyai rekod peribadi yang baik dan bersih. Secara purata, prestasi Ketua-Ketua Kampung berada pada tahap 85%. Dengan prestasi yang ditunjukkan, Kerajaan Negeri berkeyakinan Ketua-Ketua Kampung yang dilantik ini mampu untuk membawa agenda perubahan yang dirangka oleh Kerajaan Negeri.

Sementara itu, bagi Pengerusi JKKK Kampung Baru / Bagan / Tersusun, penilaian prestasi telah dijalankan pada Jun 2010 dan majoriti Pengerusi JKKK berada di tahap yang memuaskan. Hasil daripada keputusan penilaian tersebut, Kerajaan Negeri telah menyenaraikan calon-calon Pengerusi JKKK yang baru dan dibentangkan di MMKN ke 3/2011 yang diadakan pada 19 Januari 2011. MMKN telah menimbang dan meluluskan pengekalan dan penggantian Pengerusi JKKK Kampung Baru / Bagan / Tersusun Negeri Selangor bagi tahun 2011/2012, yang mana seramai 9 orang Pengerusi JKKK yang baru akan dilantik dan 68 orang Pengerusi JKKK yang lama dikekalkan.

- b) Di antara bentuk-bentuk usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan peranan dan mutu perkhidmatan mereka terhadap masyarakat setempat adalah seperti berikut :-
- i) Pada tahun 2011 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM5,000.00 bagi setiap kampung dalam perlaksanaan aktiviti atau program di kampung masing – masing.
 - ii) Kenaikan elaun Ketua-Ketua Kampung Tradisi dan Pengerusi JKKK Kampung Baru / Bagan / Tersusun dari RM450.00 sebulan ke RM800.00 sebulan iaitu mulai dari bulan Januari 2011. Dengan kenaikan elaun ini, beban perbelanjaan bulanan yang melibatkan komitmen dari Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK dapat diringankan.
 - iii) Menyediakan khairat kematian bagi setiap Ketua-Ketua Kampung.
 - iv) Mengadakan seminar motivasi dan kursus-kursus yang dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan serta dapat diaplikasikan dalam tugas-harian.
 - v) Menganjurkan Pertandingan Anugerah Ketua Kampung Tradisi Terbaik 2011 dan Pertandingan Rumah Tradisional Tercantik 2011. Melalui pertandingan-pertandingan ini, secara tidak langsung dapat melahirkan Ketua-Ketua Kampung Tradisi yang terbaik dalam semua aspek serta dapat mengekalkan rumah tradisional tercantik pada masa kini.
- c) Pihak Kerajaan sememangnya telah merancang secara holistik dalam meningkatkan kebajikan Ketua-Ketua Kampung Tradisi dan Pengerusi JKKK Kampung Baru / Bagan / Tersusun antaranya:-
- i) Kenaikan elaun yang sedia ada iaitu dari RM450.00 sebulan kepada RM800.00 sebulan.
 - ii) Ganjaran kepada Ketua kampung Tradisi yang menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang akan dianugerahkan melalui Pertandingan Anugerah Ketua Kampung Tradisi Terbaik 2011.
 - iii) Kerajaan Negeri tidak memberikan ganjaran secara khusus kepada Pengerusi JKKK Kampung Baru / Bagan / Tersusun yang menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang akan tetapi Kerajaan Negeri menyediakan ganjaran secara keseluruhan kepada setia kampung cina seperti peruntukan wang tunai sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2011 sebanyak RM3,000.00 bagi setiap kampung dan peruntukan perbelanjaan pentadbiran RM1,000.00 pada tahun 2010.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : HUTANG SYARIKAT TALAM

33. Kerajaan negeri telah mengambil alih hutang syarikat Talam bernilai RM 392 juta dan dijangka dapat mengutip balik hutang tersebut dengan segera.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- Apakah status terkini jumlah hutang yang telah dikutip?
- Jika bayaran juga terdapat bentuk pengambilalihan aset harta tanah, berapakah nilai aset tersebut dan nilai kutipan tunai?
- Adakah kerajaan bercadang untuk mengeluarkan kertas putih sebagai tanda ketelusan?

JAWAPAN :

- Jumlah hutang TALAM Corporation kepada Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor adalah sebanyak RM392 juta di mana kesemua jumlah telah berjaya dikutip oleh Kerajaan Negeri.
- Dalam penstrukturkan pengiktirafan hutang TALAM Corporation dengan Kerajaan Negeri, jumlah hutang sebanyak Rm392 juta adalah bersamaan nilai aset TALAM yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan akan memperoleh semua bayaran pulangan iaitu RM392 juta. Setakat ini senarai jumlah yang telah dikutip adalah seperti berikut :-

Bil.	Hartanah	Nilai Jualan RM (juta)
1.	Tanah seluas 25.94 ekar di Bukit Beruntung telah dibeli oleh PKNS	16.91
2.	Tanah 2,773 ekar di Bestari Jaya dibeli oleh PNSB	181.0
3.	Tanah 1322 ekar di Bukit Beruntung dibeli oleh PNSB	345.6
4.	Tanah 134.2 ekar di Danau Putera yang ditawarkan kepada Syarikat Medilest Properties Sdn Bhd	87.7
5.	Pulangan tunai daripada TALAM atas jualan 11.56 ekar tanah kepada Tet. City Link Express Sdn Bhd	5.0
6.	Pulangan tunai daripada PIYSSB kepada TALAM yang diberi kepada MBI	7.7
7.	Tanah 12 ekar di Puncak Jalil	12.0
8.	Ruang Pejabat di Menara Pandan	11.0
9.	Tanah 400 ekar dan 60% Saham Ulu Yam & Country Resort	22.22

	Jumlah	689.1
	(-) Ikatan dan Tuntutan Hutang-hutang dari Bank atas Hartanah tersebut adalah sebanyak	(266.31)
	Jumlah	422.8
	Baki Lebihan (Peruntukan pulangan kepada TALAM)	(30.8)
	Jumlah Hutang TALAM	<u>392.0</u>

- c) Kerajaan Negeri telah pun mengeluarkan beberapa Kertas Kerja berkaitan Hutang TALAM Corporation Berhad. Salah satu Kertas Kerja yang telah dikeluarkan adalah seperti di **lampiran 1**.

Pengstrukturran Semula

Hutang Talam

SELANGOR

www.selangor.gov.my

Kandungan

Kerajaan Negeri Selangor

- 1 Latar Belakang Isu Talam**
- 2 Mekanisma Pengstrukturran Semula**
- 3 Hutang Yang Berjaya Dipungut**
- 4 Rancangan Seterusnya**
- 5 Kesimpulan**



Kerajaan Negeri Selangor

Latar Belakang Isu Talam

Isu Talam

2001

- Maxisegar Sdn Bhd (MSSB) anak syarikat Talam Corp Bhd menandatangai perjanjian dengan kerajaan negeri Selangor untuk membayai dan membina kampus induk UNISEL di atas tanah seluas 572.16 ekar di Batang Berjuntai dengan kos pembangunan sebanyak RM750j.
- Sebagai pertimbangan, kerajaan negeri memperuntukkan 3 bidang tanah kepada MSSB:

Lokasi	Luas (Ekar)	Nilai (RM)
Taman Puncak Jalil	801	337.5
Seluruh tanah	3,911	750.0
Jumlah	3,911	750.0


2006

- Mulai 1 Sep 2006, Talam Corp. Bhd menjadi "Affected Company" menurut amalan 17/2005 (PN17) peraturan penyenaraian Bursa Sekuriti dan perlu menyediakan satu Rancangan Pelarasaran, kerana gagal menjelaskan baki pinjaman dan obligasi bond.
- Pihak auditor juga gagal membuat 'opinion' berhubung kedudukan Talam bagi Tahun kewangan berakhir 31 Jan 2009.


Nov 2009

- Kerajaan negeri Selangor melakukan pemindahan hak ('ownership') hutang Talam sebagai langkah menjamin penjelasan hutang dari Talam.
- Rasional tindakan ini ialah bagi memastikan Talam untuk memberi prioriti yang lebih utama terhadap hutang kepada Negeri berbanding pembiutang-pembiutang lain.
- Tanpa tindakan ini juga, hutang yang dipegang kerajaan negeri berisiko menjadi lopus sebagai 'bad debts'.
- Kerajaan negeri tidak menggunakan sesen pun wang pembayar cukai untuk dibayar kepada Talam. Anak syarikat milik kerajaan negeri juga tidak dibayar apa-apa pampasan tunai justeru 'joint-venture' mereka yang tidak menguntungkan dengan Talam.

Mekanisma Pengstruktur Semula



Hutang yang Berjaya Dipungut



**Pengambilan Asset & Tanah
RM340.9j**

**Wang Tunai
RM51.12j**

Bil	Asset & Tanah	RM (Juta)
1	1,321.44 ekar tanah di Putrajaya	1,307.28
2	2,263.53 ekar tanah di Bestari Jaya	105.30
3	400 ekar tanah di Sungai Besar	22.20
4	134.2 ekar tanah di Danau Putra	52.10
5	Jumlah Pengambilan	340.88


Bil	Asset & Tanah	RM (Juta)
1	1,321.44 ekar tanah di Putrajaya	1,307.28
2	Cash assignment from EON	5
3	Jualan tanah di Putrajaya	7.68
4	Jualan 25.94 ekar tanah kepada Beruntung PKNS	9.04
5	Jumlah Pungut tanah bersama	17.4
	Jumlah	51.12


Rancangan seterusnya

Kerajaan Negeri Selangor

Cadangan Pembelian dan Pembangunan oleh PNSB

Bil	Asset & Tanah	Nilai Asal RM (Juta)	Tawaran bersih PNSB RM (Juta) (Tawaran asal - "Encumbrances")
1	1,322.44 ekar tanah di Berjuntai Bestari Jaya	105.48	122.78 (63.19-71.71)
2	2,263.53 ekar tanah di Bestari Jaya	105.30	122.78 (181.08-58.30)
	Jumlah	210.78	245.56 (321.71-251.01)






Kerajaan Negeri Selangor

Kesimpulan

- Berbanding dengan ‘bail-outs’ yang menjadi amalan kerajaan BN (contohnya IWK, Berjaya Group - RM1.6b, MAS, Naluri Bhd - RM10.3b dan Putra/Star LRT - RM6b), pengstrukturan semula hutang Talam ini tidak melibatkan pemindahan wang rakyat kepada Talam Corp Berhad.
- Kerajaan Selangor di bawah BN dahulu juga tidak mengamalkan pengurusan kewangan yang telus kerana tidak mengendah serta gagal merekod hutang yang perlu dibayar kepada anak-anak syarikat kerajaan negeri. Perkara ini hanya disedari apabila ia diaudit oleh juruaudit yang dilantik Pakatan Rakyat.
- Dari jumlah hutang sebanyak RM392.02j, kerajaan negeri Selangor telah berjaya mengutip kesemua hutang-hutang tersebut dalam bentuk wang tunai (RM51.12j) serta pengambilan Tanah dan Aset (RM340.9i).
 - Tanah serta Aset ini pula mampu meraih pulangan yang lebih apabila ia dijual atau dimajukan. Sebagai contoh tawaran dari PNSB untuk membeli 2 bidang tanah Talam bagi tujuan pembangunan.
 - Ini belum lagi mengambil kira cukai-cukai serta premium yang bakal dikutip hasil dari projek-projek pembangunan yang sedang dirancang di tanah-tanah tersebut.
- Terbukti aktiviti pengstrukturan semula hutang ini bukan sahaja berjaya mencapai matlamatnya iaitu mendapatkan semula hutang yang tertunggak dari Talam, tetapi juga membuktikan ketelusan dan kecekapan kerajaan negeri dalam mengurus tadbir kewangan negeri.

Terima Kasih!



www.selangor.gov.my

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK : INDUSTRI PADI

34. Peningkatan hasil padi dan pendapatan pesawah adalah salah satu kandungan Paket Rangsangan Ekonomi Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sumbangan kerajaan negeri yang signifikan dalam meningkatkan hasil padi negeri?
- b) Berapakah bilangan pesawah yang telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka berbanding sebelum ini?

JAWAPAN :

- a) Sumbangan kerajaan negeri adalah melalui Program Meningkatkan Hasil Padi Negeri Selangor di mana melalui program ini Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM3,013,302.00 pada tahun 2009, RM4,930,000.00 pada tahun 2010 dan RM3,050,000 pada 2011 bagi projek meningkatkan hasil padi di bawah paket rangsangan ekonomi Negeri Selangor.

Program Meningkatkan Hasil Padi Negeri Selangor menetapkan matlamat peningkatan hasil ke tahap 7.5 tan sehektar menjelang tahun 2012 melalui pembangunan sumber manusia, kecekapan pengurusan air dan pemindahan teknologi. Keluasan padi yang terlibat berjumlah 18,355 hektar (ha) dan melibatkan 9,332 orang petani. Pendekatan pelaksanaan akan dibuat berperingkat mengikut fasa dalam tempoh 5 tahun (2009 -2013).

Matlamat ditetapkan ialah:

- Projek perintis akan menjadi kawasan rujukan bagi para pegawai dan petani dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi dari 5.1 tan/ha/musim kepada 7.5 tan/ha/musim menjelang tahun 2012
- Mempertingkatkan purata pendapatan pesawah kepada RM1500/bulan

- b) Melalui Program meningkatkan hasil padi, matlamat utama adalah untuk mencapai purata pendapatan bersih pesawah sebanyak RM1500/bulan/hektar. Pada musim 2/2009, didapati peratusan bilangan petani yang mendapat antara RM1000-1500/bulan/ha adalah 55% dan pendapatan melebihi RM1500/bulan/ha adalah 16%. Seramai 2408 orang pesawah yang terlibat dengan Program Meningkatkan Hasil Padi Musim 2/2009.

Pada Musim 1/2010, dari 1749 petani yang terlibat dengan projek meningkatkan hasil musim ini, didapati peratusan bilangan petani yang mendapat pendapatan antara RM1000-1500/bulan/ha adalah 43% dan pendapatan melebihi RM1500/bulan/ha adalah 6%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SG.PELEK)**

TAJUK : SEWAAN TAPAK PASAR MALAM. PASAR PAGI DAN PASAR TANI

35. Para penjaja sering membuat aduan berkenaan kenaikan kadar sewa tapak di Pasar Malam, Pasar Pagi dan Pasar Tani.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah semua PBT di Negeri Selangor menyelaraskan kadar sewa ?
- b) Adakah kadar sewa itu membebankan para penjaja ?
- c) Jika tidak, kenapa para penjaja sering membuat aduan dalam media bercetak ?

JAWAPAN :

- a) Sebelum ini kadar sewaan tapak pasar malam, pagi dan pasar tani adalah berbeza-besa mengikut PBT. Bagi memudahkan pemantauan dan penyelarasannya, Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk menyeragamkan sewaan tapak di seluruh Selangor sebanyak RM 4.00 satu tapak. Oleh yang demikian, wujud penurunan sewaan tapak di setengah kawasan. Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan kajian dan didapati RM 4.00 adalah kadar yang paling minimum yang boleh dikenakan kerana ia merangkumi pembersihan, pelupusan sampah, penyelenggaraan tapak-tapak serta kos pengurusan seperti bayaran kerja lebih masa anggota pengawas tapak, anggota penguatkuasa dan kakitangan jabatan yang terlibat dengan urusan pasar. PBT Selangor sedang menyelaraskan kadar secara berperingkat agar ia tidak membebangkan para penjaja.
- b) Kadar RM 4.00 adalah tidak membebangkan. Kadar tersebut pada hakikatnya tidak mencukupi jika dibandingkan dengan kos penyelenggaraan tapak terutamanya dari aspek kos pembersihan. PBT hanya mengenakan car yang paling minimum bagi membantu para penjaja.
- c) Sekiranya para penjaja dapat menyatakan dengan jelas bahawa hasil keuntungan mereka adalah amat kecil sehingga tidak mampu untuk membayar sewa tapak sebanyak RM 4.00, maka pihak PBT bersedia untuk mempertimbangkan pengurangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : POLISI JELAS UNTUK ORANG ASLI SELANGOR

36. Pendirian Kerajaan Negeri menghormati tanah adat Orang Asli adalah membanggakan. Kerajaan Negeri juga ada berusaha untuk mengenal pasti komuniti Orang Asli di sekitar Selangor '*mapping*'.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan lanjutan selepas usaha mengenal pasti '*mapping*' itu dijalankan?
- b) Apakah polisi keseluruhan Kerajaan Negeri untuk Orang Asli di Selangor ?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan negeri melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah mengenal pasti "*mapping*" penempatan Orang Asli Negeri Selangor dilaksanakan. Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor telah memohon kepada Pejabat Tanah dan Daerah bagi mewartakan kawasan tersebut sebagai RIZAB Orang Asli. Satu perjumpaan telah dibuat di pejabat JAKOA Malaysia Wisma Selangor Dredging Kuala Lumpur pada 16 Mac bersama dengan seluruh pejabat Tanah dan Daerah dan PTG Negeri Selangor.
- b) Polisi keseluruhan Kerajaan Negeri Selangor terhadap masyarakat Orang Asli terus dilaksanakan seperti sebelum ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : KADAR KELAHIRAN DAN KEMATIAN

37. Bertanya Kepada Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar:
- Berapakah jumlah kadar kelahiran dan kematian di Negeri Selangor pada tahun 2008, 2009 & 2010?
 - Apakah sebab-sebab utama penyebab kematian rakyat di Negeri Selangor pada masa kini?
 - Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi kadar kematian akibat serangan penyakit-penyakit utama?

JAWAPAN :

- Sejumlah 239,773 kelahiran dilaporkan di Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2010. Manakala sejumlah 48,825 kematian dilaporkan bagi tempoh tahun yang sama. Berikut adalah kadar kelahiran dan kematian mengikut pecahan tahun di Negeri Selangor.

JUMLAH KELAHIRAN DAN KEMATIAN DI NEGERI SELANGOR

Kategori	2008	2009	2010	Total
Kelahiran	78,724	80,851	80,198	239,773
Kematian	15,780	16,495	16,550	48,825

SUMBER: Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Selangor

- b) Merujuk kepada statistik dari Bahagian Perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, penyakit jantung adalah penyebab utama kematian rakyat di hospital-hospital kerajaan dalam Negeri Selangor. Berikut adalah sepuluh (10) senarai penyakit yang menyebabkan kematian di Negeri Selangor:

RATING	DISEASES	TOTAL CASES	PERCENTAGE %
1.	Heart Diseases & Diseases Of Pulmonary Circulation	1, 558	25.50%
2.	Septicemia	1,054	17.25%
3.	Malignant Neoplasm	671	10.98%
4.	Pneumonia	659	10.78%
5.	Cerebro-vascular Diseases	482	7.89%
6.	Diseases of The Respiratory System	423	6.92%
7.	Accidents	280	4.60%
8.	Diseases of The Digestive System	273	4.47%
9.	Certain Condition, Originating In The Perinatal Period	225	3.68%
10.	Nephritis, Nephrotic Syndrome and Nephrosis	121	1.98%
TOTAL		6,111	100.00%

- c) Langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi kadar kematian akibat serangan penyakit-penyakit utama ialah:
- i) Memberi pendidikan Kesihatan kepada masyarakat melalui:
 - Mengadakan kempen cara hidup sihat
 - Infomasi kesihatan melalui pamphlet berkenaan penyakit , poster berkenaan penyakit, tayangan video dan ceramah di klinik kesihatan.
 - Kempen kesihatan di komuniti.
 - Membekalkan pamphlet dan poster kesihatan kepada semua jabatan dan agensi swasta yang memohon bahan tersebut.
 - ii) Mengadakan Program Saringan Pemeriksaan Kesihatan di Klinik Kesihatan di mana masyarakat boleh mengetahui faktor risiko penyakit yang ada pada individu dan bagaimanakah langkah-langkah untuk mengurangkan atau mencegah penyakit-penyakit kronik yang boleh menyebabkan kematian.
 - iii) Menambah bilangan klinik dari masa ke semasa supaya mudah untuk mendapatkan rawatan sama ada kecemasan ataupun rawatan ulangan.
 - iv) Menambah bilangan pegawai perubatan pakar dan keperluan ubat-ubatan dari masa ke semasa supaya rawatan yang terbaik dapat disediakan kepada pesakit dan ini akan mengelakkan komplikasi penyakit dan kematian diperingkat awal .

- v) Memberi kesedaran kepada pesakit untuk mendapatkan rawatan awal kalau terdapat tanda-tanda awal penyakit sama ada penyakit kronik atau penyakit berjangkit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : JALAN MRT SG. BULOH – KAJANG

38. Jalan MRT akan dibina antara Sungai Buloh ke Kajang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah kerjasama diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor terhadap projek Kerajaan Persekutuan ini?
- b) Berapakah jumlah kewangan yang terlibat dengan pengambilan tanah milik negeri dan individu?
- c) Apakah kemudahan-kemudahan yang akan dinikmati pengguna perkhidmatan jalan MRT berkenaan?

JAWAPAN :

- a) Sehingga kini, Kerajaan Negeri memberikan sepenuh sokongan terhadap cadangan Projek MRT ini setelah diberikan penerangan tentang impak dan kesan dari projek ini. Projek MRT ini akan memberikan kesan ekonomi yang besar yang akan membantu pertumbuhan ekonomi Selangor.

Secara dasarnya Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan dan kini jajaran penuh sedang dipamerkan untuk maklum balas awam dan seterusnya dibentangkan semula kepada Kerajaan Negeri untuk melihat pandangan awam terhadap projek MRT ini.
- b) Kos bagi pengambilan balik tanah yang terlibat masih lagi belum ditentukan memandangkan jajaran yang akan digunakan untuk Projek MRT ini masih lagi dalam hebatan awam. Selepas jajaran akhir dikenalpasti, proses nilai harga akan dibuat oleh Pentadbir Tanah untuk memastikan bayaran pampasan yang akan dibayar kepada semua pemilik tanah yang terlibat. Bagi pihak yang tidak berpuas hati dengan nilai pampasan yang diberikan, bantahan boleh dibuat dan nilai fi penilai profesional akan ditanggung oleh kerajaan.
- c) Pembangunan MRT ini merupakan pembangunan yang dirancang dengan teliti dan telah melalui kajian kesesuaian serta pelbagai kajian yang digariskan oleh jabatan dan agensi teknikal serta PBT. Antara kemudahan yang akan disediakan oleh pemaju projek ialah *park and ride*, pejalan kaki yang selesa, kemudahan untuk OKU dan pelbagai lagi kemudahan yang difikirkan sesuai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK: KAMPUNG BARU

39. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Apakah rancangan kerajaan dalam peningkatan kualiti hidup di kampung baru?
 - Nyatakan cara pelantikan ketua kampung yang diamalkan. apakah rancangan kerajaan dalam pelaksanaan pemilihan umum di kampung-kampung baru?
 - Apakah jumlah kos yang dibelanjakan untuk pembinaan pintu gerbang di kampung-kampung baru?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri telah merangka dan melaksana beberapa program / rancangan sebagai langkah untuk meningkatkan kualiti hidup di Kampung Baru. Antara program-program yang telah dan bakal dilaksanakan adalah seperti berikut:-
 - Pelancaran laman web 'I-Kampung Baru' yang telah diadakan pada 20 Oktober 2010 di Ruang Legar Bangunan SSAAS. Dengan wujudnya 'I-Kampung Baru' ini, diharapkan penduduk kampung tidak ketinggalan dengan teknologi ICT yang semakin berkembang pesat selaras dengan kemajuan negeri.
 - Kempen Memupuk Budaya Membaca di Kampung Baru yang telah dijalankan sepanjang Julai hingga Disember 2010. Kempen ini telah mendapat sambutan yang amat baik dan objektif program berjaya dicapai dengan jayanya. Kempen-kempen sebegini berupaya meningkatkan minat dan kecekapan minda penduduk Kampung Baru.
 - Cadangan kajian penyelidikan mengenai " New Villages In Selangor". Kajian ini akan melihat peluang-peluang penambahbaikan taraf hidup penduduk Kampung Baru dari segi ekonomi, pentadbiran dan pengurusan kampung.

- b) Kerajaan Negeri menggunakan Manual Panduan Kerja Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK) yang sedia ada, yang mana pelantikan dan penamatan jawatan seseorang Pengerusi JKKK adalah dibuat oleh Y.A.B. Menteri Besar Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Setiap Pengerusi JKKK yang dilantik akan menjalankan tugas masing-masing selama (2) tahun dan akan dinilai semula selepas satu tempoh tersebut melalui penilaian prestasi Pengerusi JKKK yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri sememangnya bercadang untuk melaksanakan pilihanraya umum di Kampung-kampung Baru dengan pelaksanaan Projek Perintis Pilihan Raya Pengerusi JKKK yang akan dijalankan di Kampung Bagan Pulau Ketam, Kampung Baru Pandamaran dan Kampung Baru Sungai Jarum. Walau bagaimanapun, setakat ini Kerajaan Negeri masih di dalam proses perbincangan bersama jabatan-jabatan teknikal yang terlibat bagi merealisasikan projek perintis tersebut.

- c) Jumlah kos yang telah dibelanjakan bagi projek pembinaan pintu gerbang di Kampung Baru / Bagan / Tersusun Negeri Selangor dari tahun 2009 hingga 2011 adalah sebanyak RM 362,720.51. Butiran lengkap bagi setiap projek pembinaan pintu gerbang tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN INDUSTRI AIR

40. Kerajaan negeri telah melancarkan kempen massa dan demonstrasi agar industri air di Selangor diambil alih kerajaan negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah impak positif terhadap rakyat hasil daripada kempen tersebut?
- b) Apakah perkembangan mutakhir cubaan kerajaan negeri mengambil alih industri air tersebut daripada pihak swasta?
- c) Adakah kerajaan negeri mempunyai kewangan yang cukup untuk mengambil alih industri air negeri?

JAWAPAN :

- a) Kempen tersebut boleh dikatakan mempunyai impak yang sangat positif kepada projek penstruktur semula industri air di negeri Selangor. Selepas kempen Kembalikan Hak Air kepada Rakyat Negeri Selangor dijalankan pada bulan Disember 2010, Kerajaan Persekutuan telah memberi kelulusan supaya Kerajaan Negeri Selangor diberi mandat untuk memberi tawaran semula kepada keempat-empat syarikat konsesi air di negeri Selangor. Selain daripada itu, kefahaman dan kesedaran rakyat negeri Selangor mengenai isu penstruktur air negeri Selangor telah berkembang hasil daripada kempen. Ini dapat dicapai melalui siri ceramah yang dilaksanakan di merata kawasan di negeri Selangor. Selain daripada itu, kempen tandatangan juga dilaksanakan di mana lebih daripada 500,000 diperolehi untuk menyokong pendirian Kerajaan Negeri Selangor. Laman web www.airuntukrakyat.net juga dilaksanakan supaya orang awam dapat mendapat maklumat secara lebih teliti.
- b) Kerajaan Negeri Selangor telah membuat tawaran baru kepada syarikat-syarikat konsesi air tersebut pada 6 Januari 2011, dan tawaran tersebut ditolak oleh Syarikat Pengeluaran Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. (SPLASH), dan diterima dengan syarat oleh ABASS Sdn. Bhd. Kerajaan Negeri tidak diterima jawapan daripada pihak Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. (PNSB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) sama ada diterima atau ditolak, sebab yang diberi adalah kerana tawaran ialah *inter-conditional*, maknanya setelah dimaklumkan bahawa SPLASH menolak tawaran, tawaran tidak lagi munasabah.

Setelah tawaran terakhir tersebut telah tamat tempohnya, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan dalam media bahawa cadangan baru akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Setakat ini, tiada apa-apa cadangan baru yang telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor masih menunggu notis daripada pihak Kerajaan Persekutuan.

- c) Sekiranya kerajaan negeri berjaya mendapatkan persetujuan daripada semua pihak termasuk Kerajaan Persekutuan dan syarikat-syarikat konsesi air agar Kerajaan Negeri Selangor mengambil alih industri air negeri, Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kewangan yang mencukupi untuk mengambil alih industri air negeri, salah satu daripada bekalannya adalah melalui nilai aset air milikan negeri Selangor iaitu sebanyak RM10.1 bilion, mengikut anggaran *preliminari* negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : NAMA UNISEL

41. Kerajaan negeri menukar nama Universiti Industri Selangor (UNISEL) kepada Universiti Selangor

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah asas tindakan menukar nama tersebut?
- b) Apakah manfaat pertukaran nama tersebut kepada pihak pelajar dan tenaga kerja universiti?
- a) Hakikatnya, UNISEL tidak perlu berlengah-lengah atau menunggu tempoh tertentu untuk berubah. Persekitaran alam pendidikan telah berubah, masyarakat juga telah berubah dan mengharapkan universiti memainkan peranan yang lebih luas, sebagai penjana idea dan pembaharuan serta sebagai pemangkin kepada kemajuan intelek, ekonomi dan sosial, bukan setakat terhad kepada pembangunan 'industri' sahaja.

Ini kerana, Negara kita sedang mengecapi kemajuan dan ekonomi pelbagai (*Diversified*) yang cukup pesat di samping keperluan melahirkan insan yang lebih dinamik, insaniah, berjiwa lebih besar serta berkemahiran tinggi. Tuntutan ini juga meliputi evolusi dari segi Misi, Visi agar selari dengan perkembangan masyarakat global. Rumusannya ialah, UNSIEL perlu penjenamaan semula termasuk nama baru bagi menghadapi persaingan yang semakin sengit di kalangan Institusi Pengajian Tinggi Swasta khususnya.

Penjenamaan semula bukan satu perkara asing terutamanya dalam syarikat-syarikat korporat bukan sahaja di Malaysia malah seluruh dunia. Ianya dilihat sebagai salah satu usaha untuk memastikan imej, reputasi dan peranan UNISEL dapat difahami umum. Penjenamaan ini juga memberi kesan kepada penerimaan umum dan pihak majikan terhadap alumni UNISEL.

- b) Manfaatnya bukanlah setakat pertukaran nama sahaja, tetapi dari segi Visi dan Misinya juga iaitu :

Visi – Untuk menjadi universiti terulung yang mendidik para profesional dan ilmuwan yang mempunyai moral dan etika terpuji.

Misi – UNISEL beriltizam menyediakan persekitaran pembelajaran yang cemerlang untuk menjana profesional dan ilmuwan yang kompeten, telus dan beretika.

Serta Nilai-nilai teras

- a) Integriti – Beriltizam kepada tahap amanah, kebenaran, keadilan tertinggi, saling hormat-menghormati dan percaya-mempercayai
- b) Inovasi – Beriltizam untuk mengejar ilmu dan idea, sentiasa menyesuaikan diri dan membuat penyelesaian secara inovatif.
- c) Akauntabiliti – Beriltizam untuk menjadi pemegang amanah sumber manusia, kewangan, fizikal dan sumber intelektual yang bertanggungjawab dan akauntabiliti.
- d) Kualiti dan cemerlang – Beriltizam kepada penambahbaikan kualiti yang berterusan dan kepada kecemerlangan dalam semua tindak-tanduk kita.
- e) Keterbukaan – Beriltizam untuk menyediakan peluang pendidikan yang maksimum dengan penawaran mengadakan pelbagai kemasukan dan pelbagai penyampaian kursus.
- f) Semangat Setia Kawan – Beriltizam untuk melaksanakan tanggungjawab secara bersama-sama dan bantu-membantu antara satu sama lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B HJ SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : HARGA PREMIUM TANAH

42. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah kadar-kadar harga premium tanah yang ditawarkan kepada rakyat Negeri Selangor yang mendapat tawaran pemilikan tanah bagi status tanah pertanian, tanah industri dan pembangunan?
- b) Adakah kadar premium berkenaan berbeza-beza mengikut kawasan atau daerah-daerah di Negeri Selangor?
- c) Adakah rakyat berpeluang untuk membuat rayuan bagi pengurangan kadar premium berkenaan dan rayuan tempoh pembayaran?

JAWAPAN :

- a) Kadar-kadar harga premium tanah adalah berdasarkan Kaedah Tanah Selangor sekiranya tanah tersebut adalah untuk pertanian dan pemohon mengusahakannya. Jika pemohon tidak mengusahakannya maka ia adalah berdasarkan penilaian semasa oleh Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta (JPPH). Bagi tanah untuk kediaman, industri dan perniagaan ialah berdasarkan penilaian semasa oleh JPPH.
- b) Ya, kadar premium adalah berbeza-beza mengikut kawasan atau daerah di Negeri Selangor berdasarkan Kaedah Tanah Selangor atau penilaian tanah oleh JPPH untuk harga pasaran.
- c) Kerajaan Negeri telah menetapkan hanya individu yang benar-benar layak sahaja akan dipertimbangkan pengurangan premium iaitu:
 - i. Tanah yang diberimilik untuk tujuan bangunan kediaman sahaja.
 - ii. Bangunan kediaman hanya untuk kegunaan sendiri dan didiami oleh pemohon.
 - iii. Pendapatan keluarga berdasarkan Paras Garis Kemiskinan (PGK) iaitu pendapatan isi rumah RM1,500.00 sebulan dan ke bawah.

Kerajaan Negeri telah menetapkan tempoh bayaran premium yang ditetapkan ialah tiga (3) bulan dari tarikh Borang 5A diterima oleh pemohon. Sekiranya pemohon tidak dapat menjelaskan bayaran premium dalam tempoh tersebut pemohon boleh mengemukakan permohonan untuk melanjutkan tempoh bayaran premium ke Pejabat Tanah Daerah yang berkenaan. Masa yang dibenarkan adalah sebulan sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : LOMBONG SRI MANJA

43. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:
- Apakah tindakan seterusnya terhadap pemilik lombong Sri Manja, PJS 3 setelah didapati melanggar syarat penimbusan lombong?
 - Bagaimana permohonan menukar bekas lombong tersebut kepada tapak rekreasi di kawasan Taman Medan yang tiada kawasan hijau dan rekreasi?

JAWAPAN :

- Dimaklumkan bahawa pihak Pejabat Daerah/Tanah telah mengeluarkan surat secara pentadbiran kepada pihak pemaju supaya mematuhi dan tidak membuat sebarang pelanggaran aktiviti atau perkara yang dibenarkan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) seperti yang tertulis di dalam Syarat Nyata Tanah. Sekiranya terdapat perlanggaran syarat nyata tanah tersebut, tindakan di bawah KTN akan diambil oleh Pejabat Daerah/Tanah Petaling ke atas pemilik tanah.

Selain daripada itu, Majlis melalui Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Kesihatan Persekitaran, juga telah mengeluarkan surat arahan agar pemaju memberhentikan kerja-kerja penimbusan tersebut.

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Teknikal Tasik Lombong PJS 3 yang dipengerusikan oleh Ahli Majlis, En. Derek John Fernandez, mesyuarat telah bersetuju bahawa Jabatan Pengurusan dan Keselamatan MBPJ untuk menjalankan pemeriksaan secara berkala di kawasan tersebut bagi memantau keadaan di tapak sama ada arahan dipatuhi pemaju. Sepanjang pemantauan dijalankan, didapati keadaan di tapak adalah terkawal dan tiada kerja-kerja penimbusan dilakukan lagi. Mesyuarat juga bersetuju bahawa sebuah CCTV bergerak dipasang di kawasan tersebut untuk tujuan pemantauan secara statik.

- Berhubung permohonan penyediaan tapak rekreasi di kawasan Taman Medan, pihak Majlis akan mensyaratkan kepada pemaju bagi penyediaan sebanyak 10 ekar tanah untuk tujuan pembinaan depoh pengangkutan awam (7 ekar) dan juga taman rekreasi (3 ekar) apabila Majlis menerima permohonan pembangunan kawasan tersebut daripada pihak pemaju.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : GERAN TANAH

44. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sehingga kini, beapakah geran tanah yang telah diberi di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor?
- b) Apakah kriteria-kriteria untuk mendapat geran tanah?

JAWAPAN :

- a) Sehingga kini, geran tanah yang telah diberi di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor adalah seperti dalam jadual di bawah :-

**PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN DI BAWAH SEKSYEN 76 KANUN
TANAH NEGARA SEHINGGA 2010**

DAERAH	BIL PER MOH ONA N DITE RIMA	TINDAKAN MM KN/ MT ES	KEPUTUSAN			
			ULUS	OLAK	TANGGUH	
					MMK	MTES
KLANG	20	8	8	2	2	-
SABAK BERNAM	58	24	12	8	14	-
GOMBAK	66	8	23	27	8	-
HULU SELANGOR	56	32	10	8	6	-
PETALING	29	8	11	7	3	-
HULU LANGAT	64	21	26	8	9	-
KUALA SELANGOR	39	13	17	2	7	-
KUALA LANGAT	23	8	6	4	5	-
SEPANG	33	23	6	-	4	-
JUMLAH	388	145	119	66	58	-

- b) Kriteria bagi mendapatkan geran tanah adalah seperti berikut :-
- i. Mereka yang layak di bawah Peruntukan Seksyen 43, Kanun Tanah Negara (KTN) yang telah diluluskan pemberimilikan di bawah Seksyen 76, KTN oleh Pihak Berkuasa Negeri;
 - ii. Mereka yang telah menjelaskan bayaran premium dan lain-lain bayaran yang ditetapkan seperti di Notis 5A; dan
 - iii. Mengemukakan Sijil Akuan Ukur daripada Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia bagi permohonan Agensi Kerajaan/Syarikat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : BILANGAN ANAK TAK SAH TARAF DI SELANGOR DAN PENCEGAHANNYA

45. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Berapa ramaikah bilangan anak-anak tidak setaraf (anak luar nikah) yang telah di daftarkan di Negeri Selangor dari tahun 2007 sehingga tahun 2010 dan apakah peratus pecahannya mengikut bangsa atau kaum ?
 - b) Apakah punca-punca yang mendorong ke arah perlakuan zina yang menjijikkan ini?
 - c) Apakah langkah-langkah pencegahan yang telah di ambil dan bakal di ambil untuk mencegah gejala zina atau bersekedudukan secara tidak sah ini dari terus menular di kalangan masyarakat?

JAWAPAN :

- a) Bahagian Penguatkuasaan tidak mempunyai bidang kuasa ke atas pendaftaran anak tidak sah taraf. Ini adalah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara.
- b) Punca-punca yang mendorong ke arah perlakuan zina :
 1. Kurang didikan agama dan perhatian ibu bapa
 2. Pergaulan bebas atau pengaruh rakan sebaya
 3. Faktor berpakaian
 4. Pengaruh televisyen
 5. Kekurangan anggota Penguatkuasa Agama untuk memantau kegiatan/ perbuatan tidak bermoral. Nisbah pecahan anggota Penguatkuasa Agama dan masyarakat Islam di Selangor adalah 1 : 25,000 orang.
- c) Pemantauan sentiasa dijalankan di Hotel-hotel Bajet, Premis-premis Urut , premis Judi dan Pusat-pusat Hiburan. Ini adalah sebagai langkah pencegahan yang proaktif dalam melaksanakan penguatkuasaan Undang-Undang. Program kepada mereka yang ditangkap turut disediakan seperti Kursus Bimbingan Rohani dan Seminar Masih Ada Yang Sayang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PENDAPATAN PASIR TERKINI

46. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah hasil pendapatan pasir yang terkini dari segi cukai, premium dan royalti dan bagaimana wang ini telah digunakan untuk pembangunan di negeri Selangor?
- b) Apakah penjelasan kerajaan bahawa harga pasir di Selangor tinggi berbanding negeri-negeri jiran?

JAWAPAN :

- a) Pendapatan hasil (royalti) pasir bermula tahun 2006 hingga tahun 2010 adalah seperti di bawah :

BIL	PTD	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
1	Petaling	2,390,892.00	979,650.00	3,834,032.00	33,000.00	348,729.94
2	Klang	133,161.00	432,000.00	90,000.00	0.00	0.00
3	Gombak	212,049.00	11,700.00	92,250.00	75,404.04	186,600.00
4	Hulu Langat	130,716.00	50,502.00	142,500.00	833,426.84	477,000.00
5	Kuala Langat	237,600.00	186,000.00	408,000.00	0.00	3,230,240.35
6	Kuala Selangor	133,650.00	0.00	386,250.00	1,986,434.58	1,916,237.40
7	Sabak Bernam	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
8	Hulu Selangor	844,335.71	2,494,856.69	1,157,165.64	627,000.00	2,998,749.30
9	Sepang	291,500.00	439,950.00	1,016,250.00	1,735,266.40	1,821,937.47
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		4,373,903.71	4,594,658.69	7,126,447.64	5,290,531.86	10,979,494.46

- b) Harga pasir di Selangor adalah bergantung kepada mekanisme permintaan dan penawaran di pasaran. Permintaan yang tinggi berikutan projek-projek pembinaan yang besar di sekitar Lembah Klang menyebabkan harga pasir tinggi berbanding negeri-negeri jiran yang kurang mempunyai projek-projek pembinaan yang besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO` ABDUL RAHMAN BIN PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK: JAWATANKUASA MENANGANI GEJALA SOSIAL

47. Kerajaan negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial dalam usaha bersepadu membanteras masalah sosial

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- Bagaimakah kerjasama dan komitmen agensi kerajaan dalam menjayakan objektif jawatankuasa?
- Apakah mekanisme berkesan dan tindakan yang diambil melalui jawatankuasa ini?
- Apakah pengukuran kejayaan bagi menangani gejala ini?

JAWAPAN :

- a) Penubuhan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri meminimumkan senario gejala sosial di Selangor. Melalui jawatankuasa ini, perancangan program dibuat ke arah mewujudkan Generasi Idaman Selangor (GeMS). **Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial** melibatkan pelbagai jabatan / agensi dan berperanan untuk menjadi agen yang dapat menghasilkan perancangan strategik dalam meningkatkan usaha menangani gejala sosial secara efektif. Jawatankuasa ini berperanan sebagai perancang, pelaksana, pemantau dan penilai objektif menangani gejala sosial supaya dapat dicapai.

Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor ini mengadakan mesyuarat secara berkala iaitu tiga (3) bulan sekali dan mengikut keperluan dengan melibatkan komitmen semua jabatan / agensi seperti Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial yang diwujudkan di peringkat daerah, di mana ahli - ahlinya adalah jabatan di peringkat daerah. Jabatan / agensi yang terlibat di peringkat induk dan juga daerah adalah seperti berikut :

- Semua Pejabat Daerah;
- Semua Pihak Berkusa Tempatan (PBT);
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK);
- Polis Diraja Malaysia Selangor (PDRM);
- PEMADAM;
- Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK);
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS);
- Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- Lembaga Zakat Selangor;
- Jabatan Pelajaran;
- Jabatan Kesihatan;
- Jabatan Pendaftaran Negara;

- IPTA / IPTS
- Majlis Permuafakatan Ibu bapa dan Guru (MPPIBG);
- Majlis Permuafakatan Tadika Selangor;
- Wakil Media; dan
- Persatuan Belia, Persatuan Wanita, PIBG, IPTS serta NGO

Pihak Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi program menangani gejala sosial untuk dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah.

i) **Laporan Perancangan Dan Pelaksanaan Program Secara Berkala**

Selain itu, Jabatan / agensi terlibat terutamanya Pejabat Daerah, PBT, Agensi AADK, PDRM dan JAIS akan mengemukakan laporan perancangan, pelaksanaan dan pelan tindakan menangani gejala sosial dan membentangkannya di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk.

ii) **Kerjasama Di Dalam Pelaksanaan Program GeMS**

Hasil kerjasama dan komitmen daripada semua jabatan / agensi ini, maka sebanyak **31 Program Menangani Gejala Sosial (GeMS)** yang berbentuk pendidikan ilmu agama, pembangunan dan pengajaran ke arah tatacara kehidupan harmoni telah berjaya dilaksanakan di semua peringkat daerah antaranya :

- 1) Program Jelajah GeMS (Karnival GeMS) di adakan di setiap daerah dan mendapat kerjasama daripada semua jabatan / agensi terutamanya Pejabat Daerah dan PBT;
- 2) Seminar Keibubapaan;
- 3) Kursus Jati Diri, Ceramah dan Dialog mengikut kategori usia;
- 4) Seminar Kerjaya dan Keluarga;
- 5) Kepimpinan remaja / belia; dan
- 6) Kem Bina Sahsiah, aktiviti lasak dan sukan;
- 7) Program Kempen Anti Zina

Untuk makluman, Program Kempen Anti Zina yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 31 Ogos 2010 sempena sambutan kemerdekaan. Susulan itu, beberapa siri program Anti Zina telah berjaya dilaksanakan pada malam tahun baru 2011 dan pada 13 Februari 2011. Kejayaan program ini adalah hasil kerjasama dan komitmen yang tinggi Jabatan / agensi seperti Pejabat Daerah, Pejabat Agama Islam Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah, Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah portfolio Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan telah mengambil langkah yang proaktif di dalam merancang dan merangka Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial. Pada peringkat pertama satu mekanisme khusus telah diwujudkan seperti berikut :

i) Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Peringkat Negeri

Penubuhan Jawatankuasa ini berperanan untuk menjadi agen yang dapat menghasilkan perancangan strategik dalam meningkatkan usaha menangani masalah gejala sosial secara efektif. Jabatan / agensi terlibat adalah seperti di bawah :

- 1) Semua Pejabat Daerah;
- 2) Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- 3) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK);
- 4) Polis Diraja Malaysia Selangor (PDRM);
- 5) PEMADAM;
- 6) Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK);
- 7) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS);
- 8) Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- 9) Lembaga Zakat Selangor;
- 10) Jabatan Pelajaran;
- 11) Jabatan Kesihatan;
- 12) Jabatan Pendaftaran Negara;
- 13) IPTA / IPTS
- 14) Majlis Permuafakatan Ibu bapa dan Guru (MPPIBG);
- 15) Majlis Permuafakatan Tadika Selangor;
- 16) Wakil Media; dan
- 17) Persatuan Belia, Persatuan Wanita, PIBG, MPTS, IPTS serta NGO

ii) Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Peringkat Daerah

Selain itu, Penubuhan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial Daerah yang melibatkan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pertubuhan Belia, Pertubuhan Wanita, Ketua – ketua Kaum, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Persatuan Penduduk dan NGO. Peranan dan matlamat penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk :

- 1) Merancang program, mengenal pasti masalah / punca untuk dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Induk di peringkat Negeri.
- 2) Menubuhkan Bilik Gerakan GeMS di setiap daerah dan memastikan program dilaksanakan dengan efektif contohnya melaksanakan latihan kemahiran bersiri secara bulanan atau mingguan dengan fokus kepada minat remaja dan belia masa kini. Selain itu, mewujudkan Talian Kasih bagi memudahkan remaja, belia dan ibu bapa untuk mendapatkan khidmat nasihat dan panduan atas isu yang berkaitan seperti aspek sosial, ekonomi, pendidikan dan agama. Talian ini boleh dikategorikan sebagai talian kaunseling Masyarakat.

- iii) Penglibatan NGO
Memperingkatkan pembabitan NGO di dalam menyokong perancangan dan membantu pelaksanaan program.
 - iv) Unit Gejala Sosial Negeri
Penubuhan Unit Gejala Sosial berfungsi untuk menyelaras dan menyelenggara setiap program yang di rancang dilaksanakan secara agresif dan bersepakadu.
- b) Bagi memastikan keberkesanan program beberapa tindakan dan langkah telah diambil iaitu dengan menggunakan Pendekatan 5P seperti berikut :
 - i) Pencegahan
Program dijalankan kepada golongan yang berisiko tinggi yang terdedah kepada masalah sosial seperti remaja, belia dan anak-anak daripada pasangan yang mengalami masalah rumah tangga .
 - ii) Pembangunan dan Pemulihan
Dilaksanakan secara berterusan kepada mereka yang telah terjebak dengan gejala sosial dengan sesi kaunseling dan dihantar ke Kem Pemulihan akhlak. Jawatankuasa Masjid dan JKJKK, PIBG serta NGO akan dilibatkan secara aktif untuk memastikan pendekatan “terapi keluarga”.
 - iii) Pencelahan dan Penguatkuasaan
Dilaksanakan secara berperingkat dan berdasarkan kepada keperluan dan dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi yang berkenaan.

Berikutan kewujudan mekanisme khusus yang menumpukan kepada usaha membanteras masalah sosial ini, maka program yang dirancang akan lebih tersusun, kemas dan efektif.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa memastikan program yang dilaksanakan seiring dengan matlamat kerajaan untuk membendung masalah gejala sosial. Oleh itu, bagi mengukur keberkesanan dan kejayaan program beberapa langkah dan tindakan telah dilaksanakan seperti berikut :
- i) Dua (2) kawasan telah dijadikan sebagai kawasan fokus untuk pelaksanaan Program Menangani Gejala Sosial iaitu Pangaspuri Sri Perantau, Klang dan Desa Kasih di Daerah Sabak Bernam;
 - ii) Kajian khusus melibatkan penduduk di Flat Sri Perantau bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh penduduk dan mencari jalan penyelesaian dengan menyalurkan kepada jabatan dan agensi terlibat;
 - iii) Pelaksanaan GeMS dimantapkan lagi dengan mengadakan Program Kempen Anti Zina yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 31 Ogos 2010 sempena sambutan kemerdekaan. Susulan itu, beberapa siri program Anti Zina telah diadakan di seluruh daerah di Negeri Selangor dan diselaraskan oleh Pejabat Daerah di Setiap Daerah. Statistik pencapaian program adalah seperti berikut :

Program	Jumlah tangkapan	Kawasan / Daerah **Kawasan Fokus
Kempen Anti Zina Siri II	135 kes	9 Daerah **Hotel Bajet, Pusat Snoker, Taman Tasik, Rumah Sewa
Kempen Anti Zina Siri III	81 kes	9 Daerah **Hotel Bajet, Pusat Snoker, Taman Tasik, Rumah Sewa

Kejayaan Program Kempen Anti Zina ini dapat dilihat daripada statistik jumlah tangkapan yang berkurangan sebanyak **54 kes** (40%). Manakala sebanyak **31** Program Menangani Gejala Sosial (**GeMS**) telah berjaya dilaksanakan antaranya Program Karnival GeMS di daerah – daerah dan Kursus Jati Diri Remaja GeMS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN ISLAM

48. Difahamkan ada berlaku beberapa kes tanah kerajaan negeri diceroboh oleh pihak tidak bertanggungjawab termasuk tanah perkuburan baru yang belum digunakan

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Pihak Berkuasa Negeri ataupun Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan memagar kawasan perkuburan di Bukit Enggang (Berhampiran Kuari Sungai Long – Hulu Langat)?
- b) Adakah kerajaan negeri menyediakan peruntukan untuk membangunkan infra kawasan perkuburan di Bukit Enggang (Berhampiran Kuari Sungai Long – Hulu Langat).

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod, tapak perkuburan berkenaan adalah seluas 75 ekar dan sedang dalam proses pewartaan tanah kubur dibawah kawalan Pengarah JAIS. Pihak JAIS dan PTD Hulu Langat telah membuat pemeriksaan dan mendapati bahawa tapak tersebut tidak terlibat dengan isu pencerobohan. Aktiviti pencurian pasir itu berlaku diatas tanah hakmilik individu dan telah diambil tindakan oleh PTD Hulu Langat. Pihak JAIS akan mengkaji dan memagar kawasan yang berpotensi untuk dimasuki oleh penceroboh sahaja memandangkan kos untuk memagar untuk keseluruhan tapak adalah tinggi.
- b) Peruntukan untuk membangunkan infra kawasan perkuburan tersebut akan dimohon oleh pihak JAIS kepada Kerajaan Negeri apabila ada keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SG.PELEK)**

TAJUK : PELANCONGAN

49. Kerajaan negeri memperuntukkan RM 4 juta bagi menaik taraf produk pelancongan dan memperkenalkan dasar 1 Produk 1 PBT.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah sasaran pelancongan Selangor tahun 2011?
- Bagaimanakah status program menaik taraf produk pelancongan Selangor?
- Apakah 12 produk pelancongan berdasarkan 12 PBT di Selangor dan bagaimana ia dipromosikan?

JAWAPAN :

- Berdasarkan sasaran 5.6 juta pelancong pada tahun 2010 , Selangor telah menerima kunjungan seramai 5,833,858 orang pelancong iaitu seramai 3,245,659 orang pelancong domestik dan 2,588,199 orang pelancong antarabangsa.. Oleh yang demikian, pada tahun 2011 pihak kerajaan negeri mensasarkan ke arah mencapai seramai 6 juta pelancong ke Selangor.
- Bagi tahun 2011, Kerajaan Negeri melalui Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan UPEN dan Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB) telah merangka pelan pelancongan yang memfokuskan kepada tiga (3) daerah dan PBT di negeri Selangor iaitu Sabak Bernam, Kuala Langat dan Hulu Selangor. Beberapa aspek telah diberikan perhatian khususnya kepada penambahbaikan kemudahan dan produk pelancongan sedia ada. Lawatan ke beberapa produk pelancongan di ketiga-tiga daerah tersebut telah dilaksanakan di sepanjang bulan Februari yang lalu dan ketika ini UPEN masih menunggu laporan akhir tentang keperluan dan justifikasi projek daripada ketiga-tiga daerah berkenaan. Dijangkakan ia akan dikemukakan sebelum minggu pertama bulan April akan datang. Seterusnya ia akan dibawa ke peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Produk Pelancongan Negeri Selangor untuk diberi pertimbangan dan diluluskan untuk pelaksanaan. Bagi PBT dan daerah-daerah lain, lawatan dan pemantauan dari semasa ke semasa akan dilaksanakan untuk mengenal pasti keperluan kepada penyelenggaraan, baik pulih dan menaik taraf produk-produk pelancongan sediaa ada dan yang berpotensi.

Tahun 2011 juga, Kerajaan Negeri melalui UPEN akan memfokuskan kepada penambahbaikan dan pemasangan papan tanda produk-produk pelancongan di seluruh negeri Selangor. Ini sebagai langkah dalam memberikan imej yang positif kepada para pelancong dari dalam dan luar negara dan selaras dengan kempen Selangor Shines yang sedang berjalan ketika ini. Reka bentuk papan tanda ini akan diseragamkan di seluruh negeri Selangor terutamanya di sempadan-sempadan daerah dan negeri. Projek / program ini dijangka akan bermula pada bulan Jun yang akan datang.

c) Sehingga kini tidak terdapat suatu pengkhususan produk pelancongan bagi setiap PBT. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan TSSB mulai tahun 2010 merancang mengenal pasti sekurang-kurangnya Sembilan (9) produk baru pelancongan setiap tahun. Sepanjang tahun 2010 produk-produk yang dikenal pasti ialah:-

- | | | |
|------------------------------------|---|------------------------|
| 1. Broga Hill | - | Hulu Langat (MPKJ) |
| 2. Genting Strawberry Leisure Farm | - | Hulu Selangor (MDHS) |
| 3. Rabbit Fun Lan | - | Kuala Langat (MDKL) |
| 4. GM Klang | - | Klang (MPK) |
| 5. Jaya33 Hyperoffice | - | Petaling (MBPJ) |
| 6. Sepang Gold Coast | - | Sepang (MPSp) |
| 7. Istana Bamboo Restaurant | - | Hulu Langat (MPAJ) |
| 8. Sg. Chilling | - | Hulu Selangor (MDHS) |
| 9. CNI Factory | - | Petaling (MBSA) |

Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha mengenal pasti produk-produk baru yang berpotensi untuk dipromosi dan diketengahkan. Lawatan pemantauan produk melalui kerjasama UPEN, TSSB, Tourism Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan telah mula dilaksanakan pada awal bulan Mac yang lalu di beberapa daerah dan PBT seperti Kuala Langat, Sabak Bernam, Sepang dan Hulu Selangor.

Promosi-promosi dalam dan luar negara sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa. Dalam setiap promosi yang dijalankan, semua produk-produk pelancongan di negeri Selangor akan turut dipromosikan melalui brosur, risalah, CD, majalah dan sebagainya. Kini, melalui TSSB, brosur dan risalah bagi setiap daerah / PBT telah diterbitkan yang akan memberikan maklumat yang lebih jelas tentang pelancongan di setiap daerah / PBT yang berkenaan. Ini akan membantu mempromosikan produk-produk pelancongan di samping memperkenalkan daerah / PBT berkenaan. Selain itu, program seperti FAM Tour dan Selangor Shines turut memberi peluang kepada produk-produk pelancongan di setiap daerah / PBT untuk ditonjol dan diperkenalkan. Ia melibatkan penyertaan media cetak, elektronik, pengamal media, syarikat-syarikat dan agensi swasta yang memberi liputan di sepanjang program berlangsung.

Selain itu, pelaksanaan acara-acara pelancongan juga akan memberi kesempatan bagi setiap PBT dan daerah memperkenalkan produk masing-masing. Lokasi penganjuran acara-acara pelancongan kebiasaannya akan dipilih berdasarkan potensi dan kepentingan lokasi berkenaan kepada aspek tarikan pelancong. Contohnya seperti Pesta Sayap di Taman Alam, Kuala Selangor, Larian Bendang di Homestay Sungai Haji Dorani, Pesta Air Selangor di Pantai Bagan Lalang, MASUM di Shah Alam Convention Center, My Selangor Story Bloggers Competition di beberapa produk pelancongan terpilih di seluruh Selangor, Tubing di Sungai Selangor dan beberapa acara yang lain. Ini secara tidak langsung memberi kesempatan kepada setiap PBT dan daerah menonjolkan keunikan dan kelebihan produk pelancongan masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : WABAK DENGGI DI NEGERI SELANGOR

50. Dalam tahun 2011, Negeri Selangor mencatatkan 1,004 kes wabak denggi sehingga Februari 2011.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani wabak ini?
- b) Apakah program-program Kerajaan Negeri untuk membanteras wabak denggi khususnya program-program kesedaran rakyat yang telah dijalankan?

JAWAPAN :

(a) & (b) Langkah-langkah menangani wabak denggi di Negeri Selangor termasuk:

- Mewar-warkan mesej langkah-langkah pencegahan penyakit Denggi, secara berkala, melalui media massa, poster, banner, risalah dan ceramah kepada masyarakat umum terutamanya di kawasan yang berisiko tinggi untuk penyakit Denggi. Penekanan juga diberi kepada mesej 'Kempen Pembersihan 10 Minit Seminggu' yang harus dilaksanakan oleh semua penghuni rumah secara berterusan.
- Melaksanakan aktiviti gotong-royong bersama Persatuan Penduduk dan Ahli Majlis Tempatan di kawasan-kawasan yang berisiko pembiakan nyamuk Aedes.
- Penubuhan Pasukan Combi di kawasan perumahan sebagai langkah jangka masa panjang untuk mengawal kejadian Denggi. Untuk tahun 2010, sejumlah 316 Pasukan Combi baru telah ditubuhkan di negeri Selangor.
- Bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan sistem pelupusan sampah yang efektif terutamanya di lokaliti bermasalah Denggi.
- Pengaktifan Jawatankuasa Wabak Denggi Daerah, dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, yang akan bermesyuarat setiap seminggu di semua daerah yang berwabak. Tujuan utama jawatankuasa ini adalah untuk menggerakkan pelbagai agensi daerah yang berkaitan untuk menyelesaikan faktor-faktor risiko yang menyumbang kepada kejadian wabak denggi di daerah berkenaan.
- Penguatkuasaan Kompaun minima RM 500 untuk semua premis yang dikenal pasti mempunyai tempat pembiakan nyamuk Aedes. Untuk tapak pembinaan, perintah berhenti kerja ('Stop Work Order') dilaksanakan kalau terdapat pembiakan nyamuk Aedes.
- Bekerjasama dengan agensi kerajaan, sekolah dan syarikat swasta untuk menubuhkan Skuad Anti-Denggi di tempat mereka untuk menghindarkan tempat pembiakan nyamuk Aedes di tempat kerja mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : YAYASAN SELANGOR

51. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Berapakah jumlah pelajar IPT yang mendapat pinjaman pelajaran dari Yayasan Selangor sejak tahun 2008 hingga 2010?
 - Sila terangkan komposisi kaum yang telah mendapat pinjaman tersebut?
 - Berapakah jumlah keseluruhan wang yang telah dikeluarkan kepada pelajar tersebut sejak tahun 2008 hingga 2010?

JAWAPAN :

- a) Jumlah pelajar IPT yang mendapat pinjaman pelajaran dari Yayasan Selangor sejak tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah Pelajar IPT mendapat Pinjaman Pelajaran
2008	658
2009	779
2010	1063
JUMLAH	2500

- b) Komposisi kaum yang telah mendapat pinjaman pelajaran dari Yayasan Selangor sejak tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti berikut :

Tahun	Pelajar IPT mendapat Pinjaman Pelajaran			
	Melayu	Cina	India	Jumlah
2008	640	3	15	658
2009	761	5	13	779
2010	1036	5	22	1063
JUMLAH	2437	13	50	2500

- c) Jumlah wang yang telah dikeluarkan kepada pelajar tersebut pada tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah Perbelanjaan Pinjaman Pelajaran (RM)
2008	2,889,879.00
2009	5,281,790.00
2010	6,164,325.00
JUMLAH	14,335,994.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

52. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan Jabatan Agama Islam Selangor dalam memberikan lebih ramai lagi berpeluang melanjutkan pendidikan menengah agama?
- b) Apakah yang dilakukan oleh JAIS dalam memperkasakan lagi sekolah agama rakyat yang mungkin menjadi alternatif pendidikan menengah agama?

JAWAPAN:

- a) Antara perancangan JAIS untuk memberi lebih ramai peluang melanjutkan pendidikan Menengah Agama adalah ;
 - 1) Membina bangunan baru SAM Paya Jaras dalam Rancangan Malaysia ke sepuluh.
 - 2) Membina bangunan tambahan untuk bilik darjah di SAMTSH Kg Jawa Klang dan SAMTAJ Shah Alam.
 - 3) Membina bangunan MITS Shah Alam di Seksyen 24 Alam Impian.
 - 4) Membuat perbincangan dengan MARA untuk membuat usahasama menuju MRSM Tahfiz.
 - 5) Membuat perbincangan bekerjasama dengan sekolah swasta yang berkemampuan untuk kemungkinan menuju Sekolah Islam Bersepadu (*Integrated Islamic School*).
- b) Untuk memperkasa sekolah-sekolah Agama Rakyat, Majlis Agama Islam telah menuju satu jawatan kuasa di bawahnya untuk melihat, meneliti, merancang, membuat dasar-dasar bagi tujuan menyelaras, membantu dan memperkasa sekolah ini. Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa sekolah Tahfiz negeri Selangor. Dipengerusikan oleh Prof.Madya Dato' Dr Halim Tamuri (salah seorang Ahli MAIS) dan di anggotai oleh Bahagian Pendidikan Islam, Bahagian Dakwah JAIS, Persatuan Institusi Tahfiz, KUIS, UKM, Kagat Tentera dan Individu yang dilantik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: PENGENDALIAN LIF

53. Di antara permasalahan “Rumah Pangsa Kos Rendah” adalah pengendalian lif-lif:

Bertanya kepada YAB Dato’ Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan jangka panjang Kerajaan selain peruntukan membaiki pulih lif-lif yang rosak:
- b) Di antara puncanya adalah kegagalan “JMB” dalam pungutan “Maintenance Fees” dan sikap pengguna lif sendiri, apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah yang berlarutan ini?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan peruntukan Akta Hak milik Strata 1985 [Akta 318], pembangunan kawasan pemajuan berstrata termasuk pangsapuri kos rendah adalah merupakan lot-lot hak milik kawasan pensendirian di mana segala kos berkaitan penyenggaraan dan pengurusan harta bersama seperti lif, bumbung, tangga dan sebagainya dibayai melalui kutipan caj penyenggaraan yang dibayar oleh pembeli kepada pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC) atau ejen pengurusan yang dilantik oleh Pesuruhjaya Bangunan.

Justeru itu, memandangkan lif adalah komponen dan kemudahan asas yang penting bagi pembeli-pembeli pangsapuri kos rendah dan perbelanjaan penyenggaraan lif adalah sangat tinggi, Kerajaan Negeri selaras dengan dasar “Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan” telah membuat perancangan jangka panjang untuk mengambil alih pengurusan lif di pangsapuri kos rendah secara berpusat. Walau bagaimanapun, satu kajian komprehensif perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi mengenal pasti sistem pengambilalihan pengurusan lif yang lebih efektif sama ada melalui penubuhan satu anak syarikat Kerajaan Negeri atau kontraktor-kontraktor yang diiktiraf kelayakannya dan berdaftar yang dilantik Kerajaan Negeri sebagai ejen pengurusan lif supaya penyenggaraan lif di kawasan pemajuan terbabit dapat dilaksanakan secara cekap dengan penggunaan sumber serta kos yang optimum.

- b) Dalam menyelesaikan isu sikap pengguna lif, sebelum melaksanakan program baik pulih lif di mana-mana kawasan pemajuan kos rendah yang terlibat, Kerajaan Negeri terlebih dahulu akan mengadakan taklimat untuk menerangkan kepentingan penyenggaraan lif yang berkala bagi menjamin keselamatan semasa penggunaan lif dalam kehidupan seharian. Di samping itu, dengan memperkenalkan konsep perkongsian kos antara Kerajaan Negeri sejumlah 70% dan pembeli sejumlah 30% bagi membayai kos baik pulih lif, maka pembeli akan mempunyai rasa kepunyaan dan bertanggungjawab untuk menjaga lif dengan baik serta menghindari gejala vandalisme.

Manakala, setelah lif siap dibaik pulih, pemaju, JMB/MC mahupun ejen pengurusan hendaklah memastikan lif disenggara secara berjadual dan berkala serta boleh mengambil inisiatif menubuhkan satu jawatankuasa bertindak terdiri daripada penduduk di peringkat kawasan pemajuan yang bertanggungjawab memastikan lif sentiasa dalam keadaan baik, selamat dan tiada vandalisme.

Bagi meningkatkan lagi usaha memupuk sikap keprihatinan dan tahap kesedaran pembeli perumahan bertenagak mengenai tanggungjawab mereka, Kerajaan Negeri telah meneruskan Program Kempen "Pangsapuri Kita...Bersih, Ceria Dan Harmoni" di kawasan perumahan bertenagak khususnya perumahan kos rendah yang turut membawa mesej penghargaan kepada pembeli-pembeli yang telah menjelaskan bayaran caj penyenggaraan. Matlamat dan objektif kempen ini untuk meningkatkan kesedaran dan memberi pendidikan serta mananamkan semangat kekitaan di kalangan pembeli untuk menjaga kawasan pemajuan masing-masing.

Kerajaan Negeri juga sedang merangka satu garis panduan berkenaan penetapan kaedah dalaman atau undang-undang kecil untuk ditetapkan dalam mesyuarat agung Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC). Tujuan penetapan kaedah dalaman atau undang-undang kecil ini supaya JMB atau MC dapat mereglasikan peraturan penyewaan dan tanggungjawab membayar caj kepada pembeli secara seragam di kawasan-kawasan pemajuan berstrata negeri Selangor.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan struktur Unit Penguatkuasa Pesuruhjaya Bangunan di peringkat negeri untuk melaksanakan kuasa penguatkuasaan dan pendakwaan Pesuruhjaya Bangunan ke atas kesalahan seperti pemaju tidak mengemukakan akaun diaudit, pemaju tidak memanggil Mesyuarat Pertama JMB serta kesalahan mana-mana orang tidak membayar caj melalui penahanan harta alih atau pendakwaan di mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : ZON PERKHIDMATAN ANTARABANGSA

54. Kerajaan negeri bercadang untuk menjadikan Bernam Jaya sebagai Zon Perkhidmatan Antarabangsa

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status semasa zon perkhidmatan?
- b) Siapakah yang telah melabur dan berapakah nilai pelaburan yang telah berjaya dibawa?
- c) Bagaimanakah zon tersebut dapat diangkat nilainya dan bertaraf antarabangsa?

JAWAPAN :

- a) PKNS masih dalam peringkat memuktamadkan pelan perancangan bagi menjadikan Bernam Jaya sebagai Zon Perkhidmatan Antarabangsa.
- b) PKNS masih dalam proses menarik pelabur-pelabur yang sesuai dan kompetatif untuk melabur di Bernam Jaya.
- c) Dengan adanya aktiviti pelaburan di Zon Perkhidmatan Antarabangsa di Bernam Jaya, ia secara tidak langsung akan meningkatkan nilai harta tanah di kawasan tersebut. PKNS menjangkakkan nilai pelaburan yang akan diperolehi dari cadangan ini adalah melebihi RM10 billion dengan penglibatan syarikat antarabangsa seperti China, Amerika Syarikat dan United Kingdom.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : KUPON AIR PERCUMA

55. Kerajaan negeri dikatakan telah memberikan kupon air percuma 20m padu pertama untuk penghuni rumah pangsa yang menggunakan meter pukal.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- Bagaimakah mekanisme pemberian kupon, dan berapa kos yang telah dikeluarkan sejak ia mula diperkenalkan?
- Penghuni kawasan manakah yang telah diberikan kupon tersebut?
- Berapa ramaikan penghuni rumah pangsa yang sebenarnya layak mendapatkan kupon tersebut di seluruh negeri Selangor?

JAWAPAN :

- Mekanisme pemberian air percuma melalui kupon yang telah dibuat penambahbaikan oleh Kerajaan Negeri seperti berikut:
 - Sebaik menerima bil air meter pukal dari SYABAS, Badan Pengurusan Bersama (JMB)/ Perbadanan Pengurusan (MC)/ pemaju/ejen pengurusan akan membuat bacaan bil meter air mengikut kegunaan setiap petak (rumah) bagi bulan semasa.
 - Badan Pengurusan Bersama (JMB)/ Perbadanan Pengurusan (MC)/ pemaju/ejen pengurusan mengeluarkan bil air kepada semua rumah yang diduduki. Potongan rebet air percuma sejumlah RM11.40 dibuat secara automatik bagi setiap unit rumah kediaman.
 - Badan Pengurusan Bersama (JMB)/ Perbadanan Pengurusan (MC)/ pemaju/ejen pengurusan mengemukakan kupon-kupon air yang dituntut pemilik/penyewa beserta bayaran baki bil air meter pukal setelah ditolak jumlah rebet air percuma kepada SYABAS.
 - SYABAS membuat tuntutan bayaran rebet air percuma kepada Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS).

Bagi tahun 2010, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah **RM140,334.08 (Ringgit Malaysia: Seratus Empat Puluh Ribu Tiga Ratus Tiga Puluh Empat Dan Sen Lapan Sahaja)** untuk menjalankan fasa pertama program pemberian air percuma kepada pangaspuri kos rendah melalui kupon bagi tempoh 3 bulan iaitu bulan Oktober sehingga Disember 2010.

- b) Senarai kawasan pangsapuri kos rendah yang telah dikenal pasti sebagai peserta program pemberian air percuma adalah sejumlah 84 kawasan terdiri daripada 27,726 unit kediaman seperti berikut:

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	SKIM PANGSAPURI KOS RENDAH	JUMLAH UNIT KEDIAMAN
1.	MBSA 8 skim	Seri Melewar Seksyen U1	240
		Mentari Seksyen U5	840
		Desa Subang seksyen U5	64
		Sunway Sinar Seksyen U9	240
		Blok 54, Seksyen 7 Shah Alam	105
		Blok 55 Seksyen 7 Shah Alam	95
		Rimau Indah Seksyen 32	240
		Seri Era Seksyen 36	314
		JUMLAH	2,138
2.	MBPJ 9 skim	Vista Subang	210
		Blok C & D Petaling Utama	645
		Lestari	1,982
		Desa Mentari	726
		Flora Damansara Blok A & B	1,152
		Pelangi Damansara	1,178
		Flat Desaria Fasa 5B	882
		Damai	320
		Flat Desa Perangsang A &B	300
		JUMLAH	7,395
3.	MPSJ 7 skim	Sri Tanjung	1,000
		Seri Kayan	550
		Blok Angsana, Bougenvilla, Carnation & Daisy, Taman Seksyen 2	200
		Enggang	1,380
		Seri Begonia	848
		Blok F5-F8 Puchong Permai	390
		Blok F9-F10 Puchong Permai	200
		JUMLAH	4,568
4.	MPAJ 13 skim	700 Pandan Perdana	700
		Taman Ampang Mewah	518
		Blok A Taman Industri Lembah Jaya	525

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	SKIM PANGSAPURI KOS RENDAH	JUMLAH UNIT KEDIAMAN
		Sri Intan	208
		Al-Ridhuan	301
		610, Jalan Pandan Indah	610
		Seri Impian	300
		Nusa Kurnia	200
		Merpati A	430
		Merpati B	350
		Blok B Taman Permai Jaya	90
		Blok 2 Desa Lembah Permai	330
		Taman Mega Indah	240
		JUMLAH	4,802
5.	MPK 7 skim	Blok Mawar	277
		Blok Cempaka	336
		Mutiara Fasa 2 Bukit Raja	152
		Seri Perantau Blok B	128
		Seri Perantau Blok C	128
		Seri Perantau Blok E	128
		Seri Perantau Blok F	128
		JUMLAH	1,277
6.	MPKj 18 skim	Seri Mesra	117
		Fasa 1 & Fasa 1F	420
		Bandar Damai Perdana	
		Taman Segar Perdana Fasa 7A	72
		Sri Murni Taman Pinggiran Sungai Long	120
		Blok A Taman Sri Kenari	300
		Tasik Sungai Chua	168
		Inang, Taman Impian Ehsan	240
		Blok Indah, Taman Taming Indah	95
		Taman Asa Jaya	500
		Blok A, B, C, D, E Seksyen 1, Bandar Teknologi Kajang	700
		Blok L & M, Seksyen 5 Bandar Teknologi Kajang	190
		Taman Kajang Mewah, Sungai Chua	59
		Taman Cheras Awana	430
		Bukit Kundang	310
		Blok A, Taman Desa Wangsa	110
		Blok Mawar, Taman Ria	60
		Blok Melor Taman Ria	63
		JUMLAH	3,983

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	SKIM PANGSAPURI KOS RENDAH	JUMLAH UNT KEDIAMAN
7.	MPS 15 skim	Kota Warisan, Selayang Bahagia	158
		Batai	240
		Seri Laman	98
		Pinggiran Indah	141
		Laksamana Jaya	170
		Laksamana	229
		Kenanga	236
		Cempaka	217
		Delima, Taman Tun Teja	240
		Kenanga, Taman Tun Teja	260
		Dahlia, Taman Tun Teja	240
		Cempaka, Taman Tun Teja	300
		Blok A, Danau Rebung	96
		Blok B, Danau rebung	80
		Amaniah 1	75
		JUMLAH	2,780
8.	MPSp 1 skim		Cengal
			JUMLAH
9.	MDKL 4 skim	Taman Dato' Hormat	48
		Carnation D'Menara	144
		Blok G & H, Taman Langat Murni	160
		Sri Pelangi	36
		JUMLAH	388
10.	MDHS 2 skim	Seri Cempaka	180
		Seri Teratai	90
		JUMLAH	270
11.	MDKS	TIADA RUMAH KOS RENDAH YANG MENGGUNAKAN METER AIR PUKAL	
12.	MDSB		

- c) Kerajaan Negeri telah menetapkan semua pemilik atau penyewa yang menghuni unit kediaman pangsapuri kos rendah adalah layak untuk menerima rebet air percuma. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang membuat pengemaskinian data status migrasi meter air individu serta butiran lengkap mengenai pihak pengurusan bangunan dan jumlah unit kediaman yang diduduki bagi setiap pangsapuri kos rendah di negeri Selangor bertujuan memastikan tiada kawasan pangsapuri kos rendah yang menggunakan akaun meter air pukal tercicir menyertai program pemberian air percuma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN PADANG AWAM SEBAGAI TEMPAT BERIADAH

56. Majlis Perbandaran Selayang memasang papan tanda mlarang orang awam bermain bola sepak di padang taman-taman perumahan atas sebab keselamatan kenderaan dan rumah berhampiran. Tindakan ini menimbulkan kemarahan ramai penduduk setempat kerana padang berkenaan tidak lagi dapat digunakan untuk beriadah. Namun, padang ini turut dicemari longgokan najis anjing liar dan anjing bertuan yang membiarkan anjing-anjing peliharaan mereka membuang najis di atas padang sehingga sukar bagi komuniti setempat hendak mengadakan aktiviti dengan selesa.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- Adakah pihak Kerajaan Negeri akan menyalurkan dana kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk memagar padang di taman-taman perumahan bagi menjamin kebersihan padang dan sekaligus memberi peluang kepada anak-anak muda beriadah secara sihat bermain bola sepak di padang berkenaan tanpa membahayakan kenderaan atau rumah di sekitar.

JAWAPAN :

- Untuk makluman, Kerajaan Negeri memang telah menyediakan peruntukan Pembangunan kepada Jawatankuasa Kerajaan Tempatan bagi menjalankan kerja-kerja yang melibatkan penambahbaikan, penyelenggaraan dan menaik taraf kemudahan awam serta infrastruktur untuk diagihkan kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, sebarang cadangan pembangunan akan diteliti di peringkat Kerajaan Negeri memandangkan peruntukan adalah terhad. Permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan keutamaan dan keperluan semasa. Sekiranya keperluan di kawasan tertentu adalah mendesak maka Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan akan memohon peruntukan tambahan sekiranya peruntukan sedia ada tidak mencukupi demi memastikan keselamatan dan keselesaan masyarakat terjamin dan diberikan perhatian sewajarnya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : MIKRO KREDIT LUAR BANDAR

57. Bertanya Kepada Menteri Besar:
- a) Berapa banyak pemohon yang telah memohon untuk Mikro Kredit Luar Bandar?
 - b) Berapa banyak yang telah di luluskan
 - c) Apakah pecahan mengikut daerah bagi penerima mengikut daerah

JAWAPAN :

Berikut adalah jawapan kepada soalan a, b dan c.

Bil.	Cawangan SKIMSEL	Peserta (Sadiq)	Jumlah Pembiayaan	Peratus Bayar Balik
1.	Sabak Bernam	510	1,469,000	100
2.	Kuala Selangor	240	516,500	100
3.	Hulu Selangor	210	484,000	100
4.	Hulu Langat	120	256,000	100
5.	Kuala Langat	135	204,000	100
6.	Sepang	50	115,000	100
	Jumlah	1265	3,044,500	100

* Data sehingga 4hb Mac 2011

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PELUPUSAN SAMPAH

58. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan membina insinerator (alat pembakar sampah) terutamanya di kawasan bandar bawah pentadbiran MBPJ, MPSJ dan MBSA? Sila berikan butir-butir.
- b) Berapakah kapasiti tanah-tanah pelupusan sampah sedia ada dan adakah ini mencukupi keadaan semasa?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri menerusi anak syarikatnya Worldwide Holdings Berhad (WHB) telahpun menjalankan kajian terperinci berkenaan kesesuaian untuk membina *insinerator* (alat pembakar sampah) untuk kawasan-kawasan tersebut. Walaubagaimanapun, kos pembinaan dan pengoperasian masih lagi sangat tinggi jika dibandingkan dengan kaedah pelupusan menggunakan tapak pelupusan sanitari. Namun begitu, usaha-usaha masih diteruskan bagi mendapatkan teknologi insinerator yang lebih praktikal.
- b) Kerajaan Negeri pada ketika ini mempunyai 4 buah tapak pelupusan sampah dimana 2 buah tapak sanitari (*Sanitary Landfill*) yang terletak di Jeram dan Tanjung Dua Belas. Manakala 2 buah tapak bagi menjalankan pelupusan sisa lengai (*Inert Waste*) yang terletak di Dengkil dan Kuang. Tapak pelupusan sisa lengai (*Inert Waste*) di Dengkil dan Kuang adalah tapak pelupusan untuk sisa-sisa kering. Manakala dari segi kapasiti tempat-tempat pelupusan sampah dan jangka hayat di setiap tapak adalah berbeza. Hal ini dapat dilihat seperti di **Lampiran 1**.

Lampiran 1

No.	Tapak	Keluasan Tapak (ekar)	Kapasiti yang telah diisi (tan)	Baki kapasiti (tan)	Jangka Hayat
1.	Tapak pelupusan sanitari Jeram	160	2.9 juta	5.1 juta	2017
2.	Tapak pelusan Tanjung Dua Belas	160	0.14 juta	8.86 juta	2035
3.	Tapak pelupusan inert Dengkil	145	0.4 juta	1.1 juta	2029
4.	Tapak pelupusan inert Kuang	27	0.07 juta	0.67 juta	2032

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : USIA KERAJAAN PAKATAN RAKYAT NEGERI SELANGOR 3 TAHUN

59. Pada bulan Mac 2011 usia Kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor tiga tahun.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah kejayaan Kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor dalam tempoh 3 tahun ini?
- b) Apakah halangan-halangan yang dihadapi dalam tempoh tiga tahun tersebut?
- c) Apakah usaha yang akan dilakukan bagi mengukuhkan kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor selama tiga tahun ini telah banyak memberi faedah kepada Negeri Selangor amnya dan rakyat Negeri Selangor khasnya. Antara faedah yang diperolehi adalah melalui program-program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat seperti Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang telah mula diperkenalkan dan dilaksanakan pada Mac 2008. Ia telah dilaksanakan secara berperingkat. Sehingga kini fasa pertama dan kedua program MES sudah dilaksanakan dengan jayanya. Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah dalam merealisasikan program ini melalui program-program yang telah berjaya dilaksanakan iaitu:
 - i) Program **Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)** yang merupakan salah satu program yang mendapat sambutan menggalakkan daripada rakyat negeri Selangor. Program ini adalah bertujuan untuk memberi manfaat kepada semua Anak Selangor dengan perlindungan insurans sehingga berusia 18 tahun. Pada usia 18 tahun, semua anak Selangor ini berpeluang menerima RM1,500 seorang hasil caruman di dalam pelaburan ini. Sehingga Februari 2011, seramai 23,229 orang anak kelahiran negeri Selangor yang menepati syarat berjaya diluluskan untuk Program Tabung Warisan Anak Selangor.
 - ii) Program **Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu** pula membolehkan rakyat negeri Selangor yang mempunyai meter individu terus menikmati bekalan air percuma sebanyak 20 meter padu. Kerajaan negeri berusaha meneruskan program air percuma ini kerana ia ternyata membantu mengurangi beban kewangan rakyat dalam perbelanjaan utiliti yang semakin meningkat. Sehingga Februari 2011 sebanyak RM360 juta sudah dibelanjakan untuk dinikmati oleh rakyat Selangor.

- iii) Dalam program **Hadiah Anak Masuk Universiti**, Kerajaan Negeri memberikan wang tunai RM1,000 kepada anak Selangor yang mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi, tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan. Sehingga Februari 2011, seramai 18,673 orang pelajar telah menerima hadiah RM1,000 setiap orang bagi menampung keperluan semasa mendaftar belajar di Institusi Pengajian Tinggi.
- iv) Program **Skim Mesra Usia Emas** dilancarkan bagi membantu mengurangi beban kewangan waris warga emas di Negeri Selangor untuk memastikan agar setiap warga emas dan orang kurang upaya (OKU) diberi penghargaan dan penghormatan yang terbaik dan berpatutan. Sehingga Februari 2011, seramai 36,959 orang waris telah menerima faedah tersebut.
- v) Bagi pelaksanaan program MES seterusnya, Kerajaan Negeri menubuahkan syarikat Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) bagi melaksanakan **Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral**. Sehingga Disember 2010, royalti yang berjaya dikutip oleh KSSB adalah sebanyak RM23.4 juta.
- vi) Program **Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang** diwujudkan bertujuan memberi bantuan kewangan kepada anak-anak pekerja ladang untuk menyambung pelajaran dalam kursus kemahiran teknikal di INPENS. Sehingga Februari 2011, seramai 5287 orang anak pekerja ladang telah menerima faedah bagi program ini.
- vii) Bagi **Program Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)**, sebanyak 6 buah Pusat Khidmat Krisis Sehenti diwujudkan di Selangor, iaitu di Hospital Ampang, Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Klang dan Hospital Kajang. Program ini diwujudkan untuk membantu golongan wanita dan kanak-kanak bagi kes-kes seperti rogol, liwat, keganasan rumah tangga dan lain-lain kes jenayah. Pusat ini bertindak sebagai *first respondent/point of contract* bagi kes-kes yang dinyatakan di atas.

- b) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat telah menjangkau usia tiga (3) tahun pentadbirannya. Sepanjang tempoh tersebut, sebagai sebuah kerajaan baru, tidak dinafikan pelbagai cabaran dan halangan telah dialami sepanjang tempoh mentadbir sebuah negeri maju yang terdiri dari pelbagai bangsa, kaum dan agama seperti Selangor. Walau bagaimanapun, segala halangan dan cabaran tersebut bukanlah satu penghalang kepada Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat untuk terus mentadbir Selangor seperti yang diamanahkan rakyat dalam pilihan raya tahun 2008 yang lepas malah ia akan menjadi pemangkin dan semangat kepada pentadbiran Kerajaan Negeri untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dengan adil dan saksama.

Kekangan yang dihadapi Kerajaan Negeri ialah usaha untuk mempromosikan program – program pembangunan tersebut tidak dapat disampaikan secara meluas kepada rakyat. Ini kerana terdapat majoriti besar rakyat Selangor yang belum tahu berkenaan program-program pembangunan anjuran Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat. Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat telah menjalankan pelbagai program pembangunan ekonomi, sosial dan masyarakat sepanjang tempoh pemerintahannya. Program – program seperti Program Pembangunan Insan S.P.I.E.S, Program Pendidikan dan Pendidikan Tinggi seperti Program Tuisyen Rakyat dalam usaha menjadikan Selangor sebagai hub Pengetahuan dan Pendidikan global dan bertaraf dunia, dan pelaksanaan program utama Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor iaitu Merakyatkan Ekonomi Selangor atau MES yang kini telah mencapai fasa ketiga pelaksanaannya merangkumi pelbagai aspek pembangunan untuk rakyat negeri Selangor. Dalam masa yang sama, serangan media arus perdana yang tidak menyebelahi program-program pembangunan Kerajaan Negeri akan membantutkan lagi usaha Kerajaan Negeri untuk menyebarkan program-program ini kepada rakyat Selangor.

Menyedari hakikat bahawa terdapat jurang perbezaan fahaman politik yang besar antara Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dan Kerajaan Persekutuan, projek-projek pembangunan mega dan berskala besar Kerajaan Persekutuan sebagai contoh Bidang Ekonomi Utama Negara atau NKEA di bawah Projek Greater Kuala Lumpur / Klang Valley yang sebahagian besarnya terletak di negeri Selangor, tidak memberikan kelebihan kepada promosi pembangunan Kerajaan Negeri Selangor. Projek *River of Life (RoL)* iaitu usaha pengindahan dan pembersihan Sungai Klang dalam usaha mengkomersialkan sungai tersebut sebagai salah satu pemacu ekonomi Kuala Lumpur dan Lembah Klang harus diteruskan kedua-dua pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk kepentingan dan keharmonian rakyat.

Selain itu, isu penstrukturran semula air negeri Selangor yang masih tergendala dan gagal diselesaikan akibat ketidaksefahaman antara kedua-dua pihak harus dipandang serius dan diselesaikan dengan kadar segera supaya rakyat Selangor dapat menikmati perkhidmatan air yang lebih bermutu dan efisien. Dalam masa yang sama, isu keengganan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) memberi kebenaran kepada Majlis Bandar raya Petaling Jaya (MBPJ) untuk menubuhkan polis bantuan sendiri dalam usaha membanteras jenayah di sekitar Bandar Petaling Jaya dan menyokong salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA amat mendukacitakan Kerajaan Negeri. Aktiviti membanteras jenayah sepatutnya menjadi tanggungjawab semua pihak tidak mengira fahaman politik dan ideologi dan segala bentuk penambahbaikan kepada rakyat haruslah disokong pelaksanaannya.

Walaupun negeri Selangor merupakan negeri termaju di Malaysia lengkap dengan kemudahan infrastruktur dan kemajuan ekonomi yang kukuh, peruntukan yang terhad yang disalurkan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk aktiviti pembangunan ekonomi dan sosial tidak membantu bagi memenuhi keperluan rakyat Selangor khususnya. Sepatutnya, dengan sumbangan lebih dari dua puluh satu (21) peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, peruntukan yang lebih patut diberi Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi negara secara keseluruhan.

- c) Dalam usaha mengukuhkan lagi pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor, pelbagai usaha telah dan akan dijalankan Kerajaan Negeri bagi memastikan rakyat negeri Selangor sentiasa menyokong Kerajaan Negeri serta memberikan sepenuh kepercayaan kepada Pentadbiran Kerajaan Negeri untuk membantu mengatasi masalah yang dihadapi rakyat serta meningkatkan ekonomi negeri. Program utama Merakyatkan Ekonomi Selangor atau MES perlu diperkuatkan lagi di mana fasa ketiga, keempat dan kelima akan dilaksanakan secara sistematik dari masa ke semasa. Pelaksanaan program MES ini akan menjadi polisi dan teras utama Kerajaan Negeri dalam usaha memastikan kepentingan dan kebijakan rakyat Selangor terus dibela. Dalam masa yang sama, usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam mengaplikasikan konsep Kerajaan Telus dan Bertanggungjawab atau “*Good Governance*” seperti pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat (FOI), pelaksanaan Tender Terbuka, serta pelaksanaan Jawatankuasa Terpilih untuk Daya Saing, Pertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (SELCAT) akan memastikan pentadbiran Negeri yang telus dan amanah diteruskan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat. Selain itu, pelaksanaan “Agenda Selangor untuk Rakyat 2011-2013 ” atau ARUS yang merupakan agenda pembangunan terbaharu Kerajaan Negeri Selangor yang merangkumi segenap aspek ekonomi dan sosial akan memperkuatkan lagi kepercayaan rakyat kepada pentadbiran Pakatan Rakyat Kerajaan Negeri dalam membangunkan negeri Selangor dan menjadikan negeri ini yang lebih maju dan berdaya saing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : LEMBAGA PERUMAHAN HARTANAH SELANGOR (LPHS)

60. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa unitkah rumah di bawah kawalan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan nyatakan di mana?
- b) Nyatakan secara terperinci bilangan unit yang telah diisi dan unit yang masih kosong mengikut daerah
- c) Aduan rakyat banyak unit kosong atau ditinggalkan. Apakah langkah LPHS mengatasinya?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sebanyak 19667 unit rumah yang dikategorikan sebagai Projek Perumahan Rumah Awam Kos Rendah yang terletak dibawah kawalan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Senarai lokasi hartanah adalah seperti berikut :-

BIL.	NAMA PROJEK	DAERAH	UNIT
1	RUMAH MURAH KG DELEK SG UDANG	KLANG	99
2	RUMAH MURAH BT 4 JLN KAPAR	KLANG	73
3	RUMAH MURAH PEKAN KAPAR JLN PASAR	KLANG	36
4	RUMAH MURAH KG IDAMAN IIB	KLANG	73
5	RUMAH MURAH PEKAN MERU	KLANG	50
6	RUMAH MURAH KG PENDAMAR	KLANG	112
7	RUMAH MURAH BT 12 KAPAR TAMBAHAN	KLANG	59
8	RUMAH MURAH PEKAN MERU PKT III JLN KENANGAN	KLANG	219
9	RUMAH MURA H BATU BELAH	KLANG	198
10	RUMAH MURAH KG IDAMAN AWAL	KLANG	50
11	RUMAH MURAH BUNGA RAYA PANDAMARAN	KLANG	80
12	RUMAH KILAT TAMAN SENTOSA MERU	KLANG	50
13	RUMAH MURAH TAMAN HAJI HAMZAH KAPAR	KLANG	50
14	RUMAH MURAH KG PENDAMAR PKT II	KLANG	310
15	RUMAH MURAH PEKAN MERU IV JALAN TAP	KLANG	201
16	RUMAH MURAH SG UDANG II	KLANG	87
17	RUMAH MURAH KAMPONG IDAMAN 2C PANDAMARAN	KLANG	271
18	RUMAH MURAH BATU 12 1/2 JLN KAPAR	KLANG	51
19	RUMAH MURAH TAMAN BUNGA MELUR	KLANG	100
20	RUMAH MURAH KG IDAMAN PKT IIA	KLANG	58
21	RUMAH MURAH KG IDAMAN PKT I	KLANG	101
22	RUMAH MURAH SERI KEMBANGAN	PETALING	598
23	RUMAH KILAT KG BHARU SG BULOH	PETALING	50
24	RUMAH KILAT SERI KEMBANGAN SRDG BARU	PETALING	50
25	RUMAH MURAH KG KAYU ARA PKT II	PETALING	122
26	RUMAH MURAH KG. SUBA NG PKT III	PETALING	212
27	RUMAH MURAH KG KAYU ARA	PETALING	131
28	RUMAH MURAH KG SUBAN G PKT II	PETALING	131
29	RUMAH MURAH SEK 17 SHAH ALAM	PETALING	196
30	RUMAH MURAH BT 13 1/2 PUCHONG	PETALING	268
31	RUMAH MURAH KG PAYA JARAS	PETALING	102
32	RUMAH MURAH KG SUBANG PKT I	PETALING	281
33	RUMAH MURAH PKNS BANTING PKT I	KUALA LANGAT	130
34	RUMAH MURAH PKNS BANTING PKT IIA	KUALA LANGAT	58
35	RUMAH MURAH PKNS SUNGAI JAROM	KUALA LANGAT	81
36	RUMAH MURAH PKNS BANTING IIB	KUALA LANGAT	82
37	RUMAH MURAH PKNS TELOK PANGLIMA GARANG	KUALA LANGAT	43
38	RUMAH MURAH TELOK PANGLIMA GARANG PKT II	KUALA LANGAT	67
39	RUMAH MURAH TONGKAH MORIB	KUALA LANGAT	50
40	RUMAH KILAT TELOK DATOK	KUALA LANGAT	32
41	RUMAH MURAH SRI CHEEDING	KUALA LANGAT	98

BIL.	NAMA PROJEK	DAERAH	UNIT
42	RUMAH MURAH SG LANG BARU BANTING	KUALA LANGAT	92
43	RUMAH MURAH TLK PANGLIMA GARANG III	KUALA LANGAT	205
44	RUMAH MURAH KG PERMATANG PASIR	KUALA LANGAT	99
45	RUAMH MURAH SIJANGKANG	KUALA LANGAT	219
46	RUMAH MURAH SG RAMBAI JENJAROM	KUALA LANGAT	230
47	RUMAH MURAH SUNGAI LANG	KUALA LANGAT	57
48	RUMAH MURAH KAMPUNG CANTIK	KUALA LANGAT	148
49	RUMAH MURAH KAMPONG KELANANG	KUALA LANGAT	143
50	RUMAH KILAT BANTING	KUALA LANGAT	50
51	RUMAH MURAH TG . SEPAT	KUALA LANGAT	153
52	RUMAH MURAH KG . SAWAH	KUALA LANGAT	100
53	RUMAH MURAH BUKIT CHANGGANG PERINGKAT II	KUALA LANGAT	208
54	RUMAH MURAH BT 6 JLN RABA BANTING	KUALA LANGAT	150
55	RUMAH MURAH BUKIT CHANGGANG I	KUALA LANGAT	155
56	RUMAH MURAH TALIAIR MORIB	KUALA LANGAT	89
57	RUMAH MURAH JENJAROM PKT III	KUALA LANGAT	81
58	RUMAH MURAH SUNGAI MANGGIS PKT II	KUALA LANGAT	133
59	RUMAH MURAH SG JAROM PKT 2	KUALA LANGAT	50
60	RUMAH MURAH SG MANGGIS PKT1	KUALA LANGAT	110
61	RUMAH MURAH PKNS PASIR PENAMBANG	KUALA SELANGOR	55
62	RUMAH MURAH PKNS SUNGAI BULOH	KUALA SELANGOR	32
63	RUMAH MURAH PASIR PE NAMBANG III	KUALA SELANGOR	260
64	RUMAH MURAH BATANG BERJUNTAI III (PKNS)	KUALA SELANGOR	178
65	RUMAH MURAH JPN TANJ ONG KARANG	KUALA SELANGOR	130
66	RUMAH MURAH PKNS KAMPUNG KUANTAN	KUALA SELANGOR	120
67	RUMAH MURAH BUKIT BADONG PKNS	KUALA SELANGOR	121
68	RUMAH MURAH PKNS IJOK	KUALA SELANGOR	171
69	RUMAH MURAH JERAM II	KUALA SELANGOR	130
70	RUMAH MURAH KUALA SELANGOR PKT II PKNS	KUALA SELANGOR	144
71	RUMAH MURAH JKR BKT.BELIMBING	KUALA SELANGOR	111
72	RUMAH MURAH KOH KOI BOH TANJUNG KARANG	KUALA SELANGOR	50
73	RUMAH MURAH KOH KAI BOH SG BULUH	KUALA SELANGOR	32
74	RUMAH MURAH KOH KAI BOH PASIR PENAMBANG	KUALA SELANGOR	32
75	RUMAH MURAH KOH KAI BOH TELOK PIAH	KUALA SELANGOR	50
76	RUMAH KILAT BATANG BERJUNTAI	KUALA SELANGOR	50
77	RUMAH MURAH RANTAU PANJANG	KUALA SELANGOR	202
78	RUMAH MURAH PKNS BATANG BERJUNTAI	KUALA SELANGOR	100
79	RUMAH MURAH PKNS TANJONG KARANG	KUALA SELANGOR	50
80	RUMAH MURAH PKNS JERAM I	KUALA SELANGOR	72
81	RUMAH MURAH TELOK PIAH PKNS	KUALA SELANGOR	50
82	RUMAH MURAH PKNS IJOK	KUALA SELANGOR	50
83	RUMAH MURAH BATANG BERJUNTAI	KUALA SELANGOR	100

BIL.	NAMA PROJEK	DAERAH	UNIT
84	RUMAH MURAH JKR TANJONG KARANG	KUALA SELANGOR	202
85	RUMAH MURAH SEKINCHAN PKT 2	SABAK BERNAM	50
86	RUMAH KILAT SEKINCHAN PKT 1	SABAK BERNAM	50
87	RUMAH MURAH PEKAN B. N. O. SABAK BERNAM	SABAK BERNAM	103
88	RUMAH MURAH SG BESAR PKT 3A	SABAK BERNAM	130
89	RUMAH MURAH SEKINCHAN 5	SABAK BERNAM	160
90	RUMAH MURAH SEKINCHAN PKT 4B	SABAK BERNAM	60
91	RUMAH MURAH SABAK BERNAM PKT 2B	SABAK BERNAM	150
92	RUMAH MURAH SABAK BERNAM PKT 2A	SABAK BERNAM	137
93	RUMAH MURAH SEKINCHAN IVA	SABAK BERNAM	60
94	RUMAH MURAH PKT III SEKINCHAN	SABAK BERNAM	100
95	RUMAH MURAH SG BESAR PKT II	SABAK BERNAM	180
96	RUMAH MURAH SABAK PKT 1	SABAK BERNAM	66
97	RUMAH MURAH SG BESAR PKT 1	SABAK BERNAM	54
98	RUMAH MURAH TAMAN SRI KANTAN KAJANG	HULU LANGAT	118
99	RUMAH MURAH BATU 9 3/4 JALAN CHERAS	HULU LANGAT	91
100	RUMAH MURAH KG TASEK TAMBAHAN PKT II	HULU LANGAT	414
101	RUMAH MURAH BANGI PKT 1B KAJANG	HULU LANGAT	64
102	RUMAH MURAH SG RAMAL	HULU LANGAT	50
103	RUMAH MURAH BT 13 SIMPANG BALAK	HULU LANGAT	117
104	RUMAH MURAH KG PASIR SG LALANG SEMENYIH	HULU LANGAT	100
105	RUMAHMURAH BATU 1/2 JLN BANGI	HULU LANGAT	89
106	RUMAH MURAH KAMPUNG MELAKA	HULU LANGAT	95
107	RUMAH MURAH SG SERAI	HULU LANGAT	100
108	RUMAH MURAH BATU 15 JALAN SEMENYIH	HULU LANGAT	128
109	RUMAH MURAH KG PADANG	HULU LANGAT	50
110	RUMAH MURAH KG TASIK TAMBAHAN III	HULU LANGAT	549
111	RUMAH MURAH BERANANG PKT II	HULU LANGAT	54
112	RUMAH MURAH BT 21 1/2 SUNGAI LUI	HULU LANGAT	100
113	RUMAH MURAH BUKIT KUNDANG	HULU LANGAT	61
114	RUMAH MURAH SEMENYIH	HULU LANGAT	50
115	RUMAH MURAH BATU 18 ULU LANGAT	HULU LANGAT	57
116	RUMAH MURAH BATU 9 JLN CHERAS KAJANG	HULU LANGAT	32
117	RUMAH MURAH SG MAKAU II	HULU LANGAT	197
118	RUMAH MURAH BERANANG PKT I	HULU LANGAT	70
119	RUMAH MURAH BT 6 BANGI PKT I	HULU LANGAT	41
120	RUMAH MURAH BATU 14 SG MAKAU	HULU LANGAT	77
121	RUMAH MURAH SG RAMAL LUAR KAJANG	HULU LANGAT	69
122	RUUMAH MURAH KG TASEK TAMBAHAN PKT I	HULU LANGAT	14
123	RUMAH MURAH KG JAMBU KAJANG	HULU LANGAT	93
124	RUMAH MURAH SG CHUA KAJANG	HULU LANGAT	51
125	RUMAH KILAT BATU 16 RAWANG	GOMBAK	99
126	RUMAH MURAH BT 16 RA WANG PKT I	GOMBAK	58

BIL.	NAMA PROJEK	DAERAH	UNIT
127	RUMAH MURAH KILAT BT 18 KUANG	GOMBAK	32
128	RUMAH MURAH BATU 17 RAWANG PKT III	GOMBAK	155
129	RUMAH MURAH KG. LADANG BHARU, KUANG	GOMBAK	218
130	RUMAH MURAH RENONG TIN BATU CAVES	GOMBAK	126
131	RUMAH MURAH BATU 16 PKT II RAWANG	GOMBAK	78
132	RUMAH MURAH KG KENANGA PKT II RAWANG	GOMBAK	54
133	RUMAH MURAH BATU ARANG	GOMBAK	100
134	RUMAH MURAH BATU 20 KUANG	GOMBAK	26
135	RUMAH MURAH KG KENANGA PKT I, RAWANG	GOMBAK	49
136	RUMAH MURAH SUNGAI PELEK 1	SEPANG	50
137	RUMAH MURAH BATU 1	SEPANG	50
138	RUMAH KILAT SUNGAI PELEK	SEPANG	50
139	RUMAH MURAH PEKAN DENGKIL	SEPANG	177
140	RUMAH MURAH SALAK TINGGI II	SEPANG	400
141	RUMAH MURAH SUNGAI MERAB PKT 1	SEPANG	100
142	RUMAH MURAH SG PELEK PKT II	SEPANG	72
143	RUMAH MURAH SALAK TINGGI 1	SEPANG	104
144	RUMAH MURAH BATU 2 TANJONG MAS	SEPANG	56
145	RUMAH MURAH SALAK SEPANG	SEPANG	30
146	RUMAH MURAH JLN PDG GOLF "C-1" K.K.B	HULU SELANGOR	30
147	RUMAH MURAH SG CHOHL	HULU SELANGOR	49
148	RUMAH MURAH PKNS ULU BERNAM 'C'	HULU SELANGOR	50
149	RUMAH MURAH JLN PADANG TEMBAK K.K.B	HULU SELANGOR	50
150	RUMAH MURAH SERENDAH PKT 2	HULU SELANGOR	48
151	RUMAH MURAH KALUMPANG 'B'	HULU SELANGOR	33
152	RUMAH KILAT ULU BERNAM	HULU SELANGOR	32
153	RUMAH KILAT SERENDAH	HULU SELANGOR	50
154	RUMAH KILAT RASA	HULU SELANGOR	50
155	RUMAH MURAH ULU BERNAM PKT II	HULU SELANGOR	200
156	RUMAH MURAH BT 30 ULU YAM LAMA	HULU SELANGOR	50
157	RUMAH MURAH BATANG KALI PKT 3	HULU SELANGOR	47
158	RUMAH MURAH SUNGAI SELISEK I K.K.BAHARU	HULU SELANGOR	31
159	RUMAH MURAH ULU YAM BHARU II	HULU SELANGOR	32
160	RUMAH MURAH KALUMPANG II	HULU SELANGOR	50
161	RUMAH MURAH ULU BERNAM	HULU SELANGOR	20
162	RUMAH MURAH KERLING (KILAT)	HULU SELANGOR	50
163	RUMAH MURAH K/KUBU BARU JLN PDG TEMBAK	HULU SELANGOR	197
164	RUMAH KILAT KALUMPANG A	HULU SELANGOR	80
165	RUMAH MURAH BATANG KALI 'A'	HULU SELANGOR	146
166	RUMAH KILAT ULU YAM LAMA	HULU SELANGOR	32
167	RUMAH KILAT ULU YAM BAHRU	HULU SELANGOR	32
168	RUMAH MURAH BATANG KALI PKT II B	HULU SELANGOR	74

BIL.	NAMA PROJEK	DAERAH	UNIT
169	RUMAH MURAH JLN PADANG GOLF PKT 3	HULU SELANGOR	50
170	RUMAH MURAH KALUMPANG "C"	HULU SELANGOR	24
171	RUMAH MURAH JLN PDG GOLF A K KUBU BARU	HULU SELANGOR	30
172	RUMAH MURAH KG AIR PANAS KERLING	HULU SELANGOR	100
173	RUMAH MURAH BATANG KALI IIA	HULU SELANGOR	74
174	RUMAH MURAH JLN PDG GOLF "C-2" K K BAHRU	HULU SELANGOR	30
175	RUMAH MURAH TAMAN DESA MAHANG	KUALA SELANGOR	316
176	RUMAH MURAH TAMAN BUKIT ROTAN	KUALA SELANGOR	260
177	RUMAH MURAH TAMAN BUKIT BELIMBING	KUALA SELANGOR	118
178	RUMAH MURAH TAMAN RAJA MUSA	KUALA SELANGOR	182
179	RUMAH MURAH SIMPANG TIGA JERAM	KUALA SELANGOR	288
180	RUMAH MURAH BATU 17 RAWANG	GOMBAK	273
181	RUMAH MURAH DENGKIL II, JENDERAM HULU	SEPANG	100
JUMLAH			19667

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, senarai bilangan unit yang telah diisi dan unit yang masih kosong mengikut daerah adalah seperti berikut :-

BIL.	DAERAH	JUMLAH UNIT	JUMLAH UNIT DIISI	JUMLAH UNIT KOSONG
1	KLANG	2328	2328	-
2	PETALING	2141	2141	-
3	KUALA LANGAT	3113	3113	-
4	KUALA SELANGOR	3756	3703	53
5	SABAK BERNAM	1200	1200	-
6	HULU LANGAT	2931	2931	-
7	GOMBAK	1268	1268	-
8	SEPANG	1189	1189	-
9	HULU SELANGOR	1741	1741	-

- c) Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod hanya terdapat 53 unit Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) di Daerah Kuala Selangor yang masih kosong dan selebihnya iaitu 19,614 unit Rumah Awam Kos Rendah telah dimiliki.

Berkaitan 53 unit rumah kosong, Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bil 1/2011 bertarikh 3 Januari 2011 telah memutuskan supaya 53 unit RAKR ini ditenderkan kepada syarikat-syarikat yang berminat pada harga semasa.

Berhubung dengan unit-unit rumah kosong yang ditinggalkan adalah menjadi tanggungjawab pemilik hartaanah berkenaan untuk memastikan rumah masing-masing dalam keadaan baik dan teratur. Walaubagaimanapun, tindakan boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya premis atau unit rumah yang ditinggalkan dalam keadaan yang tidak teratur dan menimbulkan kacau ganggu kepada jiran atau masyarakat setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : PROJEK PENYALURAN AIR MENTAH PAHANG-SELANGOR

61. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Bagaimanakah status kerjasama kerajaan negeri terhadap projek penyaluran air tersebut?
 - b) Apakah tindakan segera kerajaan negeri jika kerjasama telah diberikan?
 - c) Apakah faktor pertimbangan yang menyebabkan kerajaan negeri lambat memberikan kerjasama sebelum ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memberikan kerjasama yang sewajarnya kepada Kerajaan Persekutuan di dalam menjayakan projek Penyaluran Air Pahang ke Selangor.
- b) Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan cadangan pengambilan balik tanah bagi pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2.
- c) Di dalam memberikan kelulusan ke atas cadangan pengambilan balik tanah bagi Projek Penyaluran Air dari Pahang ke Selangor, Kerajaan Negeri Selangor perlu membuat penelitian sewajarnya ke atas setiap tanah yang terlibat dari segi kesesuaian tapak yang dipohon. Bagi tanah-tanah persendirian, tidak dinafikan Kerajaan Persekutuan akan membayar semua pampasan yang ditetapkan.

Namun demikian, dalam melaksanakan projek tersebut, sebanyak 443 ekar tanah kerajaan seperti tanah simpanan hutan akan terlibat. Tanah-tanah kerajaan seperti rizab hutan, apabila digunakan di dalam projek tersebut tidak akan melibatkan pampasan dari Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor perlu membuat penelitian sewajarnya supaya Negeri Selangor tidak kehilangan tanah-tanah kerajaan itu tanpa sebarang balasan dari Kerajaan Persekutuan sebaliknya penggunaan tanah-tanah kerajaan tersebut di nilai secara *win-win basis* oleh Kerajaan Persekutuan bagi menjamin kepentingan rakyat Negeri Selangor di masa akan datang. Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan masih dalam proses merundingkan balasan oleh Kerajaan Persekutuan ke atas tanah-tanah kerajaan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK: KELAB GEMS

62. Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan Kelab Program Generasi Idaman Selangor (GeMS) di setiap daerah Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Setakat ini berapakah jumlah kelab GeMS yang ditubuhkan dan keahliannya?
- b) Apakah bentuk program yang akan dilaksanakan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa tetap Pendidikan, Pendidikan tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor telah merancang untuk menubuhkan Rakan Generasi Idaman Selangor atau singkatannya Rakan GeMS sebagai kesinambungan dan program pemantapan kepada para peserta yang telah terlibat dalam Program Generasi Idaman Selangor (GeMS) yang terdahulu.

Matlamat penubuhan Rakan GeMS adalah untuk membimbing masyarakat khususnya golongan remaja dan belia mengenai hidup bersosial yang lebih sihat dan berfaedah. Keterlibatan mereka didalam Rakan GeMS akan memberi satu inspirasi kepada golongan remaja dan belia untuk memajukan diri mereka bukan sahaja dari segi akademik malah dari segi pemantapan akhlak.

Dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Rakan GeMS ini akan memberi peluang kepada generasi remaja dan belia untuk menunjukkan bakat mereka dalam pelbagai bidang sama ada fizikal ataupun mental. Melalui Rakan GeMS juga ia dapat menjalinkan satu penkongsian ilmu di antara satu sama lain dalam melahirkan Generasi Idaman Selangor yang seimbang dari segi ilmu dan akhlaknya.

- b) Rakan GeMS merupakan satu platform yang baik kepada remaja dan belia khususnya di Negeri Selangor dalam mempraktikkan kemahiran dan intelektual mereka untuk merealisasikan impian mereka melalui kaedah dan panduan yang betul. Pelbagai program dan aktiviti akan dilaksanakan di dalam Rakan GeMS ini antaranya :
- i) Gaya pementasan kreatif
Bertujuan untuk menjana pemikiran kreatif di kalangan remaja dan belia.
 - ii) Kursus Motivasi
Memberi pendedahan kepada mereka khususnya belia mengenai pembentukan dan pemantapan akhlak mereka dalam melahirkan generasi yang berkualiti.
 - iii) Explorasi Alam
Memberi peluang kepada remaja dan belia untuk menghayati dan menghargai segala keindahan alam. Melalui aktiviti seumpama ini ia dapat memantapkan spiritual dan emosi mereka dalam menghadapi kehidupan seharian yang semakin mencabar.
 - iv) Kursus Kemahiran
Mewujudkan latihan kemahiran bersiri secara bulanan atau mingguan dengan fokus kepada minat remaja dan belia masa kini seperti kursus pembangunan website, membaiki handphone, penciptaan video permainan yang bermoral dan beretika, masakan menu remaja, jahitan dan sebagainya bagi mengisi ruang kosong yang terluang serta dapat menggunakan kemahiran yang dipelajari untuk menghasilkan pendapatan.

Selain itu, melalui Rakan GeMS juga Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan akan mejalankan pelbagai aktiviti lagi bagi mengukuhkan ilmu dan akhlak Generasi Idaman Selangor (GeMS). Pihak Kerajaan Negeri Selangor mengalukan-alukan kerjasama daripada semua pihak dalam menjaya Program Generasi Idaman Selangor (GeMS) demi untuk kesejahteraan bersama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : PROGRAM BELIA

63. Kerajaan negeri memperuntukkan kira-kira RM 6.1 juta bagi program-program pembangunan belia Selangor iaitu RM 3.3 juta - Program Pembangunan Anak Muda, RM 2.8 - Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dan penubuhan Sekretariat Belia Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana struktur sekretariat belia tersebut dan apakah perancangan tahunan 2011 ini?
- b) Nyatakan jenis program dan jumlah belia yang telah mengikut program-program pembangunan belia pada tahun 2010?
- c) Apakah kesan positif kepada belia yang mengikut program-program berkenaan?

JAWAPAN :

- a) Sekretariat Belia Negeri Selangor diasaskan pada bulan April 2009 dan ianya berfungsi sebagai pelaksana program belia peringkat Negeri. Mulai Pada 1 Januari 2011, Sekretariat Belia Negeri Selangor telah diserap ke dalam struktur Majlis Sukan Negeri Selangor sebagai bahagian baru iaitu Bahagian Pembangunan Belia. Bahagian Pembangunan Belia ini telah menambah peranan dengan memantau program pembangunan belia di peringkat Penggerak Belia Tempatan (PeBT). Pembangunan Belia bagi tahun 2011 telah diperuntukkan sebanyak RM 3.3 juta Daripada jumlah ini, sebanyak RM 2.8 juta diperuntukkan kepada PeBT untuk program peringkat akarum bidan baki RM 500,000 diperuntukkan kepada Bahagian Pembangunan Belia, Majlis Sukan Negeri Selangor untuk penganjuran program peringkat negeri.

Berikut adalah program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2011:

- i) Jom Daftar Undi diadakan sepanjang tahun dengan 10 kali penganjuran.
- ii) Kursus Kepimpinan dan Pengurusan PeBT yang telah diadakan pada 13 Februari 2011 di Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor.
- iii) Kongres Gerakan Mahasiswa Nasional yang telah diadakan pada 12 Mac 2011 di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)
- iv) *Flea Market Gen-S*, Kompleks Belia yang diadakan mulai Mei 2011 dengan 4 kali penganjuran.
- v) Belia Bersama Komuniti yang akan diadakan mulai 17 April 2011 sebanyak 12 penganjuran di 12 Pihak Berkuasa Tempatan.

- vi) Jelajah Futsal Selangor yang akan diadakan pada 8 April hingga 28 Mei 2011 dengan melibatkan 12 penganjuran di setiap PBT. Satu kejohanan akhir peringkat negeri Selangor akan diadakan sebagai kemuncak untuk mencari juara di kalangan juara peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
 - vii) *Festival of Youth 2011* iaitu Sambutan Hari Belia Kebangsaan akan diadakan bersekali dengan Persidangan Anak Muda Kebangsaan dan Majlis Anugerah PeBT yang dijangka dianjurkan pada 23 Julai 2011.
 - viii) Program Ihya Ramadhan bersama Belia yang merupakan acara tahunan dijangka diadakan pada 5 Ogos 2011;
 - ix) *Selangor Youth Talent Award* yang merupakan pengiktirafan kepada seniman muda dijangka diadakan pada September 2011; dan
 - x) Retreat Pimpinan Mahasiswa dijangka diadakan pada Oktober 2011.
- b) Pembangunan Belia memfokuskan enam bidang utama dalam melaksanakan program iaitu :
- i) Pendidikan;
 - ii) Sukan;
 - iii) Kepimpinan;
 - iv) Seni Budaya;
 - v) Keusahawanan; dan
 - vi) Komuniti.

Oleh yang demikian, sebanyak 25 program peringkat Negeri telah dilaksanakan pada tahun lepas dengan melibatkan seramai 17,040 belia. Jumlah ini belum meliputi 310 program yang dianjurkan oleh Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di peringkat Zon atau akar umbi.

Antara Program utama peringkat negeri pada tahun 2010 adalah :

- i) Dialog Mushyi Abdullah yang dianjurkan sebanyak 3 kali;
- ii) Jelajah Futsal Padang Selangor 2010 yang dianjurkan sebanyak 13 kali;
- iii) Selangor Youth Talent Awards;
- iv) Festival Of Youth 2010;
- v) Belia bersama Komuniti yang dianjurkan sebanyak 4 kali; dan
- vi) Program Ihya Ramadhan bersama Belia dan Mahasiswa.

- c) Berikut adalah antara kesan positif kepada belia dalam mengikut program-program belia peringkat negeri :
- i) Para belia yang terlibat dapat mengetahui maklumat terkini mengenai program dan hasrat Kerajaan Negeri Selangor;
 - ii) Membuka ruang kepada belia untuk berbakti kepada masyarakat melalui program-program komuniti;
 - iii) Memberi peluang kepada belia untuk bersama secara melalui pertandingan yang dianjurkan;
 - iv) Kerajaan Negeri member pengiktirafan kepada belia-belia yang aktif melalui penglibatan seni, Penggerak Belia Tempatan dan lain-lain pertandingan yang dianjurkan;
 - v) Merapatkan serta membina rantaian hubungan di kalangan belia di Selangor; dan
 - vi) Meningkat jatidiri dan semangat patriotik di dalam diri belia.

LAMPIRAN A**PERANCANGAN PROGRAM BELIA PERINGKAT NEGERI TAHUN 2011**

BIL	TEMPOH	PROGRAM	CATATAN
01	Sepanjang tahun	Jom Daftar Undi	Program kesedaran untuk belia mendaftar sebagai pengundi
02	13 Feb 2011	Kursus Kepimpinan dan Pengurusan PeBT	Seminar, bengkel dan team-building PeBT daripada 12 PBT
03	12 Mac 2011	Kongres Gerakan Mahasiswa Nasional -2	Program jaringan Mahasiswa
04	Mulai Mei 2011 (4 siri)	Flea Market Gen-S Kompleks Belia	Program jaringan usahawan belia
05	Mulai 17 April 2011 (12 program di setiap PBT)	Belia Bersama Komuniti	Program komuniti – memperbaiki kemudahan awam setempat
06	9 April - 28 Mei 2011 (13 Pusingan)	Jelajah Futsal Selangor	Pertandingan futsal di kesemua 12 PBT seluruh Selangor
07	23 Julai 2011	Festival of Youth	Sambutan Hari Belia Antarabangsa – Karnival dan Forum Belia
08	23 Julai 2011	Persidangan Anak Muda Kebangsaan	Dialog, Seminar dan Forum isu-isu belia

09	23 Julai2011	Majlis Anugerah PeBT	Penyampaian Anugerah PeBT
10	5 Ogos2011	Program Ihya' Ramadhan	Program Pendidikan dan Komuniti Mahasiswa – Bulan Ramadhan
11	Sept 2011	Selangor Young Talent Awards	Anugerah Bakat Muda Selangor – seni tampak, seni persembahan, penulisan
12	Okt2011	Retreat Pimpinan Mahasiswa	Seminar, bengkel dan kursus kepimpinan pimpinan mahasiswa

LAMPIRAN B

PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA SEPANJANG TAHUN 2010

BIL	TARIKH	PROGRAM	KETERANGAN	KEHADIRAN	TEMPAT
01	4 Feb 2010	Dialog Munsyi Abdullah - Siri 1	Dialog Tokoh Intelektual – Kampus IPT	400 orang	Unisel Bestari Jaya
02	9 Feb 2010	Perhimpunan Mahasiswa Bersama Pemimpin	Program Dialog Ramah Mesra Mahasiswa Bersama Pemimpin	400 orang	Kediaman Rasmi Menteri Besar Shah Alam
03	16 Mac 2010	Program Belia bersama Komuniti	Komuniti	1,500 orang	Bukit Gadong Kuala Selangor
04	20 Mac 2010	Persidangan Anak Muda Kebangsaan	Dialog, Seminar dan Forum isu-isu belia	1,200 orang	Dewan Sivik dan Dewan Bankuet, PJ
05	19 – 11 April 2010	Belia Bersama Komuniti di Hulu Selangor	Komuniti	800 orang	Kg Rasa, Hulu Selangor
06	16 April 2010	Belia Bersama Komuniti di Hulu Selangor	Komuniti	700 orang	Kg Sri Kledang Hulu Selangor
07	16 Apr 2010	Selangor Young Talent Awards	Anugerah Bakat Muda Selangor – seni tampak, seni persembahan, penulisan,	1,000 orang	Dewan Sivik, PJ
08	30 Mei 2010	Jelajah Futsal Padang Selangor	Sukan Futsal	240 peserta	MBSA
09	5 Jun 2010	Jelajah Futsal Padang Selangor	Sukan Futsal	240 peserta	MPK
10	5 Jun 2010	Jelajah Futsal Padang Selangor	Sukan Futsal	240 peserta	MPSJ

11	6 Jun 2010	Jelajah Futsal Padang Selangor	Sukan Futsal	240 peserta	MPS
12	13 Jun 2010	Jelajah Futsal Padang Selangor	Sukan Futsal	240 peserta	MPSp
13	19 Jun 2010	Jelajah Futsal Padang Selangor	Sukan Futsal	240 peserta	MPAJ
14	19 Jun 2010	Jelajah Futsal Padang Selangor	Sukan Futsal	240 peserta	MPKj
15	25 Jun 2010	Dialog Munsyi Abdullah – siri 2	Dialog Tokoh Intelektual – Kampus IPT	2,000 orang	KUIS
16	26 Jun 2010	Jelajah Futsal Padang Selangor	Sukan Futsal	240 peserta	MDHS
17	26 Jun 2010	Jelajah Futsal Padang Selangor	Sukan Futsal	240 peserta	MDKS
18	26 Jun 2010	Jelajah Futsal Padang Selangor	Sukan Futsal	240 peserta	MDKL
19	26 Jun 2010	Jelajah Futsal Padang Selangor	Sukan Futsal	240 peserta	MBPJ
20	27 Jun 2010	Jelajah Futsal Padang Selangor	Sukan Futsal	240 peserta	MDSB
21	29 Jun 2010	Jelajah Futsal Padang Selangor - Akhir	Sukan Futsal	600 orang	Mini Stadium Shah Alam
22	30-31 Jul & 1 Ogos 2010	Festival Of Youth	Sambutan Hari Belia Antarabangsa – Karnival dan Forum Belia	4,500 orang	Padang Perbandaran Ampang Jaya
23	31 Jul 2010	Dialog Munsyi Abdullah – siri 3	Pertandingan Pidato dan Forum Belia Antarabangsa – Sambutan Hari Belia Antara bangsa	200 orang	Auditorium MPAJ

24	15 Ogos2010	Program Ramadhan Ihya' Mahasiswa bersama Pemimpin	Program Pendidikan dan Komuniti Mahasiswa bersama Pimpinan Kerajaan Negeri	500 orang	Kediaman Rasmi Menteri Besar, Shah Alam
25	3 September 2010	Program Masjid Imarah	Program Pendidikan dan Komuniti Belia Bersama Masyarakat	500 orang	Sepang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(DUN TERATAI)**

TAJUK: SISTEM TENDER IN PBT

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Sila jelaskan sistem tender in setiap PBT.
 - Kenapa hanya pegawai PBT boleh buka kotak tender, adakah sistem ini diguna oleh semua PBT ? Sila jelas mengikut setiap PBT.
 - Bagaimanakah sistem yang ada sekarang boleh menjamin ketelusan?

JAWAPAN :

- Secara keseluruhannya sistem tender di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor menggunakan pakai tatacara perolehan kerja dan pembekalan berdasarkan kepada Seksyen III Arahan Perbendaharaan dan disokong Surat Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor. Kaedah pelaksanaan perolehan secara tender seperti publisiti, spesifikasi, deposit, pelawaan, syarat-syarat tender, kaedah pembayaran dan jadual kadar telah ditetapkan dan diseragamkan dalam Arahan Perbendaharaan dan Surat Pekeliling yang berkenaan.
- Dalam urusan pembukaan kotak tender, setiap PBT Negeri Selangor menggunakan pakai Arahan Perbendaharaan 197.2 (b) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 tahun 2009 yang mensyaratkan pembukaan peti tawaran hendaklah di buka oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Bahagian secara bertulis. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) pegawai yang mana seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Selain itu, PBT juga telah melaksanakan Pegawai yang bertugas untuk pembukaan Peti Tawaran di pilih mengikut giliran dan bukan daripada jabatan yang mengeluarkan tawaran. Surat Pekeliling Perbendaharaan tersebut juga menyatakan tugas-tugas Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga.
- Pelaksanaan sistem perolehan secara tender berpandukan Arahan Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan dapat menjamin ketelusan di mana keperluan perolehan di jelaskan dengan terperinci dan selain itu melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil.6 Tahun 2009 penglibatan ahli majlis sebagai ahli dalam Jawatan Kuasa Tender dapat membantu dalam memastikan ketelusan terlaksana. Penambahbaikan juga dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan dan Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor dari masa ke semasa dengan pengeluaran Surat Pekeliling Perbendaharaan agar sistem perolehan tersebut sentiasa relevan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PROJEK USAHA SAMA ANTARA KERAJAAN NEGERI DAN SEKTOR SWASTA

65. Bertanya kepada Y. A. B Menteri Besar:
- Senaraikan jenis projek dan jumlah nilai projek usaha sama antara Kerajaan Negeri Selangor dan sektor swasta daripada tahun 2007-2011?
 - Apakah dasar yang digunakan oleh kerajaan negeri bagi menyediakan pasaran yang kompetitif bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri Selangor sangat menggalakkan usaha sama dengan pihak swasta sama ada Kerajaan Negeri Selangor dan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Dalam tempoh tahun 2007 hingga 2011, terdapat sebanyak 26 jenis projek telah dilaksanakan secara usaha sama Kerajaan Negeri Selangor dan anak syarikat bersama pihak swasta yang di anggarkan bernilai Ringgit Malaysia : Satu Bilion Empat Ratus Lima Puluh Empat Juta Lima Ratus Tujuh Empat Ratus Ribu Dua Ratus Sembilan Puluh Dan Empat Puluh Enam Sen (RM1,454,574,290.46). Projek-projek ini melibatkan pembangunan harta tanah, perumahan, perniagaan, penyelenggaraan, perlombongan, bahan batuan/mineral, penyewaan dan pertanian yang melibatkan Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri merangkumi Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)/Kumpulan Peransang Selangor Berhad (KPSB), Yayasan Selangor (YS) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) .
- Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat swasta dalam semua sektor pembangunan termasuk pembangunan harta tanah di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor menetapkan bahawa sebarang kerjasama mestilah memberi keuntungan dan faedah terbaik kepada kedua-dua belah pihak yang terlibat iaitu Kerajaan Negeri Selangor dan anak syarikat yang mengadakan projek usaha sama dengan pihak swasta. Bagi setiap cadangan pembangunan projek-projek usaha sama akan dinilai berdasarkan daya maju syarikat, perolehan kepada Kerajaan Negeri dan keuntungan yang boleh dinikmati oleh rakyat. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga melaksanakan cadangan pembangunan dan pelupusan tanah kerajaan secara tender.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : TINDAKAN PBT KEPADA PENIAGA ASING HARAM

66. Masih ramai pendatang-pendatang asing dari kalangan rakyat Myanmar, Pakistan, Bangladesh dan Indonesia yang sewenang-wenang nya membuka kedai gunting rambut, warung makanan, pasar jual sayur dan buah-buahan tanpa rasa gentar langsung kepada pihak berkuasa. Peniaga-peniaga tempatan yang di beri lesen pula menyewakan premis-premis perniagaan mereka kepada peniaga-peniaga asing bagi meraih keuntungan yang mudah. Orang ramai pun tahu perkara ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sampai bilakah kemelut ini akan berlarutan dan apakah bentuk-bentuk perubahan dan tindakan berkesan yang patut di ambil oleh pihak berkuasa bagi mengatasi masalah ini ?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Ahli yang Berhormat sekalian, PBT tidak akan mempertimbangkan permohonan lesen kepada warga negara asing. Lesen hanya diberikan kepada pemohon warganegara Malaysia sahaja. Walau bagaimanapun, ada pemegang lesen yang mengajikan warga negara asing sebagai pekerja mereka kerana gaji yang dibayar adalah lebih rendah berbanding pekerja tempatan. Pihak PBT telah pun mensyaratkan pemegang lesen perlu berada di premis sepanjang waktu ia beroperasi dan pemeriksaan dijalankan secara berterusan dari semasa ke semasa. Jika didapati pemegang lesen ingkar dan wujud unsur-unsur penyelewengan, siasatan lanjut akan dijalankan. Sekiranya pemegang lesen didapati bersalah, lesen perniagaan mereka boleh dibatalkan.
- b) Bagi pemilik lesen warga negara yang memberikan lesen mereka kepada penjaja warga asing untuk bermiaga, lesen yang diberikan serta sewaan premis boleh ditarik balik. Di samping itu, barang perniagaan juga akan turut disita oleh PBT. Manakala bagi pekerja asing tanpa permit, perkara ini akan diambil tindakan oleh pihak Imigresen. PBT juga menjalankan operasi bersepadu bersama agensi-agensi lain bagi membendung perkara ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : HARI TANPA BEG PLASTIK

67. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambah bilangan hari untuk kempen ini selain pada Hari Sabtu?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sememangnya bercadang untuk menambah bilangan Hari Tanpa Beg Plastik selain pada Hari Sabtu bagi memastikan keberkesanan kempen ini dan mengurangkan pengeluaran dan penggunaan beg plastik di Negeri Selangor.

Walaubagaimanapun, perkara ini masih lagi dalam perbincangan dan pertimbangan daripada pihak Kerajaan Negeri. Buat masa ini, hanya Hari Sabtu ditetapkan sebagai Hari Tanpa Beg Plastik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK : FAHAMAN WAHABI

68. Mutakhir ini terdapat gerakan untuk mengembangkan fahaman Wahabi di kalangan masyarakat Islam.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian ?

JAWAPAN :

- a) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah memperuntukkan satu kajian khas berkaitan Aliran Pembid'ahan dan Ancamannya Terhadap Perpaduan Umat Islam Di Negeri Selangor yang dihasilkan oleh pensyarah-pensyarah Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kajian yang dilakukan secara rawak di 21 kawasan yang terdapat di dalam Negeri Selangor mendapati 62.3% dalam Bandar menyatakan aliran pembid'ahan yang mengelirukan kefahaman umat Islam terhadap konsep sebenar ajaran Islam. Selain itu, 57.8% menjelaskan wujud perpecahan perpaduan umat Islam di luar Bandar dan di pinggir Bandar. Kendatipun, jumlah tersebut tidak sampai tahap 80% namun ianya adalah di peringkat awal yang telah dikenal pasti di Negeri Selangor boleh mewujudkan ketidakharmonian dalam masyarakat umat Islam.

Sehubungan itu, JAIS telah mengambil beberapa langkah inisiatif bagi membendung kesan negatif ini terhadap umat Islam di Negeri Selangor seperti beberapa langkah berikut:

1. Mengadakan konvensyen pengukuhan Aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai arus perdana di Negeri Selangor pada 20 Mac 2010 di Auditorium MBSA Shah Alam Selangor.
2. Memperkasakan tauliah mengajar di masjid dan surau Negeri Selangor bagi mengawal pengajar atau penceramah yang boleh menimbulkan suasana tidak mesra atau tuduh menuduh antara satu sama lain.
3. Memperbanyak majlis penjelasan seperti khutbah dan forum berkala tentang bahaya aliran pembid'han terhadap amalan tradisi Islam.
4. Mengeluarkan dan menyebarkan bahan penerbitan untuk edaran ke seluruh masjid dan surau bagi menyanggah aliran pembid'ahan.

Justeru, JAIS amat mengambil berat terhadap perkembangan Islam di Negeri Selangor serta sebarang ancaman yang boleh wujud dalam perpaduan sesama umat Islam dan perkara-perkara bertentangan dengan al-Quran dan as-Sunnah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PENCEMARAN ALAM SEKITAR

69. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Sejauh manakah tindakan-tindakan yang berkesan telah diambil untuk mengatasi pencemaran asap-asap kilang yang terdapat di Negeri Selangor?
 - Sila senaraikan jumlah kilang-kilang yang masih melanggar peraturan pencemaran asap-asap kilang yang telah diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam tahun 2010.
 - Sila senaraikan kilang-kilang tersebut yang telah diambil tindakan penguatkuasa dan tindakan Mahkamah oleh Pihak yang bertanggungjawab.

JAWAPAN :

- Kilang-kilang yang didapati melakukan kesalahan melepaskan asap yang berlebihan menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar akan diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 iaitu dengan mengeluarkan Notis Arahan, kompaun, tindakan mahkamah dan mengenakan Perintah Larangan beroperasi.

Pada tahun 2010 Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan sebanyak 2275 pemeriksaan penguatkuasaan meliputi 2094 premis industri pembuatan yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Daripada premis yang diperiksa, sebanyak 1608 atau 76.8% premis menunjukkan pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di mana peratus pematuhan tersebut adalah meningkat berbanding tahun 2009 yang mencatat pematuhan 74.8%.

Khusus bagi kilang-kilang di kawasan sekitar Meru dan Sementa, Klang yang menghasilkan pencemaran udara terdiri dari kilang berasaskan kayu, kilang sarung tangan getah, plastik, "cement batching plant", berasaskan getah, kimia, logam, percetakan dan tekstil. Tindakan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar bagi mengawal pelepasan asap dari kilang-kilang ini adalah dengan membuat pemeriksaan berkala ke atas premis kilang-kilang tersebut bagi memastikan operasi kilang-kilang ini dilengkapi dengan alat kawalan yang sepatutnya, membuat percontohan pelepasan cerobong dan menyemak 'smoke record' yang dipasang oleh kilang-kilang tersebut.

Pada tahun 2010, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan sebanyak 200 pemeriksaan penguatkuasaan ke atas kilang-kilang yang terletak di kawasan sekitar Meru dan Sementa, Klang di mana hasil dari lawatan siasatan yang dijalankan sebanyak 39 surat arahan, 43 Notis Arahan dan 46 kompaun telah dikeluarkan.

Dalam hubungan ini ingin dijelaskan juga bahawa kawalan ke atas pelepasan asap dari kilang-kilang ini juga bergantung kepada operasi dan penyenggaraan alat kawalan yang dipasang. Terdapat juga kes-kes di mana alat kawalan yang dipasang tidak dikendalikan dengan baik semasa ketiadaan pegawai JAS di lapangan atas alasan cuba menjimatkan kos. Ini menyebabkan masih berlaku beberapa kes pencemaran dari masa ke semasa yang menyebabkan aduan orang ramai. Bagi kes-kes yang melibatkan aduan berulang dan siasatan mendapati aduan adalah berasas dan disebabkan kecuaian dari pihak kilang tindakan yang lebih tegas akan diambil.

- b) Hasil dari lawatan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor pada tahun 2010 didapati sebanyak 27% premis atau 614 kilang gagal mematuhi Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 melibatkan pelbagai kesalahan seperti melepaskan asap hitam dari cerobong kilang, tidak mengendalikan alat kawalan pencemaran dengan sempurna dan memasang peralatan pembakaran bahan api/cerobong tanpa mendapat Kelulusan Bertulis terlebih dahulu. Sebanyak 74 kompaun telah dikeluarkan pada tahun 2010 ke atas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan di atas. 25 dari kompaun tersebut melibatkan kesalahan gagal mengendalikan alat kawalan pencemaran dengan sempurna, 3 kompaun kerana melepaskan asap hitam dari cerobong melebihi standard dan selebihnya merupakan kesalahan membuat pemasangan alat pembakaran bahan api tanpa kelulusan Jabatan dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Di samping itu, satu kilang telah dikenakan tindakan Perintah Larangan beroperasi kerana tidak memasang alat kawalan bagi pelepasan asap dan menyebabkan aduan berulang dari penduduk berhampiran.

- c) Kilang-kilang yang telah diambil tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 mengikut jenis industri pada tahun 2010 kerana melakukan kesalahan pencemaran udara adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Industri	Bil. kompaun
1.	Kilang kayu/papan/perabot	11
2.	Industri berasas getah	9
3.	Kilang seramik/tembikar/batu-bata	9
4.	Industri pembuatan/asas logam	7
5.	Kilang simen/loji konkrit	7
6.	Kilang besi dan keluli	6
7.	Kilang makanan	4
8.	Kilang plastik	3
9.	Kilang aluminium	2
10.	Industri minyak	2
11.	Bengkel/Woksyop kenderaan	2
12.	Lain-lain	12
	JUMLAH	74

Selain dari mengeluarkan kompaun, Jabatan ini juga telah menyediakan 5 kertas siasatan melibatkan kesalahan pencemaran udara dari kilang (tidak termasuk kes-kes pembakaran terbuka) untuk dikenakan tindakan mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B HJ SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

70. Taman Sungai Yu Indah, Kampung Sungai Yu telah terbengkalai sekian lamanya dan member kesan sosioekonomi kepada pembeli-pembeli rumah di projek berkenaan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah Kerajaan Negeri akan berusaha menyiapkan projek berkenaan pada tahun 2011 ini?

JAWAPAN :

Jawapan oleh PNSB :

- a) Ya, Kerajaan Negeri melalui Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) telah berusaha untuk menyiapkan projek berkenaan pada tahun 2011.

PNSB telah pun mengemukakan cadangan permohonan kepada Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) bagi meminda 272 Unit Rumah Teres Kos Rendah (RTKR) di dalam Fasa 2 kepada Rumah Teres Kos Sederhana Rendah (RTKSR). Penukaran komposisi keseluruhan pembangunan daripada 100% unit Rumah Kos Rendah kepada pembangunan 50 : 50, bertujuan untuk menampung kos pembangunan secara keseluruhan. Ini adalah disebabkan projek tersebut bergantung kepada '*end financing*' sepenuhnya yang mana mempunyai pulangan yang lambat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK : ISU BERKAITAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

71. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

- a. Apakah perkembangan terkini di dalam rancangan penyerahan Tasik Kelana (bersebelahan SS7/24 dan SS 7/13) daripada MBPJ kepada PKNS yang sehingga kini masih tertangguh?

JAWAPAN :

a) Adalah dimaklumkan bahawa Taman Tasik Komuniti Kelana Jaya ini telah diambil alih oleh MBPJ mulai 1 Jun 2010. Pihak MBPJ telah melantik satu kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan tasik tersebut. Butiran kontraktor adalah seperti berikut :-

1. Nama kontraktor - Juara Johanjaya (M) Sdn. Bhd.
2. Kos penyelenggaraan - (RM25,727.00 sebulan)
3. Aduan - sampah (pemancing/orang awam membuang sampah merata)

Secara keseluruhan aduan yang diterima di kawasan ini adalah berkenaan isu sampah yang dibuang ke dalam kolam oleh orang awam dan pemancing, walau bagaimanapun pihak Jabatan Landskap MBPJ telah mengambil tindakan segera dengan melakukan kerja-kerja pembersihan tasik secara rutin agar sentiasa dalam keadaan bersih dan selesa untuk dikunjungi orang awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENGELOUARAN DAGING LEMBU

72. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 berkenaan Jabatan Veterinar di muka surat 20-26:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan untuk memenuhi objektif tahun 2009 yang tidak dicapai?
- b) Apakah langkah-langkah pemantauan pendapatan penternak yang telah dilakukan oleh Jabatan?
- c) Apakah program-program Jabatan dalam membimbing penternak supaya mematuhi standard kualiti MS ISO 9001:2008?

JAWAPAN :

- a) Terdapat dua objektif tahun 2009 atau RMKe 9 yang ditegur oleh Ketua Audit Negara kerana tidak dicapai
 1. Transformasi Penternak Kepada Tahap Komersial Kurang Berjaya.

Bagi menggalakkan transformasi penternak kepada tahap komersial, dalam RMKe 10, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah melaksanakan sebuah program baru iaitu Skim Pengganda Ruminan Selangor (SPERS). Skim ini ditawarkan kepada ladang-ladang ruminan (lembu pedaging, lembu tenusu, kambing dan bebiri) sedia ada dengan syarat utamanya mempunyai pengalaman dan kemampuan dari segi sumber terutamanya infrastruktur, makanan dan kewangan. Syarat-syarat ini perlu dikenakan kerana berdasarkan analisis pihak Jabatan dan Laporan Ketua Audit Negara yang menyebut:

Sebab bilangan penternak tahap komersial tidak meningkat di Negeri Selangor adalah kawasan untuk ternakan secara komersial tidak mencukupi, kos makanan lembu meningkat dan tenaga kerja di ladang berkurangan

Secara ringkasnya, SPERS bertujuan meningkatkan bilangan penternak bertaraf komersial di Negeri Selangor. Penternak semi-komersial yang menyertai SPERS ditawarkan membeli bibit lembu pedaging daripada kerajaan dengan harga istimewa. Dengan ini penternak semi-komersial yang menyertai skim ini akan secara langsung ditransformasi kepada komersial kerana definisi komersial ditakrifkan "bilangan bibit yang dipelihara melebihi 100 ekor". Penternak-penternak kecil yang lain juga akan menikmati faedah dengan menerima bantuan lembu dara hasil pembiakan lembu skim ini. Sebuah perjanjian akan

dimeterai yang mensyaratkan penternak berkenaan menjual semula kepada kerajaan lembu dara daripada bibit yang diagihkan.

2. Pengeluaran Daging Lembu Tidak Mencapai Sasaran

Dalam RMKe 10, pihak Jabatan telah meminda sasaran pengeluaran daging kepada sesuatu tahap yang munasabah iaitu mengekalkan 10% saradiri sementara 90% lagi diimport daripada negeri-negeri lain atau luar negara. Keputusan ini diambil berdasarkan analisis yang telah dibuat oleh Jabatan dan Laporan Ketua Audit Negara yang menyebut:

Faktor yang menghalang pencapaian sasaran pengeluaran daging lembu itu adalah kerana sasaran yang dinyatakan dalam RMKe 9 itu telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia untuk JPV Negeri Selangor, dan adalah terlalu tinggi. Sasaran itu telah ditetapkan sedemikian rupa bagi mencapai sasaran Program Balance of Trade (BOT) yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pertanian pada RMKe 9. Walau bagaimanapun, Program BOT telah "dimansuhkan" oleh Menteri Pertanian pada 2008.

Jabatan berpendapat, adalah mustahil untuk mencapai sasaran ini memandangkan Negeri Selangor merupakan sebuah negeri industri dan tidak mempunyai tanah yang luas untuk penternakan berbanding negeri-negeri seperti Sabah, Sarawak dan Pahang.

Faktor yang menyebabkan sasaran Program tidak dapat dicapai sepenuhnya adalah tanah untuk ternakan lembu pedaging secara besar-besaran tidak mencukupi dan kekurangan kawasan ragut untuk lembu. Mengikut Pegawai Veterinar, seekor lembu memerlukan tanah seluas sekurang-kurangnya 1.5 hektar untuk mendapat makanan rumput segar sekurang-kurangnya 20 kilogram sehari.

Selain daripada kekurangan kawasan ragut, penurunan peratus pencapaian sasaran tahunan juga disebabkan oleh peningkatan kos pengeluaran daging lembu. Harga bahan asas untuk membuat makanan lembu seperti jagung, kacang soya dan isirong kelapa sawit telah meningkat dengan ketara antara tahun 2005 dan 2008 iaitu 61.5% hingga 294.2%.

Kenaikan kos makanan lembu ini menyebabkan penternak tidak mampu membeli bahan makanan tersebut. Seterusnya penternak tidak dapat mempertahankan ladang ternakan mereka.

Perlu dimaklumkan bahawa untuk mengekalkan tahap sara diri 10% juga merupakan satu cabaran kerana jumlah pengeluaran masih perlu meningkat dari tahun ke tahun bagi menampung pertambahan bilangan penduduk. Bagi mencapainya, dalam RMKe 10, pihak Jabatan telah melaksanakan beberapa program yang mampu membantu penternak mengekalkan daya saing seperti Program Pembiakan, Penternakan Breedlot dan Program Pemakanan Ternakan.

- b) Langkah-langkah pemantauan pendapatan penternak yang telah dilakukan oleh Jabatan adalah menerusi Program Pengembangan Veterinar. Berdasarkan panduan daripada Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Malaysia, pemantauan ini menekankan aspek teknikal dan produktiviti ladang seperti lawatan ke lapangan, program kawalan penyakit, tindakan intervensi dan analisis margin kasar. Analisis margin kasar mampu menunjukkan samada sesuatu projek ternakan menguntungkan atau sebaliknya.
- c) Pihak jabatan tidak mempunyai program khusus dalam membimbing penternak supaya mematuhi standard kualiti MS ISO 9001:2008. Walau bagaimanapun, Jabatan sudah mempunyai program kepastian kualiti yang lain iaitu Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT). Jabatan juga mempunyai program khas untuk pengusaha-pengusaha dan loji-loji pemprosesan produk berasaskan haiwan iaitu *Veterinary Health Mark* (VHM) dan *Good Health and Veterinary Practice* (GHVP). Program-program ini juga mirip kepada MS ISO di mana terdapatnya pengauditan.

Daripada sudut lain, Jabatan pula telah mematuhi standard kualiti MS ISO 9001:2008 dalam dua bidang kerja iaitu:

- Pentadbiran dan Kewangan
- Kesihatan Veterinar

Pada tahun 2011, pihak Jabatan memberi fokus ke arah standard kualiti bidang kerja Regulatori pula. Standard kualiti kepada bidang kerja Pembangunan Industri Ternakan dibuat selepas itu kerana pihak Jabatan perlu terlebih dahulu memberi tumpuan piawaian kualiti ke atas bidang kerja yang melibatkan perundangan seperti Regulatori.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : MUTU PERKHIDMATAN TENAGA NASIONAL BERHAD

73. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :
- Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan terdapat banyak aduan yang menyatakan ketidakpuashatian terhadap mutu perkhidmatan TNB terutamanya sewaktu perayaan Tahun Baru Cina ?
 - Sila nyatakan apakah punca sebenar masalah kekerapan gangguan pembekalan elektrik di DUN Sekinchan terutamanya sewaktu hari perayaan Tahun Baru Cina sejak beberapa tahun yang lalu ?
 - Sila nyatakan apakah jaminan TNB terhadap kepuasan pengguna yang terpaksa membayar tarif elektrik yang tinggi setiap bulan tetapi perkhidmatan yang dijanjikan hanya indah khabar dari bayangan ?

JAWAPAN:

- Rekod kami mendapati bahawa dimudim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina, bilangan gangguan yang berpunca dari penggunaan elektrik berlebihan akan meningkat di kawasan luar bandar terutamanya apabila orang ramai pulang dari bandar untuk berkumpul sesama keluarga. Peningkatan elektrik mendadak melebihi dari nilai yang diisyiharkan kepada TNB menyebabkan infra bekalan elektrik tidak dapat menampung keperluan.

Di samping tindakan mempertingkatkan keupayaan infrastruktur yang dibuat oleh TNB, orang ramai juga boleh membantu dengan memaklumkan kepada TNB jika terdapat pertambahan penggunaan atau penambahan pendawaian di premis mereka. Dengan ini program peningkatan keupayaan infra dapat dibuat dengan lebih terancang.

- b) Di DUN Sekinchan, fenomena yang sama juga berlaku seperti diterangkan di atas. Pada keadaan biasa, rangkaian infrastruktur elektrik sedia ada mampu menampung permintaan keperluan penduduk setempat.
- c) Beberapa tindakan telah, sedang dana akan dijalankan kepada infrastruktur rangkaian bekalan elektrik untuk pengguna-pengguna di bawah DUN Sekinchan. Antara tindakan-tindakan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:
- i) Projek-projek memperkuuhkan sistem voltan rendah bagi kawasan Sekinchan telah dilaksanakan secara berperingkat peringkat dari masa kesmasa. TNB telah melaksanakannya dan hasilnya gangguan telah dapat dikurangkan dari Tahun 2009 sebanyak 83 dan sekarang ini hanya 32. Manakala gangguannya ialah 7 dan sekarang ini hanya 3 sahaja.
 - ii) Pengubabsuaian dan penukaran kabel-kabel bawah tanah voltan tinggi juga dilaksanakan secara berperingkat dengan penukaran kabel-kabel lama. Perbelanjaan dari Tahun 2009 hingga sekarang ialah RM2.7 juta untuk kawasan Sekinchan sahaja.
 - iii) Pihak TNB juga membuat ujian berkala bagi mengenalpasti kabel-kabel yang lemah serta kapasiti alatubah yang perlu penambahan. Senggaraan juga dilaksanakan bagi mengelakkan gangguan bekalan berulang di kawasan ini.
 - iv) Mengganti kabel-kabel yang lemah dan lama serta menambah kapasiti alatubah bagi menampung pertambahan beban elektrik di kawasan Sekinchan terutama pada musim-musim perayaan.
 - v) Mengawal dan membasi sambungan-sambungan beban tanpa kebenaran dan kelulusan agar pertambahan beban elektrik dapat dirancang dengan lebih baik.
 - vi) Melakukan operasi-operasi membasi sambungan-sambungan beban tanpa kebenaran dan kelulusan bagi mengimbangi penggunaan beban dengan kapasiti yang disediakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK: PERUNDINGAN PROFESIONAL DAN AWAM

74. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Adakah kerajaan mewujudkan lembaga atau jawatankuasa perundingan profesional di pejabat menteri besar,Exco dan jabatan yang melibatkan sektor bukan kerajaan?
 - b) Berapakah jumlah perbelanjaan perundingan atau pengupahan konsultan bagi pejabat menteri besar untuk tahun 2010?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : SEJARAH KAMPUNG TRADISIONAL

75. Kerajaan negeri ada bercadang untuk melaksanakan Projek Penyejarahan Kampung Baru

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk melaksanakan projek yang sama di kampung-kampung tradisional?
- b) Apakah rasional hanya kampung baru sahaja yang perlu didokumentasikan sejarahnya?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan Projek Penyejarahan Kampung Baru yang dimaksudkan iaitu di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru yang diuruskan oleh Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN. Tujuan projek tersebut adalah untuk membuat penyelidikan berhubung tentang "New Villages In Selangor : Problems, Policies And Strategies" bagi Kampung Baru.

Walaubagaimanapun, cadangan projek penyejarahan Kg. Baru telah ditangguhkan buat sementara waktu kerana Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN ingin mengkaji semula kos kajian dan pelantikan 'consultant' bagi menjalankan kajian tersebut.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar belum bercadang untuk melaksanakan kajian seperti mana yang dijalankan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru, namun begitu Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar telah menjalankan Projek Penyejarahan bagi Kampung Tradisional iaitu dengan mewujudkan laman web Kampung Tradisional, www.kampungtradisi.selangor.com. Portal Kampung Tradisi Selangor ini telah disempurnakan pelancarannya oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor bulan April 2010 yang lepas. Portal Kampung Tradisi Selangor ini merupakan tempat bagi rakyat Selangor untuk mengetahui lebih lanjut lagi maklumat tentang sesuatu kampung di Negeri Selangor.

- b) Seperti yang telah dimaklumkan bahawa Kampung Tradisional juga telah mendokumentasikan sejarahnya melalui laman web / Portal Kampung Tradisi Negeri Selangor. Melalui laman web ini, masyarakat kampung serta rakyat di Negeri Selangor dapat mengetahui info terkini mengenai latar belakang kampung, sejarah tertubuhnya kampung tersebut, aktiviti yang berlaku di kampung, berita-berita yang bermanfaat tentang sesuatu kampung itu serta maklumat-maklumat mengenai Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Segala maklumat yang terdapat di dalam portal ini adalah dikemas kini oleh pentadbir sistem di setiap daerah di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INSAN

76. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM 7.8 juta untuk melaksanakan program pembangunan insan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- Berapa jumlah program yang telah di laksana, kelompok sasar dan jumlah peserta yang dilatih?
- Apakah modul dan pendekatan untuk membangunkan modal insan ini?

JAWAPAN :

- Program Kursus Pembangunan Insan (SPIES) telah dilaksanakan bermula bulan Ogos 2008 sehingga tahun 2010 telah melibatkan seramai **55, 697** peserta dengan bilangan kursus sebanyak **587** sesi. Maklumat terperinci adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Pencapaian program SPIES tahun 2008

KATEGORI PESERTA	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Kanak - kanak	4	411
Belia	23	2303
Ibu bapa	6	714
Warga Industri	2	160
Ketua Kampung	3	330
Setiausaha JKPK	2	365
Pendidik	7	850
Remaja	7	700
Mahasiswa	12	1200
DUN	1	150

KATEGORI PESERTA	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Pegawai JAIS	2	135
Siswa 1K	4	400
Pimpinan Pelajar	2	200
JUMLAH	75	7918

Jadual 2: Pencapaian SPIES tahun 2009

PROGRAM SPIES	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Masyarakat	1	60
Belia	91	7339
Alumni SPIES Belia	19	1670
Remaja	47	1597
Alumni SPIES remaja	10	931
SPIES Kepimpinan /Penjawat Awam	42	3217
Ibu bapa	10	2000
Warga Emas	1	50
Ibu Tunggal	2	200
Pendidik	17	1615
Pelajar IPT	3	253

PROGRAM SPIES	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Alumni SPIES Kepimpinan	1	24
SPIES Siswa 1K	5	294
SPIES Siswa	11	829
SPIES AJK Masjid	5	366
SPIES Biro Pemuda (JKKK)	11	880
JUMLAH	276	21,325

Jadual 3 : Pencapaian SPIES 2010

PROGRAM SPIES	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Remaja	49	4,412
Belia	22	1,831
Penjawat Awam (SKPA)	118	9,088
Pemimpinan Masyarakat	3	227
Warga Pendidik	42	3,824
Ajk Masjid	8	870
Ibu tunggal	6	600
Ibu bapa	17	1,750
AJK JKKK	7	306

PROGRAM SPIES	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Mahasiswa / Pelajar IPT	7	590
Alumni Spies **Briged Amal	10	1,183
Kaum India	3	2,000
JUMLAH	292	26,454

b) Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan pembangunan modal insan melalui pelaksanaan program SPIES yang diperkenalkan kepada warga negeri Selangor menekankan kepada pembangunan dan pembentukan 3 dimensi utama iaitu:

i) Pembangunan Spiritual (Rohani)

Menekankan kepada kualiti akhlak, ketakwaan, komitmen terhadap agama dan peningkatan kuantiti amalan mulia;

ii) Pembangunan Diri (Intelektual, Fizikal dan Emosi)

Intelektual - Pembinaan akal adalah untuk melahirkan insan profesional yang memiliki sifat – sifat mahmudah (baik), berfikiran matang dan mampu menolak unsur negatif.

Fizikal - Selain itu pembinaan dari segi fizikal atau jasmani pula berperanan untuk melahirkan rakyat Selangor yang sihat, dinamis dan bertenaga dapat menyumbang kepada produktiviti negeri.

Emosi - Manakala pembinaan emosi menumpukan kepada usaha pengukuhan rohani seseorang insan iaitu untuk mengawal emosi terhadap diri dan orang lain.

iii) Pembangunan Hubungan Sosial (Alam dan Manusia)

Hasil daripada pengawalan emosi akan mewujudkan persekitaran yang sihat bagi pembentukan peribadi dan mampu bertindak secara bijak dalam perhubungan interpersonal serta hubungan dengan alam sekitar.

Tiga (3) dimensi utama ini merupakan satu gabungan yang sempurna dan lengkap untuk melahirkan satu tamadun kemanusiaan yang gemilang serta mempunyai nilai moral yang tinggi seterusnya menjadikan Selangor negeri idaman, maju dan berkebajikan. Hasil gabungan tiga (3) dimensi ini telah membentuk SPIES iaitu *Spiritual, Physical, Intellectual, Emotional dan Social*.

Oleh itu, usaha murni Kerajaan Negeri ini dimantapkan dalam tindakan mengadakan modul – modul yang baik dan berkualiti kepada 11 sasaran penting iaitu **Kakitangan kerajaan, Pendidik, Belia, Remaja, Kepimpinan Masyarakat, AJK Masjid, JKKK, Mahasiswa, Briged Amal** dan **modul keluarga** yang dibahagikan kepada 2 modul iaitu **Ibu bapa** dan **Ibu tunggal**. Pengenalan kepada 11 modul SPIES ini merupakan peringkat permulaan dan semakan yang berterusan ke atas setiap modul sentiasa dibuat bagi memastikan ianya adalah relevan dan realistik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PEMBIAYAAN TERHADAP ADUN

77. Kerajaan negeri didapati membiayai kos rawatan dan guaman masalah peribadi melibatkan ADUN-ADUN pihak kerajaan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah yang telah dibiayai dan kos yang telah dikeluarkan?
- b) Adakah dari sudut moral dan etika, adakah kerajaan negeri patut membiayai kos-kos tersebut?
- c) Apakah kesan positif kepada rakyat hasil daripada tindakan tersebut?

JAWAPAN :

a) Keseluruhan kos yang terlibat ialah RM 417,391.29 bagi urusan guaman swasta yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 dan 2010 seperti berikut :-

- i) Mahkamah Tinggi Shah Alam saman Pemula No. 21-240-2009
 - Peguam Negara - Plaintiff
 - SUK Negeri Selangor Darul Ehsan - Defendant
 - Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan - Defendant

Kes ini berkaitan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri berasaskan panduan berurusan dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam urusan soal siasat. Kos yang terlibat RM16,377.00 (dibayar pada tahun 2009).

- ii) Shah Alam Majistret Court Criminal Application (Inquest For Teoh Beng Hock)
No. Kes : 88-10-2009
Kos yang terlibat RM 382,891.29 (dibayar pada tahun 2010).

iii) Mahkamah Shah Alam

No. Kes : 62-221-2009

Pengendalian Kes reman dan perbicaraan kes SPRM terhadap Encik Wong Chuan How, Pegawai Khas kepada YB. Ronnie Liu.

Kos yang terlibat RM 35,000.00 (dibayar pada tahun 2010).

Kos rawatan perubatan yang melibatkan Ahli-Ahli Dewan Negeri adalah sejumlah RM528,866.45 iaitu bagi tahun 2010 – RM 513,224.69 dan Jan hingga Mac 2011 – RM15,341.71.

- b) Ya, Kerajaan patut membiayai kos tersebut dari segi moral mahupun etika.
- c) Ahli Dewan Negeri telah berkhidmat untuk rakyat. Justeru itu, kesihatan dan kepentingan mereka dari segi undang-undang mestilah dijaga demi kepentingan rakyat.

BIL HOSPITAL YANG TELAH DIBAYAR TAHUN 2010 (JANUARI - DISEMBER)

AMPANG PUTERI SPECIALIST HOSPITAL

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	Pn. Halijah Binti Zaini	6,243.35
2	Pn. Maimunah Binti Dasmi	2,128.75
3	Ariff Raquib Bin Y.B Dato' Dr.Hasan	1,687.50
	JUMLAH :	10,059.60

DAMANSARA SPECIALIST HOSPITAL

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	Y.B Dato' Dr.Hasan Bin Mohamed Ali	294.40
2	Y.Bhg.Datin Sabariah Binti Saamin	794.15
3	Ariff Affi Bin Y.B Dato' Dr.Hasan	329.60
4	Y.A.B Tan Sri Dato' Seri Abd.Khalid Bin Ibrahim	775.20
5	Y.B Tuan Dr.Xavier Jayakumar A/L Arulanandam	265.90
	JUMLAH :	2,459.25

GLENNEAGLES INTAN MEDICAL CENTRE

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	En.Kok Kim Tong@Kok Kum Thong	4,708.85
2	Pn. Pong She Kwan@Phong She Cheen	27,681.25
	JUMLAH :	32,390.10

HOSPITAL PANTAI BATU PAHAT

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	En.Teng Song Leng@Teng Boon Ngap	4,892.40
2	Pn. Wee Moh Tan@Wang Chin Eng	5,607.80
	JUMLAH :	10,500.20

HOSPITAL TAWAKKAL

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	Y.A.B Tan Sri Dato' Seri Abd.Khalid Bin Ibrahim	15,260.95
	JUMLAH :	15,260.95

HOSPITAL PANTAI INDAH

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	Y.B Tuan Iskandar Bin Abdul Samad	15,529.92
2	Pn. Salasiah Binti Zakaria	3,036.88
3	Insyirah Zaharah Binti Y.B Tuan Iskandar	2,847.88
4	Muhammad Ismail Fadzil Bin Y.B Tuan Iskandar	1,361.09
5	Muhammad Ishaq Ilyasa' Bin Y.B Tuan Iskandar	2,432.40
JUMLAH :		25,208.17

SIME DARBY MEDICAL CENTRE SUBANG JAYA SDN BHD

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	En. Wong Mooi@Wong Hong Hor	12,873.44
2	Pn. Ha Choi Lin@Ha Yoke Lin	6,345.50
3	Pn. Sheila Christine Devaraj	2,976.85
4	Teng Dale	201.00
5	Teng Daren	201.00
6	Y.B Dato' Teng Chang Kim	3,761.05
7	Y.Bhg. Datin So Soh Koon	2,283.27
JUMLAH :		28,642.11

SUNWAY MEDICAL CENTRE BERHAD

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	Y.B Tuan Dr.Xavier Jayakumar A/L Arulanandam	4,398.32
2	Pn. Sheila Christine Devaraj	4,524.48
3	Zubir Abdur Rahim Bin Dr.Ahmad	454.00
4	Y.B Tuan Ronnie Liu Thian Kiew	9,967.91
5	Grace Sakuntala	152.54
6	Puan Lee Yon Mooi	1,763.30
7	Teng Dale	169.75
8	Teng Dawei	195.00
9	Y.B Dr.Cheah Wing Yin	330,367.96
10	Y.Bhg. Datin So Soh Koon	500.00
JUMLAH :		352,493.26

SELANGOR SPECIALIST HOSPITAL

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	Pn. Che Pah Binti Abdul Razak	841.50
2	Muhammad Amir Syahmi Bin Y.B Tuan Yaakob	3,976.95
3	Y.B Puan Hjh Dr.Halimah Binti Ali	2,280.60
4	Y.B Puan Teresa Kok Suh Sim	1,889.10
5	Syahidah Rozinah Liyana Binti Dr.Ahmad	5,354.60
6	Nurul Robihah Binti Tuan Hj Rosdi	288.25
7	Pn. Hjh Azizah Binti Hj Tengah	131.00
8	Amir Ridhuan Bin Y.B Tuan Hj Yaakob	9,235.55
9	Y.B Tuan Iskandar Bin Abdul Samad	445.10
10	Tuan Hj Rosdi Bin Shabuddin	2,513.70
11	Y.B Tuan Hj Yaakob Bin Sapari	1,098.00
12	Zubir Abdur Rahim Bin Dr.Ahmad	927.00
13	Siti Azifah Binti Y.B Tuan Hj Yaakob	2,628.55
14	Y.B Puan Hjh Rodziah Binti Ismail	255.55
JUMLAH :		31,865.45

HEALTH SCAN MALAYSIA SDN BHD

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	Y.B Tuan Dr.Xavier Jayakumar A/L Arulanandam	2,304.60
2	Pn. Sheila Christine Devaraj	2,340.00
JUMLAH :		4,644.60

BIL HOSPITAL YANG TELAH DIBAYAR TAHUN 2011 (JANUARI - MAC)
MEMATUHI ENAKMEN 8/80 DAN MMKN 12/2006

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	Y.A.B Tan Sri Dato' Seri Abd.Khalid Bin Ibrahim	2,133.30
JUMLAH :		2,133.30

Y.B DATO' DR.HASAN BIN MOHAMED ALI

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	Y.Bhg.Datin Sabariah Binti Saamin	50.00
2	Pn. Halijah Binti Zaini	1,931.35
3	Ariff Raquib Bin Y.B Dato' Dr.Hasan	4,974.15
JUMLAH :		6,955.50

Y.B PUAN TERESA KOK SUH SIM

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	En.Kok Kim Tong@Kok Kum Thong	1,019.00
2	Pn. Pong She Kwan@Phong She Cheen	1,343.50
JUMLAH :		2,362.50

Y.B DR.XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	Y.B Tuan Dr.Xavier Jayakumar A/L Arulanandam	1,072.36
2	Pn. Sheila Christine Devaraj	572.40
JUMLAH :		1,644.76

Y.B PUAN HJH HALIMAH BINTI ALI

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
1	Tuan Dr. Ahmad Bin Supian	1,527.70
JUMLAH :		1,527.70

Y.B DATO' TENG CHANG KIM

BIL	NAMA	AMAUN (RM)
4	Teng Daren	219.00
5	Teng Dawei	499.00
JUMLAH :		718.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : BANTUAN ZAKAT UNTUK WARGA PPR

78. Perumahan PPR di Seksyen 8 Kota Damansara dan Taman Putra Damai, Lembah Subang diduduki oleh keluarga-keluarga yang berpendapatan rendah .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan keluarga yang menerima bantuan zakat di perumahan PPR Kota Damansara dan Putra Damai . Lembah Subang ?
- b) Adakah pihak zakat mengenakan apa jua syarat khas untuk penduduk PPR ini untuk layak menerima bantuannya?

JAWAPAN :

- a) Bilangan keluarga yang menerima bantuan zakat di perumahan PPR Kota Damansara adalah seramai 15 orang asnaf fakir dan 73 orang asnaf miskin. Bagi PPR Putra Damai Lembang Subang pula seramai 28 asnaf fakir dan 107 orang asnaf miskin.
- b) Lembaga Zakat Selangor (MAIS) hanya menggunakan garis panduan & syarat kelayakan agihan zakat yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : ISU HAKMILIK TANAH.

79. Bertanya Kepada Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar:
- Berapa ramaikah rakyat di Negeri Selangor yang telah menikmati pemberian Hak milik Tanah asal mengikut komposisi kaum bagi tahun 2008, 2009 & 2010?
 - Apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai bagi meluluskan pemberian Hak milik Tanah tersebut?
 - Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan penyalahgunaan tanah-tanah yang telah diberikan tersebut?

JAWAPAN :

- Setakat ini bilangan pemberimilikan tanah adalah seperti di Lampiran A. Maklumat mengikut pecahan kaum/umur /dsb sedang diusahakan. Atas dasar keterbukaan Kerajaan Negeri Selangor meluluskan permohonan pemberimilikan tanah kepada semua pemohon dan warganegara Malaysia tanpa mengira negeri kelahiran dan kaum. Kesemua pemberimilikan tanah adalah berdasarkan peraturan-peraturan yang telah digariskan dalam Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

PERMOHONAN HAK MILIK TANAH SEHINGGA 2010

DAERAH	BIL PERMOHONA N DITERIMA	TINDAKAN MMKN/MTE S	KEPUTUSAN			
			LULUS	TOLAK	TANGGUH	
					MMK N	MTES
KLANG	20	8	8	2	2	-
SABAK BERNAM	58	24	12	8	14	-
GOMBAK	66	8	23	27	8	-
HULU SELANGOR	56	32	10	8	6	-
PETALING	29	8	11	7	3	-
HULU LANGAT	64	21	26	8	9	-
KUALA SELANGOR	39	13	17	2	7	-

KUALA LANGAT	23	8	6	4	5	-
SEPANG	33	23	6	-	4	-
JUMLAH	388	145	119	66	58	-

- * Statistik adalah berdasarkan bilangan fail yang diterima, manakala statistik mengikut bilangan pemohon/ kaum/dsb masih menunggu maklum balas daripada PTD

Kriteria-kriteria yang diguna pakai bagi meluluskan pemberimilikan tanah adalah berpandukan Pekeliling PTG.Sel.Bil. 1/2008 seperti berikut:-

- i. Permohonan dari Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor, Agensi Kerajaan dan Pihak Swasta untuk tujuan awam seperti Tenaga Nasional Berhad;
- ii. Pengusaha asal yang telah mengusahakan atau menduduki tanah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pada tarikh 1 Januari 2008.
- iii. Permohonan tanah yang telah diluluskan oleh MMKN sebelum ini tetapi gagal menjelaskan notis tuntutan premium dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:-
 - 1) Pemohon asal yang telah diluluskan atau warisnya yang dipersetujui oleh keluarga yang memohon semula tanah tersebut; dan
 - 2) Pemohon baru dapat mengemukakan bukti yang lengkap bahawa pemohon asal yang telah diluluskan memberi kuasa atau menyerahkan hak kepadanya untuk memohon semula tanah tersebut.
- iv. Permohonan lot-lot bersebelahan dan persekitaran telah pun dikeluarkan hak milik oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- v. Tanah yang dirampas dan dipohon semula oleh pemilik asal atau pihak yang mempunyai tuntutan ke atas hak milik yang dirampas;
- vi. Tanah milik pemohon yang telah diserahkan kepada Kerajaan akibat daripada pembangunan bagi tujuan yang telah dikhaskan dan dipohon semula setelah mendapat persetujuan bahawa lot-lot terbabit tidak diperlukan oleh Kerajaan bagi tujuan yang telah dikhaskan tersebut;

- vii. Tanah tamat tempoh pajakan yang dipohon oleh pemilik asal atau pihak yang mempunyai tuntutan. Permohonan tamat tempoh akan dikenakan denda RM200.00 bagi setiap satu (1) tahun kelewatan dan jika mengemukakan selepas lima (5) tahun tamat tempoh pajakan bayaran dikenakan adalah sebanyak RM200 x 5 tahun;

Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan penyalahgunaan tanah-tanah yang telah diberikan adalah seperti berikut:-

- i. Sekiranya pemantauan di tapak mendapati berlakunya pelanggaran syarat di atas tanah berimilik, Pejabat Tanah akan mengeluarkan notis 7A (Panggilan Siasatan) atau Notis 7B (Siasatan & Mengemukakan Dokumen) kepada pemilik. Di peringkat ini pemilik tanah dimaklumkan akan kesalahan yang telah berlaku di atas tanah yang menyalahi dari segi Kanun Tanah Negara. Di peringkat ini juga, Pemilik dinasihatkan oleh Pentadbir Tanah untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memberhentikan kesalahan agar tindakan lebih berat tidak diteruskan.
- ii. Sekiranya pemilik masih gagal untuk memberhentikan kesalahan, tindakan perundungan tanah selaras Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) Bil. 5/1985 (semakan 2007) iaitu, apabila berlaku sesuatu pelanggaran syarat tanah, Pentadbir tanah boleh mengambil salah satu tindakan iaitu sama ada terus merampas tanah tersebut di bawah Seksyen 129, Kanun Tanah Negara (KTN) atau memberi peluang kepada pemilik berdaftar tanah untuk meremedi di bawah Seksyen 128, KTN atau mengenakan denda terhadap tuan punya terlebih dahulu di bawah Seksyen 129, KTN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK (AFFORDABLE QUALITY HOUSING)

80. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah usaha kerajaan ke arah setiap warga Selangor memiliki rumah termasuk orang bujang?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menyediakan keperluan kediaman kepada semua golongan masyarakat di Negeri Selangor. Ini termasuklah penyediaan perumahan untuk generasi muda termasuk golongan bujang. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri melalui Dasar Pembangunan Tanah telah menetapkan sebarang pembangunan tanah yang melebihi 10 ekar dalam kawasan Lembah Klang akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana manakala kawasan di Luar Lembah Klang pula akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 10% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana. Manakala bagi pembangunan yang kurang daripada 10 ekar (2 hingga kurang 10 ekar) pula, syarat penyediaan 30% rumah kos sederhana akan dikenakan bagi kawasan dalam Lembah Klang. Melalui dasar tersebut ia secara tidak langsung bukan sahaja membantu Kerajaan Negeri dalam menyediakan keperluan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana tetapi juga bagi golongan belia. Ini kerana berdasarkan kepada pemerhatian mendapati kebanyakan ekonomi golongan belia khususnya eksekutif muda masih kurang stabil. Purata pendapatan golongan ini adalah di antara RM1,500.00 sehingga RM4,000.00. Pengenalan dasar ini akan dapat memberi peluang kepada mereka memiliki hartanah mampu milik sebelum berkemampuan memiliki perumahan harga tinggi pada masa hadapan.

Selain daripada itu, bermula tahun 2010 Kerajaan Negeri juga mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan reka bentuk baru rumah mampu milik (*affordable home*) yang lebih mampan dan kondusif sebagai salah satu pilihan kepada pemaju bagi memastikan menyediakan rumah mampu milik tetap diteruskan. Untuk itu, konsep reka bentuk dan perancangan baru rumah mampu milik tersebut perlu menekan ciri-ciri berikut:

- i. Reka bentuk rumah mampu milik yang lebih terkini;
- ii. Mengintegrasikan rumah mampu milik dengan rumah-rumah yang lain;
- iii. Mempelbagaikan jenis rumah mengandungi rumah satu bilik, rumah 2 balik dan seterusnya dalam satu blok bangunan;
- iv. Mengambil kira aspek kemapanan dari segi bahan binaannya dan persekitarannya;
- v. Mampu memberi keselesaan dari segi saiz rumah (saiz minimum 750 kaki persegi);
- vi. Penyediaan kemudahan asas dan awam yang mencukupi seperti kawasan riadah, surau dan sebagainya;
- vii. Menerapkan konsep kejiranan yang baik;
- viii. Kos penyelenggaraan yang murah; dan
- ix. Harga jualan yang dicadangkan hendaklah rendah iaitu tidak melebihi RM100,000.00 seunit.
- x. Perolehan keuntungan kepada pemaju tidak melebihi 10%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : JAWATAN YDP YANG DIKOSONGKAN

81. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Bagaimanakah kerajaan akan mengisi kekosongan jawatan YDP di beberapa PBT dan terangkan prosedur pelantikannya secara terperinci dan apakah hak yang ada pada kerajaan negeri?

JAWAPAN :

- a) Pentadbiran Kerajaan Negeri mengambil maklum berhubung kekosongan jawatan Yang Dipertua di beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Kekosongan jawatan ini berlaku susulan urusan kenaikan pangkat penyandang sedia ada dan tempoh peminjaman yang telah berakhir pada bulan Februari 2011 lalu. Buat masa ini, tugas-tugas dan tanggungjawab Yang Dipertua di dua (2) PBT berkenaan digalas oleh Timbalan Yang Dipertua atau Setiausaha Majlis sehingga jawatan berkenaan diisi sepenuhnya.

Dalam perkembangan yang berkaitan, Pentadbiran Kerajaan Negeri selaku Pihak Berkuasa Negeri telah mengenal pasti beberapa calon yang berkelayakan dan kompeten untuk mengisi jawatan penting berkenaan dalam tempoh terdekat ini. Senarai nama pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri telah dikemukakan ke Pejabat Menteri Besar dan seterusnya pertimbangan serta persetujuan YAB Dato' Menteri Besar akan dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) bagi urusan penempatan selanjutnya.

Dalam konteks prosedur urusan pelantikan Datuk Bandar / Yang Dipertua PBT, penempatan pegawai dilaksanakan berdasarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008** iaitu '**Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap**'. 'Peminjaman' merupakan kaedah pelantikan pegawai yang sedang berkhidmat dan boleh digunakan oleh sesebuah Jabatan / Agensi untuk mendapatkan perkhidmatan pegawai yang berpengalaman, berkemahiran, berwibawa dan bersesuaian dengan keperluan Jabatan / Agensi berkenaan.

Bagi memastikan pemilihan calon pegawai kanan ini dijalankan dengan lebih lancar dan telus, Pentadbiran Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan **Panel Jawatankuasa Khas Pemilihan Ketua Jabatan** terutamanya jawatan Datuk Bandar / Yang Dipertua. Panel Jawatankuasa Khas ini dianggotai oleh:

- i) YBhg Dato' Dr Teng Chang Khim
Speaker Dewan Negeri Selangor
- ii) YBhg Dato' Dr Hasan bin Mohd Ali
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Selangor
- iii) YB Tuan Dr Xavier Jayakumar
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin Negeri Selangor

Panel Jawatankuasa Khas ini berperanan menemubual calon-calon pegawai yang dikenal pasti dan seterusnya mengesyorkan pilihan calon yang disenarai pendek kepada YAB Dato' Menteri Besar bagi pertimbangan serta persetujuan lanjut. Di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan calon yang berkelayakan dan mengesyorkan perihal ini kepada JPA untuk urusan penempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : TABUNG BUDI

82. Kerajaan negeri mengambil tindakan undang-undang kepada Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) kerana melancarkan Tabung Budi

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah asas tindakan kerajaan negeri mengambil tindakan undang-undang tersebut?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk membantu masalah bil air tertunggak seperti yang dilakukan Tabung Budi?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor setakat ini belum memulakan sebarang tindakan perundangan terhadap Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) bagi kes Tabung Budi. Kerajaan Negeri Selangor hanya mengeluarkan notis di bawah Enakmen Pembekalan Air 1997 kepada SYABAS kerana tindakan SYABAS menubuhkan Tabung Budi dan mengutip sumbangan dari orang ramai bagi tujuan membayar caj bekalan air adalah bertentangan dengan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam lesen yang telah dikeluarkan kepada SYABAS. SYABAS sebagai pemegang lesen hanya diberikan kuasa untuk mengutip dan menyimpan caj yang masih berhutang oleh pengguna di dalam kawasan pembekalan air.

Di dalam Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani oleh SYABAS dan Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri Selangor, tidak ada sebarang peruntukan yang membenarkan SYABAS mengutip apa-apa bayaran dari pengguna atau mana-mana pihak selain dari mengutip dan menyimpan caj yang masih berhutang oleh pengguna di dalam kawasan pembekalan air sahaja.

Belum pun lagi Kerajaan Negeri mengambil sebarang tindakan perundangan terhadap SYABAS, SYABAS telah memulakan tindakan undang-undang terhadap Kerajaan Negeri Selangor atas dakwaan YAB Dato' Menteri Besar membuat tuduhan fitnah ke atas SYABAS.

Dalam mencapai hasrat untuk Merakyatkan Ekonomi Selangor, kepentingan rakyat adalah merupakan keutamaan di dalam setiap perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor termasuk di dalam perkhidmatan air. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan pemberian air 20 meter padu percuma kepada semua pengguna domestik yang mempunyai meter individu. Bagi pengguna domestik di pangrupi pula, pemberian air percuma ini diberikan melalui kaedah kupon. Kos bagi 20 meter padu percuma tersebut ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor. Air percuma sebanyak 20 meter padu tersebut dapat digunakan oleh 4 orang di dalam sesebuah keluarga. Walaupun pada dasarnya pemberian air percuma merupakan sumbangan kecil dari Kerajaan Negeri Selangor, namun ini dapat meringankan kos air di dalam setiap keluarga di mana sebahagian kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Adalah menjadi tanggung jawab setiap individu sebagai pengguna air untuk menanggung kos penggunaan air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK PENYELESAIAN MASALAH BANJIR DI SELAYANG

83. Banjir kilat di beberapa kawasan Selayang masih berlarutan sehingga ke hari ini dan mengganggu kesejahteraan hidup rakyat dan keselamatan harta benda.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan penambahbaikan yang telah diambil sejak dua tahun yang lalu oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengurangkan masalah banjir di kawasan-kawasan ini
- b) Ingin tahu apakah perancangan yang telah dibuat dalam projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) oleh Pihak Berkuasa Tempatan ke arah menangani masalah banjir ini secara berkesan supaya rakyat tidak merasa bimbang setiap kali tibanya musim hujan.

JAWAPAN :

- a) Banjir di Jalan 30, Selayang Baru telah dilaksanakan oleh pihak JPS dengan menaiktaraf longkang monsun berkenaan.
- b) Majlis Perbandaran Selayang akan bekerjasama dengan pihak-pihak yang terbabit bagi melaksanakan projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK ke-10) itu. Di masa yang sama, pihak Majlis akan memantau kerja-kerja pembersihan dan kerosakan longkang di kawasan sekitarnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)**

TAJUK : PENASIHAT EKONOMI SELANGOR

84. Kerajaan negeri telah melantik Dato Seri Anwar Ibrahim sebagai Penasihat Ekonomi negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah misi utama dan terma rujukan sebagai penasihat ekonomi negeri?
- b) Apakah kesan positif hasil lantikan tersebut terhadap ekonomi negeri?
- c) Berapakah kos bagi tahun 2009 dan 2010 yang dikeluarkan untuk membiayai gerak kerja penasihat ekonomi?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: PELABURAN NEGERI SELANGOR

85. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- Berapakah jumlah pelaburan yang berjaya dicatatkan pada tahun lalu mengikut kategori?
 - Apakah perancangan kerajaan untuk memperdayakan lagi pelaburan dalam negeri dan memberi peluang pekerjaan yang lebih baik kepada anak tempatan?
 - Adakah pekerja asing memberi impak kepada kekuatan ekonomi Selangor

JAWAPAN:

- a) Jumlah pelaburan yang diterima oleh Negeri Selangor mengikut kategori industri adalah seperti berikut; -

Industri	Projek	Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Food Manufacturing	26	1,424	336,112,165	626,902,513	963,014,678
Beverages & Tobacco	2	110	90,807,730	572,270	91,380,000
Textiles & Textiles Product	4	199	34,288,240	41,282,178	75,570,418
Wood & Wood Products	11	345	47,306,276	21,034,220	68,340,496
Furniture & Fixtures	16	1,396	91,229,105	1,740,000	92,969,105
Paper, Printing & Publishing	2	131	41,850,000	14,980,000	56,830,000
Chemical & Chemical Products	31	816	317,450,303	1,243,473,777	1,560,924,080

Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	2	89	24,240,000	0	24,240,000
Rubber Products	20	4,089	591,359,485	77,177,016	668,536,501
Plastic Products	26	1,135	177,181,085	121,480,545	298,661,630
Non-Metallic Mineral Products	8	469	71,402,200	1,547,599,596	1,619,001,796
Basic Metal Products	16	959	275,100,112	63,515,332	338,615,444
Fabricated Metal Products	24	1,294	99,839,992	67,649,399	167,489,391
Machinery & Equipment	44	3,658	693,685,786	231,646,882	925,332,668
Electronics & Electrical Products	36	4,599	454,539,493	793,181,308	1,247,720,801
Transport Equipment	44	6,222	1,993,600,027	245,380,373	2,238,980,400
Scientific & Measuring Equipment	8	926	146,161,994	45,200,000	191,361,994
Miscellaneous	5	4	8,832,560	4,033,440	12,866,000
Jumlah	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,849	10,641,835,402

Sumber : MIDA

- b) Antara strategi kerajaan untuk memperdayakan lagi pelaburan dalam negeri dan memberi peluang pekerjaan yang lebih baik kepada anak tempatan adalah seperti berikut:-
- i. Melaksanakan Pelan Induk Perindustrian Negeri Selangor dilaksanakan selaras dengan Pelan Induk Perindustrian ketiga (2006-2020)
 - ii. Mengelakkan prestasi pelaburan sedia ada berjumlah RM57 bilion dan menarik pelaburan melebihi RM8 bilion setahun.
 - iii. Memastikan projek perindustrian yang diluluskan dilaksanakan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan secepat mungkin.

- iv. Menyelaras dan memperkemaskan lagi Pusat Pelaburan Negeri bagi membolehkannya berfungsi sebagai pemangkin pembangunan perindustrian di negeri Selangor.
- v. Mempertingkatkan usaha untuk menarik pelabur tempatan dan asing melalui penglibatan Kerajaan Negeri secara langsung.
- vi. Mempromosikan kawasan-kawasan peindustrian di Selangor seperti;-
 - 1) Selangor Science Park 2
 - 2) Selangor Halal Hub di Pulau Indah
 - 3) Port Klang Free Zone (PKFZ)
 - 4) Zurah Industrial Park
 - 5) Lain-lain kawasan industri yang sedia ada milik syarikat berkaitan Kerajaan atau pihak swasta.
- vii. Menggalakkan pertumbuhan industri *automotive belt* di Hulu Selangor
- viii. Menggalakkan pertumbuhan industri berteraskan teknologi maklumat.
- ix. Menggalakkan pertumbuhan industri marin di sekitar Pelabuhan Barat.
- x. Menyediakan prasarana pelaburan dan kawasan industri baru yang kondusif dan strategik di luar Lembah Klang bagi mewujudkan keseimbangan pembangunan di semua kawasan di Selangor seperti di Kawasan Lembah Klang Ke-2 dan Selangor Science Park 2

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut mengenal pasti beberapa strategi lain bagi memastikan sektor perindustrian terus berkembang dan menjadi penyumbang utama kapada KDNK negeri serta nadi penggerak ekonomi negara amnya dan negeri Selangor khususnya. Strategi tersebut adalah seperti berikut;

- i. Menggalakkan sektor industri yang berasaskan teknologi tinggi, berdasarkan pengetahuan, berintensifkan modal dan mesra alam.
- ii. Menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan seperti;-
 - 1) Business and Professional Services
 - 2) Integrated Logistic Services
 - 3) ICT Related Services
 - 4) Distributive Services
 - 5) Education and Training Services
 - 6) Medical and Health Services
 - 7) Tourism Services
 - 8) Manufacturing Related Services

- iii. Menggalakkan penglibatan dalam industri berpotensi seperti;
 - 1) Biotechnology
 - 2) Aviation Industry
 - 3) Solar Industry
- iv. Menjadikan Negeri Selangor bukan sahaja sebagai pusat pengeluaran produk tertentu tetapi mewujudkan nilai tambah pasaran produk.

Menerusi perlaksanaan projek-projek pelaburan dalam industri yang digalakkan di Negeri Selangor secara langsung dapat memberi peluang kepada pekerja tempatan untuk meningkatkan kemahiran dalam teknologi-teknologi baru melalui proses pemindahan teknologi yang dilakukan oleh syarikat-syarikat multinasional.

- c) Secara dasarnya tidak dapat dinafikan bahawa pekerja asing memainkan peranan yang besar dalam sektor perindustrian di Negeri Selangor serta memberi impak kepada kekuatan ekonomi Selangor. Pihak industri ketika ini amat bergantung kepada bekalan tenaga kerja asing bagi menampung keperluan sumber tenaga kerja di sektor perkilangan. Ini kerana, kebanyak rakyat tempatan tidak berminat untuk bekerja di sektor perkilangan di sebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor gaji dan suasana tempat kerja serta beberapa faktor lain.

Bagi manangani masalah kekurangan sumber tenaga kerja ini, Kerajaan Negeri melalui SSIC Berhad telah menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) bersama Gabungan LIMA PPTKIS (Indonesia) pada 11hb. Februari 2011 yang lalu di Jakarta di mana di dalam perjanjian persefahaman ini kedua-dua pihak berhasrat untuk menjalinkan kerjasama untuk penempatan tenaga kerja daripada Indonesia di sektor perindustrian di Selangor.

MOU ini sekali gus akan dapat mengatasi masalah kekurangan bekalan sumber tenaga kerja di samping membantu para pelabur memudahkan urusan pengambilan pekerja dari Indonesia.

MOU ini akan menjadikan SSIC Berhad sebagai fasilitator dan pangkalan data bagi tenaga kerja Indonesia di sektor perindustrian di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: TEKNOLOGI & INOVASI

86. Selari dengan dunia teknologi maklumat pada hari ini:

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Minta penjelasan sejauh manakah perkembangan industri berdasarkan "information and communication technology (ICT)" di negeri ini?
- b) Nyatakan nama syarikat-syarikat ICT tempatan dan luar negara yang mengambil bahagian dalam program ini.

JAWAPAN:

- a) Perkembangan industri berdasarkan ICT di Negeri Selangor amat menggalakkan berdasarkan kepada jumlah pelaburan yang dibuat sama ada oleh kerajaan atau swasta. Pada tahun 2010, sebanyak 2,167 syarikat MSC tempatan dan luar Negara yang telah melabur di Selangor dan telah menawarkan 55,567 peluang pekerjaan. Jumlah pelaburan di negeri Selangor pula adalah sebanyak 7,930.49 Juta.

Kerajaan Negeri Selangor juga sentiasa berusaha untuk manfaatkan kemajuan yang dicapai bagi memberangsangkan pembangunan industri berdasarkan ICT ini dengan pelbagai usaha telah dipergiatkan untuk mengukuhkan Selangor sebagai lokasi pilihan dalam pelaburan ICT dan seterusnya menjadi peneraju dalam menghasilkan produk ICT. Kerajaan juga dalam usaha menyediakan persekitaran yang kondusif dan ketersediaan infrastruktur dan komunikasi ICT dalam menarik dan menggalakkan pelaburan dalam industri berdasarkan ICT.

Pelan Arah Tuju Strategik Msc Selangor juga dalam peringkat pembangunan bagi menyediakan rangka kerja dalam membina keupayaan dan teknologi baru bagi meningkatkan capaian dan menggalakkan pelaburan dalam industri. Pelan Strategik ini merangkumi beberapa inisiatif strategik dan program-program yang meningkatkan hubungan antara agensi kerajaan, perniagaan dan orang awam. Pelan ini menyediakan perancangan peningkatan infrastruktur, perkongsian infrastruktur, garis panduan dan standard yang seragam dan pelan bagi aplikasi termasuk aplikasi perniagaan dan masyarakat dan perkhidmatan dalam kerajaan secara menyeluruh kepada komuniti bisnes dan masyarakat.

Pembangunan Bandar Cyber I-City sebagai Hab ICT Selangor juga telah menggalakkan persaingan dan paduan tenaga di kalangan industri ICT. i-City mempunyai kemudahan dan prasarana yang canggih, selain sudah mendapat taraf koridor raya multimedia (MSC) yang membolehkan syarikat-syarikat di situ menikmati pelbagai faedah. Dan untuk menjadikan I-City boleh menarik lebih ramai pelabur asing, kerajaan dalam usaha akan menjadikan ianya bandar raya jalur lebar wayarless bagi menyediakan landasan yang lebih luas untuk pelbagai aplikasi ICT di kalangan pengguna dan tenaga kerja yang

semakin berpengetahuan dan mahir. Pelbagai usaha juga telah dan sedang dijalankan bagi memastikan penyediaan perkhidmatan asas yang mencukupi seperti akses kepada internet yang lebih meluas, infrastruktur rangkaian komunikasi berkelajuan tinggi , peningkatan prasarana dan pengangkutan yang lebih baik.

Pendekatan yang lebih bersepadu dan menyeluruh telah diambil bagi memastikan perkembangan pelaburan industri dalam ICT dengan menggalakkan syarikat swasta menggunakan sistem berasaskan komputer yang komprehensif bagi menyediakan persekitaran multimedia untuk mengujudkan peluang perniagaan yang lebih inovatif yang melibatkan sektor swasta.

Beberapa strategi baru juga sedang dirancang dan akan dilaksanakan bagi menggalakkan R&D secara usaha sama antara entiti ICT tempatan dan asing bagi menggalakkan pengeluaran, perkhidmatan dan penggunaan produk ICT. Kerajaan juga sentiasa membantu institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan, syarikat atau individu menjalankan R&D untuk meneroka pelaburan baru berkaitan ICT dan manfaatkan lagi penggunaan ICT dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing untuk memajukan dan memperkembangkan aktiviti ekonomi.

- b) Sehingga kini sebanyak 992 syarikat ICT telah beroperasi di Selangor dan 592 daripadanya adalah berstatus MSC..

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PERKHIDMATAN ALAM FLORA

87. Perkhidmatan Alam Flora dalam menguruskan pelupusan sisa pepejal masih lagi di tahap yang tidak memuaskan khususnya kontraktor-kontraktor yang tidak memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional Kerajaan Negeri untuk meneruskan perkhidmatan Alam Flora?
- b) Apakah pilihan lain yang tersedia bagi Kerajaan Negeri dan mampu meningkatkan prestasi perkhidmatan pelupusan sisa pepejal?

JAWAPAN :

- a) Secara rasionalnya Kerajaan Negeri harus meneruskan perkhidmatan Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) bagi menguruskan perkhidmatan awam di Negeri Selangor. Antara rasional adalah kerana terdapat sebahagian besar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor tidak mampu untuk mengendalikan pengurusan sisa pepejal disebabkan oleh kekangan kewangan yang dihadapi. Selain daripada itu, kadar harga yang ditetapkan oleh Alam Flora adalah berbeza-beza di setiap PBT bagi skop kerja yang dijalankan. Berikut hal yang demikian, pihak konsesi yang dilantik oleh PBT terpaksa menanggung kerugian di sebahagian dari PBT tersebut. Hal ini juga berikutan kerana terdapat peruntukan undang-undang yang telah sedia ada. Bagi pihak Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) mereka masih dalam tindakan penilaian prestasi kerja yang dilaksanakan oleh AFSB.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa mencari jalan terbaik bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan pelupusan sisa pepejal. Bagi Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), mereka menyatakan agar Kerajaan Negeri mampu memperuntukkan bajet bagi menguruskan sisa pepejal dengan membina *loji incinerator, transfer station* dan logistik bagi membantu PBT yang kurang berkemampuan. Manakala Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyatakan pihak majlis tiada pilihan lain kerana AFSB adalah konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Pusat. Walaubagaimanapun, sekiranya diberi peluang, pihak MBSA berkemampuan bagi menguruskan kerja-kerja pembersihan dengan sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PAKEJ STIMULUS EKONOMI

88. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status pakej stimulus ekonomi yang telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri untuk merangsangkan ekonomi di Selangor?
- b) Sila berikan butir-butir dan langkah-langkah yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN :

(a) & (b)

- i. Projek Pembersihan Sungai Klang:

Projek Pemuliharaan dan Pembersihan Sungai Klang merupakan salah satu daripada pakej yang telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor. Projek ini juga merupakan lanjutan daripada Usul Dasar Halatuju Perancangan dan Pembangunan Negeri Selangor 2025 yang diluluskan di dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Selangor ke 12.

Usaha Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang dijangka akan berterusan dan dilaksanakan secara berfasa selama 15 tahun. Setakat ini, 3 syarikat telah disenarai pendek oleh Kerajaan Negeri untuk terlibat dengan projek ini pada kapasiti yang berbeza. Syarikat-syarikat tersebut ialah:-

- TSS-MAKO Engineering Sdn. Bhd.
- Wessex Water Sdn. Bhd./I Berhad Consortium
- GJA Engineering & Construction Sdn. Bhd.

Anggaran awal menunjukkan bahawa projek ini memerlukan RM5 billion untuk keseluruhan 80 kilometer di Negeri Selangor. 3.1. Projek Pemuliharaan dan Pembangunan merupakan satu projek yang unik kerana ianya merupakan satu projek awam yang akan dibiayai oleh pihak swasta melalui Public/Private Partnership (PPP) atau Private Financing Initiative (PFI).

Bagi mengelakkan sebarang pertindihan dan mendapatkan synerggi yang lebih baik, Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan Kerajaan Pusat bagi Projek Pembersihan dan Pemuliharaan Sungai di bawah Projek "River of Life" iaitu sebahagian daripada Projek "Greater KL/KV" yang menjadi salah satu teras Transformasi Ekonomi Nasional, NKRA.

Di bawah Task force Pembersihan Sungai bagi Projek River of Life yang dipimpin oleh JPS, bagi tahun 2011 sebagai pemulaan sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan kepada Selangor dimana MPAJ telah dilantik sebagai agensi pelaksana. Peruntukan tersebut adalah bagi penyediaan Sistem Rawatan Air di Salur Keluar Sistem Perparitan Utama ke Sungai Klang di Taman Melawati, Hulu Klang, Daerah Gombak Selangor yang akan disiapkan dalam tahun 2011.

- ii. Pengangkutan Awam: Setelah Kerajaan Persekutuan menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Kerajaan Negeri Selangor telah memberi kertas kerja kepada pihak SPAD iaitu cadangan Selangor untuk menubuhkan Majlis Pengangkutan Lembah Kelang atau Selangor (*Klang Valley Transport Council, or Selangor Transport Council*). Selain daripada itu, Selangor juga mencadangkan agar setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) akan mengadakan sekurang-kurangnya seorang pegawai untuk diberi mandat menguruskan perkara pengangkutan awam. Cadangan tersebut diterima tetapi tidak diberi maklumbalas. Oleh sebab SPAD telah memulai proses rundingan awam dan rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk projek MRT (Mass Rapid Transit) di Selangor, Kerajaan Negeri Selangor akan memain peranan *accountability partner*, iaitu memastikan bahawa kerja-kerja tersebut dilaksanakan dengan telus sejauh boleh.
- iii. Penambahan Hasil Padi

Projek Meningkatkan Hasil Padi

Secara keseluruhannya peningkatan purata hasil padi di semua projek adalah tidak begitu ketara kecuali di blok TASB 12, di Kuala Selangor Utara yang mencatatkan peningkatan sebanyak 30% kepada 7.4 mton/ha pada musim 1/2010).

Kawasan Sabak Bernam Selatan mengalami sedikit peningkatan, 7.7% tetapi masih pada tahap purata hasil 5 – 5.8 mton/ha.

Punca utama kegagalan untuk mencapai peningkatan hasil terutamanya bagi kawasan Sabak Bernam Timur ialah masalah kelewatan bekalan air dan populasi padi angin yang sangat tinggi. Masalah padi angin dipengaruhi oleh bekalan benih yang dicemari, penyediaan tanah yang tidak sempurna dan bekalan air yang lewat.

Beberapa langkah yang telah diberi perhatian untuk mengatasi masalah ini melalui kerjasama dengan JPS mengatasi masalah kelewatan bekalan air dan kerjasama dengan PPK untuk mengatasi masalah kelewatan bekalan baja. Untuk mengatasi masalah benih, Kerajaan Negeri juga membantu pesawuh membeli benih padi dari sumber luar seperti Perak dan Kedah. Selain daripada ini, satu pasukan kerja ditubuhkan bagi memastikan penanaman mengikut jadual aktiviti penanaman padi yang disyorkan.

- iv. Projek-projek Terbengkalai: Satu Jawatankuasa Projek Perumahan Terbengkalai telah ditubuhkan untuk membantu pemulihan projek-projek ini. Sebanyak 23 Projek atau 9179 Unit Projek Perumahan Terbengkalai telah disiapkan. 7 Projek atau 3887 Unit Projek Perumahan Terbengkalai telah dimulakan semula atau telah diambil alih oleh pemaju baru.
- v. Pemuliharaan Bandar: Sebanyak dua kawasan di Selangor telah dipilih untuk projek pemuliharaan bandar, iaitu Petaling Jaya dan Ampang Jaya. Setakat ini, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil pendirian untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) kawasan tersebut masing-masing dalam pelaksanaan projek tersebut. Di kawasan Ampang Jaya, beberapa projek dicadangkan untuk memuliharkan kawasan. Projek *River of Life* Kerajaan Persekutuan, iaitu projek pembersihan dan pemuliharaan Sungai Klang akan membolehkan kawasan Ampang Jaya untuk bertambah mutu. Sebanyak RM2 juta akan diperuntukkan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk *squatter relocation*.

Di Petaling Jaya, terdapat beberapa projek tertentu yang akan memberi Petaling Jaya peluang untuk menjadi sebuah *livable city*. Walaupun projek-projek ini dikatakan besar dan melibatkan pembangunan tambahan, Kerajaan Negeri Selangor akan memastikan bahawa pengangkutan, jalan raya dan *traffic flow* akan dipelihara. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor akan bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk mengadakan sebuah *Vision Plan Workshop* untuk kawasan Seksyen 51, Seksyen 51a dan Seksyen 52. Ini adalah supaya proses perancangan untuk kawasan tersebut akan ada matlamat, hala tuju dan objektif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : PEMASANGAN BILLBOARD MES DAN AIR SELANGOR

89. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah jumlah perbelanjaan ke atas pemasangan *Billboard* program MES dan Air Selangor
 - Namakan Syarikat yang dilantik .

JAWAPAN :

- a) Program Merakyatkan Ekonomi Selangor telah diperkenal sejurus setelah Pakatan Rakyat mengambil alih tapuk pimpinan kerajaan negeri Selangor pada Mac 2008.

Sehingga kini lebih kurang 12 program telah dijalankan secara berperingkat. Antara program yang sedang dinikmati adalah Skim Mesra Usia Emas, Tabung Warisan Anak Selangor, Air percuma 20 kubik meter, Hadiah Anak Masuk Universiti, Tabung Anak Pekerja Ladang, Tuisyen Rakyat dan banyak lagi. Terdapat banyak usaha promosi yang dibuat untuk menghebahkan program-program dibawa agenda MES termasuklah pengiklan *Billboard*.

Pejabat Menteri Besar sendiri yang mengambil inisiatif bagi pemasangan *billboard* MES. Untuk menjimatkan kos, tiada struktur *billboard* baharu yang dipasang. Apa yang kita lakukan adalah memasang visual baharu ke atas *billboard* yang sedia ada kepunyaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dengan ini, kos penyewaan juga tidak perlu.

Bagi pemasangan visual baharu MES bagi 3 tahun yang lepas, Pejabat Menteri Besar telah membelanjakan sejumlah RM87,248 yang melibatkan 30 buah *billboard* yang mempromosikan program-program MES dan 22 buah untuk Kempen Kembalikan Hak Air Kepada Rakyat. Kos purata bagi setiap *billboard* ini ialah kira-kira RM1,700. Ini termasuk kos pencetakan, pemasangan dan penyelenggaraan. Jumlah ini adalah jauh lebih rendah dari kos biasa di pasaran.

Kempen "Kembalikan Hak Air kepada Rakyat" bermula setelah syarikat konsesi air Syabas dan Puncak Niaga berdolak dalik untuk menerima tawaran kerajaan negeri mengambil alih pengurusan air negeri Selangor seperti yang diperuntukkan dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Kerajaan Negeri berpendapat adalah wajar rakyat di beritahu mengenai usaha pengambilalihan air dari syarikat konsesi yang rata-rata gagal memberi perkhidmatan yang berkesan dengan harga yang berpatutan.

Dengan itu promosi kempen tersebut telah dibuat melalui *billboard*. Seperti kempen MES, tiada struktur *billboard* baharu yang dipasang. Ia hanya melibatkan kerja-kerja menggantikan visual baharu di atas *billboard* sedia ada kepunyaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- b) Sebuah syarikat pengiklanan milik 100% bumiputera Syarikat D'Macriz telah dilantik bagi pemasangan visual *billboard* untuk kedua-dua kempen. Syarikat tersebut menepati syarat-syarat yang dikenakan oleh Perbendaharaan Negeri, mempunyai tenaga pekerja yang berpengalaman dalam mereka-cipta visual, mencetak serta memasang visual *billboard* serta menawarkan harga yang berpatutan. Sebelum melantik Syarikat D'Macriz, tiga lagi syarikat telah dijemput memberi sebut harga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK: POLIS BANTUAN

90. Kerajaan negeri ada bercadang untuk menubuhkan pasukan polis bantuan sendiri untuk mencegah jenayah.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri tidak yakin dengan kemampuan pasukan polis sedia ada?
- b) Apakah rasional cadangan penubuhan pasukan tersebut?
- c) Adakah kerajaan negeri sedar bahawa hal ehwal keselamatan di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN :

- a) Kemajuan yang semakin pesat di Selangor khasnya di dalam bidang perindustrian, perkilangan, perniagaan dan pendidikan telah menyebabkan Kerajaan Negeri memikul tugas dan tanggungjawab yang besar di dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan berdasarkan kepada akta dan undang-undang yang diguna pakai. Ini terutamanya memandangkan Selangor ke arah urbanisasi dengan penekanan terhadap amalan Program Local Agenda 21 bersama penduduk iaitu mewujudkan Bandar Selamat.

Tidak wujud soal keyakinan dalam perkara ini. Tujuan permohonan kuasa polis bantuan adalah untuk memberikan kuasa tambahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan di dalam menjaga harta benda miliknya dan sebagai membantu tugas-tugas penguatkuasaan yang dilaksanakan pada setiap hari.

Pihak Berkuasa Tempatan juga telah mempunyai Mahkamah Majistret (Munisipal) yang telah ditubuhkan pada 29 Jun 1994 bagi membantu pihak Kerajaan Negeri untuk membawa kes-kes yang melibatkan Akta dan undang-undang yang diguna pakai.

b) Penubuhan Pasukan Polis Bantuan di Pihak Berkuasa Tempatan dipercayai dapat membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam tugas-tugas berikut :-

- i) Memelihara undang-undang dan ketenteraman
- ii) Mengekalkan keamanan dan keselamatan
- iii) Mencegah dan mengesan jenayah
- iv) Menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah

Memastikan kadar jenayah dapat diminimumkan dan rakyat merasa sentiasa selamat. Ini juga membantu mengurangkan perbelanjaan rakyat untuk mewujudkan "gated and guarded community", dan menghadapi inflasi. Apabila kita membaca akhbar berita yang dipapar berkisah terhadap pembunuhan, pecah rumah, ragut dan penculikan. Situasi ini tidak menggambarkan kemakmuran dan keharmonian kerana tidak mewujudkan suasana selamat kepada penduduk setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : USAHAWAN TANI

91. Pembangunan usahawan tani adalah salah satu agenda negeri dengan peruntukan RM 3.2 juta untuk pembangunan pertanian.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- Nyatakan bilangan usahawan tani mengikut daerah yang telah dibangunkan?
- Apakah bidang-bidang pertanian yang dijadikan fokus dan berdaya maju untuk diceburi ketika ini?
- Apakah strategi kerajaan untuk mengembangkan potensi usahawan tani?

JAWAPAN :

- Bilangan usahawan tani yang masih berdaya saingan bagi tahun 2010 mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	Bilangan Usahawan Tani
Sepang	10
Kuala Langat	4
Hulu Langat	6
Klang	2
Petaling	7
Gombak	3
Kuala Selangor	8
Sabak Bernam	19
Hulu Selangor	4
Jumlah	63

- Bidang-bidang pertanian yang akan dijadikan fokus adalah:-
 - Pertanian organik
 - Pembangunan pertanian secara integrasi
 - Penggunaan efektif mikronisma di dalam sektor ternakan, perikanan dan pertanian

- c) Kerajaan Negeri hanya dapat mengkategorikan usahawan tani yang berpotensi jika seorang usahawan tersebut telah mencebur sesuatu bidang melebihi 2 tahun. Usahawan yang berpotensi sebenarnya tidak mengharap bantuan Kerajaan Negeri sepenuhnya. Walau bagaimanapun sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang menjaga kepentingan rakyatnya maka melalui Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri dan Jabatan Perikanan Negeri ada menyediakan pelbagai bentuk bantuan yang bersesuaian.

Kerajaan Negeri sedar bahawa hal ehwal keselamatan di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, walau bagaimanapun objektif penubuhan unit Polis Bantuan ialah untuk mengawal keselamatan dan ketenteraman awam bagi perjalanan Mahkamah Majistret (Munispal) dan lain-lain tugas Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan. Di samping itu, Pasukan Polis Bantuan dapat membantu menjalankan peranan dan tanggungjawab bagi mewujudkan kehadiran Polis dalam kawasan yang kerap berlaku jenayah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : AIR PERCUMA 20 METER PADU UNTUK RUMAH PANGSA

92 Bertanya Kepada Menteri Besar:

- a) Bilakah kerajaan negeri dapat menjalankan sepenuhnya program air percuma 20 meter padu untuk rumah pangsa terutamanya kos rendah di seluruh Selangor?
- b) Berapakah kos yang diperlukan untuk menjalankan air percuma 20 meter padu bagi rumah pangsa ?
- c) Apakah halangan utama yang dihadapi untuk menjalankan penyaluran air percuma ini ?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk memastikan program pemberian air percuma dapat dilaksanakan di semua kawasan pangaspuri kos rendah di Negeri Selangor yang masih menggunakan meter air pukal. Justeru itu, berdasarkan analisa yang dibuat ke atas prestasi program pemberian air percuma ini selama 6 bulan bermula bulan Jun sehingga Disember 2010, Kerajaan Negeri telah membuat penambahbaikan kepada syarat dan proses tuntutan rebet air percuma supaya program pemberian air percuma ini dapat dilaksanakan sepenuhnya selewat-lewatnya pada bulan Jun 2011. sehingga kini, Kerajaan Negeri sedang membuat pengemaskinian data untuk mengemas kini status migrasi meter individu serta butiran lengkap mengenai pihak pengurusan bangunan dan jumlah unit kediaman yang diduduki bagi setiap pangaspuri kos rendah di negeri Selangor bertujuan memastikan tiada kawasan pangaspuri kos rendah yang menggunakan akaun meter air pukal tercicir menyertai program pemberian air percuma.
- b) Bagi tahun 2010, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM140,334.08 (Ringgit Malaysia : Seratus Empat Puluh Ribu Tiga Ratus Tiga Puluh Empat dan Sen Lapan Sahaja) untuk menjalankan fasa pertama program pemberian air percuma kepada pangaspuri kos rendah melalui kupon bagi tempoh 3 bulan iaitu bulan Oktober sehingga Disember 2010. Manakala bagi tahun 2011, dengan pelaksanaan sepenuhnya pemberian air percuma kepada semua pangaspuri kos rendah yang masih menggunakan meter air pukal, Kerajaan Negeri menjangka anggaran kos yang terlibat melebihi RM5 juta.

- c) Sebahagian besar pangaspuri kos rendah didapati TIDAK MAMPU melaksanakan program pemberian air percuma disebabkan faktor seperti berikut :-
- i. Tidak mempunyai badan yang sah dan diiktiraf dalam menguruskan bangunan seperti JMB, MC dan pemaju.
 - ii. Tidak mempunyai sistem pengurusan bangunan yang teratur.
 - iii. Tenaga kerja yang terhad dan tidak mencukupi untuk menguruskan pemberian air percuma melalui kupon.
 - iv. Mempunyai tunggakan bil air yang tinggi dengan SYABAS.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa turun padang bersama Pesuruhjaya Bangunan mengikut kawasan pihak berkuasa tempatan ke pangaspuri kos rendah yang masih tidak melaksanakan kupon air percuma supaya program ini berjaya dilaksanakan di kawasan pemajuan terbabit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(DUN TERATAI)**

TAJUK : JABATAN AUDIT

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Adakah setiap projek yang dijalankan oleh PBT haruslah diaudit oleh Jabatan Audit?
 - Kalau projek tidak diaudit apakah tindakan yang boleh diambil untuk menghukum pegawai yang bertanggungjawab?

JAWAPAN :

- Tidak semua projek yang dijalankan oleh PBT perlu diaudit oleh Jabatan Audit. Dalam konteks PBT, proses auditan dilaksanakan oleh Jabatan Audit Dalam . Pengauditan terhadap sesuatu projek akan dibuat mengikut kesesuaian dari segi perancangan audit tahunan yang telah disediakan oleh Jabatan Audit Dalam. Walau bagaimanapun, sekiranya ada keperluan seperti kes kelewatan, peningkatan kos, tidak mematuhi spesifikasi serta terdapat keperluan untuk menilai prestasi sesuatu projek, Jabatan Audit boleh menjalankan siasatan dan auditan ke atas projek-projek tersebut berdasarkan arahan daripada Datuk Bandar/Yang Dipertua ataupun daripada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat yang ditubuhkan di setiap PBT.
- Sekiranya berlaku sebarang kepincangan di dalam proses pelaksanaan sesuatu projek, pihak pengurusan PBT boleh mengarahkan Jabatan Audit Dalam untuk melaksanakan siasatan yang lebih terperinci terhadap masalah yang berlaku kepada projek yang berkenaan. Sekiranya siasatan Audit Dalam mendapati terdapat kepincangan dalam pelaksanaan sesuatu projek akibat daripada kelalaian pegawai yang bertanggungjawab, maka hukuman yang sewajarnya boleh diambil selaras dengan peraturan-peraturan semasa yang termaktub di dalam Arahan Perkhidmatan bagi Kakitangan Awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : RUNGUTAN RAKYAT TENTANG OSC

94. Rungutan dari rakyat meningkat tentang kakitangan di Pihak Berkuasa Tempatan terutama di OSC yang tidak mesra pelanggan

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah semua kakitangan OSC ini pernah diberi kursus bersama?
Jika tidak bilakah ianya akan dibuat?

JAWAPAN :

- a) Semua kakitangan OSC di PBT Selangor telah mengikuti Kursus Induksi Umum dan Khusus secara berperingkat bergantung kepada tadbir urus di PBT dan Jabatan Kerajaan Tempatan untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Kursus ini memberi pemahaman tentang peraturan perkhidmatan awam dan salah satu modul adalah aspek layanan pelanggan. Selain itu, kakitangan OSC juga telah mengikuti kursus-kursus lain yang secara tidak langsung membantu mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan sama ada yang dianjurkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau PBT masing-masing.

Kakitangan OSC sentiasa diberi peluang sama ada oleh pengurusan PBt masing-masing mahupun Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengikuti kursus dari semasa ke semasa bagi mempertingkatkan kompetensi dalam bidang perkhidmatan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

95. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapa peruntukan MARRIS tidak boleh digunakan di luar kawasan kawalan PBT?

JAWAPAN :

- a) Peruntukan tersebut merupakan salah satu pemberian daripada Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun yang akan digunakan untuk menaik taraf jalan-jalan negeri di bawah penyelenggaraan Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran dan jalan-jalan Majlis Bandaraya/Perbandaran/Daerah di bawah penyelenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi jalan-jalan di luar kawasan PBT, peruntukan MARRIS adalah disalurkan melalui JKR dan JPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : ZON BERSIH PBT

96. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Adakah sistem zon dan pertandingan ini berkesan untuk memastikan kebersihan kawasan PBT?
 - b) PBT manakah yang telah memenangi pertandingan tersebut?
 - c) Apakah inisiatif lain untuk memastikan kawasan tadbiran PBT sentiasa bersih?

JAWAPAN :

- a) Sistem Zon Bersih dan pertandingan yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri adalah berkesan dan sesuai untuk diteruskan di kawasan-kawasan lain. Daripada pemantauan didapati zon-zon yang telah dijadikan kawasan zon bersih mempunyai tahap kebersihan yang lebih memuaskan dan menunjukkan perubahan yang ketara daripada yang sebelumnya. Ini membuktikan bahawa semua pihak yang terlibat seperti PBT, penduduk setempat, pihak NGO, Ahli Majlis dan lain-lain memandang serius terhadap perkara ini di samping mewujudkan persaingan sihat di antara PBT melalui pertandingan yang telah dilaksanakan.

Pertandingan zon bersih di kawasan PBT bagi tempoh 2009/2010 telah dinilai melalui kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri untuk proses penilaian iaitu seperti berikut:

1. Pemantauan Kebersihan;
2. Penyelenggaraan Infrastruktur;
3. Penyelenggaraan Landskap;
4. Penyelenggaraan Kemudahan Awam;
5. Pengurusan Aduan; dan
6. Penglibatan Komuniti

- b) Memandangkan PBT Selangor mempunyai taraf yang berbeza-beza, maka pembahagian dan penetapan kategori kumpulan PBT telah dilaksanakan dan pelaksanaan penilaian telah dibahagikan mengikut kumpulan seperti berikut :

KATEGORI	PEMENANG	HADIAH
Kumpulan A (MBSA, MBPJ, MPK dan MPSJ)	MPSJ	Piala Pusingan dan Piala Iringan
Kumpulan B (MPAJ, MPS, MPKj dan MPSp)	MPSp	Piala Pusingan dan Piala Iringan
Kumpulan C (MDKL, MDHS, MDKS dan MDSB)	MDKS	Piala Pusingan dan Piala Iringan

Pengiktirafan juga turut diberi berdasarkan enam (6) kategori kriteria yang telah ditetapkan.. Butirannya adalah seperti berikut :

KATEGORI	PEMENANG	HADIAH
Pemantauan Kebersihan Zon Bersih	1. MPSJ	Piala Iringan
	2. MPK	Piala Iringan
Penyelenggaraan Infrastruktur	1. MPAJ	Piala Iringan
	2. MDKL	Piala Iringan
Penyelenggaraan Lanskap	1. MBPJ	Piala Iringan
	2. MDHS	Piala Iringan
Penyelenggaraan Kemudahan Awam	1. MPSp	Piala Iringan
	2. MDSB	Piala Iringan
Audit Pengurusan Aduan	1. MBSA	Piala Iringan
	2. MPS	Piala Iringan
Penglibatan Komuniti	1. MPKj	Piala Iringan
	2. MDKS	Piala Iringan

Di samping itu, satu (1) Anugerah Zon Bersih Terbaik juga telah dianugerahkan kepada MPSJ di atas kesungguhan dan pencapaiannya dalam memenuhi semua kriteria-kriteria yang telah di syarat dan di tetapkan serta memperoleh markah tertinggi.

- c) Inisiatif lain yang diambil bagi memastikan kawasan tadbiran PBT sentiasa dalam keadaan bersih adalah seperti berikut:-

Mengadakan pertandingan kebersihan dan keindahan kawasan di kalangan Majlis Pewakilan Penduduk yang mewakili beberapa seksyen dalam pentadbiran PBT;

Mengadakan program dan pertandingan kitar semula;

Memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor Alam Flora Sdn Bhd mengikut syarat yang telah ditetapkan seperti pembersihan kawasan 2 kali sebulan, kutipan sisa pepejal (sampah domestik) 3 kali seminggu dan kutipan sampah pukal (sampah kebun dan sebagainya) 2 kali seminggu dipatuhi; dan

Tindakan penguatkuasaan terhadap individu atau premis yang tidak menjaga kebersihan seperti yang telah ditetapkan dalam Undang-undang Kecil PBT seperti :

Undang - undang Kecil Pungutan, Pembuangan dan Perlupusan Sampah Sarap 2007 Undang - undang Kecil Vandalisme 2005

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SG.PELEK)**

TAJUK : SEKATAN TERHADAP SUK SELANGOR

97. Dato' Setiausaha Kerajaan negeri adalah Ex-officio dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telah mengangkat sumpah menyimpan rahsia, namun ada ura-ura beliau akan dihalang untuk menyertai mesyuarat tertentu.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status sebenar dakwaan tersebut?
- b) Jika benar, apakah ini satu penghinaan terhadap status jawatan tersebut?
- c) Adakah ini membuktikan kerajaan negeri tidak telus dalam urusan pentadbiran selaras dengan slogan mereka?

JAWAPAN :

- a) Dakwaan tersebut tidak benar.
- b) Kerajaan tidak pernah memandang hina atau serong pada mana-mana penjawat awam di negeri ini.
- c) Kerajaan sentiasa telus di dalam melaksanakan segala dasar dan pendekatan demi kesejahteraan bukan sahaja rakyat tetapi semua penjawat awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : TERNAKAN KERANG DAN KUPANG

98. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Berapakah jumlah hasil pendapatan pengeluaran Kerang dan Kupang di Negeri Selangor dalam Tahun 2010 ?
 - Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan lagi hasil Kerang dan Kupang khususnya di Perairan Pantai Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam ?
 - Apakah bantuan dan sokongan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor jika ada untuk membantu nelayan-nelayan kecil tersebut supaya dapat meningkatkan hasil pendapatan mereka ?

JAWAPAN :

- Projek Kebun Kerang Negeri Selangor yang telah dijalankan di Perairan Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Klang telah meningkatkan pengeluaran hasil kerang Negeri Selangor sebanyak hampir 78 % pada tahun 2010 berbanding sebelum ianya diwujudkan iaitu hanya 9,300 Tan Metrik pada tahun 2005. Pengeluaran hasil kerang yang telah dicatatkan pada tahun 2010 adalah sebanyak 41,410.06 Tan Metrik dengan nilai RM 41,824,160.60.
- Salah satu langkah yang diambil untuk meningkatkan hasil Kerang adalah dengan melakukan pengukuran semula keseluruhan lot-lot ternakan sedia ada disebabkan beberapa faktor. Salah satu daripadanya adalah kerana berlakunya perubahan kedalaman dasar lot ternakan yang memberi kesan secara langsung kepada pengeluaran hasil. Perubahan kedalaman yang disebabkan oleh peningkatan paras air laut akibat pencairan kawasan antartik ini menyebabkan benih kerang yang ditabur tidak terdedah langsung kepada udara dan seterusnya menyebabkan banyak berlaku kematian benih. Selain itu, dengan pengukuran semula ini dijangka dapat mengenal pasti kawasan-kawasan yang lebih sesuai untuk ternakan serta dapat membuka lot-lot baru di kawasan yang masih belum dilotkan dan secara tidak langsung dapat meramaikan lagi penyertaan nelayan dalam ternakan kerang.

Satu lagi langkah yang diambil adalah dengan tidak membenarkan pengutipan benih kerang semula jadi untuk jualan selagi lot-lot ternakan sedia ada belum penuh ditabur dengan benih-benih kerang. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor juga telah memberi pengecualian bayaran TOL bagi tapak-tapak lot kebun kerang ini dan ianya dapat mengurangkan beban kos yang terpaksa ditanggung oleh penternak.

- c) Kerajaan Negeri Selangor telah bercadang untuk membuka kawasan-kawasan kutipan kerang dewasa semulajadi di Perairan Negeri Selangor bagi tujuan kutipan oleh nelayan. Pembukaan kawasan kutipan ini dapat meningkatkan hasil pendapatan nelayan selain daripada tangkapan ikan.

Maklumat Tambahan Soalan a):

- i) Pengeluaran Kebun Kerang Negeri Selangor mengikut daerah:

Daerah	Pengeluaran (Tan Metrik)	Nilai (RM)
Sabak Bernam	19,315.84	RM19,508,998.40
Kuala Selangor	21,345.00	RM21,558,450.00
Klang	749.22	RM 756,712.20
JUMLAH	41,410.06	RM 41,824,160.60

Maklumat Tambahan Soalan b):

- i) Jumlah Lot Ternakan Kerang yang diwujudkan = 200 Lot

- ii) Bilangan Lot yang beroperasi= 114 Lot

- iii) Jumlah peserta/penternak kerang mengikut daerah:

Daerah	Bil. peserta/penternak kerang
Sabak Bernam	214
Kuala Selangor	375
Klang	78

- iv) Kadar bayaran TOL bagi 1 hektar lot ternakan kerang = RM200.00

$$\text{Keluasan bagi 1 lot ternakan kerang} = 50 \text{ hektar}$$

$$\text{Jumlah bayaran bagi 1 lot ternakan kerang} = \text{RM}10,000.00$$

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : WIFI

99. Bertanya kepada Y. A. B Menteri Besar
- Senaraikan kawasan yang telah dilengkapi dengan perkhidmatan WIFI mengikut PBT yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Polisi Merakyatkan Informasi Negeri Selangor.
 - Apakah sebab yang menyebabkan perkhidmatan WIFI ini hanya boleh disiapkan sepenuhnya pada tahun 2015?
 - Apakah usaha yang akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan warga negeri supaya celik IT dan seterusnya menggunakan perkhidmatan WIFI ini dengan sebaiknya.

JAWAPAN :

- Projek WIFI atau dikenali sebagai "Wireless Selangor" adalah usaha kerajaan negeri memperluaskan kemudahan wayarles jalur lebar (internet broadband) dan akses internet (*internet accessibility*) ke semua kawasan dalam negeri Selangor. Penglibatan Kerajaan Negeri Selangor dan Penyedia Perkhidmatan Internet atau dikenali sebagai ISP (*Internet Service Provider*) di dalam projek ini, membolehkan kemudahan capaian internet tanpa wayar ini akan dinikmati oleh rakyat Selangor dengan PERCUMA. Ini menepati manifesto Kerajaan Negeri untuk menjadi Negeri Maju, Sejahtera dan Berkebajikan.

Terdapat tujuh lokasi yang telah dilengkapi dengan kemudahan capaian WIFI secara PERCUMA oleh Kerajaan Negeri Selangor iaitu seperti berikut:

- Dataran Shah Alam
- Kompleks PKNS Shah Alam
- Seksyen 2 Shah Alam
- Seksyen 3 Shah Alam
- Seksyen 9 Shah Alam
- Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor
- Batang Kali, Hulu Selangor
- Seksyen 7 Shah Alam,
- SUK(luaran)

- b) Perkhidmatan “Wireless Selangor” yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan dipacu dengan beberapa kaedah. Pertamanya dengan penglibatan **Kerajaan Negeri Selangor** sendiri yang mana kerajaan negeri akan menampung kos permulaan bagi menyediakan infrastruktur projek “Wireless Selangor” ini dan seterusnya dengan kerjasama penuh pihak **PBT(Pihak Berkuasa Tempatan)** yang akan bersama-sama menampung kos operasi projek ini dalam kawasan yang terlibat bagi tahun-tahun berikutnya. Keduanya dengan kaedah **PFI (Private Financial Initiative)** yang mana usaha ini digerakkan dan sedang berjalan oleh pihak swasta terutamanya pihak yang mempunyai lesen ISP daripada pihak SKMM(Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia). Ketiganya dengan kaedah penglibatan pihak korporat dan juga anak syarikat Kerajaan Negeri di dalam program **CSR (Corporat Social Responsibility)** seperti yang dilaksanakan di bangunan Kompleks PKNS, shah Alam yang mana perkhidmatan wifi secara percuma telah pun disediakan di bangunan kompleks PKNS. Manakala penglibatan pihak korporat di dalam program ini sedang dalam proses perundingan.

Dengan penglibatan Kerajaan Negeri dan juga kerjasama penuh daripada pihak PBT khususnya, projek “Wireless Selangor” dicapai sepenuhnya sehingga tahun 2015 sepetimana yang telah dirancang. Satu kajian mengenai perkhidmatan wifi di negeri ini menunjukkan bahawa Selangor menduduki tempat ketiga di dalam menyediakan perkhidmatan internet wireless yang didahului oleh negeri Pulau Pinang dan Melaka. Walaubagaimanapun kerajaan negeri tetap komited bagi menjayakan program “Wireless Selangor” dengan mengambil kira keluasan, kepadatan penduduk serta kos bagi menyediakan perkhidmatan ini serta mencapai sasaran 150 spot yang telah ditetapkan. Ini sejajar dengan Prinsip **U-Wisel (Ubiquitos Wifi Selangor)** yang telah ditetapkan iaitu:-

- **LIPUTAN (COVERAGE)**menyeluruh tanpa diskriminasi di dalam penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan sama ada di bandar ataupun di luar bandar.
- **CAPAIAN (ACCESSIBILITY)** yang memenuhi Kualiti Perkhidmatan(QoS) dari sudut kelajuan, *uptime* dan integriti
- **KELESTARIAN (SUSTAINABILITY)** alam sekitar termasuk pengawalan pencemaran dan kerosakan(pencemaran pemandangan dan radiasi)
- **IMPAK EKONOMI (ECONOMICAL IMPACT)**pengagihan peluang yang sama rata dan mampu milik(affordibility).

Kerajaan negeri juga yakin, dengan penglibatan bersungguh-sungguh pihak korporat dan GLC dalam menjayakan projek “Wireless Selangor” melalui kaedah PFI dan juga CSR akan membolehkan sasaran 150 hotspot dicapai lebih awal dari tahun 2015.

- c) Usaha Celik IT dan Guna IT yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan dengan dua asas iaitu:.

A. Persediaan Kandungan (Content)

Persediaan menyediakan kandungan adalah salah satu intipati yang penting bagi melihat kejayaan celik IT di kalangan warga Negeri Selangor. Beberapa langkah telah dirancang bagi menjayakan usaha Celik IT antaranya ialah:-

i. **Program Kemahiran, Pembangunan & Latihan ICT.**

Beberapa sesi latihan dan kursus telah dilaksanakan secara percuma kepada masyarakat sempena Festival Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor (FesSTIS). Kursus asas penggunaan ICT telah diberi kepada peserta dengan penggunaan aplikasi pejabat seperti MS Word, Excel dan latihan asas penggunaan internet serta pendedahan penggunaan laman web sosial. Modul yang dijadualkan adalah seperti di bawah :

BIL	Sasaran peserta	Kursus-kursus dalaman dan latihan
1	NGO	Penyediaan Blog & Facebook
2	Pimpinan negeri spt ketua kampung dan JKKK.	Pengenalan kepada komputer & internet
3	Badan Kebajikan (Rumah anak yatim dan sebagainya)	Pengenalan kepada komputer & internet
4	Pesara Kerajaan spt pesara polis,tentera, guru dan pesara JPA	Pengenalan kepada Microsoft Word 2007 Pengenalan kepada komputer & internet

ii. **Bengkel dan penulisan menggunakan ICT**

Bekerjasama dengan komuniti para penulis sastera yang menerbitkan penulisan mereka di website atau blog. Dua slot program yang telah dan akan diteruskan ialah:

- **HESCOM (Hadiah e-sastera).** Satu program yang diwujudkan untuk mempertandingkan penulisan daripada penulis yang mempunyai kualiti penulisan di website atau blog masing-masing.
- **PROKSI (Program Kemahiran Sastera dan ICT).** Satu program latihan bagi membolehkan para penulis meningkatkan kemahiran menggunakan internet sebagai medium penyampai atau penerbitan.

iii. **Penyediaan Pusat Siber Rakyat**

Membangun dan menyediakan PSR dengan konsep menggabungkan ilmu, maklumat dan pengetahuan dengan menggunakan medium berbentuk fizikal dan digital dan menjadikan PSR untuk penyebaran ilmu ICT bagi masyarakat luar bandar. Ia juga sebagai salah satu usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dengan mensasarkan komuniti setempat tanpa mengira peringkat umur.

Dengan menyediakan PSR di perpustakaan desa atau daerah juga membolehkan perpustakaan menganjurkan program-program pembelajaran atau melanggar program pembelajaran interaktif untuk penduduk setempat. Seterusnya membantu peningkatan proses pembelajaran, khususnya kepada pelajar yang kurang berkemampuan. Pada ketika ini, 5 buat PSR telah dibina seperti di bawah dan kerajaan negeri mensasarkan 5 buah lagi tahun ini.

- Ijok
- Ampang
- Semenyih
- Klang
- Banting

iv. Kursus pemasaran produk secara online (e-marketing)

Menyedari bahawa program-program anjuran kerajaan negeri juga berpotensi untuk menghasilkan produk yang boleh dipasarkan, program yang bakal disediakan ini akan membantu pusat-pusat PKW (Pusat Komuniti Wanita) bagi membuka ruang yang lebih luas kepada para peserta wanita khususnya golongan ibu tunggal untuk menjana pendapatan tambahan.

Kursus ini akan menggabungkan dua entiti utama iaitu

- Pemasaran & pengiklanan (website&blog, facebook, google dan sebagainya)
- Pembayaran (pembayaran on-line. cth: e-banking, e-bay dan sebagainya)

B. Persediaan Infrastruktur

i. Aplikasi Elektronik Kerajaan

Kerajaan negeri juga meluaskan penggunaan aplikasi IT di jabatan-jabatan kerajaan dan juga kepada warga negeri Selangor seperti penggunaan pembayaran on-line dan SMS bagi

- kemudahan pembayaran semula pinjaman skim Mikrokredit Miskin Bandar(MiMBAR),
- kemudahan pembayaran cukai PBT(Pihak Berkuasa Tempatan),
- kemudahan pembayaran zakat,
- kemudahan sumbangan derma (e-derma) yang disediakan di masjid-masjid menggunakan kad bank seperti yang telah diguna pakai di Masjid Darul Ehsan, Subang Jaya.

Selain dari itu, kerajaan juga telah menggunakan kemudahan ICT seperti Email, dan paparan LED dalam berkomunikasi dengan rakyat. Kerajaan Negeri juga akan menggunakan paparan LCD sebagai medium penyampai yang dikenali sebagai **IDM (Interior Display Media)** dan juga **ODM (Outdoor Display Media)** dengan kerjasama TV Selangor sebagai pembekal kandungan di dalam menyampaikan maklumat kerajaan negeri kepada masyarakat.

ii. **Menaiktaraf dan Melebarkan Jaringan Infrastruktur Komunikasi**

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan komunikasi yang akan dilebarkan ke seluruh Negeri Selangor untuk mencapai jalinan perhubungan yang meluas dengan usahasama pihak PBT(Pihak Berkuasa tempatan), GLC(Government Link Company) dan juga inisiatif syarikat-syarikat korporat menggunakan kaedah **PFI (Private Funding Initiative)** dan juga **CSR (Corporate Social Responsibility)**.

Kerajaan Negeri juga sedang melihat dan mengkaji potensi untuk melebarkan jaringan infrastruktur telekomunikasi ini seperti di pusat-pusat komuniti spt di masjid dan juga pusat membeli-belah terutamanya ke kawasan luar bandar dan kepada golongan yang kurang menikmati faedah pembangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENYENGGARAAN JALAN

100. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 berkenaan MBSA di muka surat 113:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sebab-sebab rancangan penyenggaraan jalan secara berkala tidak disediakan?
- b) Apakah sebab-sebab daftar inventori penyenggaraan jalan tidak diselenggara?
- c) Apakah sebab-sebab tiada pemantauan dilakukan dan aduan yang diterima lewat diambil tindakan?

JAWAPAN :

- a) Majlis tidak mampu berbuat penyenggaraan jalan secara berkala kerana ianya melibatkan peruntukan yang tinggi. Namun kerja-kerja pembetulan dan penyelenggaraan berdasarkan keperluan dan aduan semasa.
- b) Majlis ada menyimpan rekod kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan namun masih tiada sistem inventori khas secara bulanan/tahunan.
- c) Majlis ada Jawatankuasa Aduan bagi memantau aduan-aduan yang diterima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PELABURAN

101. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- Sila kemukakan jumlah pelaburan yang diperoleh oleh Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat bagi tahun 2010 secara perbandingan dengan tahun pertama 2008 dan tahun kedua 2009,mengikut pecahan daerah ?
- Bagaimakah prestasi dan kedudukan Negeri Selangor dalam memperoleh pelaburan bagi tahun 2010 secara perbandingan dengan negeri-negeri lain ?
- Sila nyatakan apakah kelemahan yang telah dikenal pasti dan langkah-langkah proaktif yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha menarik lebih ramai pelabur ke Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- Jumlah pelaburan yang diterima Negeri Selangor bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:-

Tahun	2008		2009		2010	
	Daerah	Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM)	Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM)	Projek
Petaling	126	5,333,853,646	126	3,405,006,172	128	4,386,380,246
Klang	80	1,651,904,209	61	1,731,532,333	81	3,137,945,930
Kuala Selangor	11	212,583,221	9	93,610,762	14	467,933,174
Hulu Langat	33	549,989,351	34	474,690,574	33	449,761,246
Gombak	26	340,142,611	20	428,748,809	28	321,803,981
Kuala Langat	13	865,394,198	13	180,013,252	19	464,865,522
Hulu Selangor	3	180,168,062	5	400,783,000	4	44,955,000
Sepang	2	2,634,940,315	1	924,000	8	551,324,000
Sabak Bernam	1	2,148,400	1	9,500,000	1	5,639,302
Lain-Lain Kawasan	7	99,786,000	8	34,782,050	9	811,227,000
Jumlah	302	11,870,910,013	278	6,759,590,952	325	10,641,835,401

Sumber : MIDA

- b) Prestasi pelaburan yang dicatatkan bagi negeri Selangor berbanding negeri-negeri lain amat menggalakkan dimana Negeri Selangor mencatatkan jumlah pelaburan kedua tertinggi dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 10,641,835,401** dengan **325 projek** selepas Pulau Pinang yang mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi iaitu sebanyak **RM 12,237,958,878** daripada **128 projek** perkilangan yang diluluskan. Pecahan jumlah pelaburan mengikut negeri adalah seperti berikut;-

Negeri	Projek	Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Penang	128	21,618	1,786,853,018	10,451,105,860	12,237,958,878
Selangor	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,848	10,641,835,401
Johor	172	14,915	4,861,167,970	2,603,746,673	7,464,914,643
Sarawak	43	7,083	388,156,720	3,556,890,253	3,945,046,973
Perak	49	5,396	1,393,042,344	1,646,663,971	3,039,706,315
Terengganu	9	688	2,110,937,930	216,994,000	2,327,931,930
Kedah	49	5,056	359,894,257	1,600,741,840	1,960,636,097
Melaka	37	4,345	437,191,905	1,193,937,900	1,631,129,805
Sabah	39	3,481	849,333,698	476,277,179	1,325,610,877
Negeri Sembilan	35	4,227	219,289,190	1,073,317,852	1,292,607,042
Pahang	13	745	30,880,756	1,007,856,425	1,038,737,181
Kelantan	5	1,328	87,331,000	82,224,000	169,555,000
W. P. Kuala Lumpur	4	332	55,046,132	0	55,046,132
Perlis	1	210	31,440,000	0	31,440,000
W. P. Labuan	1	30	14,866,935	0	14,866,935
Jumlah	910	97,319	18,120,418,408	29,056,604,801	47,177,023,209

Sumber : MIDA

- c) Antara cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menarik pelaburan ke Negeri Selangor adalah seperti berikut; -
- i) **Persaingan Dalam Dan Luar Negara Sebagai Destinasi Pelaburan Terbaik.**
Persaingan antara negara-negara di rantau ini seperti Thailand, Vietnam, China serta lain-lain negeri di Malaysia seperti Johor, Sarawak, Pulau Pinang dan lain-lain yang menawarkan pakej pelaburan yang menarik serta kos pelaburan yang jauh lebih kompetitif.

Bagi menangani isu ini, Kerajaan Negeri telah menujuhkan PEMUDAH bagi melihat, meneliti dan meminda prosedur-prosedur pelaburan dan pembangunan agar kelulusan dapat diberikan dalam tempoh yang singkat.

Selain itu, Unit-Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan telah ditubuhkan dengan tujuan utama untuk membantu para pelabur di peringkat perlaksanaan projek pembangunan serta membantu pihak pelabur mendapatkan kelulusan pembangunan yang diperlukan.
 - ii) **Isu Keselamatan**
Kejadian rompakan kilang, peras ugut dan lain-lain kejadian jenayah yang melibatkan industri menyebabkan Selangor tidak lagi menjadi sebagai destinasi pelaburan yang terbaik dan selamat.
 - iii) **Kos Pengeluaran Yang Meningkat.**
Harga kos pengeluaran yang tinggi seperti harga tanah, gaji utiliti dan lain-lain menyebabkan kos pengeluaran bagi syarikat yang beroperasi di Selangor tidak kompetitif.
 - iv) **Harga tanah industri yang tinggi.**
Harga tanah industri yang tinggi disebabkan oleh peningkatan nilai harta tanah di sekitar kawasan Lembah Klang menyebabkan kos untuk melabur di Negeri Selangor amat tinggi berbanding negeri-negeri lain.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri melalui PKNS cuba untuk melaksanakan konsep *built and lease* kepada pelabur bagi mengurangkan kos pembangunan kepada para pelabur yang berminat untuk melabur di Negeri Selangor.
 - v) **Kekurangan Bekalan Tenaga Kerja**
Syarikat menghadapi masalah kerana pekerja tempatan tidak berminat untuk bekerja di sektor perindustrian dan masalah mendapatkan kelulusan pekerja asing.

Bagi menggalakkan penglibatan rakyat tempatan untuk bekerja di sektor perindustrian, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program Jom Kerja yang merupakan program temuduga secara terbuka yang diadakan di setiap daerah bagi membantu pihak syarikat mencari pekerja disamping membantu rakyat Selangor mendapatkan pekerjaan. Sepanjang tahun 2010 sebanyak 7 program telah dilaksanakan seperti berikut; -
 - 1) 9 – 10 / 1 /2010 - Dewan Serbaguna, PTD Klang

- 2) 3 – 4 / 4 / 2010 – UNISEL, Shah Alam
- 3) 18 – 19 /4/2010 – Stadium Mini, Kuala Kubu Bharu, MDHS
- 4) 9/10/2010 – Dewan Serbaguna Pusat Latihan LKIM Bagan Lalang
- 5) 13/11/2010 - Dewan Dato' Nazir Kompleks Penghulu, Hulu Langat.
- 6) 27/11/2010 - Sekolah Agama Al-Furqan Bandar Baru Selayang, Daerah Gombak.
- 7) 14 - 15/ 12 /2010 - Dewan Jugra, MDKL.

Selain itu, Kerajaan Negeri menerusi SSIC Berhad telah memetrai perjanjian persefahaman dengan Gabungan LIMA PPTKIS bagi membawa masuk pekerja-pekerja dari Indonesia untuk memenuhi keperluan permintaan sumber tenaga kerja di Negeri Selangor.

vi) **Kekurangan peruntukan untuk menaiktaraf dan menyelenggara kawasan-kawasan industri yang sedia ada di Negeri Selangor.**

Kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan menghadapi masalah kekurangan peruntukan bagi menaik taraf serta menyelenggara kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada di kawasan masing-masing. Antara isu-isu yang sering dibangkitkan seperti; -

- 1) Penyelenggaraan dan menaiktaraf jalan industri
- 2) Penyelenggaraan dan menaiktaraf longkang
- 3) Penyelenggaraan lampu jalan.
- 4) Penyelenggaraan lanskap dan tanda arah jalan kawasan industri

vii) **Pembangunan Sumber Tenaqa Mahir Dalam Beberapa Industri Teknologi Tinggi.**

Kekurangan pekerja mahir bagi memenuhi permintaan seperti industri aeroangkasa dan solar kerana kekurangan pusat latihan yang menawarkan latihan dalam industri tersebut

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PADAT

102. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Apakah program yang dilaksanakan dalam pemeliharaan dan promosi warisan Selangor?
 - Berapa kali lembaga pengarah PADAT bermesyuarat dalam tahun 2010 dan apakah hasilnya?
 - Apakah pelan dalam penyiapan muzium timah di bangunan Gading Raja Abdullah di Kelang?

JAWAPAN :

- a) Program –program yang dilaksanakan oleh perbadanan Adat melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) adalah:-

• **Program-program Pemeliharaan :**

i. **Jejak Warisan Selangor**

Pengenapastian, menyelidik, mengumpul maklumat dan bahan serta melakukan kerja-kerja dokumentasi bagi kawasan-kawasan di darat dan di laut, sungai mahupun tasik yang dipercayai amat berpotensi untuk didaftarkan dalam inventori warisan, jabatan Warisan Malaysia samada sebagai Tapak Warisan, objek Warisan, Warisan kebudayaan (Ketara dan Tak Ketara), Warisan Kebangsaan, Warisan Kebudayaan Di Bawah Air, Warisan semula jadi mahupun Warisan Dunia.

ii. **Pewartaan Objek Warisan, tapak-tapak Warisan dan Monumen Bersejarah**

Mengenal pasti objek-objek atau artifak-artifak bersejarah, monumen-monumen lama dan tapak tanah-tapak tanah bersejarah peringkat negeri Selangor yang berpotensi untuk diangkat sebagai warisan mengikut Akta Warisan Kebangsaan (645), tahun 2005 bagi tujuan pemeliharaan, pemulihan, pemeliharaan, pengekalan dan seterusnya sebagai produk pelancongan dan pembelajaran.

iii. Pemuliharaan dan pembangunan Tapak tanah-Tapak tanah Bersejarah dan Monumen-Monumen Lama Negeri Selangor

Mengenal pasti tapak tanah-tapa ktanah bersejarah, bangunan-bangunan ataupun monumen-monumen lama yang telah diwartakan menerusi Akta Warisan Kebangsaan (645) Tahun 2005 bagi tujuan konservasi dan seterusnya dibangunkan sebagai tapak warisan untuk menggiatkan kecenderungan awam dan sokongan dalam pemeliharaan dan penyebaran pengetahuan berhubung dengan warisan sejarah negeri Selangor.

iv. Program Penyelenggaraan Tapak-Tapak Warisan dan Monumen-Monumen Bersejarah negeri Selangor

Penyelenggaraan tapak-tapak Warisan dan Monumen-Monumen Bersejarah Negeri Selangor lazimnya akan diselia dan diselenggara oleh Jabatan Warisan Malaysia. Penyelenggaraan akan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan yang disediakan oleh jabatan Warisan Malaysia menerusi permohonan yang akan dilakukan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan negeri Selangor (PADAT) pada setiap tahun.

• **Program-program Promosi :**

1. Program Jalinan Adat, Budaya dan Warisan negeri Selangor

Program ini dilaksanakan menerusi kerjasama Pejabat EXCO Hal Ehwal Islam, Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri Selangor, pejabat ADUN peringkat Daerah, Pihak berkuasa Tempatan Peringkat Daerah, Jabatan Agama Islam Selangor Daerah, Jabatan Kerja Raya Daerah, JKK Kampung Peringkat Daerah, Persatuan Sejarah Cawangan Negeri Selangor, Majlis Kebudayaan Negeri Selangor, Badan-Badan Kesenian dan kebudayaan Negeri Selangor, Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dan Persatuan Bulan SAbit Merah. Matlamat utama program ini adalah untuk menyebarluaskan pemahaman dan penghayatan orang ramai khasnya di setiap daerah di negeri Selangor berhubung dengan fungsi dan peranan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor(PADAT). Antara Aktiviti yang berkaitan dengan program ini adalah Forum Perdana, Bengkel Bicara Budaya, Tekat dan Kelingkan, Persembahan Kesenian dan Warisan, pertandingan Masakan, Gubahan, Permainan Tradisional dan Puisi Tradisional, demonstrasi, pameran dan Gerai Jualan.

2. Program Konvensyen Adat Melayu dan Festival Warisan Selangor

Program ini akan diadakan dalam tempoh 2-3 tahun sekali bagi tujuan membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan Adat dan Budaya Melayu serta memaparkan kepada mesyuarat dan orang ramai perihal kepelbagaiannya warisan yang ada di negeri Selangor menerusi penyertaan masyarakat. Matlamat akhirnya adalah untuk mengetengahkan kepelbagaiannya adat dan seni budaya Melayu serta warisan yang unik dan amat berpotensi dimartabatkan sebagai identiti negeri Selangor.

3. Program Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan

Dilaksanakan setiap tahun berpandukan kepada pemilihan penganjur atau “tuan rumah” yang dibuat secara penggiliran berasaskan kepada permohonan dari muzium-muzium peringkat negeri di Malaysia. Lazimnya, sambutan ini akan diadakan selama 5-6 hari di mana semua peserta akan “berkampung” di negeri yang menjadi penganjur atau tuan rumah dengan pelbagai acara jalinan budaya, seni, warisan dan Majlis-Majlis keilmuan bagi mengeratkan hubungan semua organisasi permuziuman peringkat Malaysia khasnya dan serantau amnya.

4. Program Perwarisan Ilmu dan Pameran

Dilaksanakan setiap tahunan di Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor menerusi pelbagai majlis keilmuan seperti bengkel, kursus, seminar, ceramah dan pameran berasaskan kepada fungsi dan peranan perbadanan dalam aspek-aspek adat Melayu, seni budaya, sejarah dan warisan negeri Selangor.

- b) Sepanjang tahun 2010, Ahli Lembaga pengarah Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah bersidang sebanyak **tiga (3) kali iaitu pada 23 Mac 2010, 9 Julai 2010 dan 17 Disember 2010**.

Hasil daripada mesyuarat Lembaga Pengarah tersebut adalah :-

- i. Majlis Pelancaran PADAT,
- ii. Jawatankuasa Titah Tuanku iaitu :-
 - Jawatankuasa Hubungan kerjasama PADAT, Badan-badan Tempatan, Wilayah dan Antarabangsa,
 - Jawatankuasa Penubuhan Desa Budaya Negeri Selangor,
 - Jawatankuasa Konvensyen Adat Melayu,
 - Jawatankuasa Penyelidikan Saintifik terhadap penemuan kajian sumber-sumber budaya dan warisan,
 - Jawatankuasa Pusat Penyelidikan Adat Melayu dan Warisan negeri Selangor.
- iii. Jawatankuasa di bawah PADAT
 - Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia & Permodenan Organisasi
 - Jawatankuasa Lembaga Tatatertib
 - Jawatankuasa Lembaga Rayuan Tatatertib
 - Jawatankuasa Penilaian Sebutharga dan tender
 - Jawatankuasa Kewangan

- Jawatankuasa Adat dan Warisan
 - Jawatankuasa KONSEVAsi dan Monumen
 - Jawatankuasa Penyelidikan, Penerbitan, dan Arkib
 - Jawatankuasa Perolehan dan Pengurusan Koleksi
 - Jawatankuasa Publisiti, Seranta, Pemasaran, ICT Dan Hubungan Luar
- iv. Pelan strategik PADAT
- v. Kumpulan Kesenian (Jabatan Kebudayaan) di bawa ke PADAT
- vi. Pelbagai program dan aktiviti mengikut peringkat Bahagian-bahagian yang ada di PADAT sepanjang tahun 2010 iaitu :

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Menyertai Pameran Padi Di Sungai Besar (Homestay Sg. Haji Dorani) Sempena Lawatan DYMM Sultan Selangor.	03 - 04 Jan 2010	Sungai Besar, Sabak Bernam.
2.	Melaksanakan program ‘Bicara Tradisi Ilmu, Menilai Waktu’.	10 Februari 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
3.	Melaksanakan program Bicara Tokoh Budayanita Selangor Prof. Dr. Siti Zainon Ismail.	24 Februari 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
4.	Melaksanakan Bengkel Seni Kelingkan ‘Satu Tradisi’.	02 Mac – 31 Mei 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
5.	Menyertai Pameran <i>Izish Premier Inter-Cultural Exchange Carnival 2010</i> .	15 - 17 Mac 2010	Kuala Lumpur.
6.	Menyertai Program Kembara Minda Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Berasrama Penuh Peringkat Kebangsaan.	18 – 21 Mac 2010	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Sabak Bernam.
7.	Forum Sehari Metodologi Penyelidikan.	22 Mac 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
8.	Melaksanakan program Bengkel Tradisi Lisan : Mengenal Warisan Bangsa	31 Mac 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
9.	Pameran Warisan Adat Melayu Sempena Karnival Adat Melayu	23 - 25 April 2010	Stadium Utama, Shah Alam.

10.	Mengadakan pertandingan sirih junjung dan pertandingan masakan Selangor (Nasi Ambeng dan kuih tradisi)	24 - 25 April 2010	Stadium Utama, Shah Alam.
11.	Menganjurkan Pertandingan Permainan Tradisional (Congkak, Batu Seremban & Sepak Raga Bulatan)	24 April 2010	Stadium Utama, Shah Alam.
12.	Menganjurkan Pertandingan Wau Kapal Selangor.	24 April 2010	Stadium Mini Shah Alam.
13.	Pameran Sempena Perayaan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2010.	16 - 21 Mei 2010	Kota Kinabalu, Sabah.
14.	Menyertai Demontrasi Pesta Masakan Warisan Melaka 2010 anjuran PERZIM.	04 - 06 Jun 2010	Jalan Kota, Kompleks Warisan Melaka.
15.	Pameran Sempena Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2010	05 - 06 Jun 2010	UKM, Bangi.
16.	Projek Membuat Mural 8"x20" Wajah Atlet Kelahiran Negeri Selangor Di Balai Sukan.	23 Jun - 08 Julai 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
17.	Melaksanakan Bengkel Pemahaman Naskah Melayu Lama : Tak Kenal Maka Tak Cinta	06 Julai 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
18.	Melaksanakan Bengkel Seni Tekat 'Warisan Tradisi Ilmu'.	07 Julai – 28 Ogos 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
19.	Melaksanakan Program Diskusi Tradisi Ilmu 'Satu Pandangan Umum'.	22 Julai 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
20.	Melaksanakan Bengkel Penyediaan Transkripsi/Diskripsi Sejarah Lisan.	02 Ogos 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
21.	Kursus Diploma Muziologi, UIAM Modul 6 - Konservasi Dan Pemuliharaan.	02-06 Ogos 2010	Balai Seni Lukis Negara.
22.	Pameran Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Tahun 2010.	01 - 30 Sept. 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
23.	Program Memasak Bubur Lambuk & Kuih Kacau, Majlis Berbuka Puasa dan Solat Terawih anjuran PADAT.	02 Sept 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.

24.	Manganjurkan Bengkel Mengenali Muzik Cempuling.	11 November 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
25.	Menjalankan Penyelidikan Mengenai Kelingkan dan Telepuk Dalam Naskah Melayu Lama.	Januari hingga Disember 2010	<ul style="list-style-type: none"> - Kelantan - Terengganu - Sarawak
26.	Kajian dan pendokumentasian rumah-rumah Warisan lama untuk Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam.	April – Disember 2010	<ul style="list-style-type: none"> - Kuala Selangor - Sabak Bernam
27.	Kajian lanjut berkaitan senibina masjid dalam rekabentuk, ragam hias dan seni taman.	April – Disember 2010	<ul style="list-style-type: none"> - Kuala Selangor - Sabak Bernam
28.	Kajian dan pendokumentasian makanan warisan negeri Selangor.	Mei – Disember 2010	<ul style="list-style-type: none"> - Klang - Kuala Langat
29.	Menjalankan Penyelidikan Selangor sebagai tempat tumpuan pelbagai etnik : Etnik Pariaman (Minang)	Jun 2010 hingga Disember 2010	- Hulu Langat
30.	Menjalankan Penyelidikan Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Masyarakat Jawa di Selangor.	Jun 2010 hingga Disember 2010	<ul style="list-style-type: none"> - Klang - Kuala Langat
31.	Melaksanakan Penyelidikan Tradisi Ilmu Cerapan Hilal Ramadan dan Syawal.	Julai hingga Disember 2010	<ul style="list-style-type: none"> - Bukit Malawati - Pulau Angsa - Sabak Bernam - Jugra
32.	Menyediakan data inventori etnik-etnik di Selangor : Daerah Hulu Langat.	September 2010 hingga November 2010	Hulu Langat

- c) Gedong Timah Raja Abdullah yang bina pada tahun 1953 oleh Raja Abdullah bin Raja Jaafar telah dijadikan Muzium Timah sejak tahun 1984. Bangunan ini telah dibaik pulih beberapa kali oleh Lembaga Muzium Selangor (kini Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor) antara tahun 1991 hingga 1997.

Atas kepentingan gedung ini sebagai bangunan bersejarah, Jabatan Warisan Negara telah memulihara bangunan ini pada tahun 2009 dan telah diserahkan pada 2 Disember 2010 kepada Perbadanan Adat Melayu dan Warisan dan hingga kini masih di bawah pemantauan Jabatan Warisan Negara bagi rawatan kapilari air memandangkan kawasan tersebut berada pada paras permukaan air yang menyebabkan berlaku kapilari air yang akan menyebabkan kelembapan pada kadar yang tinggi pada bangunan tersebut.

Bagi pelan penyiapan bangunan ini. PADAT dalam tindakan penyiapan bagi cadangan pengisian dan pameran sebagai Muzium Timah. Kerja-kerja penyelidikan bagi penyediaan story board dan story line yang mengikuti prinsip-prinsip permuziuman sedang dalam tindakan.

Muzium ini dijangka akan dibuka pada orang ramai pada awal tahun 2012.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK : PENUTUPAN IKYS

103. Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) Bagan Terap yang telah ditutup mendapat bantahan banyak pihak sehingga dibincangkan usul pembukaan semua.
Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membuka semula Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) tersebut?
- b) Bagaimanakah status para pelajar yang telah dipindahkan ke kolej INPENS?
- c) Adakah semua pelajar yang terbabit dapat meneruskan latihan menurut bidang mereka?

JAWAPAN :

- a) Tiada Cadangan.
- b) Pemindahan pelajar IKYS ke Kolej INPENS dilakukan secara berperingkat mulai 1 Ogos 2010 dan yang terakhir pada 17 Januari 2011.

Sehingga 14 Mac 2011, pelajar IKYS yang telah dipindahkan masih meneruskan pengajian di Kolej INPENS bagi sesi 1/2011. Enrolmen pelajar adalah seperti berikut:

1) Kursus Pendawai Elektrik (PW2), Suruhanjaya Tenaga

Semester 1	-	Tiada
Semester 2	-	40 orang
Semester 3	-	26 orang (sedang menjalani latihan industri di syarikat-syarikat terpilih yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga)
Semester 4(akhir)	-	40 orang

2) Kursus Penyamanan Udara dan Penyejukbekuan, JPK

Tahap 1	-	Tiada
Tahap 2	-	4 orang

JUMLAH KESELURUHAN – 110 ORANG

Status pinjaman pembiayaan Yayasan Selangor pelajar-pelajar IKYS tidak berubah seperti yang telah ditawarkan kepada mereka sebelum ini.

Status persijilan pengajian pelajar juga tidak terjejas kerana Kolej INPENS telah menerima pentaulianan bagi kedua-dua kursus elektrik (Suruhanjaya Tenaga, ST) dan hawa dingin (Jabatan Pembangunan Kemahiran, JPK)

Status bayaran yuran-yuran sepanjang pengajian pelajar juga masih sama seperti semasa di IKYS Bagan Terap sehingga tamat pengajian. Tiada pertambahan kos dikenakan ke atas pelajar yang dipindahkan.

b) Ya. Semua pelajar yang dipindahkan dapat meneruskan latihan menurut bidang mereka.

Sesi pengajaran dan pembelajaran latihan teori dan amali dijalankan seperti biasa seperti semasa di IKYS Bagan Terap.

Semua kemudahan bengkel dan peralatan daripada IKYS Bagan Terap telah diserahkan dan pindahkan sepenuhnya kepada Kolej INPENS Kuala Selangor.

Seramai 4 orang kakitangan tenaga pengajar IKYS telah *dipinjamkan* ke Kolej INPENS

- i. Mohd Sallehuddin bin Sumiran
- ii. Haslina bt Hashim
- iii. Izwanuddin bin Ngadali
- iv. Zainuddin bin Misran

Kolej INPENS telah mendapat pentaulahan daripada Suruhanjaya Tenaga mengendalikan Kursus dan Peperiksaan Kekompetenan PW2 dan PW4. Rujukan :

- i. No. Sijil Pentaulahan Bil : P16/2010 bertarikh 12 November 2010 – kebenaran mengendalikan Kursus Kekompetenan Pendawai PW2 sepenuh masa (2 tahun)
- ii. No. Sijil Pentaulahan Bil : P 16A/2010 bertarikh 12 November 2010 – kebenaran mengendalikan Kursus Kekompetenan Pendawai PW4 sepenuh masa (1 tahun)

Semua proses pengajaran latihan teori dan amali dijalankan seperti yang tertakluk dalam Lampiran A syarat-syarat pengendalian kursus yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga.

Lampiran A

SYARAT-SYARAT

SYARAT-SYARAT AM	TEMPOH DAN SYARAT KELAYAKAN
<p>KELAYAKAN PELATIH: Pengambilan pelatih untuk kursus ini hendaklah mematuhi syarat-syarat kelayakan minima yang diperuntukan di bawah Peraturan-peraturan Elektrik 1994 serta mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga dari masa ke semasa.</p> <p>PENGENDALIAN KURSUS: Pemegang kebenaran hendaklah mengadakan dan mengekalkan sistem dan kemudahan pembelajaran yang memuaskan dan menyediakan tenaga pengajar yang berkelayakan sesuai dengan kursus yang ditawarkan kepada pelatih.</p> <p>SUKATAN PELAJARAN: Kursus yang dijalankan hendaklah meliputi teori, amali dan dikendalikan berdasarkan kepada sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga termasuk apa-apa perubahan dari semasa ke semasa.</p> <p>LAPORAN AUDIT:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemegang kebenaran ini hendaklah menjalankan audit berhubung dengan pengendalian kursus termasuk tetapi tidak terhad kepada kemudahan pembelajaran dan tenaga pengajar yang disediakan, selepas berakhirnya tahun pertama kebenaran ini berkuatkuasa dan setiap tahun berikutnya dan mengemukakan laporan audit kepada Suruhanjaya Tenaga tidak lewat dari enam (6) bulan selepas audit dijalankan. 2. Audit hendaklah dijalankan oleh sekurang-kurangnya dua (2) ahli yang terdiri daripada wakil institusi lain yang diberi kebenaran menjalankan kursus kekompetenca oleh Suruhanjaya Tenaga. 	<p>1.0 PENDAWAI : PW4</p> <ul style="list-style-type: none"> • JANGKA MASA : SEPENUH MASA SATU TAHUN. (3 bulan + 6 bulan + 3 bulan) • BIL PELATIH : 30 PELATIH/SESI. • SESI : DUA(2) SESI SETAHUN. <p>SYARAT KELAYAKAN PELATIH :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bahawa dia ialah seorang warganegara Malaysia. 2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun semasa menduduki peperiksaan. 3. Boleh bertutur dan menulis di dalam Bahasa Malaysia. 4. Memiliki kelayakan pendidikan, sekurang-kurangnya tamat tingkatan 5 sekolah bantuan kerajaan. <p>JANGKA MASA KURSUS – SEPENUH MASA SATU (1) TAHUN :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tiga (3) bulan di pusat –teori dan amali 2. Enam (6) bulan latihan kerja industri dengan Kontraktor Elektrik berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga. 3. Tiga (3) bulan di pusat semula – teori, amali dan peperiksaan secara sepenuh masa. 4. Kehadiran di institusi tidak kurang dari 80% 5. Kehadiran latihan kerja industri tidak kurang dari 90%.

PEMBATALAN DAN PENGGANTUNGAN:

Suruhanjaya Tenaga boleh pada bila-bila masa membatal atau menggantung kebenaran ini dengan memberi tiga puluh (30) hari notis bertulis kepada Pemegang Kebenaran, sekiranya mana-mana syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga tidak dipatuhi.

PERUBAHAN ATAU PENAMBAHAN SYARAT:

Suruhanjaya Tenaga berhak meminda atau menambah syarat-syarat yang ditetapkan ini dari masa ke semasa.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PELATIH SEPENUH MASA SATU (1) TAHUN :

1. Kelayakan asas seperti di atas.
2. Memegang perakuan kekompetenan Pendawai (PW1/PW2).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : AGENDA RAKYAT SELANGOR

104. Kerajaan negeri telah memberikan pernyataan dasar tentang Agenda Rakyat Selangor 2011-2013.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perincian agenda tersebut dalam bentuk pelan tindakan?
- b) Adakah kerajaan negeri memperuntukkan bajet tertentu untuk melaksanakan agenda tersebut?
- c) Apakah kayu ukur untuk memastikan agenda tersebut berjaya?

JAWAPAN :

- a) Agenda Rakyat Selangor 2011-2013 adalah satu pelan tindakan baharu Kerajaan Negeri Selangor bersempena tiga tahun Pentadbiran Pakatan Rakyat. Penyediaan pelan pembangunan ini amat berbeza dengan Kerajaan Persekutuan di mana pelan ini mempunyai susur alur kebertanggungjawaban yang jelas dan terperinci bagi membolehkan setiap rancangan di dalam pelan ini akan dilaksanakan dengan rapi dan teratur. pendekatan *bottom-up* atau bawah ke atas juga diperlakukan dalam penyediaan pelan ini di mana konsep '*town hall meeting*' diadakan untuk mendapatkan maklum balas dari seluruh lapisan masyarakat tentang perubahan dan penambahbaikan yang diperlukan di negeri Selangor ini.

Terdapat lima teras utama dikenal pasti di dalam pelaksanaan Agenda Rakyat Selangor 2011 – 2013 ini seperti berikut :

- i. Integrasi Ekonomi dan Sambung Tara.

Teras ini memfokuskan kepada kegiatan dan penglibatan sektor swasta dalam sektor-sektor ekonomi negeri secara aktif dan dinamik bagi menambah peluang pekerjaan serta meningkatkan ekonomi dan hasil negeri. ini dihuraikan melalui beberapa medium antaranya mereformasikan polisi dan peruntukan tanah negeri dengan memastikan tanah negeri digembeleng secara lebih efisien, menyuburkan dan memperkasakan pelaburan dan perdagangan negeri, mentransformasikan sektor pertanian supaya memberi pendapatan yang lebih kepada ekonomi negeri, menyediakan pelan perumahan yang berpatutan, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan mengurang kemiskinan, mewujudkan polisi "Clean River", membangunkan sektor pembuatan dengan lebih kompeten, serta mempromosikan sambung tara informasi dengan lebih efektif dan teratur.

ii. Pembinaan Masyarakat Berkesedaran Sivik, Bermoral dan Berkerohanian Tinggi.

Teras ini melakarkan visi negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang didiami masyarakat yang sepadu dari segi rohani, minda, dan jasmani. selaras dengan itu, Kerajaan Negeri akan menumpukan perhatian kepada pelaksanaan program dan kempen bagi memperkuatkan nilai-nilai kekeluargaan, mengupayakan golongan belia dan wanita, memperkasakan hak-hak Orang Asli di Negeri Selangor serta menggalakkan usahwan sosial melalui pelaksanaan strategik kredit mikro. selain itu, Kerajaan Negeri juga akan menekankan aspek mempromosikan kebudayaan, kesenian, dan warisan negeri Selangor, menambah baik kesejahteraan masyarakat dalam beragama, mempromosikan kesamarataan jantina dalam pengurusan dan pentadbiran kerajaan negeri, membekalkan kualiti kesihatan yang terbaik dan mencukupi kepada lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan agama, serta memperkasakan golongan belia kepada aktiviti sosioekonomi bandar dan desa di setiap daerah di negeri Selangor.

iii. Bandar dan Kota Yang Selesa Didiami

Pembangunan bandar dan desa negeri Selangor harus bersifat adil dan sama rata dalam pelaksanaannya. menyedari perkara tersebut, teras ini menekankan penyampaian perkhidmatan awam yang efisien dengan memfokuskan kepada konsep "*Cleaner, Greener and Safer Selangor*". Selain itu, Kerajaan Negeri akan mereka bentuk dan menyediakan sistem pengangkutan awam dan jalinan jalan raya yang lebih mudah diakses dan teratur. pembangunan bandar yang lebih selamat dengan pelbagai projek keselamatan seperti pemasangan CCTV di bandar terpilih negeri Selangor sebagai permulaan juga akan dimasukkan di dalam teras ini. sistem pengurusan air negeri juga akan diselaras dengan lebih teratur serta melaksanakan sistem dan polisi imigresen terhadap pekerja asing di negeri Selangor dengan lebih mantap dan teratur.

iv. Mempromosikan Tadbir Urus yang Baik

Antara strategi di dalam teras ini antara lain meningkatkan produktiviti kerja dan sistem penyampaian yang lebih berkesan, memastikan pekerja sekotr awam mengamalkan profesionalisme yang tinggi tanpa mengira sentimen politik, agama dan kaum. mengambil kira penekanan terhadap perkara tersebut, Kerajaan Negeri akan mereformasikan Kerajaan Tempatan supaya lebih telus dan mempunyai nilai kebertanggungjawaban yang tinggi, mempromosikan dan mewujudkan Ahli Dewan Negeri yang lebih berdemokrasi, mengamalkan ketelusan dan berakauntabiliti, menambah baik pengurusan Kewangan negeri supaya lebih telus dan beramanah, serta melahirkan masyarakat sivil dan bertunjangkan kepada demokrasi baru negeri Selangor.

v. Mendukung Harapan Rakyat

Teras ini menterjemahkan hasrat Kerajaan Negeri untuk menghasilkan satu agenda pembangunan yang baik dan teratur supaya aspirasi dan harapan masyarakat dan rakyat terhadap pelaksanaan projek-projek di bawah Agenda ini tidak akan menjadi ‘Projek Gajah Putih’ seperti pentadbiran kerajaan negeri yang lepas. oleh demikian, Kerajaan negeri akan melaksanakan ‘projek pemacu’ di dua buah daerah iaitu Hulu Selangor dan Sabak Bernam bagi memperkasakan sistem penyampaian awam dan menjana pendapatan negeri.

Selain itu, teras ini akan memfokuskan kepada mengatasi masalahkekangan sumber yang dihadapi kerajaan negeri, mengatasi perubahan dan cabaran masa hadapan, membangunkan mekanisme pemantauan dan maklum balas yang lebih efektif, menambah baik perkhidmatan awam negeri, serta mengatasi kekangan perbezaan visi dan misi Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

- b) Pelaksanaan Agenda Rakyat Selangor 2011-2013 adalah kesinambungan dari program pembangunan induk Kerajaan Negeri Selangor di bawah “Merakyatkan Ekonomi Selangor” atau MES yang telah dilaksanakan Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga sekarang. oleh yang demikian, peruntukan bajet bagi pelaksanaan Agenda Rakyat Selangor ini telah dimasukkan bersekali dalam bajet tahunan di bawah MES dan segala pelan tindakan yang bakal dilaksanakan akan dimasukkan sekali bersama-sama program MES secara berperingkat.
- c) Agenda Rakyat Selangor 2011-2013 akan menjadi satu strategi penyelesaian dan pelan tindakan Kerajaan Negeri Selangor pimpinan Pakatan Rakyat untuk memacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negeri Selangor. kayu ukur utama Agenda ini ialah bagi menyediakan satu pelan visi dan tindakan yang menyeluruh untuk negeri Selangor yang mengutamakan keperluan, permasalahan dan aspirasi rakyat Selangor untuk dikongsi bersama –sama kerajaan-kerajaan negeri lain. kerajaan Persekutuan, serta pihak berkepentingan yang lain selain itu, pelaksanaan program, pelan dan dasar yang terkandung dalam agenda ini akan menghasilkan negeri Selangor yang bercirikan jalinan dan ekosistem capaian untuk semua, yang bersifat mesra alam sekitar, berteraskan kesedaran rohani dan moral, serta memajukan ekonomi negeri dan keharmonian sosial untuk seluruh lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama, jantina, umur, latar belakang, mahupun kewarganegaraan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PERNIAGAAN UPTOWN

105. Didapati ramai peniaga *uptown* di Puncak Alam gulung tikar akibat kadar sewa yang tinggi dan kekurangan pengunjung.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini?
- b) Setakat ini bagaimanakah prestasi perniagaan di tapak-tapak *uptown* kawasan lain?

JAWAPAN :

- a) Uptown Alam Jaya dikelola dan diselenggara oleh pihak Swasta iaitu Barisan Elite Sdn. Bhd. Pihak MDKS hanya mengenakan lesen penjaja individu iaitu RM 74.00 Setahun.
- b) Pihak Majlis Daerah Kuala Selangor sudah adakan perbincangan antara wakil peniaga, pengusaha dan pemaju pada 16 Mac 2011. Pada dasarnya pihak pemaju bersedia mengurangkan kadar sewa dari RM300.00 kepada RM200.00 seperti yang diminta oleh wakil peniaga untuk tempoh 6 bulan pertama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : KES DEMAM DENGGI DAN TINDAKAN OLEH KERAJAAN

106. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Setakat bulan Disember tahun 2010, berapakah jumlah kes demam denggi yang dilaporkan dan taburannya mengikut daerah ?
- b) Berapakah kes maut yang dilaporkan dan taburannya mengikut daerah
- c) Apakah langkah-langkah pencegahan yang dan akan dilakukan bagi mengatasi atau mengurangi kes denggi di Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

(a) & (b)

Notifikasi Demam Denggi Di Negeri Selangor- 2010

DAERAH	BIL. KES	BIL. KEMATIAN
PETALING	5111	20
HULU LANGAT	4852	14
GOMBAK	3107	4
KLANG	1788	3
KUALA LANGAT	524	2
KUALA SELANGOR	310	1
HULU SELANGOR	300	1
SEPANG	229	0
SABAK BERNAM	146	0
JUMLAH	16367	45

c) Langkah pencegahan Denggi termasuk:

- Mempergiatkan aktiviti gotong-royong dan penubuhan Jawatankuasa Combi di kawasan bermasalah penyakit Denggi
- Pengaktifan Jawatankuasa Wabak Denggi Daerah, yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, yang akan bermesyuarat setiap seminggu di semua daerah yang berwabak. Tujuan utama jawatankuasa ini adalah untuk menggerakkan pelbagai agensi daerah yang berkaitan untuk menyelesaikan faktor-faktor risiko yang menyumbang kepada kejadian wabak denggi di daerah berkenaan
- Pendidikan komuniti berterusan tentang pemeliharaan kebersihan alam sekeliling dan 'Kempen 10 Minit Seminggu' untuk kawasan rumah mereka.
- Bekerjasama dengan agensi kerajaan, sekolah dan syarikat swasta untuk menubuhkan Skuad Anti-Denggi di tempat mereka untuk menghindarkan tempat pembiakan nyamuk Aedes di tempat kerja mereka.
- Penguatkuasaan Kompaun minima RM 500 untuk semua premis yang dikenal pasti mempunyai tempat pembiakan nyamuk Aedes. Untuk tapak pembinaan, perintah berhenti kerja ('Stop Work Order') dilaksanakan kalau terdapat pembiakan nyamuk Aedes.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PERANCANGAN UNTUK PENDUDUK PPR

107. Perumahan PPR adalah rumah transit , yang sepatutnya diduduki sehingga penyewa berkemampuan membeli rumah kos rendah dengan sendirinya .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa lamakah penyewa masih menduduki rumah PPR Seksyen 8 Kota Damansara dan rumah Putra Damai , Lembah Subang?
- b) Apakah sebab utama mengapa penduduk masih menduduki rumah PPR dan tidak berpindah ke rumah mereka sendiri?
- c) Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk memastikan rumah transit PPR ini tidak menjadi penempatan tetap penduduk?

JAWAPAN :

- a) Tujuan pembinaan PPR Kota Damansara dan PPR Taman Putra Damai adalah untuk menempatkan golongan setinggan atau yang tidak berkemampuan memiliki rumah atas faktor-faktor tiada pendapatan tetap, miskin tegar atau hilang tempat bergantung khususnya ibu tunggal atau orang kurang upaya. Untuk makluman, pada masa ini tempoh sewaan rumah PPR yang ditetapkan adalah selama dua tahun dan selepas tempoh tersebut penyewa hendaklah mengosongkan unit rumah PPR. Walau bagaimanapun, sebahagian besar penyewa yang telah tamat tempoh masih tidak mampu memiliki rumah sendiri dan tidak berpindah keluar dari rumah PPR. Oleh itu, tempoh penyewaan adalah bergantung kepada kemampuan mereka untuk memiliki rumah sendiri dengan mematuhi syarat-syarat penyewaan dan membayar sewa seperti yang telah ditetapkan kepada mereka. Sebelum seseorang itu diberikan kemudahan menyewa rumah PPR, Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ) akan membuat perjanjian dengan mereka tetapi tiada penekanan diberikan kepada tempoh sewaan. Walau bagaimanapun bagi penduduk yang sudah tidak layak menduduki PPR kerana telah memiliki rumah sendiri akan diberi notis untuk berpindah keluar dari PPR tersebut.

Buat masa ini tiada kata putus daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkenaan penjualan unit-unit rumah PPR kepada penyewa-penyeua berkenaan. Sekiranya unit rumah PPR tersebut dibuka untuk penjualan maka penyewa-penyeua sedia ada akan diberi keutamaan untuk ditawarkan membeli rumah PPR Kota Damansara dan PPR Taman Putra Damai.

- b) Faktor keselesaan sebab utama penyewa yang sudah memiliki rumah sendiri tetapi masih menduduki rumah PPR Kota Damansara dan PPR Taman Putra Damai. Penyewa yang sudah lama tinggal di PPR merasakan sebagai satu bebanan untuk berpindah keluar kerana ia melibatkan kos selain adanya masalah berkaitan penyelenggaraan di kawasan rumah atau bangunan yang telah dibeli oleh mereka.

Selain dari itu, kadar sewa yang terlalu rendah iaitu RM124.00 sebulan menyebabkan penyewa yang mempunyai pendapatan tetap atau tinggi tidak merasai tekanan untuk menanggung bayaran sewa bulanan PPR dan ansuran pinjaman perumahan yang perlu dibayar kepada pihak bank. Malahan ada yang mengambil kesempatan untuk menyewakan rumah milik mereka kepada orang lain semata-mata untuk terus tinggal di PPR. Pelbagai kemudahan disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di setiap PPR berbanding tinggal di rumah sendiri di mana mereka perlu menjelaskan pelbagai bayaran seperti cukai pintu, yuran penyelenggaraan, caj Indah Water Konsortium (IWK) dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, ada penyewa-penyewa yang terus tinggal di PPR kerana rumah yang dibeli oleh mereka semasa program pemindahan setinggan telah dipindah milik kepada nama anak selain dilelong oleh pihak bank kerana gagal membayar ansuran pinjaman perumahan.

- c) Perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan penduduk tidak tinggal terus di PPR ialah dengan menetapkan kelayakan permohonan untuk menyewa di PPR mestilah mempunyai pendapatan seisi keluarga tidak melebihi RM2,000 sebulan dan hanya dibenarkan menduduki rumah itu selama dua tahun sahaja. penduduk yang menepati syarat tersebut dan tidak mempunyai tunggakan sewa kan dibenarkan memohon untuk melanjutkan tempoh penyewaan rumah PPR. setiap permohonan memperbaharui kontrak penyewaan akan melihat semula kemudahan kadar sewa RM124 sebulan yang diperolehi oleh penyewa sebelum ini. sekiranya penyewa tidak layak lagi diberi kadar sewa RM124 maka mereka boleh dikenakan pada kira RM250 sebulan. syarat ini bukan sahaja dapat mengawal kegiatan penyewa yang mengambil kesempatan tinggal di PPR walaupun memiliki rumah lain malah memberi peluang kepada orang awam yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah yang sedang memohon untuk menduduki rumah PPR tersebut.

Perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri ialah dengan menggalakkan pembinaan lebih banyak rumah kos rendah atau mampu milik (Affordable home) bagi memberi peluang kepada penduduk PPR membuat pilihan sama ada akan terus menyewa di PPR atau memiliki rumah sendiri dengan membayai secara ansuran dengan pihak bank. penambahan bilangan ahli keluarga menyebabkan penyewa sedia da perlu memiliki rumah sendiri yang lebih luas dan selesa bagi menampung peningkatan ahli keluarga tersebut. kajian yang dibuat oleh LPHS berkenaan keperluan pembinaan *council homes* di Negeri Selangor mendapat ada sebahagian penyewa menyatakan minat untuk berpindah keluar dari PPR sekiranya ditawarkan membeli rumah lain yang lebih selesa pada kadar harga yang bersesuaian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : KONTRAK-KONTRAK KERJA

108 Bertanya Kepada Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peluang-peluang kontrak kerja daripada Majlis-majlis Bandaraya dan Perbandaran diberikan kepada rakyat Selangor mengikut kaum bagi tahun 2008, 2009 dan 2010?
- b) Mengapakah kontrak kerja Kelas F khas bagi kaum Bumiputra sahaja masih wujud di Negeri Selangor?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memberikan kontrak-kontrak kerja kepada semua tanpa mengira kaum?

JAWAPAN :

- a) Kejuruteraan
Sebut Harga
 - i) 2008 – 36 kerja
 - ii) 2009 – 26 kerja
 - iii) 2010 – 14 kerja
- b) Syarat Kementerian Kewangan & PKK
- c) Tindakan pihak berkuasa negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BALKIS

109. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah status tuntutan kerajaan terhadap pembubaran BALKIS sebagai pertubuhan dan pengeluaran wang secara tidak sah?
- b) Apa yang berlaku kepada asrama yang digunakan oleh BALKIS sebelum ini menempatkan pelajar-pelajar?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : BADAN PENERANGAN NEGERI

110. Kerajaan negeri telah memperuntukkan kira-kira RM 15 juta dalam Bajet 2011 untuk badan penerangan negeri dan komunikasi termasuk penerbitan akhbar “Selangorkini”.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah impak positif penerangan negeri terhadap kesejahteraan rakyat Selangor?
- b) Apakah penerbitan akhbar “Selangorkini” dapat membina minda rakyat Selangor?
- c) Senaraikan syarikat-syarikat yang terlibat dalam program penerangan kerajaan negeri dan berapakah kos yang diperuntukkan?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B HJ SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : AJARAN SYIAH

111. Laporan media menunjukkan operasi penangkapan kumpulan yang terlibat dalam ajaran Syiah

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Setakat manakah seriusnya kes ajaran Syiah ini di Selangor dan bagaimana ia boleh menggugat kesucian Islam di Selangor?
- b) Nyatakan statistik kes dan jumlah tangkap di negeri Selangor sehingga kini?

JAWAPAN :

- a) Hasil tangkapan ke atas kumpulan Syiah pada 15hb. Disember 2010 di sebuah premis di Sri Gombak, pihak Penguatkuasaan JAIS telah menjalankan siasatan dan hasil siasatan seperti berikut :
 1. Penyebaran Syiah berlaku di dalam keluarga yang berfahaman Syiah.
 2. Ahli keluarga Syiah akan menghantar anak-anak belajar ke QOM, Iran.
 3. Kumpulan Syiah telah menerbitkan Buletin Wardah, Majalah Hauzah Ar-Ridha, Buku Ziarah As Syura dan Ziarah Arbain, buku-buku bacaan dan risalah-risalah.
 4. Penemuan proposal untuk membina Hauzah Ar-Ridha di Hulu Klang membuktikan keseriusan mereka untuk mengembangkan Fahaman Syiah di Malaysia dengan lebih giat lagi.
 5. Mereka juga menganjurkan kekerapan program berbentuk ‘outdoor’ dan ‘indoor’ kepada remaja Islam supaya berjinak-jinak dengan fahaman Syiah yang agak sederhana.
 6. Penemuan penukul besi berantai yang dipercayai untuk menyeksa diri pada hari memperingati kematian Saidina Hussin. Pegawai Penyiasat tidak menolak kemungkinan perkara yang berlaku di Iran akan berlaku di Malaysia.
- b.) Melalui Operasi yang telah dijalankan pada 15hb. Disember 2010, jumlah tangkapan adalah seramai 125 orang termasuk 2 orang kanan pengikut Syiah.

KESIMPULAN :

Fahaman Syiah akan menggugat penganut agama Islam yang berfahaman ahli Sunnah Wal Jamaah jika pihak berwajib tidak dapat menangani dengan baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO` ABDUL RAHMAN BIN PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK : SUMBANGAN ANAK SYARIKAT

112. Kerajaan negeri mempunyai banyak anak-anak syarikat yang terlibat secara langsung dalam aktiviti perniagaan

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah wang dan anak-anak syarikat yang telah menyumbang untuk kewangan negeri bagi tahun 2009-2010?
- b) Apakah aktiviti anak-anak syarikat dalam memenuhi tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka dan nilai yang dikeluarkan?

JAWAPAN :

- a) **Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)**

Tourism Selangor berfungsi sebagai badan yang mempromosikan sektor pelancongan bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor. sehubungan dengan itu, Tourism Selangor tidak mempunyai pendapatan yang tetap untuk menyumbang kepada Kerajaan Negeri.

Majlis Sukan Negeri Selangor (Holdings)

RM50,000.00 – Tahun 2008

Bagi penyediaan kemudahan pengangkutan untuk Karnival Rakyat Selangor

Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYSB)

Tiada

Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)

KDEB telah menyumbang kewangan kepada Kerajaan Negeri secara langsung bagi tahun 2009 – 2010 ke atas perkara-perkara berikut :-

Bil.	Sumbangan KDEB	2009 (RM)	2010 (RM)
1	Pembayaran 20m3 pertama air percuma kepada pengguna meter individu	131,460,000	22,687,591
2	Penajaan keapda Persatuan Bola Sepak Selangor	4,106,000	-
3	Program Kerajaan Prihatin Negei Selangor	302,000	-
4	Penajaan Golf Masters Selangor	100,000	50,000
	JUMLAH	135,968,000	22,737,591

Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)

Sumbangan KSSB kepada Kerajaan Negeri tidak termasuk royalti adalah seperti berikut :
 Tahun 2009 – RM1.39 Juta
 Tahun 2010 – RM630,800.00
 Tahun 2011 (sehingga Februari 2011) – Rm483,510.00

Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)

Ringkasan sumbangan kepada Kerajaan Negeri – Tahun 2009

Bil.	NAMA	BUTIR-BUTIR	RM
1	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	SUMBANGAN GOLF SELANGOR MASTER & PRO - AM	250,000.00
2	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	SUMBANGAN PASUKAN BOLA SEPAK Selangor (FAS)	73,750.00
3	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	SUMBANGAN TABUNG AMANAH MERAKYATKAN EKONOMI	1,000,000.00
4	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	SUMBANGAN PROGRAM FESTIVAL OF YOUTH 2009	30,000.00
	JUMLAH		1,353,750.00

Ringkasan sumbangan kepada Kerajaan Negeri – Tahun 2010

Bil.	NAMA	BUTIR-BUTIR	RM
1	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	SUMBANGAN TAJAAN GOLF SELANGOR MASTER	200,000.00
2	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	SUMBANGAN BAGI PROGRAM PRIHATIN	1,000,000.00
3	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	SUMBANGAN UNTUK SAMBUTAN RAMADHAN DI GAZA	38,000.00
JUMLAH			1,238,000

b) **Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)**

Sebagai badan yang diamanahkan oleh Kerajaan Negeri bagi mempromosikan sektor pelancongan Negeri Selangor, Tourism Selangor tidak mempunyai peruntukan tanggungan korporat sosial (CSR). walau bagaimanapun, Tourism Selangor banyak bekerjasama dengan membantu dari aspek tenaga kerja serta menyumbang dalam bentuk barang berupa cenderahati kepada agensi yang membuat permohonan.

Majlis Sukan Negeri Selangor (Holdings)

Tiada

Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYSB)

UNISEL melihat Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sebagai satu pelaburan dalam aset strategik jangka panjang dan lantaran itu, UNISEL sentiasa berusaha menggunakan pendekatan yang seimbang serta komited untuk memberi balik kepada komuniti dan pada masa sama mencapai objektif pendidikan. ini terbukti dengan pelbagai aktiviti, program yang telah disertai serta dianjurkan oleh pihak UNISEL selama ini. jika mahu dihitung secara terperinci, telah beratus-ratus program berbentuk CSR yang telah dikendalikan oleh pihak Fakulti, jabatan serta acara rasmi kendalian pengurusan UNISEL sendiri semenjak penubuhan UNISEL pada tahun 1999.

Antara Aktiviti berbentuk CSR yang telah dianjurkan ialah Kempen Kesedaran kanser, Kempen derma darah, Forum Perdana Hal Ehwal Islam, Karnival universiti tanpa rokok, Program sekolah sahabat UNISEL, Program Jom Kerja dengan kerjasama kerajaan Negeri Selangor, Program ‘Anitament’ – Pemeliharaan Kucing, Program 2 Wheels Carnival :nFun To Ride, But Safety First, Penyerahan sumbangan 300 botol air minuman dan penyerahan cek RM400 kepada SMK Seksyen 16 Shah Alam., Festival Usahawan Islam 2010, Majlis berbuka puasa bersama anak-anak yatim serta malam penghargaan media 2010, Program Imrah Ramadhan anak yatim, seminar gerak usahawan, IAB-IAS International Symposium 2010 dan banyak lagi.

Dalam pada itu, UNISEL juga pada 19 Oktober 2010 telah memeterai perjanjian persefahaman (MOU) bersama GRUP Karangkraf bernilai RM5 Juta iaitu 'Basiswa Pendidikan Karangkraf'. Menerusi perjanjian ini UNISEL bersama Grup Karangkraf akan menawarkan basiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang yang kurang berkemampuan menyambung pengajian di UNISEL, dan setelah tamat pengajian kumpulan pelajar ini akan ditawarkan berkhidmat di Grup Karangkraf dalam pelbagai bidang pengkhususan pengajian.

Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)

Sumbangan KDEB dalam projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) lain adalah seperti berikut :-

Bil.	Sumbangan KDEB	2009 (RM)	2010 (RM)
1	Iklan dan tajaaan billboard Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor	74,838	15,000
2	Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) – Sempena Seminar Memperingati 100 Tahun Tokoh Pahlawan Pak Natsir	50,000	-
3	Sumbangan Tahun Baru Cina Pekawanis	47,000	-
4	Malaysian Water Association Annual Dinner & Award Presentation	10,000	-
5	Majlis Makan Malam Amal Wakaf Negeri Selangor	5,000	-
6	Hari Hufaz Negeri Selangor Ke – 3 anjuran Institut Tahfiz Negeri Selangor	6,750	-
7	Tajaan kepada 40 pelajar Program Skor 'A'	-	21,000
8	Majlis Berbuka Puasa & Meraikan Anak	-	25,000
	JUMLAH	193,588	61,000

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)

Ringkasan Sumbangan CSR – Tahun 2009

Bil.	NAME	DETAILS	AMOUNT (RM)
1	PEKAWANIS	MAKAN MALAM PEKAWANIS	4,500.00
2	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	SUMBANGAN GOLF SELANGOR MASTER & PRO - AM	250,000.00
3	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	SUMBANGAN PASUKAN BOLA SEPAK SELANGOR	73,750.00
4	PERSATUAN BOLA SEPAK SELANGOR	SUMBANGAN DAN TAJAAN KEPADA FAS	500,000.00
5	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	DONATION TABUNG AMNAH MERAKYATKAN EKONOMI	1,000,000.00
6	TOURISM SELANGOR SDN BHD	TAJAAN MAJLIS DAING AKHBAR MUZIKAL EXTRAVAGANZA	3,000.00
7	MYDIN MOHAMED HOLDINGS BHD	PROGRAM PEKAWANIS	73,639.00
8	PENGURUSAN MASJID NEGERI SHAH ALAM	SUMBANGAN BUBUR LAMBUK BULAN RAMADHAN	2,500.00
9	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	SUMBANGAN PROGRAM FESTIVAL OF YOUTH 2009	30,000.00
10	UNIVERSITI INDUSTRI SELANGOR	PENAJAAN JAMUAN MAKAN MALAM SEMINAR	2,000.00
11	MYDIN MOHAMED HODINGS BHD	BAYARAN PEMBELIAN BARANG PROGRAM PEKAWANIS	6,102.02
12	MAZNAH BINTI DAUD	BAYRAN BUKU PROGRAM PEKAWANIS INV:001/2009	3,770.00
13	MOHD NORHAIZAM BIN A.RAHMAN	PENGANGKUTAN LORI MENGHANTAR BARANG PROGRAM PEKAWANIS	5,200.00
14	PERTUBUHAN KEBAJIKAN AMAL WANITA SELANGOR	SUMBANGAN SAMBUTAN DEEPAVALI PROGRAM PEKAWANIS	55,000.00
15	REKAKAMI DESIGN	MEMBEKAL KAD HARI RAYA PNSB & KOTAK PROGRAM PEKAWANIS	21,300.00
16	UNIVERSITI INDUSTRI SELANGOR	SUMBANGAN TAJAAN BILIK PEMBENTANG : UNISEL	4,488.00
17	MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS	SUMBANGAN PLEDGER & PLANT A TREE PROGRAMME 09	1,500.00
18	SUNDAY COWBOYS FOOTBALL CLUB	SUMBANGAN BOLA SEPAK SUPER 9 – SOCCER SENSTION 2009	1,500.00

19	SRA MORIB	SUMBANGAN AKTIVITI SEKOLAH	500.00
20	SJ GRANT THORNTON	SUMBANGAN MAKAN MALAM	1,500.00
21	SUNSHINE HAMPER & FLORIST	SUMBANGAN HAMPER PERTANDINGAN GOLF ANJURAN SSIC	750.00
22	PERSATUAN ANAK-ANAK YATIM	SUMBANGAN AKTIVITI RUMAH ANAK-ANAK YATIM	1,000.00
JUMLAH			2,041,999.02

Ringkasan Sumbangan CSR – Tahun 2010

Bil.	NAME	DETAILS	AMOUNT (RM)
1	PEKAWANIS	SAMBUTAN TAHUN BARU CINA	129,000.00
2	KARNIVAL SUNGAI KLANG 2010	KARNIVAL SUNGAI KLANG 2010	20,000.00
3	YAYASAN AMAL Malaysia	SUMBANGAN AKTIVITI YAYSAN	100,000.00
4	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	PROGRAM PRIHATIN	1,000,000.00
5	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	SUKMA 2010	200,000.00
6	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	TAJAAN GOLF SELAGNOR MASTER	200,000.00
7	BADAN DAKWAH DAERAHN PETALING	KARNIVAL SUKAN MASJID	3,000.00
8	MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR	THE SULTAN OF SELANGOR'S CUP (BOLA SEPAK)	57,000.00
9	YAYSAN CENDEKIAWAN MELAYU BARU	PROGRAM FAKIR MISKIN SEMPENA RAMADHAN	30,000.00
10	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	SAMBUTAN RAMADHAN DI GAZA	38,000.00
11	PEKAWANIS	SAMBUTAN RAMADHAN 2010	163,000.00
12	SETIAUSAHA DEWAN NEGERI SELANGOR	SUMBANGAN ACARA RIADAH MESYUARAT PENGGAL PERTAMA DUN KE-12	10,000.00
13	KELAB BOLA SEPAK NEGERI SELANGOR	KARNIVAL BOLASEPAK	43,416.00
14	BADAN KEBAJIKAN PELAJAR MISKIN MALAYSIA	TABUNG BANTUAN PELAJAR-PELAJAR MISKIN MALAYSIA	5,000.00
15	YAYASAN SELANGOR	PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN	5,000.00
16	MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)	SUMBANGAN KUIZ TILAWAH	5,000.00
17	THE NATIONAL AUTISM	SUMBANGAN ONE HEART, ONE CAUSE CHARITY CONCERT 24 APRIL 2010	2,500.00
18	TABUNG KEBAJIKAN PERUBATAN	SUMBANGAN BAGI OPERASI PUSAT JAGAAN NUR HASANAH BERANANG	2,000.00
19	PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR	PROGRAM HARI ILMU & GERAKAN MEMBACA PERDANA SELANGOR 2010	2,000.00

20	KKR AMAL	PROGRAM RAMADHAN ANAK YATIM / MISKIN KKR AMAL	2,000.00
21	PERSATUAN BEKAS PARAJURIT	MAJLIS MAKAN MALAM TAUTAN KASIH SEMPENA AIDILFITRI 2010	2,000.00
22	SEKOLAH AGAMA KAFA INTEGRASI	SUMBANGAN MENAIK TARAF BANGUNAN SEKOLAH	5,000.00
23	ADDIN ISLAMIAH MANAGEMENT	DANA PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN	5,000.00
24	PEKAWANIS	MAJLIS PERJUMPAAN ANTARA BANDUAN DENGAN AHLI KELUARGA	4,000.00
25	SEMPENA HARI IBU DAN BAPA 2010 PERSATUAN IBU BAPA SEK MEN SELAYANG	SUMBANGAN PROGRAM REUNION EX-PENGAKAP GOMBAK	1,000.00
26	MASJID AL-MUJAHIDEEN	PEMBELIAN ALAT-ALAT KOMPUTER BAGI KEGUNAAN MASJID	1,000.00
27	SEKOLAH AGAMA KAFA MASJID DARUL EHSAN	KEJOHANAN GOLF AMAL	2,500.00
28	PIBG SMK RANTAU PANJANG	PROGRAM HARI KANTIN 2010	2,000.00
29	RHB BANK BERHAD	PROGRAM APPRECIATION NITE FOR RHB STAFF	1,000.00
30	TABUNG AMAL JARIAH JEMAAH MASJID	PEMBERIAN PERCUMA BUBUR LAMBUK SEMPENA RAMADHAN 2010	3,600.00
31	UNIVERSITI INDUSTRI SELANGOR	PENAJAAN ANUGERAH CEMERLANG KONVOKESYEN KE 5	2,000.00
32	KELAB SUKAN KEBAJIKAN SOSIAL MDSB	PERTANDINGAN GOLF PIALA YDP	3,000.00
33	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	PELANCARAN RAMADHAN DI GAZA	2,000.00
34	PATNANI SDN. BHD.	SUMBANGAN MENCERIAKAN KAWASAN DUN SEKINCHAN	5,000.00
35	LAIN-LAIN SUMBANGAN	PELBAGAI AKTIVITI / PROGRAM	1,250.00
JUMLAH			2,057,266.00

Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)

Sumbangan KSSB kepada CSR adalah melalui Kerajaan Negeri untuk program-program CSR yang dikelolakan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, pada tahun 2010, KSSB telah memberikan sumbangan di bawah program CSR bernilai RM20,000.00 kepada sebuah sekolah yang rosak akibat dilanda ribut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN KETIGA-TIGA KAUM DI SELANGOR

113. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan dan jadual waktu yang ada pada kerajaan negeri untuk membina ketiga-tiga buah pusat kebudayaan ini agar ianya akan menjadi satu destinasi pelancongan yang baru untuk Selangor?
- b) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan?

JAWAPAN :

- a) Perancangan ke arah pembinaan Pusat Kebudayaan Semua Kaum yang meliputi Cina, Melayu dan India masih diteruskan. Namun begitu, setakat ini hanya Pusat Kebudayaan Cina sahaja yang diberikan fokus dan sebagai projek perintis sebelum pembinaan pusat kebudayaan kaum yang lain. Ia telah melalui beberapa fasa perbincangan di peringkat jawatankuasa khas yang ditubuhkan. Bagi Pusat Kebudayaan Cina, Kerajaan Negeri masih menunggu reka bentuk dan pelan pembangunan keseluruhan kawasan yang berkenaan dan dijangkakan ia dapat diselesaikan dalam masa terdekat. Upacara dan proses pecah tanah dijangka akan dapat disempurnakan pada tahun 2011 ini manakala pembangunan akan bermula pada tahun 2012. Projek pembangunan Pusat Kebudayaan Cina ini kelak akan menjadi kayu pengukur terutama dari sudut penilaian terhadap penerimaan masyarakat, sambutan pengunjung dan pelancong, kesan kepada pembangunan pesisir Sungai Klang dan kesan kepada peningkatan ekonomi masyarakat setempat.
- b) Tiada sebarang masalah dihadapi oleh Kerajaan Negeri setakat ini berhubung cadangan pembinaan Pusat Kebudayaan Semua Kaum.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: TANAH SIMPAN SUNGAI

114. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri setelah pewartaan tanah simpan sungai.
- b) Apakah perancangan kerajaan dalam menangani isu tanah hak milik individu yang mengecil akibat hakisan sungai.
- c) Apakah usaha kerajaan negeri dalam menyelesaikan isu perluasan 'port limit' yang mengakibatkan kesan ke atas sumber pencarian nelayan terutamanya orang asal seperti di Pulau Carey.

JAWAPAN:

- a) Pewartaan Sungai adalah penting dari mengelakkan pencerobohan dan penyalahgunaan tanah secara tidak sah sepanjang rizab sungai. Di samping itu ia juga dapat memastikan tiada kekeliruan tentang isu hak milik tanah tersebut. Langkah pewartaan diambil menerusi dua peringkat. Peringkat pertama adalah melalui seksyen 13KTN dan peringkat yang kedua melalui seksyen 62KTN bagi melengkapkan proses pewartaan. Kerajaan Negeri komited terhadap usaha untuk memulihkan sungai kepada keadaan yang semula jadi. Oleh demikian dengan adanya rizab yang telah diwartakan ini pelbagai program dapat dilaksanakan seperti pemeliharaan dan pemuliharaan sungai dan pengurusan tebatan banjir tanpa melibatkan konflik di antara pihak kerajaan dan individu tanah yang lain. Program lain yang dirancang setelah pewartaan sungai adalah pembangunan terancang berhadapan sungai, pengekalan kawasan dataran banjir bagi memberi ruang aliran sungai yang melimpahi tebing serta pengekalan tempat teduhan sebagai ekosistem semula jadi kepada flora dan fauna.
- b) Hakisan tebing di tanah hak milik individu merupakan permasalahan yang sering berlaku di dalam Negeri Selangor. Ia bukan sahaja mengancam keselamatan penduduk yang tinggal berhampiran sungai malah turut merugikan harta nilai tanah tersebut. Kerajaan prihatin akan permasalahan yang dihadapi oleh pemilik tanah persendirian ini dan berusaha untuk membantu menyelesaiannya. Di antara langkah yang diambil ialah melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan tebing dengan segera. Di samping itu bagi mengelakkan kerugian yang lebih teruk kepada pemilik sekiranya hakisan terus berlaku, kerajaan akan mengesyorkan pengambilan balik tanah bagi pembinaan struktur separa kekal seperti memasang gabion atau kayu bakau untuk mengawal tebing daripada runtuh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: TARAF HIDUP

115. Kebanyakan pekerja-pekerja ladang di Negeri Selangor terdiri daripada kaum India dan mereka termasuk dalam mereka yang berada di bawah tahap kemiskinan:

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri Selangor dalam mengubah taraf hidup mereka terutama generasi kedua di ladang-ladang (anak-anak pekerja ladang).

JAWAPAN:

- a) Pendidikan merupakan kunci kepada masalah kemiskinan yang dialami oleh sesebuah keluarga. Melalui pendidikan, rakyat didedahkan dengan peluang-peluang yang dapat membaiki taraf hidup mereka dan seterusnya membolehkan mereka tidak dihanyut oleh arus pembangunan negara. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Selangor mengambil satu inisiatif dengan mewujudkan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang. Tujuan tabung ini ditubuhkan adalah untuk memberi bantuan kewangan kepada anak-anak pekerja ladang yang melanjutkan pelajaran ke Kolej Antarabangsa Inpens di Kuala Selangor. Selain itu, tabung ini juga digunakan untuk membantu anak-anak pekerja ladang yang berjaya melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta yang lain dengan memberi bantuan kewangan yuran pengajian mereka di sana sekiranya mereka belum lagi mendapat pinjaman atau bantuan pendidikan.

Kerajaan Negeri berpendapat bawah salah satu cara untuk meningkatkan taraf hidup keluarga pekerja ladang adalah melalui pendidikan yang sempurna. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri telah menaja anak-anak pekerja ladang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau dalam bidang kemahiran yang bersesuaian.

Dengan pendekatan ini, Kerajaan Negeri yakin anak-anak pekerja ladang yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran dapat memperolehi peluang pekerjaan yang lebih baik supaya dapat membantu keluarga mereka keluar dari kepompong kemiskinan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : PERANAN SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI MEMBANTU
PENIAGA-PENIAGA KECIL BUMIPUTERA**

116. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peranan syarikat milik Kerajaan Negeri (GLC) dan juga PBT untuk menyediakan kemudahan tapak-tapak perniagaan di setiap PBT untuk peniaga-peniaga kecil Bumiputera seperti perniagaan makanan dan juga produk-produk kampung?

JAWAPAN :

- a) Buat ketika ini MBI tidak menyediakan sebarang kemudahan tapak-tapak perniagaan untuk peniaga-peniaga kecil bumiputera tetapi MBI telah memberi sokongan kepada Kerajaan Negeri dan PBT untuk membantu kegiatan dan aktiviti perniagaan-perniagaan kecil bumiputera seperti dalam program Skim Sel. Mikrokredit. Di mana skim program ini membantu pengusaha-pengusaha kecil di luar bandar dengan memberi bantuan pinjaman modal bagi permulaan perniagaan dan seterusnya. Keutamaan diberi untuk menghasilkan produk-produk kecil-kecilan dan produk kampung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : MIKRO KREDIT BANDAR

117. Bertanya Kepada Menteri Besar:

- a) Berapa banyak pemohon yang telah memohon untuk Mikro Kredit Bandar?
- b) Berapa banyak yang telah diluluskan
- c) Apakah pecahan mengikut daerah bagi penerima mengikut daerah

JAWAPAN :

- a) Permohonan yang telah diterima setakat 3 Jun 2011 adalah sebanyak 5,198 permohonan daripada seluruh rakyat Selangor.
- b) Jumlah permohonan yang telah diluluskan setakat 3 Jun 2011 adalah seramai 609 permohonan. Permohonan yang lain sedang menjalani proses temuduga, siasatan dan juga dalam pemilihan. Terdapat juga permohonan yang ditangguh dan ditolak kerana tidak memenuhi syarat kelayakan.
- c) Jumlah pecahan penerima mengikut daerah adalah seperti berikut:

Petaling	– 187 orang
Gombak	– 181 orang
Hulu Langat	– 84 orang
Klang	– 127 orang
Sepang	– 30 orang
JUMLAH	<u>609 orang</u>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PERATURAN JUALAN ARAK

118. Kerajaan negeri telah mengarahkan PBT untuk menarik balik larangan orang Islam bekerja di premis yang menyajikan arak.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah arahan ini selaras dengan peruntukan dalam Enakmen Jenayah Syariah Selangor?
- b) Apakah kesan arahan penarikan larangan ini kepada PBT dan orang Islam keseluruhannya?

JAWAPAN:

- a) Arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri adalah kepada PBT dan bukannya kepada Jabatan Agama Islam Selangor. Enakmen Jenayah Syariah Selangor terletak memberi kuasa kepada JAIS untuk menguatkuasakan undang-undang tersebut manakala bagi PBT ia hanya boleh mensyaratkannya di bawah syarat-syarat lesen. oleh yang demikian, arahan Kerajaan Negeri tidak bercanggah secara langsung kerana agensi yang diarahkan untuk menarik balik sebenarnya bukan agensi yang mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan Enakmen Jenayah Syariah Selangor. oleh yang demikian perkara ini akan dikuatkuasakan oleh pihak JAIS dan bukan PBT.
- b) Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak dapat memberikan maklum balas yang tepat mengenai kesan penarikan larangan ini kepada PBT dan orang Islam keseluruhannya kerana ia masih di peringkat kajian. walau bagaimanapun Kerajaan Negeri sedang dalam usaha mewujudkan satu tabung bagi membantu pekerja beragama Islam yang mahu meninggalkan kerja mereka kerada ada kaitan dengan arak dan berubah ke arah pekerjaan yang lebih baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : DANA INFRASTRUKTUR

119. Kerajaan negeri telah memperuntukkan RM 1 juta untuk melaksanakan kerja-kerja naik taraf infrastruktur di setiap DUN

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan senarai pihak yang bertanggungjawab di kawasan DUN Barisan Nasional?
- b) Bagaimanakah mekanisme pihak bertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya setiap Ahli Dewan Negeri (ADN) mengenal pasti dan menyenaraikan projek-projek yang berkaitan dengan peruntukan geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) di setiap Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan (PBT) bagi pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan-jalan negeri, pemberian longkang tepi jalan dan jalan tanah (*crusher run*). Kerajaan Negeri juga bertanggungjawab bagi kawasan-kawasan Dewan Negeri yang lain.
- b) Projek-projek tersebut akan disenaraikan oleh ADN yang telah mengenal pasti keperluan pembangunan di kawasan mereka. Projek tersebut akan dikemukakan kepada PBT yang akan merancang dan memproses urusan berkaitan pelaksanaan projek. PBT akan membuat permohonan peruntukan kepada Perbendaharaan Negeri Selangor. Peruntukan yang telah diluluskan bagi projek-projek tersebut akan dikeluarkan secara *Direct Grant* kepada PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : HADIAH MASUK UNIVERSITI

120. Kerajaan negeri menyediakan bajet RM 7.7 juta untuk skim Hadiah Anak Masuk Universiti tahun 2011

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Setakat ini berapa orangkah yang telah menerima hadiah skim ini dan kos yang dikeluarkan?
- b) Bagaimanakah proses pemilihan dilakukan?

JAWAPAN:

- a) Setakat **28 Februari 2011**, sebanyak **25,455 permohonan** telah diterima daripada pelajar untuk mendapatkan **insentif berjumlah RM1,000** seperti mana yang ditawarkan. Daripada jumlah tersebut, hanya **18,673 permohonan** sahaja yang didapati layak untuk dipertimbangkan bagi menerima insentif tersebut, manakala **6,782 permohonan** ditolak kerana tidak memenuhi syarat seperti mana yang telah ditetapkan. Semenjak berkuat kuasa pelaksanaan program tersebut iaitu dari tahun 2008, Kerajaan Negeri telah membelanjakan kos berjumlah **RM18.6 juta** bagi membiayai program ini.
- b) Proses pemilihan bagi Permohonan Hadiah Pengajian IPT Kerajaan Negeri Selangor adalah berdasarkan **syarat-syarat kelayakan permohonan** seperti berikut:
 - (i) Pemohon adalah terbuka kepada **Warganegara Malaysia** sahaja;
 - (ii) Pemohon juga merupakan **Rakyat D.Y.M.M Sultan Selangor** yang memenuhi kriteria seperti berikut:
 - (a) **Pemohon** lahir di Negeri Selangor; atau
 - (b) **Ibu** atau **Bapa** pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - (c) Pemohon lahir di Kuala Lumpur sebelum **1 Februari 1974**;
 - (iii) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk memasuki **Tahun Pertama** (Semester Pertama) mulai **Julai 2008** (sesi pengajian 2008/2009) sahaja;
 - (iv) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara **sepenuh masa** (*full-time courses*) di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana Muda** dan **Diploma** sahaja;
 - (v) Pemohon **telah pun mendaftarkan diri** di IPT bagi memulakan sesi pengajian; dan
 - (vi) Pemohon daripada keluarga berpendapatan **RM1,500 ke bawah**.

Setiap permohonan yang diterima akan melalui beberapa proses semakan bagi memastikan permohonan tersebut adalah **lengkap** dan **memenuhi setiap syarat** yang telah ditetapkan. Permohonan yang didapati lengkap dan layak sahaja akan dibuat bayaran secara EFT (*Electronic Funds Transfer*) ke akaun pemohon atau melalui cek. Manakala bagi permohonan yang tidak lengkap, urus setia akan mengembalikan borang permohonan tersebut untuk dilengkapkan oleh pemohon dan seterusnya mengembalikan semula kepada pihak urus setia untuk diproses.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(DUN TERATAI)**

TAJUK : PELABURAN DI NEGERI SELANGOR.

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan semua trip dan kosnya yang pernah diusahakan untuk mendapat pelaburan.
- b) Pernahkah kerajaan tandatangan apa-apa MOU atau perjanjian dengan mana negara atau pihak? Sila nyatakan.

JAWAPAN :

- a) Sejak tahun 2008 sehingga 2010 sebanyak 15 program lawatan penggalakan pelaburan telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri menerusi agensi pelaburan negeri. Antara lawatan-lawatan tersebut adalah seperti berikut; -

Bil	Lawatan	Destinasi Lawatan / Tarikh	Kos Lawatan (RM)	Pembiayaan Kos Terlibat
1.	Lawatan Teknikal Ke Dubai	Dubai 11 – 14 Jun 2008	24,453.06	STANCO Pelaburan
2.	Lawatan Penggalakkan Pelaburan MIDA Ke Osaka dan Yokohama, Jepun.	Jepun 5 – 10 Julai 2008	21,473.00	STANCO Pelaburan
3.	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Taiwan	Taiwan 14 – 21 Disember 2008	32,446.56	STANCO Pelaburan
2.	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara China (Hefei & Beijing)	Hefei & Beijing, China 24 April – 1 Mei 2009	97,776.31	STANCO Pelaburan
3.	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara China (Kunming, Xian & Guang Zhou)	Kunming, Xian & Guang Zhou, China 4 – 13 Jun 2009	151,066.38	STANCO Pelaburan
4.	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara China (Shenyang Dan Dalian)	Shenyang & Dalian 26 Julai – 1 Ogos 2009	110,601.44	STANCO Pelaburan

5.	Lawatan Delegasi Selangor Ke Banda Aceh, Nanggroe Aceh Darussalam	Banda Nanggroe Aceh Darussalam 16 - 19 Ogos 2009	5,400.00	STANCO Pelaburan
5.	Lawatan Teknikal Ke Eropah (Jerman, Italy, Perancis, Belgium, United Kingdom)	Eropah 7 – 22 Mac 2010	232,680.80	STANCO Pelaburan
6.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	China 14 – 19 Mei 2010	29,600.55	STANCO Pelaburan
7.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	China 30 Mei – 5 Jun 2010	14,070.00	STANCO Pelaburan
8.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	China 11 – 16 Jun 2010	16,385.00	STANCO Pelaburan
9.	Lawatan Teknikal Ke Jerman dan Belanda	Eropah 12 – 25 Jun 2010	232,127.66	STANCO Pelaburan
10.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	China 2 – 7 Julai 2010	12,705.07	STANCO Pelaburan
11.	Lawatan Ke Shanghai, Changchun dan Beijing, China	China 29 Ogos - 5 September 2010	21,594.20	STANCO Pelaburan
12.	Lawatan Ke Shanghai dan Hangzhou, China	China 3 – 8 Oktober 2010	21,928.00	STANCO Pelaburan
13.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	China 10 – 15 Oktober 2010	40,409.27	STANCO Pelaburan
14.	Lawatan Teknikal ke Seoul, Korea	Korea 30 Oktober – 6 Nov. 2010	146,101.20	STANCO Pelaburan
15.	Lawatan Teknikal ke Taipei, Taiwan	Taiwan 7 – 10 November 2010		SSIC Berhad

- b) Kerajaan Negeri melalui SSIC Berhad telah menandatangani MOU bersama Gabungan LIMA PPTKIS (Indonesia) pada 11hb. Februari 2011 yang lalu di Jakarta di mana di dalam perjanjian persefahaman ini kedua-dua pihak berhasrat untuk menjalankan kerjasama untuk penempatan tenaga kerja di sektor perindustrian di Selangor.

MOU ini sekali gus akan dapat mengatasi masalah kekurangan bekalan sumber tenaga kerja di Negeri Selangor di samping membantu para pelabur memudahkan urusan pengambilan pekerja dari Indonesia.

MOU ini akan menjadikan SSIC Berhad sebagai fasilitator dan pangkalan data bagi tenaga kerja Indonesia di sektor perindustrian di Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : CAJ PEMBANGUNAN BAGI PROJEK PEMBANGUNAN

122. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Huraikan apakah kerajaan bercadang menguatkuaskan caj pembangunan di seluruh PBT di Selangor
 - Kenapa caj pembangunan di Majlis Perbandaran Sepang mencecah sehingga 30% hinggakan ada rungutan ia membebankan rakyat
 - Apakah kerajaan sedar yang caj ini akan mengakibatkan peningkatan harga rumah dan menyukarkan pemaju kecil. Apakah jalan penyelesaiannya ?

JAWAPAN :

- Mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Caj Pemajuan ialah bayaran yang dilevi oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) kepada mana-mana permohonan pemajuan sekiranya terdapat Rancangan Tempatan atau pengubahan Rancangan Tempatan yang menyebabkan kenaikan nilai tanah.

Berdasarkan peruntukan Subseksyen 32(1) Akta 172, Caj Pemajuan hendaklah dikenakan jika suatu Rancangan Tempatan atau pengubahan Rancangan Tempatan di kawasan PBPT tersebut mengakibatkan tiga jenis perubahan seperti berikut:

- Perubahan tanah;
- Perubahan ketumpatan (kepadatan atau density); dan
- Perubahan luas lantai (nisbah plot)

Sementara Caj Pemajuan boleh dikenakan apabila suatu Rancangan Tempatan menyebabkan berlaku perubahan penggunaan tanah, bayaran ini hanya boleh dikenakan ke atas perubahan kepadatan atau perubahan luas lantai apabila terdapatnya pengubahan Rancangan Tempatan.

Bagi permohonan-permohonan pemajuan yang tidak melibatkan perubahan-perubahan tersebut tidak akan dikenakan Caj Pemajuan.

Di Negeri Selangor, MMKN ke 3/2010 yang bersidang pada 20 Januari 2010 telah meluluskan Pelaksanaan Caj Pemajuan dan Cadangan Pewartaannya. Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan 2010 hendaklah diguna pakai sepenuhnya di dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Selangor bagi tujuan keseragaman. Prinsip asas Caj Pemajuan adalah perkongsian keuntungan disebabkan oleh kenaikan nilai tanah di antara pemunya tanah dan orang awam melalui PBPT. Pengenaan caj terhadap pemajuan ini akan membolehkan PBPT

menyediakan keperluan awam tambahan. Mengikut Subseksyen 34(4) Akta 172, semua jumlah wang yang diterima melalui akaun caj pemajuan hendaklah dimasukkan ke dalam kumpulan wang PBT yang berkenaan.

Seterusnya Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan 2010 yang disediakan di bawah peruntukan Seksyen 35 Akta 172 (iaitu kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat kaedah-kaedah) telah diwartakan dalam warta Kerajaan Negeri Selangor melalui **No. Warta Sel. P.U.36** pada **25hb. November 2010**.

Notis pemberitahuan melalui akhbar juga telah disiarkan dalam akhbar-akhbar seperti jadual berikut :-

BIL.	NAMA AKHBAR	TARIKH / HARI
1.	Berita Harian	08 Februari 2011 - Selasa
2.	New Starits Times	08 Februari 2011 – Selasa
3.	Selangor Times	11 – 13 Februari 2011
4.	Selangor Kini	Edisi Pertama Februari 2011

Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan 2010 hendaklah berkuat kuasa dan diguna pakai oleh ke semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor bermula dari tarikh pewartaan iaitu 25hb. November 2010. Sehingga kini hanya terdapat dua (2) PBPT yang telah mengenakan Caj Pemajuan di Negeri Selangor iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Sepang.

- b) Berdasarkan Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan 2010 yang telah diwartakan, Caj Pemajuan adalah berdasarkan kepada peratusan daripada kenaikan nilai tanah asal dan nilai tanah baru sama ada melibatkan perubahan penggunaan tanah, peningkatan kepadatan ataupun peningkatan luas lantai (nisbah plot)

Kadar Caj Pemajuan yang telah ditetapkan di Negeri Selangor ialah seperti berikut:-

Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
30% x kenaikan nilai tanah	30% x kenaikan nilai tanah	20% x kenaikan nilai tanah

Dengan ini, pengiraan Caj Pemajuan yang dikenakan sebanyak 30% di kawasan Majlis Perbandaran Sepang contohnya hanya melibatkan peratusan daripada perbezaan kenaikan nilai (sekiranya ada) bukannya 30% daripada kos projek ataupun kos pembangunan.

Peratusan ini juga adalah bersamaan dengan kadar bayaran Caj Pembangunan yang dikenakan oleh DBKL.

- c) Kerajaan Negeri mengenakan Caj Pemajuan ini bagi menaiktaraf kemudahan awam untuk penduduk setempat. Caj Pemajuan ini juga bertujuan untuk perkongsian keuntungan hasil peningkatan nilai tanah bagi Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan kemudahan awam.

Sekiranya kurang berkemampuan, pemohon boleh membuat pembayaran secara ansuran kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi pemajuan melibatkan jumlah Caj Pemajuan melebihi RM100,000. Mengikut Subkaedah 7(3) Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan 2010, pemohon boleh diberi kebenaran untuk menjelaskan bayaran Caj Pemajuan dengan tiga (3) kali ansuran melalui Borang C – Kebenaran Membayar Caj Pemajuan Secara Ansuran dalam Kaedah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : SKIM KESIHATAN WANITA – MAMMOGRAM SELANGOR

123. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Sehingga kini, berapakah jumlah orang wanita yang telah menyertai dan menerima pemeriksaan Mammogram?
 - Sila senaraikan jumlah wanita yang telah menyertai mengikut kawasan Dewan Negeri.
 - Sehingga kini, berapakah orang wanita yang menyertai skim ini didapati menghidapi kanser payu dara dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN :

- Bagi tahun 2010, seramai 2688 orang wanita dari 34 kawasan Dewan Negeri Selangor telah menjalani pemeriksaan mammogram secara percuma ini dengan peruntukan sebanyak RM 242,400.00
- Berikut adalah pecahan peserta program mammogram mengikut kawasan Dewan Negeri:

No	DUN		Jun- Oct	Nov	Dec	Total
1	N1	Sungai Ayer Tawar		26	74	100
2	N3	Sungai Panjang			26	26
3	N4	Sekinchan			25	25
4	N6	Kuala Kubu Bahru	83			83
5	N7	Batang Kali	183	40		223
6	N8	Sungai Burong		25	34	59
7	N11	Ijok		46	62	108
8	N13	Kuang			28	28
9	N14	Rawang	110			110
10	N15	Taman Templer			14	14
11	N16	Batu Caves		30	45	75
12	N17	Gombak Setia		29	28	57
13	N19	Bukit Antarabangsa			37	37

14	N21	Cempaka		34	41	75
15	N22	Teratai	29	44	23	96
16	N23	Dusun Tua			38	38
17	N28	Sri Kembangan	78	17	32	127
18	N29	Sri Serdang		23	19	42
19	N30	Kinrara			83	83
20	N31	Subang Jaya			26	26
21	N32	Seri Setia			37	37
22	N35	Kampung Tunku	95		10	105
23	N38	Paya Jaras			14	14
24	N39	Kota Damansara		26	7	33
25	N41	Batu Tiga			17	17
26	N42	Meru		32	40	72
27	N43	Sementa			22	22
28	N45	Selat Klang		81	76	157
29	N49	Seri Andalas			35	35
30	N50	Sri Muda	78			78
31	N51	Sijangkang		26	34	60
32	N52	Teluk Datuk	82	319	77	478
33	N53	Morib		43	39	82
34	N54	Tanjong Sepat		27	39	66
Total			738	868	1082	2688

- c) Daripada 2,688 orang peserta yang menjalani pemeriksaan mammogram ini, terdapat 53 orang wanita disyaki menghidapi kanser payudara ini. Walau bagaimanapun, satu surat rujukan daripada penyedia perkhidmatan mammogram ini dikeluarkan kepada peserta tersebut untuk menjalani pemeriksaan yang menyeluruh di hospital-hospital yang memiliki kepakaran tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

**TAJUK : AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
2007**

124. Kerajaan Persekutuan akan mewajibkan pengasingan sampah di rumah menjelang 2013 bagi menjadikan sistem pengurusan sisa pepejal di negara ini lebih efektif sebagai salah satu langkah di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam pengurusan sisa pepejal mengikut peruntukan Akta dan senaraikan kontraktor yang bertanggungjawab untuk pungutan sisa pepejal di Negeri Selangor?
- b) Senaraikan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada setiap PBT dalam Negeri Selangor bagi menjayakan Kempen Pengasingan Sampah yang dirancangkan akan berkuat kuasa pada tahun 2013.
- c) Apakah mekanisme yang diwujudkan bagi memantau pungutan sisa pepejal serta keefisienan kontraktor memandangkan pungutan sisa pepejal kini bukan lagi dikendalikan oleh Pihak Kerajaan Tempatan?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan kepada Akta 672 yang akan dikuatkuasakan kelak, Kerajaan Negeri bertindak untuk memantau perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PSPPA). Selain itu juga, Kerajaan Negeri akan membantu Kerajaan Persekutuan dalam membuat dasar-dasar baru yang dapat menambah baik tahap perkhidmatan PSPPA ini. Dari sudut pengoperasian pula ia akan diuruskan sepenuhnya oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan PSPPA yang telah diwujudkan.
- b) Setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor masih belum mendapat sebarang peruntukan memandangkan Kempen Pengasingan Sampah ini hanya akan dilaksanakan apabila Akta 672 ini dikuatkuasakan.
- c) Mekanisme yang telah diwujudkan bagi menjalankan aktiviti pemantauan dan keefisienan kontraktor adalah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PSPPA) yang akan diwujudkan melalui Akta 673. Sehubungan dengan itu, dicadangkan agar PSPPA ini akan diadakan di seluruh negara. Selain daripada itu, pihak PBT masih lagi mengekalkan pasukan pemantau mereka untuk bersama-sama dengan penyelia Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) untuk memastikan tahap perkhidmatan yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan dapat dicapai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : KEMAJUAN PROJEK PERUMAHAN BUKIT BOTAK

125. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) serta Pejabat Tanah dan Daerah Gombak telah menjalankan kajian ke atas pemilik-pemilik tanah projek perumahan Bukit Botak pada tahun lepas.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa ramaikah daripada 1,422 pemilik asal tanah yang mampu dan bersetuju untuk membeli rumah mengikut kadar harga yang ditawarkan Kerajaan Negeri?
- b) Berapa ramaikah daripada pemilik asal tidak bersetuju untuk menerima cadangan penyerapan pampasan sebagai sebahagian dari kos pembangunan rumah dan tindakan yang telah dipersetujui bersama bagi mengatasi masalah tersebut?
- c) Sejauh manakah kemajuan fizikal projek perumahan tersebut?

JAWAPAN :

- a) Laporan Borang Opsyen Penduduk Bukit Botak (*yang ditandatangani di antara 8 Feb 2010 – 9 April 2010 dan dikembalikan semula ke Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak*)

Opsyen 1: Setuju Memiliki Rumah pada rizab harga RM99,000 (tidak termasuk kos pembinaan RM 12,300)	1215
Opsyen 2: Tidak Berminat Memiliki Rumah pada rizab harga RM99,000 (tidak termasuk kos pembinaan RM 12,300) TETAPI bersetuju menerima perbezaan bayaran hasil harga jualan jaminan PKNS RM 170,000	36
Opsyen 3: Menolak kedua-dua Opsyen 1 dan Opsyen 2	0
Tidak hadir menandatangani mana-mana opsyen atau gagal dihubungi	171
JUMLAH	1422

Daripada jumlah 1,422 penduduk asal, terdapat 1,002 hakmilik berdaftar yang terlibat dengan proses pengambilan tanah di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 (WKN 3668/6.11.2009). Selebihnya adalah kategori yang belum menerima/tiada hakmilik iaitu 420 penduduk.

Walau bagaimanapun, daripada jumlah 1,002 hakmilik yang telah diwartakan untuk pengambilan, terdapat 77 hakmilik bagi rumah yang telah disiapkan oleh Delpuri Corporation telah ditarik balik daripada pengambilan tanah melalui Pembatalan Borang D – Penyerahan No. 3147/2010, 3151/2010 dan 3167/2010 pada 28 September 2010. Maka ini menjadikan sejumlah 925 hakmilik individu yang terlibat dengan pengambilan tanah bagi Projek Perumahan Bukit Botak.

Ringkasannya adalah seperti berikut:

Hakmilik Yang Terlibat Pengambilan Balik Tanah Di Bawah Seksyen 3(1)(a) APT 1960 Untuk “Projek Pembangunan Dan Penempatan Semula Setinggan Bukit Botak” (WKN 3668/6.11.2009)	1002
Tolak Jumlah Penarikan Balik Warta Pengambilan ke atas 77 Hakmilik Delpuri pada 23 Jun 2010	77
Baki Hakmilik Untuk Siasatan Seksyen 12 APT 1960 Peringkat 1-7	925
Hadir Siasatan (Seksyen 12):	
Peringkat 1: 1.12.2009 - 31.12.2009	414
Peringkat 2: 21.01.2010 - 10.05.2010	82
Peringkat 3: 14.07.2010 - 3.08.2010	76
Peringkat 4: September - 19 Oktober 2010	46
Peringkat 5: 20 Oktober 2010 - awal Januari 2011	49
Peringkat 6: Pertengahan Januari 2011 - awal Februari 2011	32
Peringkat 7: Pertengahan Februari 2011 - 14 Mac 2011	13
Jumlah hadir siasatan (Peringkat 1-7)	712
Jumlah belum/tidak hadir siasatan (925 - 712 = 213)	213

Kesemua 712 pemilik tanah yang menghadiri siasatan seksyen 12 APT 1960 di Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah dimaklumkan terlebih dahulu sebelum perintah pampasan “Borang G dan H” dikeluarkan secara bertulis kepada pemilik tanah terbabit berkenaan keputusan Kerajaan Negeri Selangor bahawa harga rizab rumah semi-D 3 bilik 2 bilik air berkeluasan lantai 850 kaki persegi dan keluasan keseluruhan 2,200 kaki persegi yang akan ditawarkan kepada penduduk asal Bukit Botak ialah RM 99,000.00 sahaja (**tidak termasuk kos pembinaan RM 12,300**). Manakala pampasan tanah atas pengambilan akan dijadikan sebagai kos pembinaan iaitu sebanyak RM 12,300.00 yang juga merangkumi segala kos guaman dan perbelanjaan perundangan termasuk duti setem dan lain-lain kos luar jangka bagi maksud pengendalian perjanjian surat cara (jual-beli) yang melibatkan penduduk dan Kerajaan Negeri.

Penduduk asal Bukit Botak yang layak tetapi tidak memiliki hakmilik tanah atau tidak menjelaskan bayaran premium tanah juga akan ditawarkan rizab harga RM99,000 sahaja (**tidak termasuk kos pembinaan RM 12,300**).

Kandungan surat tawaran bertajuk "Setuju Memiliki Rumah: Akujanji Bagi Melaksanakan Dan Menyempurnakan Projek Bukit Botak (Taman Selayang Mulia)" oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) selepas Borang G dan Borang H dikeluarkan menyatakan dengan jelas kepada penduduk terlibat bahawa pampasan tanah ke atas pengambilan yang terlibat akan diserap sebagai kos pembinaan iaitu RM12,300 pampasan tanah (bayar kepada PKNS) dan lebihan wang pampasan tanah (jika ada) dijadikan deposit rumah masing-masing (dibayar terus kepada PKNS).

A. Jumlah surat UPEN "Setuju Memiliki Rumah: Akujanji Bagi Melaksanakan Dan Menyempurnakan Projek Bukit Botak (Taman Selayang Mulia)" yang telah dihantar kepada penduduk terlibat	449
Yang telah ditandatangani oleh penduduk terlibat dan dikembalikan kepada PTD Gombak sehingga 14 Mac 2011	289
Surat Persetujuan Tawaran dikembalikan : 289 Surat Penolakan Tawaran dikembalikan : 0	
Yang belum ditandatangani oleh penduduk terlibat atau tidak dikembalikan kepada PTD Gombak sehingga 14 Mac 2011	160
B. Sedang dalam proses untuk dihantar surat tawaran oleh UPEN kepada penduduk yang telah hadir siasatan pengambilan tanah	263
Jumlah A + B (bersamaan dengan jumlah yang telah hadir siasatan)	712

Sumber maklumat: Pejabat Tanah Dan Daerah Gombak, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS)

- b) Sejumlah 449 surat tawaran bertajuk "Setuju Memiliki Rumah: Aku janji Bagi Melaksanakan Dan Menyempurnakan Projek Bukit Botak (Taman Selayang Mulia)" oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah dihantar kepada pemilik tanah yang hadir siasatan. Daripada jumlah 449 surat tawaran tersebut, seramai 289 pemilik tanah telah menandatangani dan menghantar semula maklumbalas mereka kepada Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak. Daripada jumlah 289 yang telah dikembalikan oleh penduduk terlibat, setakat ini **tiada** sebarang surat penolakan diterima.

Sumber maklumat: Pejabat Tanah Dan Daerah Gombak, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS)

- c) Sebanyak 440 unit rumah Semi-D telah siap kerja-kerja *substructure*, manakala 61 unit rumah dalam kerja-kerja *superstructure*. Secara keseluruhannya sebanyak 501 unit rumah kini sedang dalam pembinaan daripada 1422 unit rumah semi-D yang mesti disiapkan sebelum Jun 2012.

Secara pecahan kecil ianya kemajuan terkini meliputi kerja-kerja membina 20% (kemajuan sebenar) vs. 33% (perancangan); manakala infrastruktur 22% vs. 11% (perancangan).

Tahap terkini kemajuan fizikal keseluruhan projek dari November 2010 sehingga Mac 2011 ialah 21%. Tarikh jangka siap keseluruhan adalah Jun 2012.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : JALAN LUAR BANDAR

126. Dalam Bajet 2011, kerajaan negeri memperuntukkan kira-kira RM 4 juta untuk pembaikan jalan-jalan kampung dan terbaru dana RM 1 juta untuk setiap kawasan DUN.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisme yang digunakan bagi memastikan pengagihan peruntukan adalah saksama?
- b) Kawasan jalan kampung DUN manakah yang akan menerima peruntukan ini?

JAWAPAN :

- a) Di bawah Bajet 2011, peruntukan Menteri Besar dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor disalurkan melalui Pejabat Daerah adalah bagi pembaikan jalan-jalan kampung yang memerlukan penyelenggaraan di sembilan (9) buah daerah di seluruh negeri Selangor. Dalam hal ini, Pejabat Daerah akan mengenal pasti jalan-jalan yang perlu di selenggara berdasarkan lawatan tapak serta aduan daripada penduduk kampung melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang dilantik. Permohonan tersebut akan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) untuk kelulusan pelaksanaan berdasarkan keutamaan, keperluan dan tahap kritikal.
- b) Bagi pengagihan peruntukan RM1 juta setiap DUN, ia adalah merupakan peruntukan projek di bawah ***Malaysia Road Records Information System*** (MARRIS) yang dikhaskan hanya di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Peruntukan ini tidak melibatkan jalan-jalan kampung di luar kawasan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)**

TAJUK : PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI

127. Kerajaan negeri telah melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi yang antaranya meliputi Projek Pemulihan dan Pembangunan Sungai Klang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan projek pemulihan tersebut dan berapakah nilai pelaburan yang telah dibawa masuk?
- b) Adakah projek ini selaras dengan cadangan projek Greater KL yang dicadangkan Kerajaan Persekutuan?
- c) Adakah kerajaan negeri menyediakan peruntukan untuk projek tersebut tahun ini?

JAWAPAN :

- a) Setakat ini, 3 syarikat telah di senarai pendek oleh Kerajaan Negeri untuk terlibat dengan projek ini pada kapasiti yang berbeza. Syarikat-syarikat tersebut adalah :-
 - TSS-MAKO Engineering Sdn. Bhd.
 - Wessex Water Sdn Bhd / I Berhad Consortium.
 - GJA Engineering & Construction Sdn. Bhd.
- b) Bagi mengelakkan sebarang pertindihan dan mendapatkan synergy yang lebih baik, Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan Kerajaan Pusat bagi Projek Pembersihan dan Pemuliharaan Sungai di bawah Projek "River of Life" iaitu sebahagian daripada Projek "Greater KL/KV " yang menjadi salah satu ters Transformasi Ekonomi Nasional, NKRA.
- c) Projek Pemuliharaan dan Pembangunan akan dibiayai oleh pihak swasta melalui Public / Private Partnership (PPP) atau Private Financing Initiative (PFI). Walau bagaimana pun, di bawah Task Force Pembersihan Sungai bagi Projek River of Life yang dipimpin oleh JPS, bagi tahun 2011 sebagai permulaan sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan kepada Selangor di mana MPAJ telah dilantik sebagai agensi pelaksana. Peruntukan tersebut adalah bagi penyediaan Sistem Rawatan Air di Salur Keluar Sistem Perparitan Utama ke Sungai Klang di Taman Melawati, Hulu Kelang, Daerah Gombak Selangor yang akan disiapkan dalam tahun 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

**TAJUK : SENARAI SEMAK KEBENARAN MERANCANG DI PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (PBT)**

128. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Apakah kerajaan mempunyai senarai semak yang sama di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi kebenaran merancang ?
 - Kenapa tidak diselaraskan ?

JAWAPAN :

- Setiap Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai senarai semak kebenaran merancang yang sama iaitu menggunakan Template Seragam Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci Agensi Teknikal Dalaman di Pihak Berkuasa Tempatan yang telah disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam menyelaraskan pelaksanaan Pusat Setempat.

Senarai semak bagi kebenaran merancang tersebut telah dikemaskini dan ditambah baik di mana 'Template Seragam Senarai Semak' yang terkini telah diedarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan Selangor pada 22 Februari 2011 untuk diguna pakai mulai 1 April 2011.
- Senarai semak yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan merupakan panduan utama di mana dalam melaksanakan senarai semak tersebut, ianya disesuaikan dengan ciri-ciri keadaan pembangunan dan keperluan setempat bagi mempermudahkan serta memperlengkapkan lagi perkara-perkara yang perlu dipatuhi dan disediakan oleh pemohon semasa mengemukakan permohonan kebenaran merancang. Pihak OSC sedang di dalam pengemaskinian senarai semak berdasarkan template yang telah diedarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : MERAKYATKAN INFORMASI

129. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah masalah utama yang dihadapi oleh kerajaan negeri dalam merakyatkan informasi?
- b) Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PERTANIAN

130. Perubahan cuaca yang tidak menentu telah mengurangkan hasil tanaman pertanian dan seterusnya menyebabkan harga hasil pertanian seperti sayur-sayuran meningkat.

Bertanya kepada Y. A. B Menteri Besar

- a) Senaraikan jenis dan jumlah hasil pertanian yang diimport dan dieksportkan oleh Negeri Selangor daripada tahun 2007-2011.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan bahawa jumlah hasil pertanian yang dikeluarkan adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan penduduk Selangor dan seterusnya harga hasil pertanian asas tidak meningkat dengan mendadak?

JAWAPAN :

- a) Jawapan oleh Seksyen Sektoral, SUK
- b) Langkah-langkah diambil oleh kerajaan negeri adalah seperti berikut:
 - i. Memastikan pengeluaran hasil padi yang tinggi dan berterusan melalui Program Peningkatan Hasil Padi Negeri Selangor bermula tahun 2009 sehingga 2013. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 3.05 juta bagi pelaksanaan program ini tahun 2011.
 - ii. Memastikan pengeluaran tanaman makanan secara berterusan dengan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Di mana terdapat 12 kawasan TKPM di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan. Untuk program ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 1.45 juta pada tahun 2011. Sehingga Disember 2010:
 - Bilangan TKPM: 12
 - Keluasan Keseluruhan: 1,309.4 hektar
 - Nilai Pengeluaran Hasil Keseluruhan: RM31.1 juta

- iii. Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman melalui Program Pembangunan Tanaman Makanan (Sayur-sayuran, Buah-buahan dan Kelapa) , dan Program Pembangunan Tanaman Industri (Nanas dan Umbisi) dimana Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 2.2 juta untuk program-program tersebut. Sehingga tahun 2010, Jabatan Pertanian merekodkan :

Jenis Tanaman	Keluasan (hektar)	Nilai Pengeluaran (RM)
1.Sayur-sayuran	2369.4	13.1 juta
2. Buah-buahan	1314.8	12.5 juta
3. Tanaman Industri	145	1.2 juta

- iv. Meningkatkan kualiti tanaman dengan menggalakkan petani menyertai Pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) , melalui skim ini petani akan dibimbang dan diberi pengiktirafan kerana mengamalkan pertanian berkonsep mesra alam , mengeluarkan produk berkualiti dan selamat dimakan. Sehingga kini terdapat 18 usahawan tani di bawah bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah diiktiraf mendapat Sijil SALM.
- v. Program pembangunan usahawan Industri Asas Tani turut dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian seterusnya menjana pendapatan tambahan hasil dari aktiviti pemprosesan tanaman.
- vi. Membangunkan kumpulan sasar melalui Program Pembangunan Sumber Manusia di mana aktiviti-aktiviti latihan , seminar, kursus, lawatan dan lain-lain dilaksanakan oleh jabatan khas untuk golongan sasar. Jabatan Pertanian Negeri Selangor turut meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kepada golongan sasar melalui Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER BARU

131. Kerajaan negeri bercadang untuk melaksanakan program pembangunan sumber baru dan kepelbagaian bio.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status program pembangunan tersebut?
- b) Bagaimakah program ini dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri?
- c) Apakah manfaat langsung program ini kepada rakyat?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah mengumumkan dalam Pembentangan Belanjawan tahun 2011 berhubung pelaksanaan program pembangunan sumber baru atau hasil baru serta kepelbagaian bio dengan memberi penumpuan kepada pendekatan mapan terhadap ekonomi dan alam sekitar. Antara program-program yang akan dilaksanakan bermula tahun 2011 ialah Kempen Konservasi Air dan Penyimpanan Air dengan mempromosikan kegiatan tадahan air hujan, meningkatkan pendapatan melalui pertanian di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi – Projek Peningkatan Hasil Padi dengan usaha menghasilkan padi daripada 5.1 tan sehektar kepada 7.5 tan sehektar, menambah bilangan petani menggunakan pemindah (transplanters) serta penggunaan teknologi yang dikenali sebagai Sistem Penguat Akar (*System of Root Intensification*) serta mewujudkan Pusat Pengumpulan Produk melalui Penggalakan Sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di bawah program “Satu Kampung Satu Produk”.
- b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM 3.2 juta untuk tahun 2011 bagi pembangunan hasil baru dan pertanian negeri di mana program-program yang bakal dan sedang dilaksanakan akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan sektor pertanian ke atas Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Selangor. Sumbangan sektor pertanian kepada KDNK negeri Selangor adalah sebanyak 6.3 peratus nilai ditambah pada tahun 2010 berbanding tahun sebelumnya.
- c) Penerokaan dan penggunaan teknologi terhadap pembangunan sumber baru dalam sektor pertanian negeri Selangor telah membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat amat serius dalam usaha membangunkan sektor pertanian sebagai sektor utama ekonomi negeri Selangor. Dengan program-program pembangunan yang dilaksanakan, manfaat langsung yang diperoleh ialah peningkatan dalam permintaan domestik terhadap produk-produk pertanian. Selain itu, kepelbagaian bio dalam pertanian juga akan memberi pendidikan tambahan berkaitan bioteknologi kepada petani-petani supaya

produktiviti pertanian mereka akan dapat ditingkatkan. Pada masa yang sama, peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dapat diperluas dengan penggunaan teknologi moden dan canggih yang digunakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : NAIK TARAF JALAN BANTING KG SRI JUGRA

132. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah jumlah peruntukan pembangunan naik taraf jalan tersebut ?
 - Mengapakah kerja-kerja tersebut di pecahkan kepada tawaran 5 syarikat sedangkan ianya adalah hanya melibatkan sebatang jalan sahaja. Mengapa ini berlaku?

JAWAPAN :

- Tiada Peruntukan khusus untuk kerja-kerja naik taraf jalan tersebut. Peruntukan membaiki jalan ini adalah menggunakan butiran peruntukan program keselamatan berjumlah RM 2.05 juta.
- Kerja-kerja tersebut dipecahkan kepada 5 adalah disebabkan perkara berikut:
 - Peruntukan yang diterima pada masa berlainan.
 - Skop kerja yang dilaksanakan berlainan.
 - Lokasi tempat kerja yang berbeza.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK: TABUNG CEGAH JENAYAH

133. Kerajaan negeri ada bercadang menubuhkan Tabung Cegah Jenayah dengan meminta sumbangan pihak pemaju swasta sebagai melaksana tanggungjawab sosial korporat (CSR)

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimakah status tabung tersebut?
- b) Siapakah pemaju yang telah menyumbang dan berapakah nilai sumbangan mereka?
- c) Apakah bentuk-bentuk program yang akan dibiayai oleh tabung ini?

JAWAPAN :

Buat masa ini di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) tidak bercadang untuk menubuhkan Tabung Cegah Jenayah sebagai sumbangan dari pihak swasta dalam melaksanakan tanggungjawab sosial.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PROJEK PEMBERSIHAN SUNGAI KLANG

134. Bertanya kepada Y. A. B Menteri Besar:
- Senaraikan nama syarikat yang terlibat dalam Projek Pembersihan Sungai Klang dan berapa peratusan kerja telah disiapkan serta dijalankan di tapak tersebut?
 - Apakah jadual kerja Projek Pembersihan Sungai Klang dan bilakah projek ini dijangkakan akan disiapkan?
 - Apakah mekanisme yang diwujudkan bagi memastikan Projek Pembersihan Sungai Klang dapat dilaksanakan secara telus serta bertanggungjawab kepada rakyat?

JAWAPAN :

- Sebanyak 3 syarikat telah di senarai pendek dari 31 syarikat yang membeli dokumen "Request for Proposal" di mana 13 syarikat telah menjawabnya. 3 syarikat tersebut adalah :-
 - TSS-MAKO Engineering Sdn. Bhd
 - Wessex Water Sdn. Bhd / I Berhad Consortium
 - GJA Engineering & Construction Sdn. Bhd
- Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan Kerajaan Pusat melalui Projek River of Life yang sedang mereka usahakan dan buat masa ini mereka lebih menumpukan kepada komponen Pembersihan Sungai berbanding komponen-komponen lain seperti Pemuliharaan dan Pembangunan.

Kerajaan Pusat masih dalam proses mengemukakan Tender bagi menyediakan Pelan Induk untuk ketiga-tiga komponen projek tersebut. Adalah penting untuk Selangor mendapat input dari Pelan Induk ini agar perancangan pembangunan yang lebih tersusun dapat dihasilkan.

- Projek ini akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui *Public/Private Partnership* atau *Private Funding Initiative* di mana pemaju yang dilantik akan membayai kos Pembersihan dan Pemuliharaan Sungai Kelang dari hasil keuntungan yang mereka raih dari pembangunan yang mereka lakukan sepanjang sungai tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : JAMBATAN DAN KUARTERS JPS RUNTUH

135. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 berkenaan Pejabat Tanah dan Galian di muka surat 57:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memperbaiki kelemahan aktiviti pengambilan pasir di Sungai Semenyih?
- b) Apakah langkah-langkah bagi memperbaiki kelemahan pengurusan dan pemantauan agensi-agensi yang terbabit?
- c) Apakah jenis-jenis kerosakan akibat daripada hakisan tanah dan berapakah kerugiannya di segi kos?

JAWAPAN :

- a) Langkah yang diambil oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ialah bagi sebarang permohonan melibatkan pengambilan pasir di sungai yang berhampiran dengan struktur-struktur kekal seperti jambatan, kunci air, alur limpah, empangan dan sebagainya, aktiviti pihak pengusaha terbabit perlu mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh JPS. Di antara syarat yang ditekankan ialah memastikan pengusaha tidak melaksanakan sebarang kerja pengorekan atau menyedut pasir berhampiran dengan struktur terbabit dalam jarak 200 meter.
- b) Antara langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan ialah mengadakan mesyuarat pemantauan secara berkala melibatkan semua agensi teknikal dan pentadbiran yang dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan; pelantikan Merinyu yang meronda dan memantau aktiviti pengambilan pasir, menyiasat kes-kes kecurian dan pelanggaran kerja di tapak; dan memperkemaskan semula rekod-rekod aktiviti pasir.
- c) Kesan daripada hakisan tebing sungai akan mengubah regim sungai itu sendiri, berlakunya mendakan dan mendapan pasir yang tinggi, keruntuhan tebing yang melonggarkan struktur tanah, menyekat dan menghalang laluan air yang boleh menyebabkan banjir di bahagian hulu serta mengubah kualiti air. Kos kerugian ini adalah bergantung kepada kelebaran saiz dan isi padu tanah terhakis akibat hakisan serta keadaan dan lokasi sungai itu sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : MASALAH HARGA RUMAH YANG MELAMPAU TINGGI

136. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :
- Sila nyatakan apakah punca sebenar yang menyebabkan harga rumah di Negeri Selangor khususnya di Lembah Klang semakin melampau tinggi ?
 - Sila nyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang bakal dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mengawal fenomena kenaikan harga rumah yang melampau tinggi dan berleluasa ini ?
 - Sila nyatakan apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan melalui PKNS bagi membina rumah mampu milik khusus untuk golongan pertengahan dan bawahan supaya mereka juga mampu memiliki rumah ?

JAWAPAN:

- Terdapat beberapa faktor yang dikenal pasti menjadi punca kepada kenaikan harga rumah yang tinggi khususnya di kawasan Lembah Klang iaitu :-
 - Nilai tanah yang tinggi untuk membangun projek perumahan
 - Peletakan projek perumahan di kawasan strategik dengan dilengkapi dengan semua kemudahan asas dan infrastruktur.
 - Peningkatan kos pembinaan dan pembangunan seperti barang binaan serta kos penyediaan infrastruktur.

Oleh yang demikian, kenaikan harga rumah ini akan terus berlaku masa ke semasa selagi kos-kos ini tidak dikawal.

- Dalam mengimbangi penyediaan rumah harga bebas dengan rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah, Kerajaan Negeri telah menetapkan pembangunan tanah yang melebihi 10 ekar dalam kawasan Lembah Klang akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana manakala kawasan di Luar Lembah Klang pula akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 10% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana. Manakala bagi pembangunan yang kurang daripada 10 kar (2 hingga kurang 10 ekar) pula, syarat penyediaan 30% rumah kos sederhana akan dikenakan bagi kawasan dalam Lembah Klang.

Selain daripada penetapan komposisi pembangunan perumahan tersebut, harga jualan maksimum terhadap rumah mampu milik tersebut turut dibuat. harga jualan rumah mampu milik tersebut ditetapkan pada harga seperti berikut :-

Kawasan	Jenis Bangunan	Harga (RM)
Dalam kawasan Majlis Perbandaran (Lembah Klang)	20% rumah kos rendah	42,000.00
	20% rumah kos sederhana rendah	72,000.00
	10% rumah kos sederhana	100,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas
Dalam kawasan Majlis Daerah	20% rumah kos rendah	35,000.00
	20% rumah kos sederhana rendah	60,000.00
	10% rumah kos sederhana	85,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas
Luar kawasan Majlis Daerah / Majlis Perbandaran	20% rumah kos rendah	30,000.00
	10% rumah kos sederhana rendah	50,000.00
	10% rumah kos sederhana	70,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas

Segala syarat penetapan komposisi pembinaan rumah dan harga jualan rumah akan dimasukkan dalam sebarang kelulusan pemberimanilikan dan pembangunan tanah untuk tujuan pengawalan oleh semua pihak terlibat yang memberi kelulusan pelan pembangunan. sebarang ketidakpatuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri akan memberi kesan terhadap proses pindah milik pemaju kepada pembeli pertama.

- c) Kerajaan Negeri dari masa ke semasa akan terus memastikan penyediaan rumah mampu milik dibina bukan sahaja melalui anak-anak syarikat Kerajaan Negeri tetapi juga pihak swasta bagi memenuhi keperluan golongan pertengahan dan bawahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK: PROJEK MRT SG BULUH-KAJANG

137. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Apakah pendirian kerajaan terhadap projek MRT Sg Buluh - Kajang?
 - Apakah jabatan negeri yang terlibat dalam perancangan projek ini?
 - Adakah kerajaan melakukan pengambilan tanah di Bandar Kajang di mana pemilik-pemilik telah membantah perobohan kedai untuk memberi laluan kepada pembinaan MRT?

JAWAPAN :

- Pada secara dasarnya Kerajaan Negeri menyokong penuh terhadap projek pembinaan MRT Sungai Buloh-Kajang ini. Kerajaan Negeri juga akan mengadakan sesi pendengaran awam bagi menyatakan kepada rakyat Selangor agar mereka mendapat maklum mengenai projek pembinaan MRT berkenaan. Sesi penerangan ini juga akan dapat memberi peluang kepada rakyat bagi menyatakan pandangan dan pendapat mereka berhubung projek pembinaan MRT berkenaan.
- Satu jawatankuasa teknikal berhubung projek pembinaan MRT di peringkat Kerajaan Negeri telah diwujudkan. Jawatankuasa ini yang akan dikelolakan oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bersama dengan Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD). Antara jabatan Kerajaan Negeri yang terlibat bagi projek MRT ini adalah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat. PBT yang terlibat dalam projek pembinaan MRT ini seperti Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).
- Masalah pengambilan tanah di Bandar Kajang adalah bergantung kepada jajaran laluan MRT berkenaan. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri berhak untuk mengambil tanah berkenaan bagi kepentingan dan kesenangan rakyat pada masa akan datang. Kerajaan Negeri juga akan membayar pampasan yang setimpal berdasarkan keluasan tanah yang akan diambil bagi projek pembinaan MRT berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : AIR PERCUMA

138. Kerajaan negeri telah memperkenalkan insentif air percuma 20m. padu pertama untuk setiap meter individu.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kos yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan negeri atau anak syarikatnya untuk membiayai skim ini sejak 2008 hingga sekarang?
- b) Sejauh manakah Kerajaan negeri mampu meneruskan skim ini tanpa mendatangkan risiko terhadap kewangan negeri?
- c) Adakah skim air percuma ini mampu mendidik rakyat untuk berjimat dalam penggunaan air?

JAWAPAN :

- a) Kos yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan anak syarikatnya adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Jumlah (RM)
1	2008	68,674,732.87
2	2009	131,468,341.10
3	2010	136,217,650.50
4	2011	11,778,334.37
Jumlah Keseluruhan		348,139,058.84

Perincian kos bulanan mulai tahun 2008 sehingga kini adalah seperti di **Lampiran 1**.

- b) Kerajaan Negeri memulangkan semula hasil yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri dalam bentuk pemberian air percuma $20m^3$ pertama kepada rakyat selari dengan tema Bajet Kerajaan Negeri iaitu Hasil Negeri Untuk Rakyat. Justeru itu, bagi tempoh jangka panjang, kos pemberian air percuma yang tinggi ini akan dipertanggungjawabkan kepada anak syarikat Kerajaan Negeri yang menguruskan konsesi air di Negeri Selangor.
- c) Skim air percuma ini memberikan rakyat air percuma bagi 20 meter padu yang pertama sebanyak RM11.40. Bagi rakyat yang menggunakan air kurang daripada 20 meter padu, mereka tidak perlu membayar bil air, justeru ia mampu mendidik rakyat untuk berjimat dalam penggunaan air.

Lampiran 1

**BAYARAN BAGI PROGRAM AIR PERCUMA KEPADA SYARIKAT
BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD (SYABAS)**

1. Bayaran KDEB kepada SYABAS bagi tahun 2008:

BIL	BAYARAN BULANAN	JUMLAH (RM)
1.	Jun	3,848,037.17
2.	Julai	11,643,484.80
3.	Ogos	10,582,751.07
4.	September	10,683,206.69
5.	Oktober	10,843,536.17
6.	November	10,536,489.37
7.	Disember	10,537,227.60
JUMLAH		68,674,732.87

2. Bayaran KDEB kepada SYABAS bagi tahun 2009:

BIL	BAYARAN BULANAN	JUMLAH (RM)
1.	Januari	10,948,827.26
2.	Februari	10,632,640.29

BIL	BAYARAN BULANAN	JUMLAH (RM)
3.	Mac	10,628,777.61
4.	April	10,789,064.38
5.	Mei	10,948,221.43
6.	Jun	10,954,132.17
7.	Julai	10,967,264.26
8.	Ogos	11,012,990.04
9.	September	11,124,353.19
10.	Oktober	11,134,136.90
11.	November	11,137,523.94
12.	Disember	11,190,409.63
JUMLAH		131,468,341.10

3. Bayaran KDEB kepada SYABAS bagi tahun 2010:

BIL	BAYARAN BULANAN	JUMLAH (RM)
1.	Januari	11,460,893.91
2.	Februari	11,226,697.49
JUMLAH		22,687,591.40

4. Jumlah keseluruhan bayaran KDEB kepada SYABAS:

BIL	BAYARAN TAHUNAN	JUMLAH (RM)
1.	2008	68,674,732.87
2.	2009	131,468,341.10
3.	2010	22,687,591.40
JUMLAH		222,830,665.37

5. Bayaran oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada SYABAS:

Bil	Bayaran Bulan	Jumlah (RM)
1	Mac 2010	11,288,894.70
2	April 2010	11,503,396.76
3	Mei 2010	11,421,672.71
4	Jun 2010	11,475,313.25
5	Julai 2010	11,495,661.19
6	Ogos 2010	10,075,482.87
7	September 2010	11,796,148.39
8	Oktober 2010	11,488,815.74
9	November 2010	11,493,706.82

10	Disember 2010	11,490,966.67
Jumlah		113,530,059.10

6. Bayaran oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada SYABAS:

Bil	Bayaran Balik	Jumlah (RM)
1	Januari 2011	11,778,334.37

Kesimpulannya, sehingga kini jumlah keseluruhan bayaran yang telah dibuat kepada pihak SYABAS bagi program air percuma di Negeri Selangor adalah sebanyak **RM348,139,058.84**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : LAPORAN PERBELANJAAN PENGERUSI JKKKN/KETUA KAMPUNG NEGERI

139. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah Elaun Ketua Kampung dan Berapakah Elaun mesyuarat Ketua Kampung ?
 - Berapakah Peruntukan Ketua Kampung untuk program yang di jalankan oleh setiap kampung ?
 - Siapakah yang memantau perlaksanaan dan perbelanjaan tersebut serta apakah contoh program yang di jalankan ?

JAWAPAN :

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 10/2008 ke 10/2008 yang bersidang pada 11 Jun 2008 telah menimbang dan bersetuju untuk membayar elaun Ketua Kampung dengan kadar seperti berikut :

PERKARA	KADAR ELAUN (SEBULAN)
Elaun Ketua Kampung	
i. Gred A (berkhidmat lebih 10 tahun)	RM600.00
ii. Gred B (berkhidmat 5-10 tahun)	RM500.00
iii. Gred C (berkhidmat kurang 5 tahun)	RM450.00
Elaun Setiausaha JKKN	RM250
Elaun Menghadiri Mesyuarat oleh Ketua Kampung	RM40.00
Elaun Mengadakan Mesyuarat oleh JKKN	RM100.00
Bantuan Kewangan kepada Pentadbiran JKKN	RM100.00

Walau bagaimanapun, MMKN ke 38/2010 yang bersidang pada 20 Oktober 2010 telah menimbang dan meluluskan kenaikan elaun Ketua Kampung kepada RM800.00 (Ringgit Malaysia ; Lapan Ratus) setiap bulan, kenaikan elaun ini adalah selaras dengan tanggungjawab Ketua-ketua Kampung yang semakin meningkat dan mencabar dalam memastikan Kampung ditadbir dan diurus dengan baik dan telus.

- b) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 38/2009 telah meluluskan peruntukan tahunan Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK, berjumlah RM10,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ribu) kepada setiap 446 buah kampung termasuk kampung tradisi dan kampung baru . Peruntukan ini adalah bagi menampung perbelanjaan pengurusan yang melibatkan penganjuran aktiviti dan program mesra rakyat di setiap kampung.

Bagi tahun 2011 pula, Kerajaan Negeri telah meluluskan supaya kenaikan eluan Ketua Kampung dibiayai menggunakan peruntukan tahunan RM10,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ribu) ini. sehubungan itu, peruntukan bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM5,800 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu Lapan Ratus) bagi setiap Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK untuk menganjurkan sebarang aktiviti dan program yang dirancang.

- c) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil.2 Tahun 2010 telah menetapkan Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK Negeri Selangor. Penggunaan peruntukan ini adalah dikhaskan bagi menampung perbelanjaan pengurusan yang melibatkan penganjuran aktiviti dan program mesra rakyat. ketua kampung dan Pengerusi JKKK juga dibenarkan membuat perolehan termasuk pembelian barang- barang dan perkhidmatan bagi tujuan aktiviti dan program mesra rakyat. antara program dan aktiviti yang dijalankan adalah seperti gotong – ropong, kempen kesedaran (denggi, keselamatan jalan raya). sesi dialog bersama jabatan kerajaan, jamuan makan (sambutan perayaan) dan penganjuran forum atau pun ceramah motivasi.

Pegawai Daerah adalah Pegawai Pengawal yang bertanggungjawab ke atas pengawalan dan pengurusan peruntukan ini, tertakluk kepada terma-terma pekeliling di atas, Arahan Perbendaharaan, peraturan-peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa dan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor dari semasa ke semasa. ia adalah bagi memastikan penggunaan peruntukan ini adalah berdasarkan pekeliling dan segala perbelanjaan perlu dipantau secara telus bagi mengelakkan berlakunya pembaziran dan salah guna peruntukan.

Laporan perbelanjaan akan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) serta Bendahari Negeri setiap bulan bagi memastikan perbelanjaan peruntukan Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PERIKANAN DAN NELAYAN

140. Golongan nelayan dilihat tidak mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak kerajaan negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah ada program bantuan yang khusus untuk golongan tersebut di Selangor?
- b) Apakah strategi kerajaan negeri untuk memastikan perairan negeri sentiasa kaya dengan hasil laut?
- c) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk memastikan perairan negeri selamat untuk aktiviti para nelayan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan golongan nelayan. Antara program yang amat berjaya meningkatkan pendapatan nelayan adalah Kebun Kerang. Mengikut bancian yang dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri didapati 80.2% peserta telah menikmati pendapatan sekurang-kurangnya RM1,000.00/bulan. Bagi bantuan peralatan, Kerajaan Negeri mendapati nelayan-nelayan tradisional telah dibantu sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan malah lesen nelayan juga dikawal oleh Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah membantu nelayan-nelayan yang belum mendapat sebarang bantuan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Dana Pertanian, Perikanan dan Ternakan.
- b) Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan strategi oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menempatkan unjam-unjam tiruan sebagai medium pembiakan ikan di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti sebagai lubuk ikan.
- c) Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada pihak Agensi Pengawal Keselamatan Maritim Malaysia (APMM) yang telah mengawal keselamatan perairan. Walau bagaimanapun, dalam pada masa yang sama Kerajaan Negeri telah mengarahkan pihak JKKK bersama-sama membantu APPM dengan menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : JUMLAH PELABURAN ASING KE SELANGOR

141. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- Sila senaraikan jumlah pelaburan asing dan tempatan ke Negeri Selangor sehingga Disember 2010. Sila berikan butiran menurut daerah.
- Apakah langkah-langkah yang di ambil untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dan tempatan ke Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

- Jumlah pelaburan asing dan tempatan ke Negeri Selangor sehingga Disember 2010 mengikut daerah adalah seperti berikut; -

Daerah	Projek	Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Petaling	128	11,094	1,694,589,790	2,691,790,456	4,386,380,246
Klang	81	6,724	1,266,665,285	1,871,280,645	3,137,945,930
Kuala Selangor	14	1,989	433,806,460	34,126,714	467,933,174
Hulu Langat	33	1,625	313,766,429	135,994,817	449,761,246
Gombak	28	1,619	278,234,722	43,569,259	321,803,981
Kuala Langat	19	1,255	269,903,912	194,961,610	464,865,522
Hulu Selangor	4	161	42,760,548	2,194,452	44,955,000
Sepang	8	1,884	551,324,000	0	551,324,000
Sabak Bernam	1	103	4,793,407	845,895	5,639,302
Lain-Lain Kawasan	9	1,411	639,142,000	172,085,000	811,227,000
Jumlah	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,848	10,641,835,401

Sumber : MIDA

- Inisiatif dan galakan Negeri Selangor dalam usaha meningkatkan peratusan PSS adalah seperti berikut; -
 - Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.

- ii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
- iii. Menyelenggara dan menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
- iv. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
- v. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
- vi. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau perlaksanaan projek-projek pelaburan serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
- vii. Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang ada di setiap Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor.
- viii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- ix. Penambahbaikan fungsi Pusat Pelaburan Negeri bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan bagi mempromosikan pelaburan dan membantu para pelabur.
- x. Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek pelaburan yang sedang dilaksanakan.
- xi. Pengajuran dan penyertaan dalam misi-misi penggalakan pelaburan ke luar negara.
- xii. Bekerjasama dengan pihak swasta dan badan-badan perniagaan bagi menarik pelaburan dari luar negara.
- xiii. Meningkatkan program pertemuan dan dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri selesa terus beroperasi di Negeri Selangor.
- xiv. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.
- xv. Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : RIZAB AGAMA BUKAN ISLAM

142. Pihak Berkuasa Tempatan tidak mempunyai suatu garis panduan yang jelas untuk menuntut daripada pemaju apabila sesuatu plot pembangunan diluluskan untuk Kebenaran Merancang dan Pelan Pembangunannya dalam OSC . Garis panduan yang ada pada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa hanya menyebut tentang bilangan penduduk atau penganut yang harus disediakan satu tapak rizab agama bukan Islam. Ianya juga tidak memperuntukkan plot yang berasingan untuk kuil Hindu, tokong Buddha , Gereja Kristian dan sebagainya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah polisi Kerajaan Negeri untuk menyelaraskan perkara ini , agar pihak pemaju menyediakan rizab agama yang mencukupi untuk semua kaum dan penganut.

JAWAPAN :

- a) Di dalam Garis Panduan Berhubung Hal Ehwal Selain Islam dan Peranan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor telah menetapkan bahawa bagi setiap pembangunan seluas 100 ekar, pemaju di minta untuk menyediakan tapak bagi pembangunan agama selain Islam. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah pemaju mengemukakan Kebenaran Merancang secara berperingkat kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh yang demikian, terdapat masalah kepada pihak PBT bagi menentukan keluasan sebenar sesuatu projek pembangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : STATUS KUIL SIVAN DI JALAN BUKIT GASING, PETALING JAYA.

143. Bertanya Kepada Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar:
- (a) Mengapakah Kuil Sivan di Bukit Gasing masih belum menerima Hak milik Geran Tanah asal sebagai pemilik yang sah sehingga ke hari ini?
 - (b) Mengapakah operasi Kuil Sivan di Bukit Gasing masih ditutup sehingga ke hari ini, walaupun sudah lebih 3 tahun berlalu?
 - (c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi kesemua masalah-masalah tersebut agar Kuil Sivan dapat dibuka dan beroperasi semula dalam kadar segera?

JAWAPAN :

- a) Pemberimilikan tanah tersebut akan dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor setelah aspek keselamatan kawasan cerun dibaiki dan disahkan selamat oleh pihak Ikram dan MBPJ.
- b) Operasi kuil ini ditutup oleh Lembaga Pemegang Amanah Kuil atas sebab menjalankan kerja – kerja pembinaan dan baik pulih ke atas bangunan serta kawasan cerun yang runtuh.
- c) Pihak MBPJ telah meminta pihak Kuil tersebut melantik Ikram untuk memantau dan menyemak cadangan serta kerja – kerja pembinaan cerun yang runtuh. Kos ini ditanggung oleh pihak Kuil dan pihak MBPJ sentiasa membuat pemantauan di tapak tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH

144. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:
- a) Apakah bantuan yang boleh dipohon bagi keluarga yang tidak mampu menjelaskan sewa rumah?
 - b) Apakah tindakan terhadap penyewa yang gagal menjelaskan tunggakan sewa dan yang menyewakan unit kepada orang lain?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri tidak memperuntukkan sebarang bantuan kepada penyewa-penyewa yang tidak mampu menjelaskan sewa rumah mereka. sekiranya peruntukan untuk tujuan tersebut diadakan maka akan wujud penyewa yang sengaja enggan membayar sewa atas alasan boleh memohon mendapatkan bantuan sewa yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Adalah tidak adil untuk menggunakan duit rakyat untuk memberi subsidi sewa kepada mereka yang mampu atau sengaja tidak membayar sewa rumah. walau bagaimanapun, masih terdapat agensi-agensi yang boleh memberi bantuan sewa atas faktor kemiskinan atau kes-kes tertentu seperti hilang pekerjaan secara tiba-tiba. kemalangan atau sebagainya melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS). Permohonan bantuan sewa ini hendaklah dipohon sendiri oleh penyewa-penyewa yang beragama Islam kepada Lembaga Zakat Selangor untuk dipertimbangkan bantuan tersebut. Bantuan lain yang boleh dipohon adalah melalui bantuan Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM), namun bantuan yang disediakan adalah terhad iaitu bantuan bulanan berdasarkan tahap kemiskinan penduduk dan bukannya untuk menyelesaikan masalah tunggakan penyewa.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah tunggakan sewa di kalangan penyewa antaranya menurunkan kadar sewa RM250.00 kepada RM124.00 bagi penyewa-penyewa yang mempunyai pendapatan seisi keluarga kurang daripada RM1,500.00 sebulan. sehingga Disember 2010 seramai 469 penyewa PPR Kota Damansara dan 1,289 penyewa PPR Taman Putera Damai telah diberi kadar sewa RM124.00 sebulan tetapi masih mempunyai tunggakan keseluruhan sebanyak RM7.5 juta.

- b) Tindakan tegas akan diambil ke atas mereka yang gagal membayar sewa atau menyewakan rumah mereka kepada pihak ketiga terutamanya warga asing. penyewa-penyewa yang gagal menjelaskan tunggakan sewa akan dikeluarkan notis keluar setelah beberapa notis peringatan diberikan kepada mereka. notis penamatian atau pengusiran pula dikeluarkan serta-merta kepada penyewa-penyewa yang menyewakan unit rumah PPR kepada orang lain. tindakan penduduk menyewakan unit rumah mereka kepada orang lain dengan mengenakan kadar sewa yang lebih tinggi adalah amat tidak wajar memandangkan PPR dibina bagi menempatkan golongan berpendapatan rendah tetapi disalahgunakan sendiri oleh penyewa untuk tujuan keuntungan peribadi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SG.PELEK)**

TAJUK : PENYEJARAHAN KAMPUNG BARU

145. Kerajaan negeri telah mengumumkan Projek Penyejarahan Kampung Baru sebagai langkah untuk menyimpan rekod sejarah kampung-kampung tersebut agar tidak hilang.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan projek penyejarahan tersebut?
- b) Pihak manakah yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan projek ini dilaksanakan dengan profesional dan tepat?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru telah menjalankan projek penyejarahan bagi Kampung Baru iaitu dengan mewujudkan laman web Kampung Baru, www.i-kgbaru.com. Portal Kampung Baru Selangor ini telah disempurnakan pelancarannya oleh Y.A.B. Datao' Menteri Besar Selangor pada 20 Oktober 2010 yang lepas. Melalui portal ini, masyarakat Kampung Baru serta rakyat di Negeri Selangor dapat mengetahui info terkini mengenai latar belakang Kampung Baru, sejarah tertubuhnya kampung tersebut, aktiviti yang berlaku di kampung, berita-berita yang bermanfaat tentang sesuatu kampung itu serta maklumat-maklumat mengenai Pengurus JKJKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung).
- b) Kerajaan Negeri telah bersetuju agar proses penyelenggaraan laman web www.i-kgbaru.com dilaksanakan oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Selangor (ICT) bagi memastikan maklumat yang terdapat di dalam portal tersebut tepat dan sahih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : PUSAT TUISYEN RAKYAT

146. Kerajaan negeri menyediakan peruntukan RM 3.45 juta untuk mengadakan pusat-pusat tuisyen rakyat bagi tahun 2011 untuk golongan berpendapatan kurang RM 1,500.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan bilangan, tempat dan jumlah pelajar yang telah menyertainya?
- b) Setakat ini bagaimanakah keberkesanan hasil program tersebut?
- c) Apakah mekanisme yang digunakan untuk memilih pelajar yang layak menyertainya?

JAWAPAN :

- a) Bermula tahun 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil langkah proaktif dengan meluluskan peruntukan sebanyak RM 3.45 Juta kepada Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor bagi menjalankan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS). Program ini mensasarkan pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan berasal daripada keluarga berpendapatan kurang RM 1500.00. Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dijalankan di seluruh Negeri Selangor mengikut kawasan (56 DUN) dengan setiap kawasan diberi kuota sebanyak 100 tempat sahaja. Bagi meneruskan hasrat murni kerajaan Negeri Selangor untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan pelajar yang lemah, kerajaan Negeri Selangor konsisten memberikan peruntukan yang sama pada tahun 2010 dan 2011 bagi meneruskan program ini.

Pada tahun 2011, permohonan untuk menyertai Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) telah dibuka pada 1 Februari 2011 di seluruh Negeri Selangor. Kelas tuisyen mula diadakan pada 5 Mac 2011. Walaubagaimanapun, masih terdapat sepuluh (10) kawasan (DUN) yang masih belum memulakan kelas tuisyen. Kawasan tersebut adalah, Permatang, Bukit Melawati, Kota Damansara, Kota Anggerik, Pandamaran, Sri Andalas, Kampung Tunku, Bukit Lanjan, Seri Kembangan dan Kajang. Sehingga 18 Mac 2011, seramai 2884 orang pelajar telah berdaftar untuk menyertai Program Tuisyen Rakyat Selangor dengan bilangan lokasi sebanyak 110 buah tempat.

b) Keberkesanan hasil perlaksanaan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dapat dilihat darisegi perkara berikut:

- i) Peningkatan pelajar-pelajar menyertai Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dari tahun 2009 hingga 2010.

Nama Program	Tahun	Jumlah Pelajar
Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)	2009	4333 orang
	2010	4508 orang
	Jumlah keseluruhan	8841 orang

- ii) Keputusan peperiksaan pelajar

Keberkesanan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) turut dilakukan dengan membuat perbandingan keputusan peperiksaan pelajar sebelum dan selepas menyertai Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS). Perbandingan dilakukan dengan melihat keputusan peperiksaan sepertimana berikut:

- i) Keputusan Penilaian menengah Rendah (PMR)
- ii) Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan Empat (4)
- iii) Ujian Prestasi Pelajar – Anjuran PTRS
- iv) Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

- iii) Perubahan sikap pelajar

Pengamatan yang dilakukan oleh Koordinator Pembangunan Modal Insan (KPMI) yang menguruskan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) ada melaporkan mengenai perubahan sikap ditunjukkan oleh pelajar PTRS dari negatif kepada positif.

- c) Pelajar-pelajar adalah dipilih oleh Koordinator Pembangunan Modal Insan (KPMI) yang dilantik mewakili setiap kawasan (DUN). Pelajar-pelajar hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
- 1) Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan menyertai Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) yang diberikan secara percuma.
 - 2) Keutamaan diberikan kepada pemohon yang berasal daripada keluarga berpendapatan sederhana (kurang dari RM 1,500.00).
 - 3) Keutamaan diberikan kepada pemohon yang lemah dalam pelajaran. Ia merujuk kepada keputusan peperiksaan akhir tahun tingkatan empat (4) dan keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pemohon di mana memperolehi gred 'D' / 'C' / 'B' dalam empat (4) matapelajaran teras yang ditawarkan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS). Empat (4) matapelajaran tersebut adalah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.
 - 4) Borang permohonan hendaklah disahkan oleh ketua kampung / JKKK / Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) / Pegawai Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat bagi mengesahkan alamat pemohon.
 - 5) Borang yang telah dilengkapkan perlu dikemukakan kepada Koordinator Pembangunan Modal Insan (KPMI) yang dilantik mewakili setiap kawasan (DUN) atau kepada Pusat Khidmat Masyarakat di kawasan yang berdekatan.
 - 6) Borang permohonan yang lengkap diisi sahaja akan diproses oleh pihak pentadbiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA PENDUDUK RUMAH KOS RENDAH

147. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah bantuan yang telah dihulurkan kepada penduduk-penduduk rumah pangsa kos rendah di Selangor sejak 2008 dan apakah bantuan yang bakal diberi kepada mereka?

JAWAPAN :

- a) Bantuan yang telah dihulur kepada penduduk pangsapuri kos rendah ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu berbentuk fizikal dan bukan fizikal.

Bantuan berbentuk fizikal adalah seperti berikut:-

- i) Program mengecat bangunan pangsapuri kos rendah yang terpilih di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada tahun 2008.
- ii) Membaik pulih bumbung bagi dua blok pangsapuri kos rendah iaitu Pangsapuri Cempaka di Bukit Beruntung pada tahun 2009.
- iii) Bantuan di bawah program Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri untuk membaik pulih 41 buah lif melibatkan tiga pangsapuri kos rendah iaitu Pangsapuri Desa Mentari, Petaling Jaya, Pangsapuri Taman Permai Indah, Klang dan Pangsapuri Taman Ampang Mewah, Ampang pada tahun 2010.
- iv) melancarkan program pemberian air percuma melalui mekanisme kupon bagi fasa pertama yang melibatkan 72 kawasan permajuan pangsapuri kos rendah terdiri daripada 23,665 unit kediaman.

Bantuan di bawah kategori bukan fizikal pula lebih berbentuk mendidik serta memupuk kesedaran di kalangan penduduk pangsapuri kos rendah supaya menjadi masyarakat yang berhemah, bertanggungjawab dan berinformasi yang akan menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian di kalangan masyarakat pangsapuri kos rendah. Antara pendekatan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah:-

- i) Menganjurkan pertandingan Anugerah Komuniti Terbaik Perumahan Bertingkat Negeri Selangor pada tahun 2009 bagi tujuan memberi insentif dan galakan kepada komuniti pangsapuri kos rendah untuk sentiasa memelihara kesejahteraan serta keharmonian penduduk, kebersihan dan pelbagai aspek lain.
- ii) Mengadakan program Kempen Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni pada tahun 2010 bertujuan mendidik komuniti pangsapuri kos rendah dalam menjaga keharmonian di kalangan penduduk serta mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk diduduki.
- iii) Mewujudkan Pusat Sehenti Ilmu Pengetahuan di Pangsapuri Sri Perantau, Pelabuhan Klang dan Pangsapuri Mawar, Bukit Beruntung bagi melahirkan masyarakat yang lebih berilmu dan berdaya saing daripada kalangan komuniti pangsapuri kos rendah.

Untuk tahun 2011, selain meneruskan skim pemberian air percuma, Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu lagi skim bantuan bagi tujuan baikpulih kerosakan harta bersama pangsapuri kos rendah melalui Tabung Pemulihan Rumah Kos Rendah. Walau bagaimanapun, konsep yang akan diguna pakai bagi melaksanakan program baikpulih ini adalah berdasarkan perkongsian kos di mana Kerajaan Negeri dan penduduk melalui saluran pengurusan bangunan (JMB/MC/ejen pengurusan/pemaju) akan bersama-sama menanggung kos baikpulih tersebut. Ini supaya penduduk dipupuk dengan rasa tanggungjawab serta mempunyai rasa kepunyaan (*sense of belonging*) terhadap harta bersama yang dibaik pulih tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: PROJEK TUNNEL CITY

148. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan yang akan di lakukan terhadap kolam takungan (bersebelahan kampung Jaya Sepakat) yang telah dilaksanakan walaupun projek ini sudah pun dibatalkan
- b) Adakah kerajaan bersedia untuk memberikan semula kawasan rayau kepada orang asal yang terlibat.
- c) Apakah perancangan kerajaan bagi menyelesaikan masalah banjir di lembah Kelang.

JAWAPAN:

- a) Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) bercadang untuk menjadikan sebagai kolam takungan sementara waktu sebelum ianya dapat dibangunkan kelak.
- b) Kerajaan Negeri melalui PNSB telah bersetuju untuk memberikan tanah ganti seluas lebih kurang 700 ekar di mana ianya melibatkan 220 keluarga orang asli.
- c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 10 Mac 2010 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PEMBALAKAN

149. Dalam memacu Ekonomi di Negeri Selangor untuk rakyat selain dari Pasir, industri pembalakan juga salah satu hasil komoditi yang terdapat di negeri kita:

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa luaskah hutan yang di tebang untuk kegiatan pembalakan ini?
- b) Nyatakan hasil yang telah dikumpulkan dalam (RM) oleh kerajaan Pakatan Rakyat berbanding dengan Kerajaan BN dahulu?

JAWAPAN:

- a) Dari tahun 2009-2010, keluasan kawasan dibuka untuk pembalakan ialah 574 hektar (1,418 ekar) di mana lebih dari 90% kawasan dibuka terdiri dari kawasan hutan Tanah Miliki manakala bakinya kawasan Hutan Simpanan Kekal dibuka untuk projek pembangunan Lebuhraya dan Talian Tenaga Nasional Berhad.
- b) Hasil pendapatan Kerajaan Negeri Selangor daripada pungutan hasil hutan ialah sebanyak RM30,436,492(purata RM15,218,246) daripada tahun 2008 sehingga 2009 berbanding RM43,634,640 (purata RM14,544,880 setahun) untuk tahun 2005 sehingga 2007.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PENUBUHAN PASUKAN POLIS BANTUAN

150. Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengumumkan penolakan permintaan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan Polis Bantuan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri lanjutan daripada keputusan Kementerian Dalam Negeri?
- b) Apakah langkah-langkah langsung dan tidak langsung yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk membendung kes-kes jenayah?

JAWAPAN :

Tindakan oleh Kerajaan Negeri

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PELANCONGAN

151. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah1 langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam 2011 untuk meningkatkan kemasukan pelancong-pelancong ke Negeri Selangor ?
- b) Berapakah jumlah peruntukan kewangan yang telah diluluskan dalam tahun 2011 oleh Kerajaan Negeri Selangor jika ada untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tempat pelancongan di Negeri Selangor ?
- c) Sila senaraikan jumlah peruntukan tersebut mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor.

JAWAPAN :

- a) Pelbagai langkah telah dirancangkan bagi tujuan mempromosikan Selangor sebagai produk dan destinasi pelancongan dalam peringkat domestik dan antarabangsa khususnya untuk tahun 2011;
 - i) Program promosi peringkat antarabangsa yang telah disertai dan bakal disertai sepanjang 2011

Bil	Program	Destinasi	Tarikh
1.	Asean Travel Fair	Phnom Penh, Cambodia	15 – 21 Jan 2011
2.	Fascinating Malaysia Travel Fair Selangor	Singapore	21 – 23 Jan 2011
3.	Seminar & Travel Mart for Central Region	Singapore	22 Mac 2011
4.	PATA Beijing	China	9 – 12 Apr 2011
5.	ITHF, Jakarta	Indonesia	8 – 10 Apr 2011
6.	Arabian Travel Mart	UAE	2 – 5 Mei 2011
7.	Hong Kong Travel Fair	Hong Kong	9 – 12 Jun 2011
8.	ITE, Vietnam	Vietnam	30 Sept – 2 Okt 2011
9.	Tara Na Sa Malaysia Travel Fair	Filipina	8 – 10 Okt 2011
10.	JATA, Japan	Jepun	29 Sept – 2 Okt 2011

ii) Program promosi peringkat domestik sepanjang 2011

Bil	Program	Tarikh
1.	MASUM 2011	14 – 16 JAN 2011
2.	LE TOUR DE LANGKAWI (SKUAD SELANGOR SHINES)	28 – 29 JAN 2011
3.	SAMBUTAN 3 TAHUN PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR DAN PELANCARAN BUKU JINGGA	5 – 6 MAC 2011
4.	PESTA AIR SELANGOR 2011	19 – 20 MAC 2011
5.	SKUAD SELANGOR SHINES – DI PERINGKAT SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SELANGOR (KESELURUHAN IALAH 90 BUAH SEKOLAH)	Sepanjang 2011 bermula dari 28 Feb 2011
6.	SKUAD SELANGOR SHINES – PROGRAM PROMOSI BERSAMA AEON (PULAU PINANG, JOHOR, MELAKA, CHERAS DAN BUKIT TINGGI, SELANGOR)	Sepanjang 2011 bermula dari 15 Apr 2011
7.	MATTA FAIR (JOHOR, SABAH, SARAWAK, KELANTAN)	Sepanjang 2011
8.	MISI JUALAN DOMESTIK, SARAWAK	5 – 11 Apr 2011

iii) Percetakan bahan risalah dan brosur pelancongan Negeri Selangor adalah seperti berikut;

Bil	Jenis bahan promosi bercetak
1	CD Selangor Breakaway
2	DVD Selangor
3	Peta pelancongan Selangor
4	Risalah Selangor (general)
5	Fail profil syarikat
6	CD MICE
7	Homestay in Selangor
8	Golfing in Selangor
9	Food Directory
10	Selangor Coffee Table

11	Risalah pelancongan setiap daerah
12	Risalah “Shopping & Theme Park”
13	Risalah “Health & Edu”
14	Risalah Kelip-kelip
15	Risalah produk TSSB

iv) Terbitan majalah, akhbar, laman sesawang dan media elektronik

Bil	Jenis bahan promosi bercetak
1	Keluaran khas Selangor Vision
2	Majalah Travel 3 Sixty°
3	Majalah Libur
4	Akhbar Sinar Harian
5	Akhbar Selangor Kini
6	Selangor Times
7	Malaysia Kini
8	Visitor
9	TV Selangor

v) Billboard

Bil	Jenis Billboard	Lokasi
1	Billboard 11" x 41"	a) Kuala Lumpur b) Pulau Pinang c) Langkawi d) Johor e) Melaka f) Kota Kinabalu g) Sarawak
2	Unipole 20' x 80' x 2 sided	Km 5.5 (NB) dari KLIA ke Plaza tol
3	Billboard 15' (H) x 36' (W)	Terminal Building Along Main Driveway, LCCT
4	Mini Billboard 4' (H) x 11' (W)	Satellite Building West Arm, KLIA

5	Billboard 10' x 40'	a) KLIA (selepas Plaza tol) ke Putrajaya Interchange b) Putrajaya Interchange ke KLIA berhampiran R & R Dengkil
6	Mini Unipole	Subang Sky Park

vi) *Familiarization Tour (Fam Tour)*

Bil	Program	Tarikh
1	Fam Tour bagi Agensi Pelancongan Singapura	28 – 31 Jan 2011
2	Selangor Shines Fam Tour 2011	Bulan Jun/ Julai 2011

*** Nota : Pihak Tourism Selangor akan menganjurkan lebih banyak “Fam Tour” bagi agensi pelancongan dalam dan luar Negara.

- b) Bagi tahun 2011 di bawah peruntukan pembangunan produk pelancongan, terdapat peruntukan berjumlah RM 4 juta. Ia meliputi penyelenggaraan, naik taraf dan membaik pulih semua kemudahan dan produk-produk pelancongan di seluruh negeri Selangor. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tertakluk kepada permohonan dan keperluan semasa terutama bagi produk-produk yang mempunyai keperluan mendesak dan projek-projek khas di bawah fokus tiga (3) daerah / PBT tahun 2011 serta projek pemasangan papan tanda pelancongan di seluruh negeri Selangor.
- c) Tiada peruntukan khusus disediakan bagi setiap daerah di negeri Selangor kecuali tiga (3) daerah / PBT fokus tahun 2011 iaitu Kuala Langat, Sabak Bernam dan Hulu Selangor. Lain-lain daerah / PBT perlu mengemukakan permohonan berdasarkan justifikasi projek yang mendesak dan perlu diberikan keutamaan. Namun begitu, bagi projek pemasangan papan tanda pelancongan, ia akan melibatkan semua daerah dan PBT di seluruh negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK: SAMBUTAN ULANG TAHUN KE 3 PEMERINTAHAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

152. Baru-baru ini telah diadakan majlis sambutan ulang tahun ke-3 Pemerintahan Kerajaan Negeri Selangor.

Bertanya kepada YAB Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah Kerajaan Negeri belanjakan untuk menganjurkan program tersebut?

JAWAPAN :

- a) Jumlah perbelanjaan yang telah Kerajaan Negeri belanjakan untuk menganjurkan program Sambutan Tiga Tahun Pentadbiran Negeri Selangor pada 05 dan 06 Mac 2011 ialah sebanyak **RM 323,593.20**. Perbelanjaan tersebut meliputi perkara-perkara berikut:-

BIL.	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Keperluan Logistik dan Persiapan	48,530.00
2.	Keperluan Jamuan	62,400.00
3.	Keperluan Media dan Publisiti	103,935.20
4.	Keperluan Pameran	40,500.00
5.	Keperluan Acara	30,130.00
6.	Sewaan dan Pembersihan Stadium	19,448.00
7.	Lain-Lain Perbelanjaan	18,650.00
	JUMLAH PERBELANJAAN	323,593.20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

153. Di Negeri Selangor masih terdapat banyak projek perumahan terbengkalai yang masih belum dapat dipulihkan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah terkini projek perumahan terbengkalai tersebut?
- b) Berapa banyakkah projek perumahan terbengkalai yang berjaya dipulihkan sejak tahun 2008?
- c) Bagi projek perumahan terbengkalai yang berjaya dipulihkan tersebut, sila nyatakan :-
 - i) Kaedah yang diguna pakai bagi pemulihkannya?
 - ii) Sumber kewangan bagi pemulihannya?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 15 Mac 2011, terdapat sebanyak 134 projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor melibatkan 47,058 pembeli. Pecahan projek terbengkalai mengikut PBT adalah seperti berikut :-

NO	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK KOMERSIAL	PROJEK INDUSTRI	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
1	MPK	23	5	1	-	29	4,134
2	MBPJ	3	4	-	-	7	2,996
3	MBSA	14	1	1	-	16	5,114
4	MPSJ	5	3	-	-	8	7,734
5	MPAJ	10	1	-	-	11	2,949
6	MPKJ	11	-	-	-	11	4,150
7	MPS	9	1	-	2	12	2,310
8	MPSP	8	-	-	-	8	3,641
9	MDKS	8	-	-	2	10	7,011
10	MDHS	5	1	-	6	12	5,955
11	MDKLGT	7	2	-	-	9	1,032
12	MDSB	1	-	-	-	1	32
JUMLAH		104	18	2	10	134	47,068

- b) Dengan mengambil kira bidang kuasa Kerajaan Negeri yang terhad dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, adalah dimaklumkan sehingga kini Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan sebanyak 23 projek yang melibatkan 9,179 unit dari Mac 2008 seperti berikut :-

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1	Cadangan Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Tinggi	Sama Pesona Sdn Bhd	600 unit
2	1 Blok Hotel 18, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang	Transhabour Sdn Bhd	258 unit
3	Membina 28 Unit Rumah Berkembar di atas Lot 1344, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Mukim Klang	URC Housing Sdn Bhd	28 unit
4	Taman Bunga Ros, Mukim Klang, Klang	Tetuan Ram Developer Sdn. Bhd & Tetuan Willow Construction Sdn. Bhd	30 unit
5	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak	Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn Bhd	196 unit
6	Taman Prima Selayang Di atas Lot 8213, 6017 Sebahagian Lot 4487, 5510 & Tanah Kerajaan Mukim Batu, Gombak	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 unit
7	Rumah Teres 2 Tingkat, HS (D) 56918, PT 31343, Gombak	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn Bhd	387 unit
8	Taman Hulu Langat Jaya	Spring Courts Sdn Bhd	36 unit
9	Taman Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Radiant Hart Construction Sdn Bhd	33 unit
10	Taman Yayasan, Mukim Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn Bhd JV Tetuan Yayasan Selangor	77 unit

11	Cadangan Pembinaan Bercampur Pusat Komersial, Seksyen 7, Bandar Shah Alam	Tetuan PCM Bina Sdn Bhd	1,514 unit
12	Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam	Tetuan LBS Bina Group Berhad	30 unit
13	Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam. (Pangsapuri Okid)	SPNB / Unique Creation	580 unit
14	Cadangan membina Rumah / Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen 5, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Green Cresent Sdn. Bhd	512 unit
15	Cadangan Pembinaan Pusat Perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd	1316 unit
16	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9 F, 12, 19 dan 21.	Talam Corporation Bhd	1447 unit
17	Cadangan Rumah Berkembar 21 Unit 2 Tingkat dan 47 Unit rumah Teres 2 ½ Tingkat, Taman Kosas, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat (MPAJ)	Tetuan Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Berhad	203 unit
18	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor	HRK Holdings Sdn. Bhd	128 unit
19	Kompleks Kota Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Windhill Development & Construction Sdn. Bhd	100 unit
20	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Richmall Sdn Bhd	84 unit

21	Putra Intan Kondominium	Pemaju Asal : Lembah Kerjaya (Telah Digulung) Diambil Alih oleh Rimbun Capital Sdn Bhd	300 unit
22	Taman Khalid Al-Walid, Shah Alam	Nuri Konsortium Sdn Bhd Diambil alih oleh SPNB	48 unit
23	Lagoon Perdana, Subang Jaya	Pemaju : Tenaga Gagah S/B Diambil alih oleh IJM Construction	1052 unit
Jumlah Pembeli / Unit		9179 unit	

- c) Untuk makluman, beberapa kaedah telah dilaksanakan bagi tujuan memulihkan projek terbengkalai seperti berikut :-

1) Kos Tambahan (Topup)

Bagi projek yang boleh dipulihkan di mana melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk menilai semula kos pemulihan projek tersebut bagi mendapatkan butiran terperinci kos tambahan yang perlu ditanggung secara bersama oleh pembeli-pembeli. walau bagaimanapun, ia perlu mendapat persetujuan sekurang-kurangnya 85% daripada jumlah pembeli bagi tujuan pemulihan.

2) Lantikan Pemaju Penyelamat

Kerajaan Negeri melalui LPHS juga akan mengadakan perbincangan dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank sekiranya projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. bagi pemaju yang menghadapi masalah kewangan, LPHS akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstruktur semula pembiayaan titian (bridging loan) supaya projek boleh diteruskan. sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju / kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk membuat keputusan. bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah ‘liquidator’ / Pegawai Penerima, perbincangan akan dijalankan bersama ‘liquidator’ / pegawai penerima terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.

3) Perampasan Tanah dan Pengambilan Tanah

Kerajaan Negeri juga sebagai langkah terakhir akan mengambil tindakan perampasan tanah sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah S.100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah S.129 KTN bagi memastikan hak pembeli terhadap harta tanah mereka terjamin. Selain itu, pengambilan tanah juga sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajukan secara tender sebagai contoh projek Bukit Botak dan Alam Perdana.

4) Penubuhan Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)

Jawatankuasa terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi / Liquidator, Jawatankuasa Pembeli / Pemilik Rumahan Bank

Untuk makluman, pembangunan semula projek-projek perumahan terbengkalai merupakan salah satu program di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor yang diumumkan dalam Bajet 2010. Walau bagaimanapun, buat masa ini suntikan dana tidak diperlukan dari Kerajaan Negeri bagi memulihkan projek-projek terbengkalai kerana projek-projek yang dipulihkan adalah bersifat *self financing* (pembentangan sendiri) seperti contoh projek Bukit Botak yang sedang dipulihkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang mana ia melibatkan tindakan pengambilan tanah bagi membolehkan Kerajaan Negeri menyusun semula pembangunan dengan tawaran unit rumah yang lebih menarik dan tinggi nilainya serta membolehkan pembeli bersetuju menambah wang sendiri untuk menanggung defisit tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PERLANTIKAN DATUK BANDAR/YDP UNTUK PBT

154. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Berapakah Datuk Bandar/YDP untuk PBT yang telah ditukar sejak 2008?
 - Apakah proses pelantikan YDP yang baru di PBT?
 - Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan melantik ahli politik menerajui jawatan ini? Sila berikan butir-butir.

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan maklumat sedia ada, ***lima (5) orang Yang Dipertua PBT telah bertukar*** dalam tempoh 2008 hingga Mac 2011 ini. Perincian adalah seperti di jadual berikut:

Bil.	PBT	Butiran
1.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	YBhg Dato' Adnan bin Hj Md Ikshan telah dinaikkan pangkat ke Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar mulai 14 Februari 2011.
2.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	YBhg Dato' Zainal Abidin bin A'ala, Yang Dipertua yang baru dilantik mulai 1 Mac 2011. Penyandang sedia ada telah bersara wajib.
3.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	Encik Mohd Sayuthi bin Bakar, Yang Dipertua mulai 1 Julai 2010. Penyandang sedia ada dinaikkan pangkat ke Kementerian.
4.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	YBhg Dato' Hasan Nawawi bin Abd Rahman, Yang Dipertua sedia ada yang menamatkan tempoh peminjaman pada 15 Februari 2011.
5.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	Encik Zailani bin Kadir, Yang Dipertua mulai 1 Julai 2010.

- b) Pentadbiran Kerajaan Negeri selaku Pihak Berkuasa Melantik mengenal pasti beberapa calon yang berkelayakan dan kompeten untuk mengisi jawatan penting berkenaan. Senarai nama pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri dikemukakan ke Pejabat Menteri Besar dan seterusnya pertimbangan serta persetujuan YAB Dato' Menteri Besar akan dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) bagi urusan penempatan selanjutnya.

Dalam konteks prosedur urusan pelantikan Datuk Bandar / Yang Dipertua PBT, penempatan pegawai dilaksanakan berdasarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008** iaitu '**Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap**'. 'Peminjaman' merupakan kaedah pelantikan pegawai yang sedang berkhidmat dan boleh digunakan oleh sesebuah Jabatan / Agensi untuk mendapatkan perkhidmatan pegawai yang berpengalaman, berkemahiran, berwibawa dan bersesuaian dengan keperluan Jabatan / Agensi berkenaan. Bagi memastikan pemilihan calon pegawai kanan ini dijalankan dengan lebih lancar dan telus, Pentadbiran Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan **Panel Jawatankuasa Khas Pemilihan Ketua Jabatan** terutamanya jawatan Datuk Bandar / Yang Dipertua. Panel Jawatankuasa Khas ini dianggotai oleh:

- i) YBhg Dato' Dr Teng Chang Khim
Speaker Dewan Negeri Selangor
- ii) YBhg Dato' Dr Hasan bin Mohd Ali
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Selangor
- iii) YB Tuan Dr Xavier Jayakumar
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin Negeri Selangor

Panel Jawatankuasa Khas ini berperanan menemubual calon-calon pegawai yang dikenal pasti dan seterusnya mengesyorkan pilihan calon yang disenarai pendek kepada YAB Dato' Menteri Besar bagi pertimbangan serta persetujuan lanjut. Di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan calon yang berkelayakan dan mengesyorkan perihal ini kepada JPA untuk urusan penempatan.

- c) Buat masa ini, Pentadbiran Kerajaan Negeri masih belum bercadang untuk melantik ahli politik menerajui mana-mana PBT Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : MERAKYATKAN EKONOMI

155. Bertanya Kepada Menteri Besar:
- Sehingga 31 Disember 2010 berapa banyak kos yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk program merakyatkan ekonomi ?
 - Dapatkan perbelanjaan itu dipecahkan mengikut program MES ?
 - Berapa ramai rakyat Selangor yang telah menikmati program-program dalam Mes, sila pecahkan mengikut program ?

JAWAPAN :

- Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak **RM263,486,729.96** telah dibelanjakan oleh kerajaan Negeri iaitu sebanyak **RM128,937,866.06 bagi Tahun 2009** dan **RM134,548,863.90 bagi Tahun 2010**. Perbelanjaan tersebut merangkumi Program Bekalan Air Percuma, Hadiah Anak Masuk Universiti, Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) dan Tabung Anak-anak Pekerja Ladang.
- Perincian bagi perbelanjaan di bawah program MES sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti di **Jadual 1**.
- Seramai **2,384,924** orang rakyat Selangor telah menikmati hasil dari program-program MES yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Pecahan-pecahan tersebut adalah seperti berikut:
 - Program Bekalan Air Percuma 20m³ seramai **2,335,161 pengguna**;
 - Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) seramai **17,820 orang**; dan
 - Program di bawah Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) seramai **31,943 orang**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(DUN TERATAI)**

TAJUK : ISU PERJAWATAN DI MPAJ

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Dalam apakah keadaan seorang pegawai boleh memegang 2 jabatan selama 2 tahun?
 - Selepas ADN Teratai membangkitkan masalah perjawatan di MPAJ pada sidang dewan tahun lepas bulan November, apakah tindakan yang pernah diambil. Sila lampirkan laporan siasatan.

JAWAPAN :

- Merujuk kepada soalan yang dibangkitkan, dapat dirungkai kepada dua perkara yang berbangkit iaitu pematuhan bagi Peraturan Penanggungan Kerja Perkhidmatan Awam dan Pengisian Jawatan Kenaikan Pangkat.

Pengisian Jawatan Kenaikan Pangkat

Untuk makluman YB Teratai, terdapat 2 kekosongan bagi jawatan ketua jabatan di MPAJ iaitu Pengarah bagi Jabatan Perancangan Korporat dan Jabatan Perkhidmatan Bandar & Kesihatan. Ini merupakan kekosongan bagi jawatan kenaikan pangkat di mana skim perkhidmatan telah menetapkan bagi sebarang pengisian adalah melalui kenaikan pangkat sebagai kesinambungan karier anggota organisasi tersebut.

Setiap calon yang dipertimbangkan perlu memenuhi setiap peraturan kenaikan pangkat yang ditetapkan Perintah Am Kerajaan dan pekeliling-pekeliling Perkhidmatan Awam. Antara syarat yang ditetapkan ialah :-

- 1) Telah disahkan dalam perkhidmatan
- 2) Tempoh perkhidmatan pegawai yang dipertimbangkan
- 3) Telah menduduki dan lulus peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan Kerajaan.
- 4) Bebas dari sebarang tindakan tatatertib/ salah laku
- 5) Berprestasi tinggi dan baik

Dalam konteks MPAJ, setakat ini masih belum ada pegawai di MPAJ yang telah memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat tersebut bagi mengisi kekosongan kedua-dua jawatan tersebut iaitu Gred 52 Pengarah Jabatan Perancangan Korporat dan Gred 48 bagi pengarah Jabatan Perkhidmatan Bandar & Kesihatan.

Peraturan Penanggungan Kerja Perkhidmatan Awam

Sehubungan dengan itu, MPAJ telah mengguna pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil 17 Tahun 2007 Peraturan Penanggungan Kerja Perkhidmatan Awam.

Para 5.1 yang menyatakan :-

Penanggungan Kerja boleh dilaksanakan :-

- 5.1.1 terdapat kekosongan jawatan secara hakiki atau operasi dan
- 5.1.2 tugas jawatan yang kosong itu mustahak dilaksanakan secara berterusan supaya fungsi organisasi tidak terjejas.

Dalam aspek ini, MPAJ perlu memastikan kesinambungan fungsi organisasi tidak terjejas kerana kedua-dua kekosongan jabatan itu adalah amat mustahak dan perlu diperakukan pegawai yang LAYAK menanggung kerja sehingga kekosongan tersebut diisi.

Para 6 Bagi kelayakan pegawai yang layak menanggung kerja adalah :-

- 6.1 Pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan
- 6.2 sekiranya tiada pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun boleh diperakukan.
- 6.3 Keutamaan untuk penanggungan kerja hendaklah diberi kepada pegawai yang paling layak dari segi pengalaman, kelayakan, kemahiran, kepakaran dan berprestasi baik.

MPAJ juga telah mengadakan perbincangan dan menghantar permohonan bagi penstrukturran semula perjawatan MPAJ bersama Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam pada 24 Ogos 2010 dan pada 11 March 2011, MPAJ telah menerima sebanyak 10 waran perjawatan baru yang melibatkan penstrukturran semula jabatan-jabatan dalaman MPAJ. Proses kenaikan pangkat dan penyusunan semula jabatan akan dilaksanakan segera bagi mengurangkan tugas pegawai-pegawai yang diarah menanggung kerja serta memperkuuhkan penstrukturran organisasi.

- b) Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan, berhubung pengurusan perjawatan di MPAJ, ianya terbahagi kepada beberapa isu iaitu pengisian jawatan, kenaikan pangkat dan tanggung kerja beberapa jawatan kenaikan pangkat.

Pengisian jawatan kenaikan pangkat

Untuk makluman YB Teratai, terdapat 2 kekosongan bagi jawatan ketua jabatan di MPAJ iaitu Pengarah bagi Jabatan Perancangan Korporat dan Pengarah bagi Jabatan Perkhidmatan Bandar & Kesihatan. Ini merupakan kekosongan bagi jawatan kenaikan pangkat dimana skim perkhidmatan telah menetapkan bagi sebarang pengisian adalah melalui kenaikan pangkat sebagai kesinambungan karier anggota organisasi tersebut.

Setiap calon yang dipertimbangkan perlu memenuhi setiap peraturan kenaikan pangkat yang ditetapkan Perintah Am Kerajaan dan pekeliling-pekeliling Perkhidmatan Awam. Antara syarat yang ditetapkan ialah :-

- 1) Telah disahkan dalam perkhidmatan
- 2) Tempoh perkhidmatan pegawai yang dipertimbangkan
- 3) Telah menduduki dan lulus peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan Kerajaan.
- 4) Bebas dari sebarang tindakan tatatertib/ salah laku
- 5) Berprestasi tinggi dan baik

Dalam konteks MPAJ, setakat ini masih belum ada pegawai di MPAJ yang telah memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat tersebut bagi mengisi kekosongan kedua-dua jawatan tersebut iaitu Gred 52 Pengarah Jabatan Perancangan Korporat dan Gred 48 bagi pengarah Jabatan Perkhidmatan Bandar & Kesihatan.

Bagi memenuhi tuntutan kerja dan memastikan kesinambungan operasi organisasi MPAJ telah memperakarkan dua pegawai yang berkelayakan dari segi pengalaman, kelayakan, kemahiran, kepakaran dan prestasi semasa yang baik bagi menanggung tugas untuk kedua-dua jawatan tersebut sehingga kekosongan itu di isi selaras dengan pekeliling perkhidmatan Peraturan Penanggungan Kerja Perkhidmatan Awam Bil 17 tahun 2007.

Penempatan Kakitangan

Penempatan kakitangan di MPAJ adalah berdasarkan kepada faktor keperluan, kesesuaian, prestasi kerja dan kebertanggungjawaban seseorang kakitangan. Selain itu MPAJ juga melaksanakan penggiliran tugas(job rotation) untuk memberikan pendedahan, meningkatkan pengetahuan dan menambah pengalaman.

Sebagai contoh, Pegawai Perkhidmatan Bandar N41 telah ditempatkan di Jabatan Belia dan Masyarakat dengan skim yang perkhidmatan sama. Tambahan pula kakitangan tersebut merupakan pegawai lantikan tetap baru yang belum disahkan dalam perkhidmatan.

Berkaitan penempatan Arkitek Lanskap, beliau adalah ketua bahagian dan melaksanakan kerja-kerja landskap Bahagian Lanskap adalah salah satu bahagian di dalam Jabatan Belia dan Masyarakat.

Berkenaan Bahagian Sumber Manusia dan Bahagian Pentadbiran Am yang di tanggung oleh pegawai bergred N 41. Kedua-dua bahagian ini adalah di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan yang di kawal selia sepenuhnya oleh Timbalan Yang Dipertua/ Setiausaha selaku ketua jabatan

a) Cuti Tanpa Gaji

Jawatan yang ditinggalkan kosong kerana cuti belajar atau cuti tanpa gaji seperti Ketua Jabatan Bangunan dan Senibina dari perkhidmatan Arkitek, jawatan tersebut tidak boleh diisi secara hakiki sebaliknya secara tanggungan kerja oleh anggota yang berkelayakan. Pada masa ini, adalah benar jawatan Ketua Jabatan tersebut ditanggung kerja oleh penjawat gred 41 kerana tidak ada jawatan gred 44. Perkara ini telah selesai apabila penyandang hakiki jawatan tersebut telah kembali bertugas pada 16 Mac 2011 setelah habis cuti tanpa gaji kerana mengikuti keluarga belajar di luar Negara

b) Skim Perkhidmatan

Semakan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, isu lantikan Pegawai Penguatkuasa dan Pegawai Pelesenan yang mempunyai kelulusan undang-undang, pelantikan tersebut adalah sah dan ianya adalah tertakluk di bawah skim perkhidmatan Pegawai Tadbir yang boleh di isi oleh calon-calon yang mempunyai kelayakan ijazah kepujian yang diiktiraf setaraf dengannya (multi discipline).

c) Pegawai Pinjaman

Sebelum ini, Jurutera J 48 yang di pinjam dari MPS telah ditugaskan untuk menyelia unit cerun di bawah Jabatan Kejuruteraan MPAJ. Pengkhususan kepada pemantauan cerun-cerun di dalam kawasan MPAJ amnya dan di Bukit Antarabangsa khasnya. Tugasan tersebut memerlukan pemantauan yang rapi dan mempunyai pengalaman yang luas dan kelayakan profesional bagi memantau projek yang bernilai RM 70 juta dan telah siap projek pada September 2010. Pada 15 Disember 2010 pegawai ini telah dipinjamkan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di bawah seliaan Jabatan perancang Bandar & Desa Selangor sehingga November 2012 sebelum di pulangkan kepada Majlis Perbandaran Selayang (parent service)

d) Kesaksamaan Gender

Berkaitan perkara ketidakadilan gender di dalam kenaikan pangkat bagi pegawai wanita. Pegawai Sistem Maklumat, Pegawai Tadbir dan Pegawai Perhubungan Awam telah diluluskan kenaikan pangkat ke jawatan Gred F44, N44 dan S 44 pada 15 Disember 2010 dalam Mesyuarat Perjawatan & Pembangunan Modal Insan Bil 7/2010 setelah calon-calon mematuhi syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : AHLI MAJLIS

157. Ahli Majlis diberi tempoh tertentu untuk menduduki sesuatu jawatankuasa di setiap PBT
Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah tempoh yang biasa untuk jawatankuasa tender, sebut harga dan OSC ?
- b) Kenapakah di sesetengah PBT contohnya di MPSJ ia tidak ditukar secara bergilir-gilir bagi memastikan ketelusan diamalkan ?
- c) Apakah pekeliling seperti itu ada dikeluarkan dan kenapa ia tidak dipatuhi ?

JAWAPAN :

- a) Sepertimana yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor, tempoh biasa bagi seseorang Ahli Majlis yang akan menjadi Ahli Jawatankuasa Tender dan Ahli Jawatankuasa Sebut harga adalah selama 6 bulan yang dikenali sebagai sistem penggiliran. Bagi Jawatankuasa OSC pula, tempoh pelantikannya adalah sepanjang tempoh perkhidmatan seseorang Ahli Majlis di mana pelantikannya dibuat adalah berdasarkan kepada kelayakan, pengalaman dan juga latar belakang.
- b) Bagi Jawatankuasa Tender dan Jawatankuasa Sebut harga, sistem penggiliran dan pemilihan yang diguna pakai akan ditentukan oleh setiap Ketua Parti yang dilantik oleh Ahli Majlis masing-masing agar penggiliran yang dibuat adalah adil dan saksama. Memandangkan arahan ini telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, setiap Ketua Parti perlu bertanggungjawab di atas jadual penggiliran agar tiada isu ditimbulkan.
- c) Pekeliling bagi keanggotaan Jawatankuasa Tender / Jawatankuasa Sebut harga telahpun dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor (Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 6 Tahun 2009) bertarikh 9 Julai 2009 dan semua Pihak Berkuasa Tempatan telah pun menggunakan pakai dan mematuhi arahan Pekeliling tersebut. Walaubagaimanapun, cadangan pelantikan adalah bergantung kepada keputusan setiap Ketua Parti sebagaimana yang telah diterangkan bagi jawapan a dan b.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : LAPORAN AUDIT YAYASAN SELANGOR

158. Yayasan Selangor yang menghadapi masalah dan dakwaan penyelewengan melalui proses audit dan laporannya dikatakan telah siap.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kedudukan laporan audit tersebut?
- b) Bilakah laporan tersebut akan didedahkan kepada rakyat Selangor?
- c) Adakah kerajaan negeri bersedia mengambil tindakan kepada mereka yang bertanggungjawab jika wujud bukti penyelewengan?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : KONTRAKTOR ALAM FLORA

159. Didapati pelantikan kontraktor untuk kerja-kerja di bawah Alam Flora telah tertangguh..

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Kenapakah perkara penangguhan ini berlaku?
- b) Adakah penangguhan ini menjelaskan kualiti perkhidmatan pengurusan sampah di PBT-PBT?

JAWAPAN :

- a) Masalah berhubung pelantikan kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pengutipan sisa pepejal adalah di bawah tanggungjawab pengurusan pihak Alam Flora. Ini kerana pelantikan kontraktor hanya dilakukan oleh pihak Alam Flora tanpa melibatkan pihak PBT. Walaubagaimanapun, pelantikan kontraktor masih dijalankan tanpa sebarang penangguhan yang berlaku.
- b) Masalah penangguhan terhadap pelantikan kontraktor yang kurang cekap boleh menjelaskan kualiti perkhidmatan pengurusan sampah di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini kerana setiap PBT akan menerima pelbagai aduan berhubung dengan aktiviti pungutan sampah di kawasan mereka. Hal yang demikian akan mendatangkan kesan yang buruk kepada imej dan pengurusan di pentadbiran tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B HJ SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : SKIM KREDIT MIKRO

160. Kerajaan negeri telah memperkenalkan Skim Kredit Mikro (SKIMSEL) dan Skim Kredit Mikro Miskin Bandar (MIMBAR Selangor).

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status semasa skim-skim tersebut?
- b) Berapakah bilangan penerima setakat ini mengikut daerah dan bagaimakah profil mereka?
- c) Adakah skim ini berhadapan dengan masalah pembayaran balik?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini SKIMSEL telah beroperasi selama 6 bulan dan perjalanan operasi adalah lancar.
- b) Semua peserta SKIMSEL adalah di kalangan wanita yang menjadi wakil isirumah miskin dan berpendapatan rendah di Selangor. Peserta yang layak menyertai SKIMSEL adalah mereka yang berpendapatan RM1500 sebulan atau perkapita RM350. Jadual di bawah menunjukkan pencapaian operasi SKIMSEL bagi soalan b dan c.

Bil.	Cawangan SKIMSEL	Peserta (Sadiq)	Jumlah Pembiayaan	Peratus Bayar Balik
1.	Sabak Bernam	510	1,469,000	100
2.	Kuala Selangor	240	516,500	100
3.	Hulu Selangor	210	484,000	100
4.	Hulu Langat	120	256,000	100
5.	Kuala Langat	135	204,000	100
6.	Sepang	50	115,000	100
	Jumlah	1265	3,044,500	100

* Data sehingga 4hb Mac 2011

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO` ABDUL RAHMAN BIN PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK: PELAJAR DI MESIR

161. Krisis politik di Mesir menyaksikan tindakan pantas Kerajaan Persekutuan membawa balik rakyat khasnya pelajar Malaysia.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- Berapa orang pelajar dari Selangor yang sedang menuntut di negara berkenaan?
- Apakah kerajaan negeri membiayai kos menghantar mereka pulang dan berapakah nilainya?
- Adakah kerajaan negeri bercadang menghantar pelajar ke negara-negara lain?

JAWAPAN :

- Jumlah pelajar Selangor yang menuntut di Mesir adalah seperti berikut:

Bil	Tajaan	Jumlah pelajar
1.	Lembaga Zakat Selangor	660
2.	Persendirian, Mara, JPA,	977
Jumlah keseluruhan : 1637		

Jumlah Pelajar mengikut kursus yang diikuti :

Bil	Bidang pengajian	Jumlah pelajar
1.	Pengajian Islam	729
2.	Perubatan dan Pergigian	908

- Kerajaan Negeri telah membiayai kos menghantar para pelajar Mesir kembali ke Mesir untuk menyambung pengajian mereka melalui OPS Ehsan secara berperingkat, bermula pada 14 sehingga 18hb Mac 2011 yang lalu.

Kos keseluruhan penghantaran ini adalah sebanyak **RM 2.6 juta**, tidak termasuk jumlah tuntutan tiket balik oleh ibu bapa yang telah membeli lebih awal sebelum OPS Ehsan dilancarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : ALAM FLORA

162. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapa Kerajaan Negeri tidak mengambil tindakan yang lebih tegas ke atas Alam Flora yang gagal menjalankan kerja dengan baik?

JAWAPAN :

- a) Dari sudut pandangan, Kerajaan Negeri tidak boleh mengambil sebarang tindakan disebabkan oleh perjanjian interim yang telah ditandatangani antara PBT dan Syarikat Konsesi Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB). Selain daripada itu, Kerajaan Negeri hanya berkuasa dalam melakukan aktiviti pemantauan prestasi dan berunding dengan Kerajaan Persekutuan mengenai pelantikan syarikat konsesi sahaja. Namun begitu, pihak PBT juga turut mempunyai pasukan pemantau yang akan menjalankan aktiviti pemantauan terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor AFSB berkenaan. Pihak PBT juga mempunyai kuasa bagi mengeluarkan 'Notice To Correct' (NTC) dan boleh melakukan memotong bayaran jika sekiranya kontraktor AFSB yang tidak melaksanakan kerja mengikut jadual dan spesifikasi kerja yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : TABUNG ANAK WARISAN SELANGOR (TAWAS)

163. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:
- Senaraikan jumlah bayi sasaran dan juga jumlah bayi yang berjaya didaftarkan di bawah Tabung Anak Warisan Selangor daripada tahun 2008-2010 ?
 - Senaraikan jumlah peruntukan kerajaan negeri yang digunakan untuk skim TAWAS daripada tahun 2008-2010.
 - Senaraikan aktiviti yang telah dan akan dijalankan untuk bayi yang berjaya didaftarkan daripada tahun 2008-2010 mengikut pecahan daerah.

JAWAPAN :

- Jumlah sasaran bayi berdaftar sehingga 2010 ialah 35,000 orang.
Jumlah bayi berdaftar sehingga 2010 ialah 37,314 orang.
Sehingga 18hb Mac 2011 jumlah bayi berdaftar adalah **42,617 orang.*
- Jumlah peruntukan yang telah digunakan:

TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR	PERUNTUKAN (RM)	TAHUN 2009		TAHUN 2010	
		PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)
Tabungan	8,500,000.00	1,029,700.00	7,470,300.00	1,179,700.00	6,290,600.00
Operasi	5,000,000.00	1,551,426.19	3,448,573.81	1,633,856.62	1,814,717.19
JUMLAH	13,500,000.00	2,581,126.19	10,918,873.81	2,813,556.62	8,105,317.19

- c) Berikut adalah jumlah aktiviti mengikut pecahan daerah yang telah dijalankan untuk tahun 2009 & 2010 (tiada rekod untuk aktiviti tahun 2008):

BIL.	DAERAH	JUMLAH AKTIVITI	
		TAHUN 2009	TAHUN 2010
1	Sabak Bernam	0	12
2	Hulu Selangor	2	13
3	Gombak	6	14
4	Hulu Langat	11	22
5	Petaling	52	54
6	Klang	13	18
7	Sepang	3	4
8	Kuala Langat	6	3
9	Kuala Selangor	7	23
JUMLAH		100	163

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK : ISU BERKAITAN PENGANGKUTAN AWAM

164. Bertanya kepada YAB Menteri Besar
- Adakah Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Ahli Parlimen dan ADUN dilibatkan dalam memberikan maklum balas tentang projek MRT kerajaan pusat?
 - Apakah peranan yang boleh dimainkan Kerajaan Negeri dalam mengatasi kesesakan lalu lintas dan kepadatan pembangunan khususnya di Petaling Jaya memandangkan agensi seperti LLM, SPAD, Rapid KL berada di bawah Kerajaan Pusat?

JAWAPAN :

- Pihak Kerajaan Negeri telah mencadangkan agar diadakan sesi rundingan awam bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Ahli Parlimen dan ADUN terhadap pembinaan projek MRT berkenaan. Sesi rundingan ini akan melibatkan semua pihak dan mereka akan diberi taklimat dan seterusnya sesi dialog atau *town hall* akan dianjurkan supaya semua pihak dapat memberikan pandangan dan maklum balas terhadap projek MRT ini. Selain dengan mengadakan sesi rundingan awam, sesi hebatan awam juga akan diadakan oleh SPAD di setiap PBT-PBT yang terlibat agar semua pihak dapat memberikan maklum balas.
- Walaupun LLM, SPAD dan Rapid KL terletak di bawah pemerintahan pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri akan mengadakan sesi perbincangan bersama dengan pihak JKR, LLM, SPAD dan SPNB bagi memastikan sistem pengangkutan awam dapat dikoordinasikan dengan baik bagi mengatasi kesesakan lalu lintas dan kepadatan pembangunan yang semakin meningkat. Walaupun ia merupakan agensi atau jabatan yang terletak di bawah pemerintahan Kerajaan Persekutuan tetapi kerjasama yang dijalankan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan adalah amat baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SIC SDN BHD

165. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 berkenaan PKNS di muka surat 136:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sebab-sebab secara keseluruhannya prestasi kewangan SIC tidak memuaskan?
- b) Apakah punca-punca yang menjadikan pengurusan syarikat tidak selaras dengan Tadbir Urus Korporat (semakan 2007)?
- c) Bagaimana boleh terjadi Lembaga Pengarah menerima elauan dan gaji yang tidak diluluskan?

JAWAPAN :

- a) Prestasi kewangan SIC seperti berikut :-
 - Jumlah pendapatan aktiviti Syarikat menurun dari RM192.66 juta pada tahun 2007 kepada RM125.01 juta tahun 2008 dan seterusnya RM83.57 juta pada tahun 2009.
 - Secara keseluruhannya, prestasi pendapatan SIC menguncup berikutan penurunan aktiviti pembangunan dan pembinaan. dari tahun 2007 hingga 2009.
 - Di samping itu juga, selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 26 Tahun 1986. Anak-anak Syarikat PKNS telah tidak dibenarkan terlibat dengan tawaran tender yang dikeluarkan oleh PKNS. Ini secara langsung menjelaskan prestasi pendapatan SIC.
- b) Amalan terbaik Tadbir Urus Korporat, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (semakan 2007) menetapkan bagi mewujudkan Lembaga Pengarah yang berkesan untuk mengurus Syarikat dengan cekap dan telus maka 33% (1/3) keanggotaan Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada Pengarah bukan Eksekutif yang bebas, berwibawa, berkaliber dan berpengalaman.

Sehubungan dengan itu PKNS akan melantik Pengarah bebas bagi setiap syarikat anak PKNS termasuk SIC.

- c) Manfaat seorang Lembaga Pengarah yang menerima elauan dan gaji bagi tempoh audit 2007 – 2009 adalah amalan pengurusan terdahulu yang diteruskan yang diketahui dan dipersetujui perlaksanaannya oleh Pengerusi Syarikat ketika itu. Namun begitu amalan ini telah diberhentikan sejak Mac 2009.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PROJEK *HOMESTAY* DI HULU LANGAT

166. Kerajaan Negeri telah memberikan peruntukan untuk menjalankan kegiatan ‘*homestay*’ di Hulu Langat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato’ Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang sediakan?
- b) Apakah perkembangan terkini projek ‘*homestay*’ berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan yang disediakan bagi pembangunan homestay di Hulu Langat adalah sebanyak RM200,000.00
- b) Sebanyak 12 buah rumah telah dikenal pasti layak menjadi peserta homestay ini. Homestay ini akan dikenali sebagai Orchid Homestay dan dijangka akan dirasmikan pada April 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : PENGGUNAAN WANG MBI

167. Terdapat dakwaan bahawa wang Menteri Besar Diperbadankan [MBI] digunakan untuk membiayai kos penginapan hotel perwakilan bagi kongres Parti Keadilan Rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah jawapan kerajaan Negeri terhadap dakwaan ini?
- b) Jika benar berlaku penyelewengan, siapakah yang bertanggungjawab?

JAWAPAN :

- a) Pegawai dan Kakitangan MBI telah memberi penjelasan yang terperinci kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada 2 Mac sehingga 9 Mac 2011. Dakwaan tersebut adalah tidak tepat dan tidak benar.
- b) Tiada sebarang penyelewengan yang berlaku dan tiada sesiapa yang perlu bertanggungjawab.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : HOTEL BAJET

168. Didapati banyak wujud hotel-hotel bajet baru seperti di Seksyen 7, Shah Alam dan di beberapa kawasan di Klang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah rasional kewujudan banyak hotel-hotel bajet ini?
- b) Nyatakan bilangan premis hotel bajet dan jumlah permit yang diluluskan mengikut PBT di seluruh Selangor?
- c) Mengapa hotel-hotel bajet ini menawarkan kadar sewa mengikut jam serendah RM 9.90?

JAWAPAN:

- a) Hotel-hotel bajet mempunyai permintaan yang tinggi khususnya di kawasan tumpuan pusat pengajian awam dan swasta. ini kerana hotel-hotel bajet ini menjadi tumpuan para ibu bapa yang datang bagi menghantar anak-anak mereka pada hari pendaftaran., sesi kemasukan semester baru serta hari konvokesyen. Hotel bajet bukan sahaja menampung keperluan bermusim tetapi juga menampung keperluan orang ramai yang mempunyai urusan perniagaan dan perindustrian di kawasan berhampiran. tambahan pula, hotel bajet menawarkan kemudahan dengan kadar yang lebih murah dan ekonomik di mana sesuai bagi pengunjung yang tidak merancang untuk tinggal dalam tempoh yang lama.
- b) Bilangan premis hotel bajet dan jumlah permit yang diluluskan oleh PBT di Selangor adalah :-

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN PREMIS HOTEL BAJET	BILANGAN PERMIT YANG DILULUSKAN
Majlis Bandaraya Shah Alam	19	11
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	28	14
Majlis Perbandaran Klang	40	40
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	12	12
Majlis Perbandaran Subang Jaya	-	-
Majlis Perbandaran Selayang	17	17

Majlis Perbandaran Kajang	30	30
Majlis Perbandaran Sepang	5	5
Majlis Daerah Hulu Selangor	Tidak memberi maklumbalas	
Majlis Daerah Kuala Langat	9	9
Majlis Daerah Kuala Selangor	3	3
Majlis Daerah Sabak Bernam	13	13

- c) Hotel bajet menawarkan kadar sewa mengikut jam bagi menampung keperluan pelanggan yang biasanya mempunyai urusan harian dan tidak berniat untuk bermalam di situ. tujuan penginapan adalah bagi merehatkan dan menyegarkan badan contohnya untuk mandi dan berehat dari perjalanan yang jauh sebelum memulakan urusan lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PUSAT RAWAT DAN REHAT (R&R)

169. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini cadangan pihak Kerajaan Negeri untuk membina sebuah kawasan Rawat dan Rehat (R&R) di Jalan Persekutuan 5 peringkat daerah Sabak Bernam ?
- b) Sila nyatakan berapakah keluasan tanah dan anggaran kos untuk pembinaan R&R tersebut ?
- c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan proaktif yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan cadangan pembinaan projek tersebut ?

JAWAPAN:

- a) JKR tiada perancangan untuk menyediakan kemudahan R & R di kawasan ini.
- b) Tidak berkaitan
- c) Tidak berkaitan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK: TEATER DIRAJA SHAH ALAM

170. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- Apakah status pembinaan & persiapan Teater Diraja di Shah alam?
 - Berapakah kes binaan teater tersebut sehingga penyerahannya kepada kerajaan?
 - Apakah rancangan kerajaan dalam penyelenggaraan teater tersebut dan berapakah kos pengurusan & penyelenggaraan tahunan?

JAWAPAN :

- Bangunan teater ini telah siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2008
- Kos pembinaan Teater tersebut ialah 43.84 juta.
- Kos penyelenggaraan dan pengurusan tahunan sebenar bangunan ini hanya boleh dikenal pasti setelah operasi bangunan tersebut dijalankan oleh pihak "*End-User*".

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : JUMLAH KADAR JENAYAH DI SELANGOR

171. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Berapakah jumlah kes-kes ragut dan rogol mengikut daerah bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 di Negeri Selangor ?
 - Sila berikan senarai kes-kes tersebut mengikut peratus bagi setiap bangsa Melayu, Cina dan India.
 - Apakah langkah-langkah yang telah dan akan di ambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah rogol dan ragut ini ?

JAWAPAN :

a)

KES RAGUT

DAERAH	TAHUN 2008	TAHUN 2009	TAHUN 2010
P/JAYA	281	199	135
S/JAYA	338	412	196
SERDANG	-	-	63
KLANG	176	289	116
KLANG UTARA	-	-	9
GOMBAK	150	13	9
KAJANG	56	85	21
AMPANG	554	619	424
SHAH ALAM	138	251	102
K/LANGAT	67	51	25

K/SELANGOR	31	48	23
H/SELANGOR	14	27	10
S/BERNAM	18	22	42
SEPANG	17	14	14
JUMLAH	1840	2030	1189

KES ROGOL

DAERAH	2008	2009	2010	JUMLAH
P/JAYA	69	60	79	208
S/JAYA	55	103	80	238
KLANG	104	84	78	266
S/ALAM	67	41	34	142
KAJANG	92	88	74	254
GOMBAK	74	52	58	184
AMPANG	73	81	75	229
K/LANGAT	33	38	33	107
K/S'GOR	25	41	36	102
H/S'GOR	26	47	35	105
S/BERNAM	22	19	26	67
SEPANG	17	14	24	55
KLANG UTARA	0	0	18	18
SERDANG	0	0	8	8
JUMLAH	657	668	658	1983

c) **KES RAGUT**

PECAHAN MANGSA (BANGSA)	TAHUN 2008	TAHUN 2009	TAHUN 2010
MELAYU	625 (33.96%)	697(34.33%)	519(43.65%)
CINA	495(26.90%)	472(23.25%)	259(21.78%)
INDIA	570(30.97%)	645(31.77%)	320(26.91%)
LLBANGSA	150(8.15%)	216(10.64%)	91(7.65%)
JUMLAH	1840	2030	1189

KES ROGOL

TAHUN	JUMLAH KES	BANGSA			
		MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN BANGSA
2008	657	513	31	78	35
%		78.08%	4.71%	11.87%	5.32%
2009	668	492	36	79	61
%		73.65%	5.38%	11.82%	9.13%
2010	658	565	28	38	27
%		85.86%	4.25%	5.77%	4.10%
JUMLAH	1983	1570	95	195	123

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PELAKSANAAN GAJI MINIMA

172. Kerajaan Pusat dan Kementerian Sumber Manusia telah bergerak ke hadapan dengan serius untuk melaksanakan gaji minima untuk pekerja . Pihak Kerajaan Negeri masih berlengah dan gagal menyediakan suatu mekanisme ke arah mengimplementasikannya di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status cadangan Kerajaan Negeri untuk mengimplementasikan gaji minima ini di semua anak-anak syarikat Kerajaan Negeri (GLC)

JAWAPAN :

- a) Buat ketika ini tiada sebarang cadangan yang dibuat oleh MBI untuk mengimplementasikan gaji minimum ini di semua anak-anak syarikat yang dipantau oleh MBI

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : MASJID PEKAN DENGKIL

173. Kerajaan persekutuan telah meluluskan peruntukan 3 juta sejak 2009 dan kerajaan negeri 2 juta bagi pembinaan masjid di Pekan Dengkil.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah projek tersebut akan dimulakan?
- b) Adakah akan dibina di tapak sedia ada atau tapak yang baru?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan perancangan awal, projek tersebut sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2010. Namun, penyelesaian masalah tapak di tapak asal masjid sedia ada masih lagi tidak dapat di selesaikan.
- b) Pembinaan tapak tersebut masih belum lagi diputuskan walaupun perancangan awal daripada pihak Kerajaan Persekutuan ingin melaksanakan projek tersebut di tapak lama iaitu tapak masjid sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : DATUK BANDAR, YAND DIPERTUA & PEGAWAI-PEGAWAI DAERAH.

174. Bertanya Kepada Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar:
- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mengamalkan sistem "KPI" bagi kesemua Datuk Bandar, Yang DiPertua Majlis dan Pegawai-Pegawai Daerah?
 - b) Adakah Rakyat Negeri Selangor berpuas hati dengan kerja-kerja serta tindakan-tindakan kesemua Datuk Bandar, Yang DiPertua Majlis dan Pegawai-Pegawai Daerah?
 - c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menangani Datuk Bandar, Yang DiPertua dan Pegawai Daerah yang masih degil serta tidak mahu bekerja keras?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor mengamalkan pengukuran prestasi kerja bagi Datuk Bandar, Yang Dipertua Majlis dan Pegawai-pegawai Daerah melalui Sistem 'Sasaran Kerja Tahunan'. Walaupun sistem ini adalah berbeza dari 'KPI' namun objektif pengukuran masih menjurus kepada prestasi kerja Datuk Bandar, Yang DiPertua Majlis, Pegawai-pegawai Daerah dan juga semua ketua jabatan di negeri Selangor.

Selain daripada Sasaran Kerja Tahunan tersebut, prestasi kerja Datuk Bandar, Yang DiPertua Majlis, Pegawai-pegawai Daerah secara khusus turut diukur melalui Laporan Prestasi Kerja Tahunan atau LNPT bagi setiap tahun. Laporan LNPT ini merupakan salah satu elemen yang menggambarkan prestasi kerja penjawat awam sepanjang berkhidmat dalam sektor awam.

Selain daripada pengukuran-pengukuran tersebut, ada di antara jabatan/agensi melalui inisiatif sendiri melaksanakan sistem pengukuran prestasi mengikut kesesuaian jabatan itu sendiri, seperti KPI ,*Balanced Scorecard* dan sebagainya. Sebagai contoh, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah mula melaksanakan penilaian individu semua warga kerja secara bulanan. Ini secara kolektifnya mencerminkan prestasi keseluruhan jabatan serta ketua jabatan dan ianya dapat dipantau dari semasa ke semasa. Sebagai kesimpulan, kerajaan negeri memandang serius akan prestasi semua warga kerja di negeri Selangor dan akan sentiasa membuat penambahbaikan secara berterusan.

- b) Kerajaan negeri sentiasa komited dalam memberi keutamaan kepada kehendak dan keperluan rakyat. Ini adalah hasrat utama kerajaan negeri, di mana kita bekerja untuk rakyat yang telah memilih Pakatan Rakyat untuk mentadbir negeri Selangor. Segala dasar-dasar yang diperkenal dan dilaksanakan adalah bertunjangkan kepada keperluan ekonomi semasa dan juga kebijakan rakyat negeri Selangor.

Dalam merealisasikan hasrat ini, rintihan dan pandangan rakyat terhadap perkhidmatan yang disediakan sentiasa diambil kira. Selaras dengan ini, **Kajian Kepuasan Pelanggan** dilaksanakan dalam menganalisa keberkesanan terhadap perkhidmatan yang disediakan terutamanya bagi jabatan/agensi yang lebih dekat atau berurusan terus dengan rakyat seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah. Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh rakyat, langkah-langkah yang sewajarnya diambil dalam mengatasi sesuatu isu atau masalah yang dikemukakan.

Namun, tidak dapat juga dinafikan bahawa terdapat golongan masyarakat yang sengaja membawa masalah yang bertujuan menjatuhkan kredibiliti sektor awam Selangor. Golongan ini adalah antara yang tidak memahami dasar kerajaan negeri dan juga individu yang mempunyai kepentingan diri dalam sesuatu isu. Ini merupakan antara beberapa masalah yang menyukarkan Yang Dipertua, Pegawai Daerah atau Ketua-ketua jabatan dalam mengambil tindakan. Walau bagaimanapun dalam mempraktikkan ketelusan, kerajaan negeri juga mengalu-alukan rakyat untuk mengemukakan sebarang aduan atau pandangan terhadap ketidakpuasan mana-mana jabatan atau kakitangan yang tidak menyediakan perkhidmatan sepertimana yang dijanjikan kepada rakyat. Mereka boleh melaporkan kepada jabatan itu sendiri, Pejabat Menteri Besar atau melalui Unit Aduan Awam, Bahagian Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor. Sekiranya pandangan atau aduan yang dikemukakan adalah berasas, maka siasatan dan tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk membetulkan keadaan

- c) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 10 Mac 2010 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA PELAJAR SELANGOR DI MESIR

175. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- Berapa ramai pelajar Selangor di Mesir bawah tajaan kerajaan negeri Selangor dan kursus yang diikuti?
- Apakah bantuan oleh kerajaan Selangor, yang diberi kepada mereka ketika keadaan bergolak di Mesir dan berapakah jumlah peruntukan bagi membantu pelajar untuk menyambung semula pelajaran di Mesir?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri Selangor telah memberi tajaan kepada para pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Mesir melalui Lembaga Zakat Selangor iaitu seramai **660** orang. Pecahan para pelajar mengikut kursus yang diikuti adalah seperti berikut:
 - Pengajian Islam : 470
 - Perubatan dan Pergigian : 190.
- Kerajaan Negeri Selangor telah menyalurkan beberapa seperti berikut:
 - i) Bantuan Kewangan Lembaga Zakat Selangor dan Jabatan Agama Islam melalui Penolong Pegawai Kewangan Hal Ehwal Pelajar Selangor di Mesir sebanyak RM 30,000 bagi tujuan memberi barang keperluan sewaktu berlakunya pergolakan tersebut.
 - ii) Kerajaan Negeri juga melalui JAIS dan Lembaga Zakat Selangor telah menghantar 2 orang Pegawai ke Jeddah bagi membantu pelajar Selangor yang tiba di Cairo ke Jeddah sebelum pulang ke Malaysia.
 - iii) Bantuan tiket pulang ke Mesir sebanyak RM 2.6 juta kepada 1154 pelajar Selangor iaitu anggaran sebanyak RM 2,150 sehingga RM2,220.00 seorang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : PELANCONGAN

176. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah pelancong asing yang datang ke negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2010 dan dari negara manakah datangnya pelancong-pelancong tersebut?
- b) Berapakah jumlah pendapatan kerajaan negeri yang hasil dari pelancongan?
- c) Apakah usaha-usaha terkini kerajaan bagi meningkatkan kemasukan pelancong?

JAWAPAN :

- a) Jumlah pelancong asing yang datang ke negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2010 dan negara asal adalah seperti berikut :-

BIL	NEGARA	2008	2009	2010
ASEAN				
1	Indonesia	188,196	201,820	171,142
2	Brunei Darussalam	4,941	4,779	4,885
3	Philipines	20,898	23,954	32,483
4	Singapore	842,826	805,944	722,737
5	Thailand	107,522	111,431	211,886
6	Vietnam	39,861	48,042	49,199
7	Myanmar	4,552	7,069	12,771
8	Laos	424	279	167
9	Cambodia	5,546	6,052	3,496
ASIA TIMUR				
10	China	571,336	485,218	645,689
11	Taiwan	56,443	57,575	60,847
12	Hong Kong	76,439	65,448	42,108

13	Japan	67,460	53,463	60,954
14	South Korea	13,773	12,680	11,245
15	Lain-lain (Asia Timur)	5,552	1,546	5,108
ASIA SELATAN				
16	Bangladesh	4,296	6,499	4,156
17	Pakistan	9,222	6,650	4,264
18	India	159,939	147,260	123,535
19	Sri Lanka	3,969	3,580	2,359
20	Lain-lain (Asia selatan)	4,636	3,153	11,077
OCEANIA				
21	Australia	79,114	75,329	62,235
22	New Zealand	8,500	9,171	5,479
23	Lain-lain (Oceania)	349	264	5,037
ASIA BARAT/TIMUR TENGAH				
24	Saudi Arabia	53,979	11,643	40,990
25	Turkey	495	960	1,707
26	United Arab Emirates	20,586	2,760	7,841
27	Lebanon	595	583	555
28	Syria	1,071	582	643
29	Yemen	855	423	827
30	Kuwait	9,223	2,189	7,330
31	Iraq	350	278	303
32	Iran	5,538	10,099	32,133
33	Lain-lain (Asia Barat/Timur Tengah)	39,116	23,284	19,204
EROPAH				
34	Austria	1,654	2,098	1,815
35	Belgium	2,130	1,952	2,739

36	Denmark	1,904	1,853	2,109
37	CIS	201	110	19
38	Finland	1,130	1,236	1,668
39	France	8,279	8,669	9,627
40	Germany	13,265	14,351	13,757
41	Ireland	2,634	3,109	2,998
42	Italy	7,308	4,845	5,212
43	Luxembourg	205	360	2,044
44	Netherlands	19,639	22,719	25,177
45	Norway	2,023	1,489	2,454
46	Spain	2,676	2,249	3,587
47	Sweden	6,189	4,545	8,985
48	United Kingdom	37,198	32,625	51,305
49	Switzerland	3,911	8,655	7,810
50	Russia	2,130	2,228	2,918
51	Lain-lain (Eropah)	3,880	7,282	25,030
AFRIKA				
52	South Africa	2,566	2,956	2,420
53	Mauritius	1,493	932	605
54	Lain-lain (Afrika)	1,948	1,792	8,230
AMERIKA				
55	Canada	5,951	6,543	4,975
56	U.S.A	31,524	28,190	20,857
57	Lain-lain (Amerika)	2,614	2,739	3,065
58	Lain-lain Negara	31,278	45,146	27,000
JUMLAH		2,601,332	2,398,680	2,588,199
JUMLAH 2008 – 2010		7,588,211		

- b) Jumlah pendapatan kerajaan negeri yang hasil dari pelancongan adalah seperti berikut :-

BIL	TAHUN	JUMLAH PELANCONG	PENDAPATAN (RM)
1	2008	5,677,221	3,982,002,809.40
2	2009	5,647,641	3,961,255,397.40
3	2010	5,833,858	4,091,868,001.20
JUMLAH		17,158,720	12,035,126,208.00

- c) Pelbagai langkah telah dirancangkan bagi tujuan mempromosikan Selangor sebagai produk dan destinasi pelancongan dalam peringkat domestik dan antarabangsa untuk tahun 2011 terutamanya dalam fokus dan usaha bagi meningkatkan kemasukan pelancong bagi tahun 2011 ini; Antaranya perkara berkaitan promosi yang telah, sedang dan masih dalam perancangan bagi tujuan promosi adalah seperti berikut;

Program promosi peringkat antarabangsa yang telah disertai dan bakal disertai sepanjang 2011

Bil.	Program	Destinasi	Tarikh
1.	Asean Travel Fair	Phnom Penh, Cambodia	15 – 21 Jan 2011
2.	Fascinating Malaysia Travel Fair Selangor	Singapore	21 – 23 Jan 2011
3.	Seminar & Travel Mart for Central Region	Singapore	22 Mac 2011
4.	PATA Beijing	China	9 – 12 Apr 2011
5.	ITHF, Jakarta	Indonesia	8 – 10 Apr 2011
6.	Arabian Travel Mart	UAE	2 – 5 Mei 2011
7.	Hong Kong Travel Fair	Hong Kong	9 – 12 Jun 2011
8.	Selangor Meets Brunei	Brunei	Jun/ July 2011
9.	ITE, Vietnam	Vietnam	30 Sept – 2 Okt 2011
10.	JATA, Japan	Jepun	29 Sept – 2 Okt 2011
12.	Tara Na Sa Malaysia Travel Fair	Filipina	8 – 10 Okt 2011

Program promosi peringkat domestik sepanjang Februari 2011

Bil.	Program	Tarikh
1.	MASUM 2011	14 – 16 JAN 2011
2.	LE TOUR DE LANGKAWI (SKUAD SELANGOR SHINES)	28 – 29 JAN 2011
3.	SAMBUTAN 3 TAHUN PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR DAN PELANCARAN BUKU JINGGA	5 – 6 MAC 2011
4.	PESTA AIR SELANGOR 2011	19 – 20 MAC 2011
5.	SKUAD SELANGOR SHINES – DI PERINGKAT SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SELANGOR (KESELURUHAN IALAH 90 BUAH SEKOLAH)	Sepanjang 2011 bermula dari 28 Feb 2011
6.	SKUAD SELANGOR SHINES – PROGRAM PROMOSI BERSAMA AEON (PULAU PINANG, JOHOR, MELAKA, CHERAS DAN BUKIT TINGGI, SELANGOR)	Sepanjang 2011 bermula dari 15 Apr 2011
7.	MATTA FAIR (JOHOR, SABAH, SARAWAK, KELANTAN)	Sepanjang 2011
8.	MISI JUALAN DOMESTIK, SARAWAK	5 – 11 Apr 2011

Percetakan bahan risalah dan brosur pelancongan Negeri Selangor

Bil.	Jenis bahan promosi bercetak
1	CD Selangor Breakaway
2	DVD Selangor
3	Peta pelancongan Selangor
4	Risalah Selangor (general)
5	Fail profil syarikat
6	CD MICE
7	Homestay in Selangor
8	Golfing in Selangor
9	Food Directory
10	Selangor Coffee Table
11	Risalah pelancongan setiap daerah
12	Risalah "Shopping & Theme Park"

13	Risalah "Health & Edu"
14	Risalah Kelip-kelip
15	Risalah produk TSSB

Terbitan majalah, akhbar, laman sesawang dan media elektronik

Bil.	Jenis bahan promosi bercetak
1	Keluaran khas Selangor Vision
2	Majalah Travel 3 Sixty°
3	Majalah Libur
4	Akhbar Sinar Harian
5	Akhbar Selangor Kini
6	Selangor Times
7	Malaysia Kini
8	701 Panduan
9	Visitor
10	TV Selangor

Billboard

Bil.	Jenis Billboard	Lokasi
1	Billboard 11" x 41"	a) Kuala Lumpur b) Pulau Pinang c) Langkawi d) Johor e) Melaka f) Kota Kinabalu g) Sarawak
2	Unipole 20' x 80' x 2 sided	Km 5.5 (NB) dari KLIA ke Plaza tol
3	Billboard 15' (H) x 36' (W)	Terminal Building Along Main Driveway, LCCT
4	Mini Billboard 4' (H) x 11' (W)	Satellite Building West Arm, KLIA
5	Billboard 10' x 40'	a) KLIA (selepas Plaza tol) ke Putrajaya Interchange b) Putrajaya Interchange ke KLIA berhampiran R & R Dengkil
6	Mini Unipole	Subang Sky Park

Familiarization Tour (Fam Tour)

Bil.	Program	Tarikh
1	Fam Tour bagi Agensi Pelancongan Singapura	28 – 31 Jan 2011
2	Selangor Shines Fam Tour 2011	Bulan Jun/ Julai 2011

*** Nota : Pihak Tourism Selangor akan menganjurkan lebih banyak "Fam Tour" bagi agensi pelancongan dalam dan luar Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: SKIM MIKROKREDIT

177. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- Apakah status terkini kejayaan skim ini?
- Adakah perancangan kerajaan negeri dalam membantu mereka yang terlibat agar lebih maju dalam bidang yang ceburinya?

JAWAPAN:

- Kemajuan program adalah menggalakkan seperti jadual di bawah ini. Bayaran balik masih 100%.

Bil.	Cawangan SKIMSEL	Peserta (Sadiq)	Pecahan Kaum			
			Melayu	Cina	India	Lain-lain
1.	Sabak Bernam	510	507	-	3	-
2.	Kuala Selangor	240	234	3	3	-
3.	Hulu Selangor	210	192	15	3	-
4.	Hulu Langat	120	120	-	-	-
5.	Kuala Langat	135	132	-	3	-
6.	Sepang	50	50	-	-	-
	Jumlah	1,265	1,235	18	12	-

* Data sehingga 4hb Mac 2011

- Selain mikro kredit pihak kami sedang dan akan menjalankan program-program seperti pembangunan insan, keusahawanan, pemasaran dan kepimpinan kepada sadiq agar mereka tidak hanya bertumpu kepada soal pinjaman dan membayar balik. Mereka juga sedang dan akan didedahkan kepada program kerohanian di pusat-pusat berkumpulnya mereka seperti sesi tazkirah dan usrah. Program tersebut akan dijalankan secara berkala kepada pusat-pusat yang telah mencapai pusat penuh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : LOGO 1 MALAYSIA

178. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) didapati tidak membenarkan penggunaan logo 1 Malaysia dipapan iklan atau papan niaga.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional larangan tersebut ?
- b) Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa hak dan kebebasan penggunaan apa-apa bentuk lambang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan ?
- c) Tidakkah larangan ini bercanggah dengan slogan " Kebebasan " yang dilaungkan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Pakatan Rakyat Selangor tidak akan mengiktiraf slogan yang semata-mata mahu memesongkan fikiran rakyat pelbagai kaum, agama dan budaya di dalam negeri ini, dengan dibantu media tunggangan Barisan Nasional telah memutarbelitkan fakta dan mengelirukan rakyat berkenaan dasar kerajaan Negeri Selangor terhadap penerbitan slogan 1Malaysia.

Kerajaan Negeri mengulangi ketetapan untuk tidak menerima penggunaan slogan 1Malaysia dan disebar luas di dalam Negeri Selangor atas sebab-sebab berikut :-

- i) Ia slogan hipokrasi yang tidak mempunyai makna jelas dari segi tafsiran dan pelaksanaan.
- ii) Ia adalah slogan propaganda Barisan Nasional bagi mempromosi sokongan berbentuk kepartian.
- iii) Ia membazir wang rakyat dan pembayaran cukai.

Justeru itu, Kerajaan Negeri tidak membenarkan mana-mana agensi kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) membelanjakan dana rakyat untuk mempromosikan konsep 1Malaysia yang dilaungkan oleh Barisan Nasional.

Oleh itu, logo 1Malaysia tidak akan dipaparkan di papan tanda milik Kerajaan negeri, agensi maupun anak syarikat Kerajaan negeri Selangor. Keutamaan mesej Negeri Selangor lebih tertumpu pada pelbagai program Merakyatkan Ekonomi Selangor.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak menghalang pemasangan iklan oleh individu untuk tujuan komersial selagi ia tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang sedia ada dan permohonan boleh dilakukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan.

- b) Kerajaan Negeri telah jelas menetapkan untuk tidak menggunakan pakai konsep berkenaan oleh mana-mana agensi Kerajaan negeri dan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC). Walau bagaimanapun sebagaimana yang telah dinyatakan, pentadbiran ini tidak menghalang pemasangan iklan oleh individu untuk tujuan komersial selagi ia tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang sedia ada dan permohonan boleh dilakukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan.

- c) Kerajaan Negeri telah jelas untuk tidak menggunakan pakai logo konsep berkenaan oleh mana-mana agensi Kerajaan negeri dan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC). Walau bagaimanapun sebagaimana yang telah dinyatakan, pentadbiran ini tidak menghalang pemasangan iklan oleh individu untuk tujuan komersial selagi ia tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang sedia ada dan permohonan boleh dilakukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : MAJLIS PENGANGKUTAN SELANGOR

179. Kerajaan negeri menubuhkan Majlis Pengangkutan Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Bagaimakah status terkini dan sumbangan Majlis Pengangkutan ini?
- b) Apakah fungsi dan skop Majlis ini berbanding Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)?

JAWAPAN :

- a) Majlis Pengangkutan Selangor belum lagi ditubuhkan setakat ini. Ia telah dihantar kepada Dato' Seri Idris Jala, Pengarah PEMANDU dan juga kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sebagai cadangan Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Fungsi dan skop Majlis ini berbanding SPAD adalah, Majlis ini dapat mendapatkan maklum balas secara terus daripada pihak-pihak berkenaan iaitu syarikat-syarikat pengangkutan seperti Prasarana, Rapid KL dan sebagainya. Pihak lain yang akan terlibat dalam Majlis Pengangkutan ini adalah seperti persatuan penduduk, badan bukan kerajaan, wakil pihak berkuasa tempatan (PBT), wakil kerajaan negeri Selangor, dan penasihat dasar.

Majlis ini akan mengumpulkan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk, menentukan tempat yang bermasalah dari segi kesesakan jalan, dan akhirnya menyimpulkan cadangan yang sesuai untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut untuk dipanjangkan kepada SPAD. Majlis ini adalah sesuai ditubuhkan kerana ia merupakan majlis pada tahap bawah, iaitu "on the ground", berlainan dengan SPAD yang akan membuat dasar pada tahap Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: MEMBANTU RAKYAT DI SELANGOR

180. Dalam kesungguhan Kerajaan membantu rakyat di Negeri Selangor untuk memiliki tapak kediaman(Tanah Lot) :

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Tidak kah premium (Notis 5A) yang dikeluarkan mengikut nilai tanah harga semasa itu agak tinggi dan membebankan rakyat?
- b) Masa pembayaran Notis 5A yang diberikan selama 3 bulan dan tambahan 1 bulan itu juga membebankan rakyat. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatas masalah ini dalam konteks membantu rakyat miskin di Negeri Selangor.

JAWAPAN:

- a) Kadar-kadar harga premium tanah adalah berdasarkan Kaedah Tanah Selangor sekiranya tanah tersebut adalah untuk pertanian dan pemohon mengusahakannya. jika pemohon tidak mengusahakannya maka ia adalah berdasarkan penilaian semasa oleh Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta (JPPH). Bagi tanah untuk kediaman, industri dan perniagaan ialah berdasarkan penilaian semasa oleh JPPH. pengenaan Premium adalah berdasarkan formula Kaedah Tanah Selangor. jumlah premium lazimnya tinggi oleh sebab formula ini mengambil kira nilai tanah pada harga pasaran oleh JPPH Kementerian Kewangan Malaysia.
- b) Kerajaan Negeri mengambil perhatian terhadap masalah pembayaran premium oleh pemohon yang berpendapatan rendah. kerajaan Negeri telah menetapkan pendapatan isi rumah sebanyak RM1500.00 dan ke bawah setiap bulan akan mendapat pengurangan sebanyak 40% daripada premium yang dikenakan (hanya untuk tujuan bangunan kediaman yang didiami atau diduduki sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PELABURAN NEGERI SELANGOR

181. Pulau Pinang telah mencatatkan nilai pelaburan tertinggi dalam negara pada tahun 2010 sebanyak RM12.2 bilion dan Selangor kedua tertinggi sebanyak RM10.6 bilion.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah proaktif dan langsung yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan jumlah pelaburan di dalam Negeri Selangor?
- b) Apakah fokus pertumbuhan baru (*new growth area*) Negeri Selangor dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

JAWAPAN :

- a) Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Negeri untuk meningkatkan jumlah pelaburan di dalam Negeri Selangor adalah seperti berikut;
 - i. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
 - ii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
 - iii. Menyelenggara dan menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
 - iv. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
 - v. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
 - vi. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau perlaksanaan projek-projek pelaburan serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.

- vii. Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang ada di setiap Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor.
 - viii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
 - ix. Penambahbaikan fungsi Pusat Pelaburan Negeri bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan bagi mempromosikan pelaburan dan membantu para pelabur.
 - x. Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek pelaburan yang sedang dilaksanakan.
 - xi. Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi penggalakan pelaburan ke luar negara.
 - xii. Bekerjasama dengan pihak swasta dan badan-badan perniagaan bagi menarik pelaburan dari luar negara.
 - xiii. Meningkatkan program pertemuan dan dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri selesa terus beroperasi di Negeri Selangor.
 - xiv. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.
 - xv. Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- b) Dalam perancangan pembangunan sektor perindustrian di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor telah mengenal pasti beberapa kawasan-kawasan pertumbuhan baru yang dibahagikan mengikut fokus industri yang tertentu. Kawasan-kawasan pertumbuhan baru yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut;:-
- i). **Selangor Science Park 2.** Kawasan ini dibangunkan dengan merangkumi kawasan perindustrian bagi teknologi tinggi dan industri teknologi hijau, perumahan, komersil dan institusi pendidikan.
 - ii). **Selangor Automotive Belt** yang merangkumi kawasan yang telah dan bakal dibangunkan bagi industri automotif iaitu di sekitar Serendah, Hulu Selangor yang telah menempatkan beberapa syarikat automotif yang terkenal seperti Perodua dan Tan Chong Motor (pengeluar jenama kereta Nissan). Di samping itu juga terdapat beberapa syarikat pengeluar komponen automotif untuk Proton dan Perodua turut beroperasi di kawasan Hulu Selangor.

- iii). **Industri Aeroangkasa (Aerospace Industry)**
Kawasan pertumbuhan bagi industri ini tertumpu di Malaysian International Aerospace Centre (MIAC) di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang. Kawasan ini menempatkan beberapa syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti utama dalam industri aero-angkasa seperti pembaikan dan pemulihan, pusat helikopter, pusat penerbangan, pusat latihan aeroangkasa, pusat teknologi angkasa dan pusat komersil.
- iv). **Kawasan Pertumbuhan Lembah Klang 2**
Kawasan pertumbuhan Lembah Klang 2 ini melibatkan 2 daerah iaitu Daerah Kuala Langat dan Daerah Sepang. Kawasan pertumbuhan ini meliputi projek-projek seperti Selangor Science Park, Cyberjaya (MSC), KLIA Aeropolis, Sepang Goldcoast, Sri Bayu Morib Resort City, IOI Trade Centre dan rekreasi dan melibatkan pelaburan dari beberapa syarikat besar seperti Q-Cell, SGL Carbon dan Megasteel Sdn. Bhd. yang telah melabur di dalam kawasan ini.
- v). **Cyberjaya**
Kawasan pertumbuhan yang terletak di daerah Sepang ini yang merupakan nadi utama MSC Malaysia dibangunkan bagi menempatkan syarikat-syarikat ICT dalam dan luar negara.
- vi). **i-City, Shah Alam**
Kawasan pertumbuhan seluas 72 ekar di Shah Alam ini menyediakan ruang pejabat kepada syarikat-syarikat ICT dalam dan luar negara. Kawasan i-city mendapat pengiktirafan MSC Malaysia Cybercentre daripada pihak MDEC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

182. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang melaksanakan kemudahan pengangkutan bas awam percuma seperti yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?
- b) Jika tidak, sila berikan butir-butir.
- c) Jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan? Sila berikan butir-butir.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri masih belum mempunyai sebarang perancangan bagi melaksanakan kemudahan pengangkutan bas awam percuma memandangkan kos pelaksanaan yang tinggi. Namun begitu Kerajaan Negeri sentiasa melihat kebarangkalian bagi menyediakan kemudahan pengangkutan bas awam percuma seperti yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pulau Pinang. Akan tetapi pelbagai faktor harus diambil kira seperti keluasan kawasan liputan dan sambutan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.
- b) Tidak. Bagi pentadbiran Negeri Selangor, MBPJ merupakan PBT yang pertama menyediakan perkhidmatan bas komuniti kepada penduduk di kawasan MBPJ yang berpendapatan rendah dan warga emas. Perkhidmatan ini diberikan dari jam 9.30 pagi sehingga jam 2.30 petang dan hanya berkapasiti seramai 30 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(DUN TERATAI)**

TAJUK : KERAJAAN PRIHATIN.

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah permohonan yang berjaya memohon peruntukan dari kerajaan prihatin?
 - Bagaimanakah kesannya di masyarakat?

JAWAPAN :

- Program Kerajaan Prihatin telah diwujudkan pada 2001 bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah memiliki kediaman dan tempat tinggal yang sempurna. Sebanyak **3184** permohonan telah berjaya menerima bantuan bina baru dan baik pulih daripada Kerajaan Negeri dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM 45,464,947.00**. Statistik penerima bagi Program Kerajaan Prihatin adalah seperti di **Lampiran B**.
- Objektif Program Kerajaan Prihatin adalah untuk memberi bantuan membina semula rumah yang keseluruhannya terlalu daif dan tidak boleh dibaiki serta memberi bantuan membaik pulih rumah yang mengalami kerosakan kepada kumpulan sasar. Program ini bertujuan membantu golongan yang tidak berkemampuan untuk memiliki rumah yang lebih selesa dan sempurna. Melalui sumbangan yang diberikan oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri pada setiap tahun, sedikit-sebanyak dapat meringankan beban golongan yang tidak berkemampuan mempunyai kediaman untuk berteduh dan secara tidak langsung anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dapat melunaskan tanggungjawab sosial mereka kepada yang memerlukan.

Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri hanya membantu mereka yang benar-benar layak kerana Kerajaan Negeri telah menerima lambakan permohonan daripada golongan-golongan muda dan berkemampuan. Ini menyebabkan permohonan-permohonan lambat diproses kerana pihak UPEN terpaksa menyiasat setiap permohonan yang di terima.

LAMPIRAN B

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN RUMAH KERAJAAN PRIHATIN NEGERI
Selangor TAHUN 2011 SEHINGGA 2010**

Bil.	DAERAH	BILANGAN RUMAH		JUMLAH
		BINA BARU	BAIK PULIH	
1	KLANG	159	97	256
2	PETALING	74	29	103
3	KUALA LANGAT	238	137	375
4	HULU LANGAT	153	73	226
5	SABAK BERNAM	519	301	820
6	KUALA Selangor	321	248	569
7	GOMBAK	189	153	342
8	HULU Selangor	145	97	242
9	SEPANG	127	124	251
JUMLAH KESELURUHAN		1952	1259	3184

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B HJ SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : KAWALAN JUALAN ARAK

184. Didapati mekanisme jualan arak dikawal oleh penjual bukan melalui penguatkuasaan pihak berkuasa.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a. Apakah mekanisme yang paling berkesan untuk mengawal jualan arak khasnya di kawasan majoriti orang Islam?
- b. Nyatakan jumlah permit yang dikeluarkan bagi jualan arak di Bandar Raya Shah Alam dan Bandar Baru Bangi?

JAWAPAN :

- a) Lesen bagi menjual liquor atau minuman keras ini dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah dan tertakluk di bawah Akta Kastam Dan Eksais manakala PBT akan hadir sebagai ahli dan akan membuat ulasan terhadap permohonan minuman keras di kawasan masing – masing. Menurut data yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah, sehingga Mac 2011 sebanyak 84 unit lesen menjual minuman keras yang dikeluarkan bagi kawasan Shah Alam oleh Pejabat Tanah Klang dan Petaling. Ini termasuk lesen bagi jenis borong, runcit dan rumah awam.

b)

PBT	BIL LESEN / PERMIT
MBSA	84
MPJK	2

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : KADAR TARIF AIR

185. Kerajaan negeri menentang kenaikan kadar tarif air yang dikatakan tinggi dan membebankan rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri sedar bahawa kos tersebut berpatutan untuk mengelakkan kualiti bekalan air dan sedia termaktub dalam perjanjian?
- b) Mengapakah kerajaan negeri tidak mengikut langkah kerajaan Pulau Pinang dan Kedah yang telah menaikkan kadar tarif?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor memahami bahawa semenjak SYABAS mengambil alih operasi Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) pada 01 Januari 2005, banyak perubahan yang telah dilakukan oleh SYABAS dalam memberikan khidmat pembekalan yang lebih efisien kepada pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Namun demikian, di dalam melaksanakan perkhidmatan tersebut, matlamat SYABAS sebagai sebuah entiti perniagaan adalah untuk mendapatkan keuntungan yang semaksima mungkin. Matlamat SYABAS ini bertentangan dengan dasar yang diterapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang mengutamakan kadar tarif munasabah di samping menyediakan perkhidmatan pembekalan air yang efisien adalah menjadi matlamat utama. Dalam mencapai hasrat untuk Merakyatkan Ekonomi Selangor, kepentingan rakyat bagi mendapatkan tarif munasabah adalah merupakan keutamaan bagi Kerajaan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor maklum bahawa di dalam perjanjian SYABAS telah diperuntukkan jadual kenaikan tarif setiap tiga tahun. Di dalam membenarkan kenaikan tarif yang dituntut oleh SYABAS, SYABAS perlu mematuhi beberapa kehendak di dalam perjanjian konsesi. Di dalam Laporan Audit yang diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor, terdapat beberapa perkara yang tidak dicapai oleh SYABAS seperti penurunan Kadar Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water*).

Pada masa yang sama Kerajaan Negeri Selangor juga mendapat maklum bahawa Perbelanjaan Modal (*Capital Expenditure*) dan Perbelanjaan Operasi (*Operational Expenditure*) yang dibelanjakan oleh SYABAS adalah terlalu tinggi menyebabkan kos operasi SYABAS melampau. Kos operasi SYABAS yang tinggi akan diserapkan dalam bentuk tarif yang tidak munasabah yang akhirnya akan ditanggung oleh pengguna. Keadaan ini adalah bertentangan dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor.

- b) Dalam mencapai hasrat untuk Merakyatkan Ekonomi Selangor, kepentingan rakyat bagi mendapatkan tarif munasabah adalah merupakan keutamaan bagi Kerajaan Negeri Selangor. Semenjak mengambil alih operasi Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) pada 01 Januari 2005, SYABAS telah mendapat kenaikan tarif pertamanya pada 01 Januari 2006. Permohonan SYABAS bagi mendapatkan kenaikan tarif kedua untuk tempoh operasi bermula pada 01 Januari 2009 hingga 31 Disember 2011 telah tidak mendapat pertimbangan Kerajaan Negeri Selangor. Kenaikan selanjutnya akan bermula pada 01 Januari 2012.

Kerajaan Negeri Selangor maklum bahawa di dalam perjanjian SYABAS telah diperuntukkan jadual kenaikan tarif setiap tiga tahun. Di dalam membenarkan kenaikan tarif yang dituntut oleh SYABAS, SYABAS perlu mematuhi beberapa kehendak di dalam perjanjian konsesi. Di dalam Laporan Audit yang diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi permohonan kenaikan pada 01 Januari 2009, terdapat beberapa perkara yang tidak dicapai oleh SYABAS seperti penurunan Kadar Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water*) di samping tidak memenuhi beberapa obligasi di bawah Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani.

Pada masa yang sama Kerajaan Negeri Selangor juga mendapat maklum bahawa Perbelanjaan Modal (*Capital Expenditure*) dan Perbelanjaan Operasi (*Operational Expenditure*) yang dibelanjakan oleh SYABAS adalah terlalu tinggi menyebabkan kos operasi SYABAS melampau. Kos operasi SYABAS yang tinggi akan diserapkan dalam bentuk tarif yang tidak munasabah yang akhirnya akan ditanggung oleh pengguna. Keadaan ini adalah bertentangan dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor.

Bagi Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang, kenaikan tarif air yang berkuat kuasa pada 01 Oktober 2010 merupakan kenaikan pertama sepanjang tempoh pembekalan air berkuat kuasa. Bagi Negeri Pulau Pinang, pada dasarnya tiada sebarang kenaikan dari segi tarif, cuma Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengenakan surc妖 bagi penggunaan domestik yang melebihi 35 meter padu. Manakala bagi Negeri Kedah pula, walaupun kenaikan tarif telah diwartakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk dikuatkuasakan pada 01 Oktober 2010, namun pelaksanaan kenaikan masih belum dimulakan mengikut langkah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Negeri Melaka yang tidak bersetuju untuk menguatkuasakan sebarang kenaikan tarif pada masa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SG.PELEK)**

TAJUK : PINDAAN PERLEMBAGAAN NEGERI SELANGOR

186. Kerajaan negeri Selangor di bawah pimpinan YAB. Dato' Menteri Besar telah mengadakan Persidangan Dewan Luar Biasa untuk membuat pindaan Perlembagaan Negeri Selangor mengenai kuasa pelantikan jawatan SUK. Cadangan pindaan tidak diluluskan oleh dewan kerana tidak mempunyai kuorum yang cukup.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sebagai seorang pemimpin yang sentiasa menekankan prinsip CAT, kenapa YAB. Tan Sri tidak meletak jawatan sebagai Menteri Besar Selangor berikutan kegagalan meminda perlembagaan negeri ?
- b) Adakah YAB. Tan Sri demi mempertahankan jawatan Menteri Besar Selangor dan sanggup mengetepikan prinsip CATS yang diagung-agungkan oleh kerajaan negeri selama ini ?

JAWAPAN :

- a) Sidang Dewan yang diadakan pada 24 Januari 2011 bukan sidang dewan khas tetapi sidang dewan menurut Peraturan 10(3) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan. Kegagalan PR meminda perlembagaan adalah kerana tidak mempunyai undi 2/3 Dewan. ini menunjukkan wakil rakyat BN Selangor tidak memandang kepentingan negeri sebagai sesuatu yang perlu dipertahankan. kuasa Negeri telah diambil secara paksa oleh Persekutuan dan peluang untuk mengembalikannya telah disia-siakan oleh UMNO. tiada kena mengena sama ada saya perlu meletakkan jawatan kerana tiada peruntukan di dalam Undang-undang Tubuh bahawa MB perlu mendapat sokongan 2/3 Dewan.
- b) Saya akan sentiasa mempertahankan prinsip Kompetensi, Keber tanggungjawaban dan Ketelusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : BANGUNAN PAKIR DAN PASAR BARU TAMAN SRI MUDA

187. Permohonan parkir dan Pasar Baru bagi Taman Sri Muda sudah lebih dari 2 tahun

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah ia akan dibuat dan berikan satu “*time frame*” yang boleh difahami penduduk dan peniaga
 - b) Peniaga sudah di berikan notis pindah hujung tahun 2011 oleh pemilik tanah, apakah dalam tempoh 7 bulan dari sekarang pasar ini dapat disiapkan ?
 - c) Huraikan kenapakah ianya lambat dibina ?

JAWAPAN :

- a) Mengikut sasaran kerja tahunan yang telah dibentangkan “ Projek Pasar Seksyen 25” akan diiklankan untuk tender pada pertengahan bulan April 2011 dan dimulakan pembinaan pada bulan Jun 2011. projek ini mengambil masa 24 bulan untuk disiapkan sepenuhnya bersekali dengan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

Perancangan Kerja Projek Pasar Awam Seksyen 25

- b) Dengan merujuk kepada Perancangan Kerja Projek Pasar Awam Seksyen 25 yang telah diberikan, tempoh siap kerja adalah selama 24 bulan oleh yang demikian adalah sukar untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut dalam tempoh 7 bulan.
- c) Mengikut Perancangan Kerja 2011, Projek Pasar Awam Seksyen 25 tersebut masih dalam tempoh perancangan di mana ia akan diiklankan secara "Rekda & Bina" pada bulan April 2011.

Projek Pasar Awam Seksyen 25 tidak dapat dilaksanakan dalam tahun 2010 kerana tiada perancangan dan peruntukan yang disediakan dalam bajet tahun tersebut.

Tapak tersebut sebelum ini telah pun dibuka oleh Majlis untuk cadangan projek penswastaan untuk pembinaan pasar awam, namun perjanjian tersebut ditamatkan pada 2009 atas sebab pihak syarikat tidak mematuhi syarat-syarat kontrak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

188. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan jumlah wang yang telah digunakan di bawah setiap Program MES.
- b) Berapakah jumlah wang maksimum yang akan digunakan oleh kerajaan untuk setiap Program MES setiap tahun?

JAWAPAN :

- a) Perincian bagi perbelanjaan di bawah program MES sehingga 28 Februari 2011 adalah seperti di **Jadual 1**.
- b) Jumlah peruntukan yang digunakan bagi setiap program MES adalah sebanyak **RM129,100,010.00 bagi Tahun 2009, RM134,700,000.00 bagi Tahun 2010** dan **RM32,992,972.09** bagi tahun 2011. Perincian bagi peruntukan di bawah program MES adalah seperti **Jadual 2**. Walaubagaimanapun, jumlah maksimum yang akan digunakan adalah tertakluk kepada permohonan perbelanjaan yang selaras dengan program yang dinyatakan dan dasar semasa Kerajaan Negeri.

Jadual 2: Peruntukan oleh Kerajaan Negeri dalam Melaksanakan Program-program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)

Bil	PROGRAM	2008	2009	2010	2011
		Baki	Peruntukan (RM)	Peruntukan (RM)	Peruntukan (RM)
2	Bekalan Air Percuma bagi 20m ³	-	100,000,000.00	*117,000,000.00	*23,242,972.09
3	Hadiah Anak Masuk Universiti	TB	5,900,010.00	7,700,000.00	7,700,000.00
4	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	8,500,000.00	10	10	10
5	Skim Mesra Usia Emas	17,125,968.00	20,700,000.00	8,000,000.00	10
6	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	TB	500,000.00	10	50,000.00
7	Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang	TB	2,000,000.00	2 ,000,000.00	2 ,000,000.00
	Jumlah		129,100,010.00	134,700,000.00	32,992,972.09

*Peruntukan dalam bentuk pinjaman kepada KDEB

Bil	PROGRAM	2009	2010	2011 (Sehingga Februari)	Jumlah perbelanjaan (RM)
		Belanja (RM)	Belanja (RM)	Belanja (RM)	
1	Bekalan Air Percuma bagi 20m ³	100,000,000.00	*102,241,167.40	23,242,972.09	202,241,167.40
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	5,667,038.00	7,699,000.00	1,083,000.00	13,366,038.00
3	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	1,029,700.00	1,179,700.00	169,800.00	2,209,400.00
4	Skim Mesra Usia Emas (SMUE)	20,423,921.06	22,873,488.50	1,602,002.00	43,297,409.56
5	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	458,600.00	0	0	458,600.00
6	Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang	1,358,607.00	555,508.00	0	1,914,115.00
	Jumlah	128,937,866.06	134,548,863.90	26,097,774.09	289,584,504.05

Jadual 1 : Perbelanjaan oleh Kerajaan Negeri dalam Melaksanakan Program-program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)

*Perbelanjaan dalam bentuk pinjaman kepada KDEB

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : TANAH-TANAH RIZAB PERKUBURAN SELAIN ISLAM

189. Bertanya kepada Y. A. B Menteri Besar
- Senaraikan tanah-tanah yang telah digazet sebagai tanah-tanah perkuburan selain Islam mengikut pecahan PBT bagi tahun 2006-2011.
 - Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi pengurusan tanah kubur secara moden memandangkan tanah-tanah yang didapati di Negeri Selangor semakin berkurangan?

JAWAPAN :

- a) Berikut adalah bilangan tanah yang telah digazetkan sebagai tanah perkuburan selain Islam mengikut pecahan PBT Negeri Selangor.

PBT	BILANGAN TANAH PERKUBURAN SELAIN ISLAM MENGIKUT AGAMA			
	CINA	HINDU	KRISTIAN	LAIN-LAIN
MBSA	9	1	1	-
MBPJ	1	2	1	1 (ORANG ASLI)
MPK	2	2	1	-
MPSJ	4	3	-	-
MPAJ	3	-	-	-
MPKJ	14	4	4	-
MPS	12	3	2	-
MDSP	6	1	-	-
MDKL	8	5	-	-
MDHS	10	4	1	1 (SIKH)
MDKS	2	8	-	-
MDSB	4	2	-	-
JUMLAH	75	35	10	2

- b) Kerajaan Negeri sedang menjalankan kajian berhubung penggunaan tanah perkuburan di seluruh Negeri Selangor melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Walau bagaimanapun, kaedah penggunaan krematorium dilihat berkesan untuk mengatasi masalah kekurangan tanah perkuburan selain Islam di Negeri Selangor. Selain itu di beberapa kawasan di dalam PBT Negeri Selangor telah melaksanakan tanah perkuburan bersepadu yang merangkumi majoriti kaum di Negeri Selangor sebagai salah satu usaha mengatasi masalah ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KHIDMAT GUAMAN

190. Kerajaan Negeri telah melantik Penasihat dan Peguam Swasta dalam mengendalikan kes mahkamah melibatkan kepentingan Kerajaan Negeri dan cubaan meminda Undang-Undang Tubuh Negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah Kerajaan Negeri tidak menggunakan Khidmat Penasihat Undang-Undang Negeri ?
- b) Sejak tahun 2008 hingga sekarang, siapakah yang telah dilantik dan berapakah kos yang dikeluarkan ?
- c) Apakah kos yang dikeluarkan efektif dan tidak membazir wang rakyat ?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK : ISU BERKAITAN AGAMA

191. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Mengapakah wujud sikap berat sebelah di dalam isu yang melibatkan YB Teo Nie Ching dan YB Kamalanathan masuk ke masjid / surau?
 - Apakah status fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan yang membolehkan bukan Islam masuk ke masjid?
 - Atas prinsip perkongsian nilai-nilai murni dalam pelbagai agama, adakah kemungkinan untuk kita membentuk pasukan khas pelbagai agama menangani masalah sosial secara bersama?

JAWAPAN :

- Isu YB Teo Nie Ching dan YB Kamalanathan masuk ke masjid merupakan isu agama yang memerlukan pandangan hukum. Orang bukan Islam tidak dibenarkan memasuki ruang solat masjid dan surau kerana terdapat adab-adab di dalam masjid seperti menutup aurat dan bertujuan untuk ibadah.

JAIS telah memohon penjelasan kepada jawatankuasa berkenaan dengan menyatakan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi bagi orang bukan Islam di masjid. Didapati isu YB Teo Nie Ching mendapat liputan meluas di akhbar berbanding dengan isu YB Kamalanathan. Namun bagi JAIS tindakan yang dilaksanakan adalah saksama tanpa kecenderungan kepada mana-mana pihak.

- Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam mengharuskan perlu yang bukan Islam memasuki ruang masjid dan ruang solat dengan keizinan pengurusan masjid, tingkah laku mereka tidak mencemarkan masjid, terkawal dan beradab.

Bagi negeri Selangor peraturan dibuat berdasarkan titah DYMM Sultan yang tidak membenarkan orang bukan Islam memasuki ruang solat utama masjid dan surau atau mengadakan apa-apa acara di dalamnya.

- Cadangan pembentukan pasukan khas pelbagai agama boleh dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan setiap agama boleh bekerjasama dalam hal-hal kebaikan seperti menangani gejala sosial di negeri ini. Dalam hal ini JAIS mempunyai Pegawai-pegawai Masjid yang berperanan membantu Pengukuhan JAIS untuk memastikan kepatuhan terhadap peraturan dan hukum Islam diperingkat kariah masjid.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN PNSB

192. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 berkenaan Menteri Besar (Pemerbadanan) di muka surat 120:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah yang dibelanjakan oleh syarikat bagi menaja majlis makan malam tahunan bagi tahun 2007?
- b) Berapakah yang dibelanjakan oleh syarikat bagi menaja hari keluarga bagi tahun 2007?
- c) Berapakah yang dibelanjakan oleh syarikat bagi menaja program BALKIS dan pecahan-pecahannya bagi tahun 2007?

JAWAPAN :

- a) Perbelanjaan bagi menaja Majlis Makan Malam Tahunan PNSB bagi tahun 2007 adalah berjumlah RM 354,157.30.
- b) Perbelanjaan bagi menaja Hari Keluarga PNSB bagi tahun 2007 adalah berjumlah RM 298,066.00.
- c) Perbelanjaan bagi menaja Program BALKIS pada tahun 2007 adalah berjumlah RM 984,454.97. Perincian seperti di Lampiran 1.

Lampiran 1

**PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
RINGKASAN BAYARAN UNTUK PROGRAM BALKIS - TAHUN 2007**

BUTIR-BUTIR	JUMLAH
Sumbangan bagi menjayakan Program Sukan Tahunan BALKIS	350,501.97
Sumbangan bagi menjayakan program-program amal BALKIS (sempena sambutan Deepavali / Hari Raya)	250,000.00
Sumbangan bagi menjayakan Program Amal BALKIS bersama warga beruniform	100,000.00
Sumbangan sempena Program Amal BALKIS - PNSB kepada orang miskin dan ibu tunggal	4,000.00
Sumbangan bagi menjayakan Program Prihatin BALKIS - PNSB	279,953.00
	984,454.97
JUMLAH	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PASUKAN POLIS BANTUAN PBT

193. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :
- Sila nyatakan bagaimakah perkembangan terkini rancangan dan usaha Kerajaan Negeri melalui PBT untuk menubuhkan pasukan Polis Bantuan ?
 - Sila perjelaskan apakah halangan dankekangan yang menyebabkan usaha tersebut masih tidak dapat direalisasikan ?
 - Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan pihak Kerajaan Negeri terpaksa mengambil inisiatif untuk menubuhkan pasukan Polis Bantuan ?

JAWAPAN:

- Setelah permohonan Kerajaan Negeri ditolak oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Kerajaan terus mendesak agar anggota Polis di Selangor ditambah 2,000 orang lagi. Sekiranya pihak PDRM boleh melaksanakannya maka Kerajaan Negeri berpendapat penubuhan Polis Bantuan adalah tidak diperlukan lagi. Jika tidak maka Kerajaan Negeri akan terus menggesa pihak Kementerian untuk mempertimbangkan permohonan Kerajaan Negeri demi kesejahteraan dan keselamatan rakyat.
- Kekangan utama yang menyebabkan usaha tersebut masih tidak dapat direalisasikan adalah kerana tanggungjawab keselamatan adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan dengan jelas meletakkan 'polis' sebagai satu perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. (rujuk kepada Butiran 3, Senarai 1 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan). Oleh yang demikian, tanpa kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri, pasukan Polis Bantuan tidak dapat diteruskan.
- Punca utama yang menyebabkan Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menubuhkan pasukan Polis Bantuan adalah kerana peningkatan aktiviti jenayah di Selangor. Kerajaan Negeri amat memahami kekangan anggota yang dihadapi oleh pihak PDRM, oleh yang demikian Kerajaan Negeri ingin mengambil inisiatif bagi membantu pihak PDRM menangani masalah ini , malangnya hasrat ini ditolak. Kerajaan Negeri amat komited bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat Selangor dan diharapkan dengan penubuhan Polis Bantuan perkara ini dapat dicapai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

**TAJUK : KEMUDAHAN BAGI PENDUDUK DI SUNGAI TANGKAS, BANGI,
KAJANG**

194. Kawasan Sungai Tangkas membangun dengan pesat. Banyak pertambahan kediaman dan institusi berkembang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah jambatan merentas jalan kereta api dari Sungai Tangkas ke jalan utama Kajang-Bangi dapat disiapkan?
- b) Bilakah sekolah-sekolah menengah, sekolah rendah dan sekolah agama dapat dibina bagi kemudahan penduduk?
- c) Kawasan yang pesat membangun ini masih belum mempunyai masjid. Bilakah sebuah masjid dapat didirikan di Sungai Tangkas.

JAWAPAN :

Jawapan oleh JKR Selangor

- a) Berdasarkan situasi semasa tiada keperluan untuk membina jambatan merentasi landasan kereta api di Sg. Tangkas ke jalan utama Kajang-Bangi. Tambahan pula terdapat jejambat yang menjadi alternatif penghubung ke kawasan ini. Walaubagaimanapun, keperluan jejambat pada masa hadapan akan dikaji semula.
- b) Perancangan untuk membina sekolah-sekolah menengah, sekolah rendah dan sekolah agama adalah di bawah Kementerian Pelajaran dan JAIS. Ianya perlu dirujuk ke agensi tersebut.
- c) Permohonan untuk mendirikan sebuah masjid di Sungai Tangkas perlu dihantar ke pihak JAIS.

Jawapan oleh JAIS :

- b) Kerajaan negeri Selangor melalui Jabatan Agama Islam Selangor belum lagi berhasrat untuk menambah bilangan Sekolah Agama menengah (SAM) di mana-mana kawasan atau tempat. Ia memerlukan peruntukan yang banyak merangkumi keperluan pelbagai peringkat perjawatan, kos pembinaan bangunan dan tapak, kos penyelenggaraan bangunan, pengawal keselamatan, kontrak pembersih kawasan dan mencuci bangunan, peralatan dan keperluan semasa yang lain. Berdasarkan rancangan pembangunan JAIS dalam tempoh 5 tahun yang telah dirancang, JAIS telah merancang berdasarkan keperluan serta peruntukan yang telah disediakan. Oleh yang demikian, perancangan pembangunan sekolah agama di Sungai Tangkas, Bangi, Kajang, tidak dapat disenaraikan memandangkan peruntukan adalah amat terhad.
- c) Seperti jawapan di (b), JAIS merancang berdasarkan peruntukan yang telah disediakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : KADAR JUMLAH PELANCONG KE SELANGOR

195. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Berapa ramaikah pelancong dari luar negara dan domestik yang telah melawat Selangor pada tahun 2010 dan adakah ianya menunjukkan pertambahan dari tahun sebelumnya ?
 - Apakah strategi dan langkah-langkah baharu yang di rancangkan untuk menarik lebih ramai pelancong melawat Negeri Selangor ?
 - Berapakah hasil pendapatan Negeri Selangor yang di perolehi dari sumber pelancongan ini sejak 5 tahun kebelakangan ini dan huraikan menurut tahunnya?

JAWAPAN :

- a) Bilangan pelancong dari luar negara dan domestik yang telah melawat Selangor pada tahun 2010 adalah seperti berikut :-

	2009	2010
PELANCONG TEMPATAN	3,248,961	3,245,659
PELANCONG ASING	2,398,680	2,588,199
JUMLAH	5,647,641	5,833,858
PERATUS PERTAMBAHAN 2010/2009		+3.29%

Pertambahan adalah sebanyak 3.29% bagi tahun 2010 berbanding tahun 2009.

- b) Pihak Tourism Selangor kini sedang berusaha melaksanakan strategi baru dalam usaha dan perancangan bagi menarik lebih ramai lagi pelancong domestik dan antarabangsa untuk melawat Negeri Selangor;
- i) Memperhebatkan dan merancakkan kempen Selangor Shines terutamanya yang melibatkan pergerakan Skuad Selangor Shines.
 - ii) Tourism Selangor juga akan menyertai siri promosi pelancongan di luar Negara dengan memfokuskan kepada Negara-negara di Asia Tenggara, Timur Tengah dan Eropah.
 - iii) Tourism Selangor sentiasa berusaha mencari kewujudan produk dan destinasi baru yang terdapat di Negeri Selangor. Lawatan produk dilaksanakan bagi mengenalpasti kesesuaian produk dalam mengklasifikasikan produk sama ada bersesuaian untuk dipromosikan ke peringkat domestik, nasional ataupun antarabangsa.
 - iv) Selain itu juga, Tourism Selangor sedang membangunkan risalah pelancongan bagi setiap daerah yang terdapat di Negeri Selangor. Di mana, setiap risalah tersebut lebih fokus dalam mengetengahkan produk dan destinasi pelancongan bagi setiap daerah-daerah tersebut.
 - v) Tourism Selangor senantiasa juga mengemaskini laman sesawang yang sedia ada (tourismselangor.my) dengan pelbagai informasi terbaru yang diyakini mampu menarik perhatian para pelawat laman sesawang dan seterusnya melawat produk dan destinasi pelancongan di Negeri Selangor.
 - vi) Skuad Selangor Shines juga bertindak melaksanakan program bersama AEON di 5 buah pusat membeli-belah AEON yang terpilih bagi mempromosikan Negeri Selangor sebagai destinasi pilihan pelancongan domestik mahupun antarabangsa iaitu;
 - AEON Jusco Seberang Perai City, Pulau Pinang
 - AEON Jusco Bukit Indah, Johor Bahru
 - AEON jusco Mahkota Cheras, Selangor
 - AEON Jusco Bukit Tinggi Klang, Selangor
 - AEON Jusco Ayer Keroh, Melaka
 - vii) Di samping itu juga, Skuad Selangor Shines juga mempunyai strategi dalam mempromosikan Negeri Selangor kepada pelajar-pelajar sekolah menengah sebagai sasaran jangka panjang dengan mengadakan lawatan ke 90 buah sekolah yang mempunyai Kelab Kembara atau Kelab Pelancongan di sekolah sepanjang tahun 2011 yang telahpun bermula pada 28 Februari 2011.
 - viii) Bagi tahun 2011 juga, Tourism Selangor mempunyai program khas bersama pihak KTMB iaitu bagi pengguna "ETS Train" yang melibatkan laluan Seremban-KL Sentral- Ipoh. Di mana, pihak ini telah membenarkan Tourism Selangor meletakkan bahan promosi

pelancongan Negeri Selangor iaitu buku panduan “Selangor Breakaway” ke dalam setiap poket kerusi penumpang “ETS Train”.

- c) Hasil pendapatan Negeri Selangor yang diperolehi dari sumber pelancongan ini sejak 5 tahun kebelakangan dan huraian mengikut tahun adalah seperti berikut :-

BIL	TAHUN	JUMLAH PELANCONG	PENDAPATAN (RM)
1	2006	4,926,907	2,513,116,722.00
2	2007	5,315,330	3,728,172,462.00
3	2008	5,677,221	3,982,002,809.40
4	2009	5,647,641	3,961,255,397.40
5	2010	5,833,858	4,091,868,001.20
JUMLAH		27,400,957	18,276,415,392.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PERBELANJAAN PENYENGGARAAN JKR SELANGOR

196. Merujuk kepada jawapan JKR Selangor dalam sesi yang lalu, JKR Selangor telah menerima peruntukan sebanyak RM 70juta untuk tahun 2009 dan RM 30juta untuk tahun 2010 untuk tujuan penyelenggaraan jalan oleh konsesi dan JKR Daerah daripada Kerajaan Pusat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Walaupun adanya peruntukan tersebut, tetapi kenapakah pihak JKR Daerah dan JKR Selangor mengatakan tiadanya bajet apabila diseru menyelenggara kerosakan jalan dan lampu di Jalan Lapangan Terbang dan Jalan Shah Alam – Subang – Sg.Buloh

JAWAPAN :

- a) Jalan Lapangan Terbang Subang (dari terminal 3 ke hospital Sg. Buloh) ialah Laluan Persekutuan FT15. Jalan ini adalah merupakan projek naik taraf Jalan Persekutuan yang dilaksanakan oleh Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur. Projek ini telah disiapkan pada Jun 2009 dan tempoh tanggungan kecacatan berakhir pada Jun 2011.

Oleh itu semua pembaikan kerosakan dan kecacatan jalan dan lampu jalan dalam tempoh tersebut adalah dibawah tanggungan kontraktor sehingga tamat tempoh kecacatan. Pejabat ini terlebih dahulu memohon maaf di atas kelewatan kerja-kerja membaiki jalan dan lampu kerana semua aduan disalurkan kepada pihak kontraktor untuk diambil tindakan dan mungkin terdapat kelewatan dipihak kontraktor untuk membaiki kerja pembaikan.

Peruntukan yang diterima sebanyak RM70 juta untuk tahun 2009 adalah di bawah Pakej Ransangan Ekonomi dan RM30 juta untuk tahun 2010 adalah peruntukan untuk kerja-kerja senggara yang dilaksanakan oleh Syarikat Konsesi dan tidak termasuk jalan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SG.PELEK)**

TAJUK : LOGO 1 MALAYSIA DILARANG GUNA PAKAI DI NEGERI SELANGOR

197. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- Adakah logo 1 Malaysia menggugat kedudukan Kerajaan Negeri Selangor ?
 - Jika tidak, kenapa logo 1 Malaysia tidak boleh diguna pakai di Negeri Selangor ?
 - Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap Ahli Mesyuarat Kerajaan yang bertanggung dalam isu ini ?

JAWAPAN :

- Pakatan Rakyat Selangor tidak dibentuk melalui slogan tetapi terbentuk di atas sokongan rakyat yang mahukan perubahan pentadbiran yang lebih telus, bertanggungjawab dan efisien. Justeru logo yang di ciplak seperti 1Malaysia tidak akan membawa sebarang kesan kepada keutuhan pentadbiran yang dipilih rakyat.
- Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor tidak akan terlibat dengan sebuah konsep yang tidak mencerminkan keadaan dan polisi sebenar Kerajaan Pusat Barisan Nasional yang mana konsep tersebut seolah-olah mempersendakan harapan rakyat untuk mewujudkan 1Malaysia yang adil dan saksama.

Kerajaan Negeri Selangor akan sentiasa mempraktikkan amalan perpaduan sejati bagi mewujudkan negeri yang senang didiami seluruh rakyat pelbagai kaum, bangsa dan kepercayaan agama. Ini bersesuaian dengan visi negeri iaitu Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan.
- Tidak terdapat sebarang percanggahan dasar yang telah dilakukan oleh mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri jadi tidak timbul soal mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PIHAK BERKUASA TEMPATAN

198. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah longkang-longkang yang tersumbat di kawasan Pihak Berkusa Tempatan ?
- b) Berapakah jumlah peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam tahun 2011 jika ada untuk kerja-kerja membaik pulih kerosakan longkang dalam kawasan Pihak Berkusa Tempatan di Negeri Selangor ?
- c) Sila senaraikan Jumlah Peruntukan Kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam tahun 2011 untuk membaiki kerosakan longkang tersebut mengikut Majlis-Majlis Perbandaran dan Majlis- Majlis Daerah di Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

- a) Bagi mengatasi masalah longkang-longkang tersumbat di kawasan Pihak Berkusa Tempatan, PBT akan melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan pengorekan longkang bagi memastikan pergerakan air di dalam longkang adalah lancar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK : SEKTOR PELANCONGAN NEGERI SELANGOR

199. Dewasa ini sektor Pelancongan merupakan satu industri yang boleh menghasilkan pendapatan kepada rakyat dan negeri am nya.

Bertanya kepada YAB Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mempromosikan Negeri Selangor untuk menarik pelancong dan pelabur bagi merancakkan ekonomi Kerajaan Negeri.

JAWAPAN :

- a) Pelbagai langkah telah dilaksanakan bagi tujuan mempromosikan Selangor sebagai produk dan destinasi pelancongan dalam peringkat domestik dan antarabangsa. Antaranya program yang telah diikuti bagi tujuan promosi adalah seperti berikut;

Program promosi peringkat antarabangsa sepanjang tahun 2010 hingga Feb 2011

BIL	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	Asean Tourism Forum, Brunei	Brunei	26-28 Jan 2010
2.	18 th Discovery Thailand & Discovery World 2010	Bangkok, Thailand	11-14 May 2010
3.	17 th Moscow International Exhibition Travel & Tourism 2010, Rusia	Russia	17-21 Mac 2010
4.	4 th Indonesia Travel & Holiday Fair 2010 (ITHF), Jakarta	Jakarta, Indonesia	09-11 April 2010
5.	ATM, Dubai	Dubai	04-07 Mei 2010
6.	JATA World Travel Fair, Tokyo, Japan	Tokyo, Japan	24-26 Sept 2010
7.	ITE, Ho Chi Mint, Vietnam	Vietnam	29 Sept-02 Okt

			2010
8.	Tara Na Sa, Philipines	Philipines	30 Sept 02 Okt 2010
9.	WTM, London	London	6 – 11 Nov 2010
10.	Asean Tourism Forum (ATF), Phom Penh	Cambodia	15 – 21 Jan 2011
11.	Fascinating Malaysia Travel Fair Selangor	Singapura	21 – 23 Jan 2011

Program promosi peringkat domestik sepanjang 2010 hingga Februari 2011

Bil.	Program	Tarikh
1.	MASUM	15 – 17 JAN 2010
2.	KARNIVAL WOW PUTRAJAYA	20 – 21 FEB 2010
3.	ROAD TO CHALLANGER 1 (MUAY THAI COTENDER ASIA)	21 MAR 2010
4.	TRADITIONAL WELCOME TROUPE FOR QUEEN VICTORIA	25 MAR 2010
5.	KARNIVAL KLANG, PULAU INDAH	10 – 11 APR 2010
6.	VASAKHI FESTIVAL	15 MAY 2010
7.	MATTA SABAH FAM TOUR TO SELANGOR	20 – 23 MAY 2010
8.	ROYAL CLASSIC CAR RALLY	21 – 23 MAY 2010
9.	HARI BERTEMU PELANGGAN, PKNS BANGI	25 – 26 MEI 2010
10.	ECO GREEN WEEK 2010 (BECOME)	2 – 6 JUN 2010
11.	KARNIVAL LARIAN 10KM MPSJ – NST 2010	12 – 13 JUN 2010
12.	SIMPOSIUM SEMPENA TAMAN TASIK SHAH ALAM KALI PERTAMA	17 – 20 JUN 2010
13.	SELANGOR SHINES FAM TOUR 2010	25 – 29 JUN 2010
14.	KARNIVAL NASYID, STADIUM MELAWATI	8 – 11 JUL 2010
15.	CENTRO RUN, KLANG	8 – 11 JUL 2010
16.	PADANG TIMUR, SME	10 – 11 JUL 2010
17.	MALAYSIAN LAW CONVENTION	29 – 31 JUL 2010
18.	SIMPOSIUM KELIP-KELIP	02 – 05 AUG 2010
19.	SAMBUTAN KEMERDEKAAN DAN PENGHAYATAN RAMADHAN. I-CITY	30 AUG 2010
20.	KARNIVAL MARITIM SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN, PLBHN KLANG	17 – 18 OCT 2010
21.	KARNIVAL MARITIM SEDUNIA, TRESURE HUNT, PLBHN KLANG	22 – 23 OCT 2010
22.	PESTA SAYAP 2010	23 – 24 OCT 2010
23.	FAM TOUR FOR MyCEB	25 – 26 NOV 2010

24.	PRODUCT VISIT IN TG SEPAT, KUALA LANGAT	23 DEC 2010
25.	MASUM 2011	14 – 16 JAN 2011
26.	LE TOUR DE LANGKAWI (SKUAD SELANGOR SHINES)	28 – 29 JAN 2011
27.	SAMBUTAN 3 TAHUN PEMERINTAHAN PKR DI SELANGOR DAN PELANCARAN BUKU JINGGA	5 – 6 MAC 2011
28.	PESTA AIR SELANGOR 2011	19 – 20 MAC 2011

Percetakan bahan risalah dan brosur pelancongan Negeri Selangor

Bil.	Jenis bahan promosi bercetak
1	CD Selangor Breakaway
2	DVD Selangor
3	Peta pelancongan Selangor
4	Risalah Selangor (general)
5	CD MICE
6	Homestay in Selangor
7	Golfing in Selangor

Terbitan majalah, akhbar, laman sesawang dan media elektronik

Bil.	Jenis bahan promosi bercetak
1	Keluaran khas Selangor Vision
2	Majalah Travel 3 Sixty° (Air Asia & X-Inflight Magazine)
3	Majalah Libur
4	Akhbar Sinar Harian
5	Akhbar Selangor Kini
6	Selangor Times
7	701 Panduan
8	Visitor
9	TV Selangor

Billboard

Bil.	Jenis Billboard	Lokasi
1	Billboard 11" x 41"	a) Kuala Lumpur b) Pulau Pinang c) Langkawi d) Johor e) Melaka f) Kota Kinabalu g) Sarawak
2	Unipole 20' x 80' x 2 sided	Km 5.5 (NB) dari KLIA ke Plaza tol
3	Billboard 15' (H) x 36' (W)	Terminal Building Along Main Driveway, LCCT
4	Mini Billboard 4' (H) x 11' (W)	Satellite Building West Arm, KLIA
5	Billboard 10' x 40'	a) KLIA (selepas Plaza tol) ke Putrajaya Interchange b) Putrajaya Interchange ke KLIA berhampiran R & R Dengkil
6	Mini Unipole	Subang Sky Park

Familiarization Tour (Fam Tour)

Bil.	Program	Tarikh
1.	Fam Tour bagi Agensi Pelancongan Singapura	28 – 31 Jan 2011

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : PENDAPATAN PER-KAPITA PARA PENDUDUK DI NEGERI SELANGOR.

200. Bertanya Kepada Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar:
- (a) Berapakah pendapatan per-kapita mengikut kaum di Negeri Selangor bagi tahun 2008, 2009 & 2010?
 - (b) Berapakah jumlah pengangguran mengikut komposisi kaum di Negeri Selangor bagi Tahun 2008, 2009 & 2010?
 - (c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi mengatasi masalah pengangguran tersebut?

JAWAPAN :

- a) Mengikut rekod yang diperolehi menunjukkan pendapatan per kapita negeri Selangor bagi tahun 2008 adalah berjumlah RM 32,210 juta, tahun 2009 adalah sebanyak RM 29, 089 juta, dan pada tahun 2010 adalah bernilai RM 31,119 juta. Peningkatan sebanyak 4 peratus berbanding tahun 2009 adalah disumbangkan oleh haluan dan persekitaran ekonomi dunia dan Malaysia yang positif serta peningkatan di dalam permintaan domestik dan eksport serta pertumbuhan di dalam nilai ditambah sektor-sektor ekonomi negeri yang menyeluruh terutama sektor pembuatan.
- b) Kadar pengangguran negeri Selangor mengikut data yang diperolehi dari Laporan Kiraan Permulaan Banci Penduduk Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar pengangguran telah meningkat dari tahun 2008 hingga 2010 iaitu dari 3.2 peratus kepada 3.8 peratus. Dari segi jumlah pula, anggaran bilangan penganggur bagi tahun 2008 adalah sebanyak 67,800, tahun 2009 sebanyak 78,000 dan untuk tahun 2010 adalah sebanyak 83,200. Penyebab utama kepada peningkatan pengangguran ini ialah peningkatan bilangan tenaga buruh yang berpendidikan menengah yang tidak mendapat pekerjaan. Selain itu, kemerosotan ekonomi global serta negara menyumbang kepada berlakunya kehilangan pekerjaan dan peningkatan jumlah pengangguran di negeri Selangor.

- c) Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi masalah pengangguran dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan adalah seperti berikut:
- i. Fasa ketiga Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) iaitu dengan pengenalan Skim Kredit Makro dengan nama SKIMSEL dengan peruntukan sebanyak RM50 juta disalurkan melalui Yayasan Qardhul Hasan yang bertujuan untuk membantu kumpulan sasar rakyat Selangor di kawasan luar bandar dan pedalaman serta Skim Kredit Mikro Miskin Bandar (MIMBAR Selangor) dengan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi membantu rakyat miskin negeri Selangor yang tinggal di kawasan bandar. Bantuan berbentuk keusahawanan ini bertujuan membantu potensi usahawan bandar dan luar bandar untuk berkecimpung dalam perniagaan kecil dan sederhana seterusnya keluar dari belenggu pengangguran yang semakin meningkat di negeri Selangor.
 - ii. Kerajaan negeri juga telah membuka kaunter pendaftaran khas bagi pendaftaran pekerja yang diberhentikan pada setiap Sabtu di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengenal pasti bentuk bantuan yang boleh diberikan seperti bantuan sara hidup, pendidikan, sewa rumah, bantuan modal dan sebagainya.
 - iii. Melaksanakan program *Selangor Retrenchment Helpline* iaitu pendaftaran secara online bagi tujuan pengumpulan maklumat pekerja yang diberhentikan serta penyuapadan (*match-making*) antara pekerja tersebut dengan kekosongan di syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah program tersebut; dan
 - iv. Menawarkan bantuan dari segi teknikal kepada golongan belia yang berminat dengan kursus teknikal yang ditawarkan INSPENS supaya matlamat untuk mengurangkan pengangguran bukan sahaja tertumpu pada kewangan bahkan elemen pendidikan yang diterapkan akan membantu golongan sasar ini dan seterusnya mengurangkan pengangguran di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : HARGA BARANG NAIK

201. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah strategi menangani harga barang naik khususnya di Selangor?
- b) Bagaimana dapat dibekalkan barang asas kepada pengguna yang kurang mampu pada harga patut?

JAWAPAN :

- a) Antara strategi-strategi yang diambil bagi menjamin kestabilan harga dan bekalan barang keperluan, berikut merupakan tindakan-tindakan yang sedang dilaksanakan:
 - i) meningkatkan kapasiti pengeluaran barang kawalan seperti minyak masak, gula dan tepung gandum
 - ii) Mengadakan dialog dan perundingan dengan pihak pengeluar, pengimpor, pemborong dan peruncit barang keperluan. Antara yang dibincangkan adalah antara lain :
 - 1) Supaya pengeluar meningkatkan kapasiti pengeluaran barang kawalan;
 - 2) Pengimpor mengimport lebih banyak bekalan; dan
 - 3) Situasi stok serta jadual penghantaran bekalan kepada pihak peruncit.
 - 4) Peruncit diminta menambah stok / bekalan sebelum musim perayaan atau cuti panjang.
 - iii) Mengadakan mini stok barang-barang kawalan (gula, tepung, minyak masak) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Koperasi dan Felda.
 - iv) Mewujudkan Jawatankuasa Bekalan dan Harga yang
 - v) Jawatankuasa ini berfungsi untuk mengenal pasti mekanisme bagi mengatasi masalah gangguan bekalan dan isu kenaikan harga barang keperluan.
 - vi) Mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) untuk meliberalisasi permit import (AP).

- b) Bagi memastikan barang asas seperti beras, tepung dan gula sampai ke pengguna yang kurang mampu dengan harga yang berpatutan, Kerajaan Negeri akan meneruskan Projek Pengedaran Barang-Barang Perlu di seluruh negeri yang bertujuan memastikan barang keperluan bersubsidi terutamanya bahan asas makanan seperti tepung gandum, beras, dan minyak masak sampai kepada golongan sasaran pada harga yang berpatutan dan ditetapkan Kerajaan.

Kempen Penurunan Harga juga diperbanyakkan bagi membantu mengurangkan beban pengguna. Kerajaan Negeri juga mengambil langkah bagi menjadikan koperasi sebagai pemborong barang kawalan (tepung, beras dan gula) supaya bekalan sampai ke pengguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PJ ELEVATED CITY

202. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan negeri memberi penerangan terperinci terhadap projek "PJ Elevated City" ini, khususnya terhadap pembinaan kompleks asrama yang akan menempatkan 10,000 pekerja kilang?

JAWAPAN :

- a) Mesyuarat MTES pada 16hb September 2009 telah memutuskan pembangunan di tanah milik Kerajaan Negeri dan MBPJ seluas 20 ekar perlu dibangunkan dengan mengambil kira keperluan Western Digital (10,000 unit asrama dan 3000 tempat letak kereta) dan MBPJ(bengkel dan pejabat).

Tapak cadangan akan berfungsi sebagai "service centre" bagi perindustrian FIZ. Kawasan ini akan dibangunkan dengan kemudahan perdagangan, rekreasi dan perumahan berkepadatan tinggi (apartmen/apartmen servis/studio apartmen). PKNS telah dilantik sebagai pemaju dan MBPJ adalah pemilik sebahagian tanah.

Konsep pembangunan yang telah diluluskan oleh MTES pada 15hb Jun 2010 merangkumi komponen-komponen berikut :-

- i) Hostel penginapan bagi 10,000 pekerja
- ii) Tempat letak kereta tambahan sebanyak 3,000 petak untuk kegunaan industri sedia ada
- iii) Kegunaan perdagangan (pejabat, retail, service apartment) dan
- iv) Perumahan jenis apartmen

Kemajuan projek setakat ini masih diperingkat pengemukaan pelan cadangan dan penetapan tapak gentian bengkel

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR

- 203 Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan di dalam Program Tuisyen Rakyat Selangor pada tahun 2009 dan 2010?
 - Berapa ramaikah pelajar yang telah mengambil bahagian?
 - Apakah keberkesanan program ini kepada pelajar-pelajar?

JAWAPAN :

- Bermula tahun 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil langkah proaktif dengan meluluskan peruntukan sebanyak RM 3.45 Juta kepada Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor bagi melaksanakan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS). Program ini mensasarkan pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan berasal daripada keluarga berpendapatan kurang RM 1500.00. Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dijalankan di seluruh Negeri Selangor mengikut kawasan (56 DUN) dengan setiap kawasan diberi kuota sebanyak 100 tempat sahaja. Perincian peruntukan bagi melaksanakan program ini seperti berikut:

Jadual 1 : Jumlah peruntukan yang dibelanjakan pada tahun 2009 dan 2010

Nama Program	Tahun	Jumlah Peruntukan Yang Dibelanjakan
Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)	2009	RM 3.45 Juta
	2010	RM 3.45 Juta
	Jumlah keseluruhan	RM 6.9 Juta

b)

Jadual 2 : Jumlah pelajar yang menyertai Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) pada 2009 dan 2010

Nama Program	Tahun	Jumlah Pelajar Yang Mengambil Bahagian
Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)	2009	4333 orang
	2010	4508 orang
	Jumlah keseluruhan	8841 orang

- c) Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) merupakan program tuisyen percuma yang ditawarkan kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di seluruh Negeri Selangor. Pelajar yang terlibat adalah berasal dari keluarga yang berpendapatan rendah dan mempunyai tahap pencapaian akademik yang sederhana. Setiap kawasan (DUN) diperuntukkan seramai 100 orang pelajar yang menyertai program ini.

KONSEP PROGRAM

Selain kelas tuisyen percuma, program ini turut dilaksanakan secara pakej di mana di dalam program ini, turut mengandungi Program Keibubapaan, Program Smart Learning, Program Pecutan Akhir, Bengkel SPM Perdana, Solat Hajat Perdana dan SPIES Remaja. Para pelajar turut dibekalkan buku nota khas secara percuma.

Keberkesanan program ini kepada pelajar dapat dilihat melalui aktiviti yang dilaksanakan di dalam Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS), iaitu:

i) Program Keibubapaan

Program ini melibatkan pelajar dan ibu-bapa. Ia memberi manfaat kepada pelajar dan ibu bapa di mana program ini menekankan aspek menghormati ibu bapa dalam menuntut ilmu.

ii) Program Smart Learning

Program Smart Learning dilaksanakan mengikut zon, di mana setiap zon digabungkan 5 hingga 6 kawasan (DUN). Program ini dilaksanakan pada suku tahun pertama. Pengisiannya lebih menekankan kepada aspek cara pembelajaran dengan betul dan berkesan.

iii) Program Pecutan Akhir

Program Pecutan Akhir dilaksanakan mengikut zon, di mana setiap zon digabungkan 5 hingga 6 kawasan (DUN). Program ini dilaksanakan pada akhir suku ketiga. Pengisiannya lebih menekankan kepada persediaan akhir para pelajar bagi menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

iv) Bengkel Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Perdana

Bengkel Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Perdana diadakan sebulan sebelum bermula peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bengkel ini melibatkan semua pelajar Tuisyen Rakyat di seluruh Negeri Selangor. Pengisian program adalah menekankan teknik menjawab soalan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melalui empat (4) subjek teras Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.

- v) **Solat Hajat Perdana**
Solat Hajat Perdana adalah dikhaskan untuk pelajar beragama Islam sahaja. Objektif menganjurkan program ini adalah mendekatkan pelajar dengan masjid serta memberi penerangan kepada pelajar berkenaan kepentingan hubungan dengan Tuhan ketika memerlukan pertolongan dari-NYA. Program ini penting memandangkan pelajar-pelajar Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) adalah pelajar yang bukan sahaja lemah dari sudut pelajaran malah lemah spiritualnya.
- vi) **SPIES Remaja (SPIES pelajar PTRS)**
Program SPIES Remaja dikhususkan khas untuk pelajar yang menyertai Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) sahaja. Pembentukan jati diri yang kukuh juga merupakan agenda terpenting dalam melaksanakan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: RUMAH KOS RENDAH (RKS)

204. Permintaan “Rumah Kos Rendah” (RKS) amat tinggi terutama di daerah Ampang yang kepadatan penduduknya amat padat:

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Kenapakah setelah 3 tahun Kerajaan Pakatan Rakyat mentadbir tetapi kita masih gagal memenuhi permintaan ini sedangkan masih ada tanah –tanah yang boleh dibangunkan “RKS” tersebut.
- b) Sekiranya projek-projek ini dijalankan apakah Kerajaan bercadang untuk menambah keluasan rumah tersebut memandangkan “RKS” yang ada pada hari ini amat tidak selesa.

JAWAPAN:

- a) Polisi penyelesaian setinggan dan pembinaan rumah kos rendah Majlis adalah berdasarkan kepada pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Kerajaan Negeri. Pihak Majlis akan merujuk kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bagi polisi dan arahan yang berkaitan dengan pembinaan rumah kos rendah.
- b) Untuk makluman, pemaju disyaratkan membina rumah kos rendah berkeluasan minima 650 kaki persegi, dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air. oleh itu, buat masa ini kerajaan Negeri masih menggunakan spesifikasi yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tujuan penetapan syarat pembinaan rumah kos rendah kepada pemaju. walaupun pemaju mematuhi spesifikasi keluasan yang ditetapkan oleh kerajaan namun pelbagai faktor lain perlu dipertimbangkan oleh pemaju untuk menambah keluasan rumah kos rendah seperti saiz tanah, peningkatan kos pembinaan dan sebagainya.

Selain ari itu, bermula tahun 2010 Kerajaan Negeri juga mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan reka bentuk baru rumah mampu milik (*affordable home*) yang lebih mampan dan kondusif sebagai salah satu pilihan kepada pemaju bagi memastikan penyediaan rumah mampu milik tetap diteruskan.

Untuk itu, konsep reka bentuk dan perancangan baru rumah mampu milik tersebut perlu menekankan ciri-ciri berikut :-

- i. Reka bentuk rumah mampu milik yang lebih terkini
- ii. Mengintegrasikan rumah mampu milik dengan rumah-rumah yang lain
- iii. Mempelbagaikan jenis rumah mengandungi rumah satu bilik, rumah dua bilik dan seterusnya dalam satu blok bangunan.
- iv. Mengambil kira aspek kemapanan dari segi bahan binaannya dan persekitarannya
- v. mampu memberi keselesaan dari segi saiz rumah saiz minimum 750 kaki persegi
- vi. Penyediaan kemudahan asas dan awam yang mencukupi seperti kawasan riadah, surau dan sebagainya
- vii. Menerapkan konsep kejiranan yang baik
- viii. Kos penyelenggaraannya yang murah
- ix. Harga jualan yang dicadangkan hendaklah rendah iaitu tidak melebihi RM100,000.00 seunit

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PROJEK PEMBERSIHAN DAN PEMULIHAN SUNGAI KLANG

205 Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan status Projek Pembersihan dan Pemulihian Sungai Klang.
- b) Berapakah kos yang sudah dibelanjakan untuk projek ini?
- c) Nyatakan dari mana sumber kewangan digunakan untuk membiayai projek ini dan apakah komitmen kewangan di pihak Kerajaan Negeri.

JAWAPAN :

- a) Sehingga 31 Jan 2011, kerja-kerja berikut telah disempurnakan :-
 - i. Menggazet tanah sepanjang 50 meter di kedua-dua belah Sungai Klang di Selangor.
 - ii. Pihak PTD dan JPBD telah menyiapkan inventori kegunaan dan pemilikan tanah di atas sepanjang 50 meter di kedua-dua belah Sungai Klang di Kelang, Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya.
 - iii. Menyenarai pendek 3 syarikat yang telah menghantar kertas cadangan dari 31 syarikat yang membeli dokumen "Request for Proposal" di mana 13 syarikat telah menjawabnya. 3 syarikat tersebut adalah :-
 - TSS-MAKO Engineering Sdn. Bhd.
 - Wessex Water Sdn Bhd / I Berhad Consortium.
 - GJA Engineering & Construction Sdn. Bhd.
 -
- b) & c) Projek ini akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui Public / Private Partnership atau Private Funding Initiative di mana pemaju yang dilantik akan membiayai kos Pembersihan dan Pemuliharaan Sungai Kelang dari hasil keuntungan yang mereka raih dari pembangunan yang mereka lakukan sepanjang sungai tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SG.PELEK)**

TAJUK : PERBELANJAAN PERUNTUKAN ADUN

206. Kerajaan Negeri Selangor telah berjanji akan mempamerkan penyataan terperinci perbelanjaan peruntukan di laman web.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Setakat ini berapa orang telah mengunjungi laman web berkenaan ?
- b) Adakah penyata perbelanjaan peruntukan yang dipamerkan selaras dengan perbelanjaan yang dilaksanakan ?

JAWAPAN :

- a) Perbendaharaan Negeri Selangor tidak dapat mengenal pasti jumlah pelawat yang mengunjungi laman web bagi mendapatkan maklumat berkaitan perbelanjaan peruntukan ADN. Walau bagaimanapun, seramai 713,628 orang telah mengunjungi laman web bagi sembilan 9 Pejabat Daerah tersebut dan perincian jumlah pelawat di setiap Pejabat Daerah adalah seperti di Lampiran A.
- b) Penyata perbelanjaan peruntukan yang dipamerkan di setiap laman web pejabat Daerah adalah selaras dengan perbelanjaan pada satu-satu masa penyata tersebut disediakan. penyata perbelanjaan ini juga perlu dikemukakan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Selangor bagi tujuan pemantauan pada setiap bulan.

LAMPIRAN A

JUMLAH PELAWAT DI SETIAP PEJABAT DAERAH

Bil	Pejabat Daerah	Bilangan Pelawat
1.	Kuala Selangor	0189039
2.	Sabak Bernam	0030659
3.	Klang	0047853
4.	Hulu Selangor	0091026
5.	Kuala Langat	0032796
6.	Hulu Langat	0146926
7.	Sepang	0037132
8.	Petaling	0082188
9.	Gombak	0056009

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : TERNAKAN IKAN AIR TAWAR

207. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah Peruntukan Kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam Tahun 2011 jika ada untuk membantu petani-petani di luar bandar dalam penternakan ikan Air Tawar ?
- b) Apakah jenis penternakan Ikan Air Tawar yang dibantu oleh Kerajaan Negeri Selangor jika ada dan jumlah bilangan Pengusaha yang terlibat mengikut Daerah di Negeri Selangor ?
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri Selangor membantu untuk memasarkan pengeluaran ikan air tawar petani yang terlibat dalam usaha untuk menambahkan lagi pendapatan mereka?

JAWAPAN :

- a) Peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun 2011 adalah dalam bentuk input pengeluaran ternakan serta khidmat nasihat perikanan.
- b) Bagi tahun 2011, bantuan yang diberikan adalah berupa benih-benih ikan air tawar seperti Keli dan Tilapia serta makanan ternakan kepada pengusaha. Selain itu, pada tahun ini juga Kerajaan Negeri Selangor akan menjalankan program pembangunan spesies ternakan baru iaitu Tilapia Giff dan Tengas. Peserta-peserta yang akan terlibat dan dibantu masih sedang dikenal pasti.
- c) Di peringkat Jabatan Perikanan hanya boleh membuat urusan '*match-making*' antara pengeluar dan pengedar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PEMBUANGAN SAMPAH

208. Pembuangan sampah didapati tidak terkawal di dalam kawasan

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengatasi permasalahan pembuangan sampah haram di sepanjang Jalan Sungai Tekali ke Empangan Semenyih, Jalan Ampang Hulu Langat, Jalan Besar Hulu Langat di Bukit Kundang, Batu 15, Hulu Langat dan lain-lain lagi?
- b) Adakah pihak Berkuasa Tempatan mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan pengguna membuat sampah ke dalam tong 'roro' yang disediakan di Pekan Batu 18, Hulu Langat. Pembuangan sampah di kawasan berkenaan tidak terkawal dan mencemarkan keindahan persekitaran dan Sungai Langat yang berhampiran?

JAWAPAN:

- a) MPKj menjalankan penguatkuasaan Undang-undang Kecil (UUK) Pelupusan Sampah dan membuat intipan di luar waktu pejabat. Orang-orang yang ditemui melakukan kesalahan akan ditawarkan kompaun RM1,000.00. Majlis Perbandaran Kajang menubuhkan *task force* atau kontraktor Alam Flora Sdn. Bhd. untuk membersihkan sampah haram. Majlis Perbandaran Kajang juga menyediakan tong sampah 'roro' di kawasan tersebut dengan persetujuan Majlis Perwakilan Penduduk Zon (MPP).
- b) MPKj menubuhkan *task force* atau kontraktor Alam Flora Sdn. Bhd. untuk membersihkan sampah haram dan menyediakan tong sampah roro di kawasan tertentu dengan persetujuan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : MASALAH JENAYAH.

209. Bertanya Kepada Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah jenis-jenis jenayah yang sering berlaku di Negeri Selangor pada masa kini?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi kes-kes jenayah tersebut?
- c) Berapakah jumlah-jumlah kerugian yang dialami oleh mangsa-mangsa akibat daripada kes-kes jenayah tersebut?

JAWAPAN :

a),b) & c)

STATISTIK JENAYAH TAHUN 2011 (JAN-FEB)

Bil	JENIS JENAYAH	TAHUN 2011	
		KES	KERUGIAN (RM)
1	SMN B'KWN T/S'API	818	2,454,000
2	CURI MOTOKAR	883	23,299,400
3	CURI M/SIKAL	1,975	6,453,700
4	PECAH RUMAH	1,343	16,116,000
5	CURI	1,037	2,074,000
	JUMLAH	6,065	50,397,100

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENGAGIHAN BANTUAN

210. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Senaraikan segala bantuan yang telah diadakan oleh kerajaan Pakatan Rakyat berserta tarikh bantuan dimulakan dan jumlah yang mendapat manfaat daripadanya.
- b) Bagaimana wakil-wakil rakyat boleh mendapat akses kepada senarai penerima-penerima yang di kawasan masing-masing?

JAWAPAN :

- a) Sila rujuk Lampiran A
- b) Pada masa ini wakil rakyat boleh mendapatkan senarai nama penerima-penerima bantuan tersebut melalui agensi-agensi pemberi bantuan yang melaksanakan program-program bantuan seperti yang dinyatakan. Kerajaan Negeri melalui Bahagian Teknologi Maklumat sedang mewujudkan pangkalan data untuk memusatkan maklumat penerima bantuan di dalam satu portal khas bagi memudahkan akses maklumat.

LAMPIRAN A**JUMLAH PENERIMA BANTUAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN NEGERI SELANGOR**

BIL	PROGRAM	BIL PENERIMA BANTUAN DAN PERUNTUKAN MENGIKUT TAHUN					JUMLAH KESELURUHAN PENERIMA BANTUAN 2008-2010
		2008		2009		2010	
1	PROGRAM BANTUAN PERALATAN/MESIN BLUEPRINT	148		334		245	727
2	PROGRAM RUMAH KERAJAAN PRIHATIN	286		279		172	737
3	PROGRAM KEMAHIRAN TEKNIKAL PELAJAR MISKIN	333		239		274	846
4	PROGRAM BANTUAN KESIHATAN	0		43		75	118
5	TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG	60		104		116	280
6	BANTUAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR	18635		21621		23488	63744
7	BANTUAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (PERUNTUKAN NEGERI UNTUK BANTUAN AM, BANTUAN SEKOLAH DAN BENCANA ALAM)	8213		7436		8007	23656
8	JUMLAH	27675		30056		32377	90108

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : KOMUNITI BERPAGAR DAN BERPENGAWAL

211. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pendirian kerajaan berkenaan dengan percanggahan dua garis panduan yang berlainan antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat dan bagaimana ianya boleh disatukan sebagai satu garis panduan yang boleh diikuti oleh semua?

JAWAPAN :

- a) Konsep skim perumahan komuniti berpagar (*gated community*) pada awalnya terhad kepada pembangunan kediaman berstrata (berbilang tingkat) seperti kondominium dan apartmen mewah dengan menawarkan kemudahan harta bersama (*common property*) seperti kolam renang, rumah kelab, perkhidmatan keselamatan, kemudahan sukan dan rekreasi. namun, disebabkan proses perbandaran telah berkembang dengan pesat, konsep ini telah diambil dan dengan pakai oleh pemaju perumahan bagi projek pemajuan perumahan jenis bertanah (*landed development housing projects*) yang mengandungi rumah teres, rumah teres berkembar, banglo dan lain-lain. oleh itu, pindaan terhadap Akta Hak milik Strata 1985 (Akta 318) pada 12 April 2007 telah dibuat untuk membenarkan pembangunan '*gated community*' bagi projek pemajuan perumahan jenis bertanah (*landed development*).

Secara dasarnya Kerajaan Negeri menerima baik Garis panduan dan Perancangan '*Gated Community and Guarded Neighbourhood*' yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mana sebahagian besarnya merupakan cadangan garis panduan asal yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. namun yang demikian terdapat beberapa perbezaan yang ketara khususnya yang melibatkan konsep '*guarded neighbourhood*' yang mana kerajaan Negeri menetapkan persetujuan 85% daripada pemilik (termasuk penyewa) sedangkan KPkt hanya meletakkan persetujuan majoriti iaitu 51% sahaja. walaupun kedua-duanya telah menetapkan bilangan peratusan yang berbeza, namun ia masih lagi bertentangan dari aspek perundungan seperti Seksyen 136(2) dan Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 46, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Seksyen 80, Akta Pengangkutan Jln 1987 serta Seksyen 26 Jadual G, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 berkenaan dengan larangan terhadap sebarang halangan pada jalan-jalan awam. oleh yang demikian, garis panduan yang disediakan ini adalah setelah mengambil kira pelanggaran perundungan yang minimum.

Untuk itu, bagi tujuan penyelarasan rundingan lanjut dengan pihak KPkt akan dibuat untuk menyelaraskan perkara ini dan sementara waktu Garis Panduan Pembangunan '*Gated and Guarded Community*' Negeri Selangor yang diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 9 Jun 2010 akan terus diguna pakai sebelum penyeragaman dibuat dengan KPkt.

Bagi permohonan baru yang berkonsepkan '*gated community*' pula, Kerajaan Negeri telah menetapkan ia wajib mematuhi peruntukan Akta Hak Milik Strata 1985, (Akta 318) yang juga selaras dengan garis panduan yang disediakan oleh KPKT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : EKONOMI

212. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah pelaburan yang datang ke negeri Selangor pada tahun 2010 dan apakah taburan pelaburan mengikut bidang-bidang?
- b) Apakah usaha terkini kerajaan negeri bagi menarik pelabur asing ke negeri Selangor?
- c) Berapakah jumlah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan dari pelaburan baru dari tahun 2008 hingga 2010?

JAWAPAN :

- a) Bagi tahun 2010, sebanyak **325 projek perkilangan** telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 10,641,835,402**. Daripada jumlah ini sebanyak **RM 5,494,986,553** daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 5,146,848,849** daripada pelaburan asing. Sebanyak **27,865** potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan. Pecahan pelaburan mengikut bidang industri adalah seperti berikut:-

Industri	Projek	Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Food Manufacturing	26	1,424	336,112,165	626,902,513	963,014,678
Beverages & Tobacco	2	110	90,807,730	572,270	91,380,000
Textiles & Textiles Product	4	199	34,288,240	41,282,178	75,570,418
Wood & Wood Products	11	345	47,306,276	21,034,220	68,340,496
Furniture & Fixtures	16	1,396	91,229,105	1,740,000	92,969,105
Paper, Printing & Publishing	2	131	41,850,000	14,980,000	56,830,000
Chemical & Chemical Products	31	816	317,450,303	1,243,473,777	1,560,924,080
Petroleum Products (Inc.Petrochemicals)	2	89	24,240,000	0	24,240,000
Rubber Products	20	4,089	591,359,485	77,177,016	668,536,501
Plastic Products	26	1,135	177,181,085	121,480,545	298,661,630
Non-Metallic Mineral Products	8	469	71,402,200	1,547,599,596	1,619,001,796

Basic Metal Products	16	959	275,100,112	63,515,332	338,615,444
Fabricated Metal Products	24	1,294	99,839,992	67,649,399	167,489,391
Machinery & Equipment	44	3,658	693,685,786	231,646,882	925,332,668
Electronics & Electrical Products	36	4,599	454,539,493	793,181,308	1,247,720,801
Transport Equipment	44	6,222	1,993,600,027	245,380,373	2,238,980,400
Scientific & Measuring Equipment	8	926	146,161,994	45,200,000	191,361,994
Lain-Lain Industri	5	4	8,832,560	4,033,440	12,866,000
Jumlah	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,849	10,641,835,402

Sumber : MIDA

- b) Usaha-usaha terkini yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menarik pelaburan ke Negeri Selangor adalah seperti berikut;
- i. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
 - ii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
 - iii. Menyelenggara dan menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
 - iv. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
 - v. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
 - vi. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau perlaksanaan projek-projek pelaburan serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
 - vii. Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang ada di setiap Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor.
 - viii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

- ix. Penambahbaikan fungsi Pusat Pelaburan Negeri bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan bagi mempromosikan pelaburan dan membantu para pelabur.
 - x. Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek pelaburan yang sedang dilaksanakan.
 - xi. Pengajuran dan penyertaan dalam misi-misi penggalakan pelaburan ke luar negara.
 - xii. Bekerjasama dengan pihak swasta dan badan-badan perniagaan bagi menarik pelaburan dari luar negara.
 - xiii. Meningkatkan program pertemuan dan dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri selesa terus beroperasi di Negeri Selangor.
 - xiv. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.
 - xv. Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- c) Jumlah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan hasil dari pelaburan baru dari tahun 2008 hingga 2010 adalah sebanyak **45,042 peluang pekerjaan**. Pecahan potensi peluang pekerjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	Peluang Pekerjaan
2008	15,531
2009	14,483
2010	15,028
Jumlah	45,042

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : RANCANGAN TEBATAN BANJIR

213. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Sering sedang di dalam perancangan dan di peringkat reka bentuk dengan kos projek dianggarkan sebanyak RM6.8 juta.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memulakan projek ini memandangkan kejadian banjir semakin kerap berlaku semenjak akhir-akhir ini?

JAWAPAN :

- a) Di dalam RMK 10 Rancangan Tebatan Banjir Sungai Sering merupakan langkah jangka panjang yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah banjir yang melibatkan Daerah Hulu Langat dan Daerah Gombak. Mengikut rekod Jabatan, kebanyakan banjir yang berlaku di sekitar Sungai Sering tertumpu di Daerah Hulu Langat berbanding Daerah Gombak. Maka permohonan bagi RTB Sg Sering Daerah Hulu Langat telah diluluskan pada Mesyuarat MTES sebanyak RM6.8 juta. Sehingga ke hari ini permohonan bagi pelantikan Juru perunding yang melaksanakan pelan reka bentuk terperinci telah pun di peringkat Bahagian Kewangan Negeri untuk diluluskan dan dijangka kerja tersebut akan dipanggil pada bulan Oktober 2011

Di samping itu pihak Kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah melaksanakan langkah jangka pendek bagi mengawal tahap banjir di Sungai Sering. Di antara kerja yang telah dilaksanakan adalah Kerja Pembaikan dan Pembinaan Struktur L Unit dan Dinding Banjir berjumlah rm 323,286 yang telah siap dilaksanakan pada 20 Disember 2010 dan Kerja Pengorekan dan Pembinaan Ban di Kuala Sungai Sering yang telah diiklankan pada 14 Mac yang lalu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : LAMPU JALAN

214. Jalan Hj. Abdul Manan yang menghubungkan Jalan Meru - Klang dari Klang Sentral dengan laluan 5 Pantai Barat adalah di bawah kawasan Majlis Perbandaran Klang. Jalan ini yang amat sibuk digunakan oleh pengguna Jalan raya pada waktu siang dan malam. Akan tetapi jalan tersebut masih tidak dipasang lampu jalan dan dalam keadaan gelap gelita pada waktu malam.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bila lagikah Kerajaan Negeri Selangor akan mengambil tindakan memasang lampu-lampu jalan tersebut demi menjaga keselamatan dan kepentingan pengguna jalan raya tersebut selaras dengan slogan Kerajaan yang prihatin kepada rakyat ?

JAWAPAN :

- a) Walaupun Jalan Hj. Abd. Manan (Jalan Negeri) terletak di bawah kawasan Majlis Perbandaran Klang, jalan tersebut adalah di bawah selenggaraan JKR termasuk penyediaan lampu jalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PERMOHONAN TANAH PERTANIAN DI BLOK 81 HULU PERDIK

215. Difahamkan terdapat tanah kerajaan yang tidak diterokai oleh penduduk tempatan begitu lama selepas pemerintahan Jepun di Daerah Hulu Langat ini termasuk di Hulu Perdik, Hulu Langat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status permohonan QT Tanah Pertanian di Blok 81 Hulu Perdik?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sedang di dalam proses menyelesaikan semua permohonan pemberimilikan tanah yang tertunggak sejak mengambil alih tumpuk pemerintahan di negeri Selangor. Bagi permohonan tanah pertanian di Blok 81 Hulu Perdik Kerajaan Negeri sedang memproses permohonan pemberimilikan tanah tersebut secara berkelompok.

Satu majlis dialog telah diadakan bersama penduduk-penduduk kawasan tersebut yang dipengerusikan oleh Y.B Tuan Iskandar Bin Abdul Samad, Pengurus Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Setinggan bersama Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat pada 9 Januari 2011 berkaitan dengan isu – isu permohonan tanah yang belum diselesaikan.

Hasil daripada dialog tersebut bersetuju satu jawatankuasa bertindak ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ketua Kampung bagi jawatankuasa tersebut mengemukakan senarai terkini pengusaha-pengusaha asal atau waris-waris pengusaha asal sekiranya pengusaha-pengusaha asal telah meninggal dunia bagi dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk tujuan semakan sebelum Kertas Ringkasan bagi permohonan pemberimilikan tanah pertanian di Blok 81 Hulu Perdik diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(DUN TERATAI)**

TAJUK: PENGURUSAN SAMPAH.

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Bilakah Worldwide Holding akan ambil alih pengurusan sampah di negeri Selangor.
 - Adakah PBT berkuasa dan dalam keadaan apa boleh menamatkan mana-mana kontraktor yang mengutip sampah?
 - Adakah PBT berhak menamatkan kontrak alam flora memandangkan alam flora menandatangi perjanjian dengan PBT dan bukan kerajaan negeri Selangor.

JAWAPAN :

- Pihak Worldwide Holding Sdn. Bhd. (WHD) tidak mempunyai sebarang cadangan bagi mengambil alih bagi kerja-kerja pengutipan sampah. Ini kerana perjanjian diantara Kerajaan Negeri bersama WHD hanya melibatkan kawasan tapak pelupusan sampah. Manakala bagi kerja-kerja pengutipan sampah, ia terletak di bawah pengurusan syarikat konsesi Alam Flora sepenuhnya. Hal ini juga telah mendapat kelulusan daripada mesyuarat Kabinet pada tahun 1998 dan merupakan arahan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Bagi Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), mereka menyatakan pihak PBT mempunyai kuasa bagi menamatkan mana-mana kontraktor yang menjalankan operasi pengutipan sampah. Walaubagaimanapun, penamatan kontraktor tersebut hanya boleh dibuat oleh PBT dalam beberapa keadaan. Antaranya, jika kontraktor berkenaan didapati melanggar syarat kontrak yang dibuat bersama pihak majlis. Kontraktor berkenaan juga boleh ditamatkan kontrak jika didapati mengalami kerugian dan muflis. Manakala bagi Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), mereka tidak mempunyai kuasa bagi menamatkan mana-mana kontraktor mengutip sampah. Hal ini kerana pihak MPAJ telah menyerahkan secara novasi kepada konsesi Alam Flora pada 15 Julai 2009. Oleh itu, penamatan kontraktor hanya boleh dilakukan oleh Alam Flora kerana perjanjian telah dimeterai oleh kedua-dua belah pihak tanpa melibatkan PBT.
- Pihak MPAJ mempunyai kuasa bagi menamatkan perjanjian kontrak dengan Alam Flora kerana perjanjian tersebut telah dimasuki oleh kedua-dua belah pihak. Walaubagaimanapun, pihak MPAJ perlu terlebih dahulu memperolehi rujukan dan maklumbalas daripada Kerajaan Negeri disebabkan perjanjian tersebut telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Berdasarkan perjanjian antara Alam Flora bersama Majlis Perbandaran Klang (MPK) mereka boleh menamatkan perjanjian dengan memberi notis bertulis kepada pihak Alam Flora. Penamatan ini hanya boleh dilaksanakan sekiranya pihak Alam Flora tidak mematuhi terma, skop dan spesifikasi kerja yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PKNS

217. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Kenapakah sistem tender dibuat bagi pembelian rumah kedai. Sila huraikan .
- b) Rungutan dari orang ramai sistem ini menyebabkan rakyat sederhana sukar untuk membeli rumah kedai ini. Apakah kerajaan akan mengubah polisi ini.
- c) Nyatakan peratusan rumah kedai yang di bangunkan oleh PKNS yang di jual kepada syarikat-syarikat besar ?

JAWAPAN :

- a) PKNS memutuskan tawaran jualan kedai 3 tingkat Seksyen 19, Shah Alam secara tender pada tahun 2010 kepada umum setelah mengambil kira faktor seperti berikut :-
 - i) Perbadanan telah menerima lebih daripada 100 permohonan daripada orang ramai sedangkan unit yang dibina hanya 26 unit sahaja.
 - ii) Dalam mengamalkan pemilikan yang adil dan telus kepada pemohon-pemohon, Perbadanan berpendapat kaedah tawaran secara tender adalah yang terbaik dengan menetapkan harga rezab permulaan serendah RM1,235,350 seunit.
 - iii) PKNS juga mengekalkan kuota jualan 70% kepada Bumiputra dan 30% bukan Bumiputra.
- b) Jualan kedai di Seksyen 19, Shah Alam secara tender ini adalah secara 'one off basis' dan bukannya merupakan polisi yang ditetapkan untuk penjualan semua kedai yang dibina oleh PKNS.

Walaupun jualan di atas secara tender, jurang perbezaan harga yang ditawarkan oleh penender berbanding dengan harga rezab adalah tidak melebihi 6% dan ini adalah berpatutan. PKNS juga menerima maklumbalas daripada orang ramai yang berpuas hati di atas tindakan PKNS menawarkan secara tender kerana ia lebih adil.

- c) Setakat ini Perbadanan hanya menjual rumah kedai kepada individu-individu dan syarikat bertaraf Sdn Bhd sahaja dan tidak pernah menjual kepada syarikat-syarikat besar yang disenaraikan di Bursa Saham.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : SKIM MIKROKREDIT SELANGOR (SKIMSEL)

218. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sehingga kini, berapakah jumlah pinjaman yang telah dipinjamkan?
- b) Sehingga kini, berapakah jumlah peratus pinjaman yang telah dibayar balik?

JAWAPAN :

a) & b)

Berikut adalah jawapan tersebut :-

Bil.	Cawangan SKIMSEL	Peserta (Sadiq)	Jumlah Pembiayaan	Peratus Bayar Balik
1.	Sabak Bernam	510	1,469,000	100
2.	Kuala Selangor	240	516,500	100
3.	Hulu Selangor	210	484,000	100
4.	Hulu Langat	120	256,000	100
5.	Kuala Langat	135	204,000	100
6.	Sepang	50	115,000	100
	Jumlah	1265	3044,500	100

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : SUMBER TENAGA JANA SEMULA (*RENEWABLE ENERGY*)

219. Bertanya kepada Y. A. B Menteri Besar
- Apakah bentuk sumber tenaga jana semula yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri Selangor?
 - Senaraikan kawasan dalam Negeri Selangor mengikut PBT yang berjaya menggunakan sumber jana semula ini.

JAWAPAN :

- Buat masa ini, hanya tenaga solar dikenal pasti untuk menjadi sumber tenaga yang sesuai di Negeri Selangor memandangkan cuaca di negara ini adalah panas sepanjang tahun. Tenaga daripada janakuasa hidro kecil juga dikenal pasti sebagai sumber tenaga yang berpotensi untuk memenuhi keperluan tenaga di terutamanya di kawasan-kawasan terpencil Negeri Selangor.
- Buat masa ini, tenaga solar telah dilaksanakan di beberapa unit-unit kediaman persendirian dan taman-taman perumahan di beberapa kawasan perumahan PBT. Tenaga solar juga digunakan di beberapa buah kawasan perindustrian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PELEBARAN JALAN TAMAN CUEPACS KE TAMAN ALAM JAYA,
CHERAS.**

220. Difahamkan pihak Majlis Perbandaran kajang telah menjalankan kerja-kerja pelebaran jalan dari Simpang PGA – Cheras ke Taman Alam Jaya melalui Taman Cuepacs.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan projek pelebaran jalan tersebut dan pihak mana yang menyumbang kewangannya?
- b) Apakah status projek pelebaran jalan ini yang didapati terlalu lebar dan mengganggu pengguna jalan berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan projek pelebaran jalan tersebut berjumlah RM 8.6 juta. Bayaran adalah sumbangan daripada pihak pemaju yang sedang membangunkan kawasan sekitar.
- b) Lebar jalan yang di cadangkan ialah 66 kaki. Kemajuan kerja 62% sehingga Februari 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PROJEK CEKAL RAYA SDN BHD

221. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 berkenaan Pejabat SUK di muka surat 92-94:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan Kerajaan Negeri masih belum menerima pulangan sepenuhnya seperti yang telah ditetapkan dalam kelulusan projek penswastaan ini?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi kelemahan ini?
- c) Apakah sebab-sebab boleh berlaku ketiadaan perjanjian bagi membolehkan tindak-tanduk pemaju dikawal?

JAWAPAN :

- a) Projek pembangunan secara penswastaan oleh Syarikat Cekal Raya Sdn. Bhd. di atas tanah kerajaan seluas 23.75 ekar di Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor telah diluluskan pada 24 Mac 1999. Berdasarkan kelulusan pada masa itu, pulangan kepada Kerajaan Negeri adalah:-

Bil.	Komponen Pulangan	Nilai (RM)	Status
1.	Premium tanah	2,101,382.00	Telah dibayar
2.	64 unit Rumah Kos Rendah (RKR)	2,688,000.00	Telah siap dibina tetapi telah dijual kepada Orang Awam
3.	Perpustakaan Awam, Tadika, Surau, Dewan Orang Ramai	500,000.00	Belum dibina
	Jumlah	5,289,382.00	

Baki pulangan yang masih belum diterima adalah sebanyak RM 500,000.00 dan ianya berbentuk perpustakaan awam, tadika, surau dan dewan orang ramai. Usaha untuk mendapatkan baki pulangan ini sukar dilaksanakan kerana keseluruhan tanah tersebut telah diberi milik kepada pihak syarikat pada 5 April 2000 lagi, dimana Borang 5A bagi tujuan pemberimilikan telah dikeluarkan pada tarikh tersebut dan pihak syarikat telah pun menjelaskan sepenuhnya premium tanah berkenaan pada 12 Julai 2000. Oleh itu, tanah tersebut telah menjadi milik syarikat secara sah.

Borang 5A yang dikeluarkan pada tahun 2000, telah dikeluarkan tanpa melibatkan sebarang perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan pihak syarikat. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri pada masa ini tidak dapat menuntut sebarang baki yang belum selesai seperti mana kelulusan MMKN pada tahun 1999.

Pada tahun 2005, Kerajaan Negeri ada memasukkan Kaveat Pendaftar ke atas tanah berkenaan, namun pada ketika itu, semua pembangunan telah pun selesai dilaksanakan oleh pihak syarikat.

- b) Bagi memastikan tiada lagi kes seperti Projek Cekal Raya ini terjadi, pada tahun 2006, Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa tiada lagi pulangan dalam bentuk *in kind* ke atas mana-mana projek pembangunan secara penswastaan. Manakala pada tahun 2008, Kerajaan Negeri menegaskan menerusi polisinya bahawa tiada lagi projek penswastaan akan diberikan.
- c) Melalui semakan dalam rekod yang ada, tidak terdapat maklumat yang diperolehi mengenai sebab-sebab kegagalan melaksanakan perjanjian pembangunan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : KEMBALIKAN HAK AIR KEPADA RAKYAT NEGERI SELANGOR

222. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :
- Sila nyatakan apakah perkembangan terkini proses rundingan penstrukturran air Negeri Selangor dengan syarikat konsesi dan Kerajaan Persekutuan selepas kempen tersebut dijalankan ?
 - Sila nyatakan setakat manakah kefahaman dan kesedaran rakyat Negeri Selangor selepas dan sebelum kempen tersebut dijalankan ?
 - Sila huraikan tindakan susulan yang bakal diambil oleh pihak Kerajaan Negeri sekiranya pihak syarikat konsesi masih berkeras dan enggan menerima tawaran penstrukturran semula industri air dari Kerajaan Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- Selepas kempen Kembalikan Hak Air kepada Rakyat Negeri Selangor dijalankan pada bulan Disember 2010, Kerajaan Persekutuan telah memberi kelulusan supaya Kerajaan Negeri Selangor diberi mandat untuk memberi tawaran semula kepada keempat-empat syarikat konsesi air di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor telah membuat tawaran baru kepada syarikat-syarikat konsesi air tersebut pada 6 Januari 2011, dan tawaran tersebut ditolak oleh Syarikat Pengeluaran Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. (SPLASH), dan diterima dengan syarat oleh ABASS Sdn. Bhd. Kerajaan Negeri tidak diterima jawapan daripada Pihak Puncak Niaga (M) Sdn Bhd. (PNSB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd (SYABAS) sama ada diterima atau ditolak, sebab yang diberi adalah kerana tawaran ialah *inter-conditional*, maknanya setelah dimaklumkan bahawa SPLASH menolok tawaran, tawaran tidak lagi munasabah.

Setelah tawaran terakhir tersebut telah tamat tempohnya, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan dalam media bahawa cadangan baru akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Setakat ini, tiada apa-apa cadangan baru yang telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor masih menunggu notis daripada pihak Kerajaan Persekutuan.

- Kefahaman dan kesedaran rakyat negeri Selangor mengenai isu penstrukturran air negeri Selangor telah berkembang hasil daripada kempen Kembalikan Hak Air kepada Rakyat Negeri Selangor, melalui siri ceramah yang dilaksanakan di merata kawasan di negeri Selangor. selain daripada itu, kempen tandatangan juga dilaksanakan di mana lebih daripada 500,000 diperolehi untuk menyokong pendirian Kerajaan Negeri Selangor. Laman web www.airuntukrakyat.net juga dilaksanakan supaya orang awam dapat mendapat maklumat secara lebih teliti.

- c) Kerajaan Negeri Selangor telah menulis kepada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) untuk mengesyorkan agar Kerajaan Persekutuan menggunakan kuasa beliau di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 665) klaus 19 (1) untuk memastikan syarikat-syarikat konsesi air akan bersetuju untuk menjual aset dan ekuiti syarikat-syarikat mereka, dan sekiranya mereka tidak bersetuju nilai ekuiti yang ditawar, kesemua pihak akan merujuk perkara ini kepada *international arbitration* untuk menentukan nilai ekuiti pampasan mereka. cadangan baru Kerajaan Persekutuan sepatutnya dibentangkan terlebih dahulu sebelum dinilai secara teliti oleh Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : BANJIR LUMPUR DI TAMAN BUKIT PERMAI, KAJANG

223. Penduduk di Taman Bukit Permai di atas membuat aduan tentang banjir lumpur dan kerosakan infrastruktur dan rumah akibat dari projek pembinaan perumahan berhampiran taman mereka.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah sebarang kebenaran diberikan kepada syarikat perumahan berkenaan menggunakan jalan taman perumahan tersebut?
- b) Adakah jalan alternatif disediakan supaya tidak mengganggu penduduk Taman Bukit Permai?
- c) Adakah usaha dilakukan bagi membaiki kerosakan yang dialami penduduk?

JAWAPAN :

- a) Pihak pemaju telah mendapat kelulusan daripada jabatan-jabatan teknikal seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral Geosains (JMG), IKRAM dan sebagainya kerana memandangkan ianya merupakan pembangunan yang dijalankan di kawasan berbukit/ cerun. Walau bagaimanapun, berdasarkan kelulusan infrastruktur, pihak MPKj tidak mensyaratkan pihak pemaju menggunakan jalan taman bagi tujuan jalan keluar/ masuk ke tapak pembinaan.
- b) Pihak pemaju terpaksa menggunakan Jalan Bukit Permai 1 sebagai jalan masuk sementara ke tapak memandangkan jalan masuk yang dicadangkan tidak dapat digunakan kerana pembinaan tembok penahan perlu disiapkan terlebih dahulu.
- c) Berdasarkan mesyuarat tersebut, pihak pemaju bersetuju untuk melaksanakan kerja-kerja membaikan ke atas kerosakan jalan secepat mungkin. Walau bagaimanapun, pihak MPKj akan membaiki jalan tersebut dengan menggunakan wang cagaran yang telah dikenakan kepada pemaju sekiranya pihak pemaju tidak membaikinya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PERANAN JMB

224. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah peranan sebenar yang di mainkan oleh Badan Pengurusan Bersama atau JMB dalam menangani masalah penduduk-penduduk rumah bertingkat dan berapa jumlah serta lokasi nya di DUN Meru ?
- b) Apakah peranan Commissioner of Building (COB) dan bagaimana ianya boleh menyumbang ke arah memperbaiki taraf kehidupan penduduk rumah bertingkat ?

JAWAPAN :

- a) Badan Pengurusan Bersama (JMB) merupakan entiti yang diwujudkan di bawah Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] sebagai badan yang terdiri daripada pemaju dan pembeli petak. Ia berperanan dan bertanggungjawab dalam mengurus dan menyenggara bangunan serta harta bersama. Selain itu, JMB juga berperanan menentukan kadar caj yang ideal, menentukan keutamaan dalam perbelanjaan pengurusan dan penyenggaraan harta bersama, kawalan dalam perbelanjaan Kumpulan Wang Penyenggaraan Bangunan serta harta bersama. Melalui platform JMB, kaedah-kaedah dalaman (*house rules*) dan kawalan keselamatan boleh dirangka sendiri oleh pembeli mengikut kesesuaian suasana dan penduduk setempat. Ini sekaligus dapat memelihara keharmonian pembeli serta mengelakkan pertikaian sekiranya peranan tersebut dijalankan oleh pihak lain.

Pangsapuri-pangsapuri yang terdapat di DUN Meru yang masih lagi dalam proses penubuhan JMB adalah:

- i. Pangsgupri Impian, Meru
- ii. Pangsgupri Meru Ehsan
- iii. Pangsgupri Setia Alam
- iv. Pangsgupri Meru Court

- b) Peranan Pesuruhjaya Bangunan (COB) di bawah Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] adalah seperti berikut:
 - i) Mengawal selia penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama yang dilaksanakan pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB) Dan Perbadanan Pengurusan (MC);
 - ii) Memastikan pemaju mengadakan mesyuarat pertama JMB;

- iii) Melantik seseorang untuk mengadakan mesyuarat pertama JMB jika pemaju gagal;
- iv) Menyelesaikan pertikaian Akaun Penyenggaraan Bangunan (APB) secara patut dan adil;
- v) Memastikan penyenggaraan dan pengurusan APB selaras Akta 663;
- vi) Memastikan pemaju mengemukakan APB yang telah diaudit;
- vii) Mempunyai hak melantik juruaudit syarikat untuk menyiasat buku akaun dan urusniaga APB;
- viii) Melantik ejen pengurusan apabila JMB gagal, pemaju atau JMB tidak berfungsi dengan baik;
- ix) Memastikan pemaju meletakkan deposit kepada COB untuk tujuan baikpulih semasa tempoh liabiliti kecacatan;
- x) Mengeluarkan dan melaksanakan waran penahanan harta alih ke atas pembeli yang mempunyai tunggakan caj melebihi 6 bulan; dan
- xi) Memastikan kaedah dalaman dan minit mesyuarat JMB/MC diserahkan untuk disimpan.

Peranan COB tersebut dapat memastikan penyenggaraan dan pengurusan bangunan serta harta bersama yang dijalankan oleh JMB adalah teratur di bawah Akta 663.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMAJU PERUMAHAN YANG DISENARAI HITAMKAN

225. Terdapat beberapa pemaju perumahan yang masih gagal menyiapkan projek perumahan dan infrastruktur untuk rakyat. Mereka masih berlengah kerana para lembaga pengaruhnya masih beroperasi atas nama syarikat yang baru dengan membangunkan kawasan lain .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan syarikat-syarikat pemaju dan lembaga pengaruhnya yang pihak Kerajaan Negeri telah menyenaraihitamkan sehingga kini .
- b) Apakah polisi atau garis panduan yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri sekarang untuk memastikan pihak pemaju tidak menyeleweng dan menipu pembeli rumah?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini, Kerajaan Negeri telah menyenarai hitamkan 119 buah syarikat- syarikat yang terdiri daripada 304 orang lembaga pengarah. Senarai nama syarikat berserta ahli lembaga pengaruhnya adalah seperti di Lampiran 1.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak mempunyai satu polisi atau garis panduan yang khusus bagi menangani pihak pemaju dalam menyeleweng dan menipu pembeli rumah. Namun atas keprihatinan kepada pembeli- pembeli rumah, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah tersebut. Antara langkah yang telah dilaksanakan adalah melalui sistem pemantauan sedia ada yang telah diperuntukkan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meningkatkan penguatkuasaan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) bagi memantau 6 bulan sekali ke atas pemaju dengan mewajibkan mereka menghantar Borang 7F untuk memaklumkan status terkini kedudukan projek yang sedang dibina agar dapat disiapkan mengikut jadual.

Di samping itu, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Pihak Berkusa Tempatan (PBT) memantau secara dekat melalui Jadual Kedua Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang menghendaki pemaju mengemukakan Borang-borang A, B, C, D dan E kepada PBT dan salinan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi tujuan pemantauan. Melalui salinan borang-borang tersebut LPHS akan dapat mengenal pasti sekiranya berlaku masalah terhadap sesebuah projek dan tindakan awal akan dapat dijalankan.

LPHS juga melalui sistem pendaftaran pemaju akan membuat pemantauan terus projek-projek yang berdaftar dengan LPHS. Pemaju diwajibkan berdaftar sekiranya ingin menjalankan pembangunan perumahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kebenaran Merancang diluluskan oleh PBT. Laporan status projek berserta jadual kerja bagi setiap projek pembangunan di Selangor juga dikemukakan secara berkala bagi memastikan projek berjalan mengikut jadual. Melalui sistem pendaftaran ini LPHS bertindak sebagai ‘one stop centre’ di mana semua maklumat dikumpulkan dan diedarkan kepada semua Bank, PBT dan KPKT sebagai sistem amaran awalan sekiranya pembangunan projek berjalan perlahan atau dapat mengelakkan daripada berlakunya projek terbengkalai. Lawatan ke tapak projek akan dijalankan dari masa ke semasa bersama pihak perunding projek, bank-bank berkaitan dan PBT sekiranya projek tersebut menunjukkan ciri-ciri akan bermasalah.

Pada masa ini, semua nama pengarah syarikat pemaju yang terlibat dengan projek terbengkalai akan diperolehi melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk disenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua PBT dan Pejabat Daerah dan Tanah seluruh Selangor selain dicadangkan untuk dipaparkan dalam laman web sebagai panduan kepada bakal pembeli rumah. Nama-nama yang telah disenaraihitamkan tersebut tidak akan dibenarkan menjalankan sebarang projek di Negeri Selangor walaupun memiliki syer di bawah nama syarikat yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : NAMA JALAN-JALAN UTAMA.

226. Bertanya Kepada Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah Kerajaan Negeri Selangor masih belum menamakan beberapa jalan-jalan utama menggunakan nama tokoh-tokoh daripada PARTI DAP, Pas dan juga PKR?
- b) Apakah sebab-sebab Jalan Barat di Petaling Jaya telah berjaya ditukar oleh Kerajaan Negeri Selangor?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menamakan lebih banyak nama-nama jalan utama yang diambil daripada nama tokoh-tokoh Parti DAP, PAS & PKR?

JAWAPAN :

- a) Setakat ini, Kerajaan Negeri belum menerima mana- mana permohonan bagi tujuan tersebut. Walau bagaimanapun cadangan nama jalan mengambil nama tokoh-tokoh parti sekarang boleh dipertimbangkan berdasarkan ketokohan dan jasa tokoh tersebut yang dibuat kepada rakyat dan negeri.
- b) Keputusan untuk menukar nama Jalan Barat di Petaling Jaya kepada nama yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor telah ditangguhkan atas arahan Kerajaan Negeri Selangor.
- c) Penamaan jalan menggunakan nama tokoh-tokoh Parti boleh dipertimbangkan dengan kriteria yang ditetapkan tetapi untuk jalan-jalan baru sahaja dan bukan di jalan-jalan sedia ada bagi mengelakkan pertukaran nama jalan yang akhirnya akan menyusahkan penduduk dan pemilik premis untuk menukar alamat, kad pengenalan dan sebarang dokumen-dokumen yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : SELANGOR KINI DIPALSUKAN

227. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan terhadap pihak yang menerbitkan, mengedar serta merujuk akhbar Selangor Terkini untuk memfitnahkan kerajaan Selangor?
- b) Bagaimana kerajaan menangani penerbitan haram yang menggunakan logo kerajaan negeri?

JAWAPAN :

- a) Susulan daripada penemuan sebuah akhbar yang dinamakan Selangor Terkini yang turut menggunakan jata/logo negeri Selangor, satu laporan polis telah dibuat mengenai penerbitan tersebut di Balai Polis Seksyen 11 Shah Alam pada 17 Januari 2011 dan perkara ini masih lagi dalam siasatan pihak polis. Dalam masa yang sama, surat makluman Bil(48)dLM.IPK.Sel.20405/1 Jld.4 telah dikelilingkan kepada semua Ketua Jabatan Negeri Selangor bagi mengambil maklum tentang penerbitan dan pengedaran akhbar tersebut yang bukan merupakan penerbitan oleh Kerajaan Negeri dan kandungannya yang menyentuh Pentadbiran Kerajaan Negeri.

Pentadbiran ini juga telah menulis surat kepada Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran , Kementerian Dalam Negeri pada 19 Januari 2011 untuk memaklumkan mengenai kewujudan akhbar ini serta meminta siasatan dibuat. Pihak Kementerian secara lisan memaklumkan Kementerian akan mengambil tindakan sekiranya penerbitan kedua akhbar tersebut dikenal pasti. Pada 7 Mac 2011 Pentadbiran ini telah mengeluarkan surat susulan kedua bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak Kementerian berkaitan perkembangan kes ini.

- b) Merujuk kepada seksyen 3 *Emblems And Names (Prevention Of Improper Use) Enactment 1962*, mana-mana pihak yang ingin menggunakan logo Negeri Selangor perlu mendapatkan keizinan bertulis daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Di bawah seksyen 5 Akta yang sama, pihak-pihak yang menggunakan logo tersebut tanpa kebenaran boleh dikenakan penalti. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan berdasarkan undang-undang bagi menangani sebarang penerbitan yang menggunakan logo Negeri Selangor tanpa keizinan bertulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : TANAH RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM

228. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak bidang tanah yang telah diberi kepada rumah ibadat selain Islam sejak tahun 2008 dan apakah prosedur dan masalah yang disering dihadapi oleh kerajaan semasa memproses permohonan tanah ini?

JAWAPAN :

- a) Tiada pemberimanikan diberikan kepada tanah-tanah kerajaan untuk kegunaan tapak rumah ibadat bukan Islam bagi tahun 2008 hingga Mei 2010. Permohonan untuk pemberimanikan di bawah Sek 76 KTN adalah ditolak dan syor Pengarah Tanah Galian Selangor adalah diwartakan di bawah Sek 62 KTN. Keputusan MMKN Bil.2/2010 bertarikh 26 Jun 2010 telah memutuskan bahawa semua permohonan bagi tapak rumah ibadat bukan Islam diwartakan dan dikawal selia oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Sehingga kini sebanyak 12 kawasan telah diwartakan sebagai tapak rumah ibadat bukan Islam .

Prosedur permohonan adalah seperti berikut :-

- i. Terima permohonan di bawah Sek. 76 Kanun Tanah Negara dengan mengemukakan Borang Jadual 1 dan permohonan Pelupusan Perizaban Tanah di bawah Seksyen 62 KTN.
- ii. Menyediakan laporan tapak/kawasan yang dipohon oleh Penolong Pegawai Tanah.
- iii. Dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal untuk mendapatkan ulasan teknikal.
- iv. Penyediaan Kertas Ringkasan untuk diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).
- v. Kertas ringkasan dikemukakan dan diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).
- vi. Kelulusan dikemukakan ke Unit Pewartaan sekiranya permohonan di lulus oleh MMKN secara pewartaan.

Antara masalah yang dihadapi dalam proses permohonan adalah :-

- i. Pemohon tidak mematuhi syarat kelayakan memiliki tanah.
- ii. Tanah yang dipohon termasuk di dalam kawasan lapang dan Tanah Rizab yang tidak mendapat sokongan dari Jabatan-Jabatan Teknikal.
- iii. Kawasan yang dipohon tidak berada di dalam Zon mengikut Pelan Perancang yang sedia ada seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: HARGA KOMODITI TINGGI

229. Hasil komoditi seperti Padi, Getah dan Kelapa Sawit agak tinggi pada waktu ini

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan pada masa ini(ketika harga melambung tinggi) bagi menghadapi kemungkinan harga akan menjunam jatuh satu masa nanti?
- b) Kebanyakan petani atau pekebun kecil Kelapa Sawit, Getah dan Padi terdiri dari kalangan orang-orang lama, bagaimanakah cara bagi untuk menggalakkan anak-anak muda dan kesedaran bahawa "Pertanian adalah sumber Perniagaan", apakah langkah-langkah yang diambil supaya golongan muda turut serta dalam sektor ini.

JAWAPAN:

- a) Harga komoditi bergantung kepada keseimbangan pasaran semasa dan Kerajaan Negeri tiada kuasa untuk mengawalnya. Isu kenaikan dan kejatuhan harga komoditi telah menjadi tren di pasaran dunia contohnya seperti harga koko dan kopi. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan memberi kesedaran kepada para petani untuk mengamalkan sikap menabung bagi mengatasi kejatuhan harga di masa hadapan.
- b) Sektor pertanian sememangnya memerlukan sokongan dan pelapis golongan muda untuk maju dan memodenkannya. Bagi meningkatkan penyertaan golongan muda jabatan / agensi Kerajaan telah diminta:-
 - i. Memperlihatkan sektor pertanian berjaya mendatangkan hasil yang lumayan.
 - ii. Memperkenalkan pertanian moden.
 - iii. memberi khusus hand on kepada belia yang berminat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(DUN TERATAI)**

TAJUK: KERJA-KERJA PEMBANGUNAN DI BAWAH DUN TERATAI

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah PBT bertanggungjawab untuk memaklumkan pihak ADN tentang segala projek pembangunan di bawah DUN Teratai?
- b) Sila nyatakan sebab-sebab PBT tidak perlu memberi makluman

JAWAPAN :

- a) Tidak
- b) PBT memaklumkan projek-projek penyelenggaraan dan pembangunan kepada Mesyuarat Jawatankuasa- Jawatankuasa yang berkaitan di PBT. Mesyuarat – mesyuarat Jawatankuasa dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis.

Surat-surat pelantikan kontraktor dikembarkan sesalinan kepada Ahli Majlis berkaitan. Ahli-Ahli Majlis berkenaan akan memaklumkan kepada ADN berkenaan memandangkan ADN tidak berada di dalam kumpulan Ahli Majlis PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : LESEN INDUSTRI BURUNG WALIT

231. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

- Senaraikan jumlah hasil lesen burung walid yang dikutip mengikut pecahan PBT daripada tahun 2007-2011.
- Senaraikan kadar lesen burung walid mengikut PBT untuk tahun 2011.
- Badan manakah yang bertanggungjawab terhadap segala pemantauan dan juga aduan awam dalam pengurusan industri burung walid?

JAWAPAN :

- Jumlah lesen burung walit yang dikutip oleh PBT daripada tahun 2007-2011 adalah:

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2007		2008		2009		2010		2011	
	BIL. LESEN	JUMLAH HASIL (RM)	BIL. LESEN	JUMLAH HASIL (RM)	BIL. LESEN	JUMLAH HASIL (RM)	BIL. LESEN	JUMLAH HASIL (RM)	BIL. LESEN	JUMLAH HASIL (RM)
MBSA	Tidak memberi maklumbalas									
MBPJ	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
MPK	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
MPAJ	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
MPSJ	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
MPS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
MPKj	-	-	-	-	1	1,000.00	-	-	-	-
MPSp	3	360.00	-	-	1	120.00	-	-	-	-
MDHS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
MDKL	-	-	2	2,000	1	1,000	4	4,000	4	4,000
MDKS	56	40,335	31	22,320	27	20,880	25	18,720	23	20,880
MDSB	201	135,240	176	123,740	170	122,400	167	120,240	122	87,840

- b) Kadar fi lesen industri burung walit mengikut PBT bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	KADAR LESEN BURUNG WALIT BAGI TAHUN 2011
Majlis Bandaraya Shah Alam	Tidak memberi maklumbalas
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	-
Majlis Perbandaran Klang	-
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	RM 500.00
Majlis Perbandaran Subang Jaya	-
Majlis Perbandaran Selayang	-
Majlis Perbandaran Kajang	RM 1,000.00 / premis
Majlis Perbandaran Sepang	Tidak memberi maklumbalas
Majlis Daerah Hulu Selangor	-
Majlis Daerah Kuala Langat	RM 1,000.00 / premis
Majlis Daerah Kuala Selangor	Tidak memberi maklumbalas
Majlis Daerah Sabak Bernam	RM 720.00 / premis

- c) Pada dasarnya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perhilitan bertanggungjawab dalam memantau aktiviti burung walit memandangkan aktiviti ini melibatkan kerja-kerja pengurusan haiwan. Walau bagaimanapun, PBT turut memainkan peranan khususnya dalam perkara-perkara yang melibatkan premis-premis bangunan atau pembangunan di dalam kawasan Majlis termasuklah permohonan Kebenaran Merancang, kelulusan pelan bangunan dan juga permohonan lesen. Oleh itu, sebarang aduan berhubung perkara tersebut boleh dirujuk kepada PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

232. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 berkenaan Majlis Perbandaran Kajang di muka surat 34:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menetapkan jenis lori kutipan yang digunakan oleh AFSB?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menetapkan NTC yang dikeluarkan adalah berdasarkan kepada kuantum kesalahan yang dilakukan?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mewujudkan sistem pengesahan kekerapan kutipan sampah yang telah dibuat?

JAWAPAN :

- a) AFSB bertanggungjawab mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam perjanjian pengambil alihan perkhidmatan pelupusan sampah secara interim yang ditandatangani bersama MPKj.
- b) MPKj telah menetapkan bahawa NTC hendaklah dikeluarkan kepada AFSB apabila AFSB atau kontraktor AFSB gagal melaksanakan perkhidmatan dengan sempurna mengikut jadual dan spesifikasi seperti di dalam perjanjian.
- c) MPKj telah menjalankan pilot projek " Pengusaha Kerja-kerja AFSB atau kontraktor AFSB yang mana pengesahan dibuat oleh wakil penduduk yang dilantik oleh Pengerusi MPP Zon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN 5

233. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan bilakah masalah kekurangan lampu jalan dan pemisah jalan khususnya dari kilang BERNAS hingga Ke Balai Bomba Sekinchan dapat diselesaikan.
- b) Apakah punca sebenar yang menyebabkan pihak Kerajaan Persekutuan lambat bertindak terhadap masalah permukaan jalan yang berlekuk-lekuk di sepanjang jalan Persekutuan 5 ?
- c) Sila nyatakan nama kontraktor yang dipilih untuk menjalankan kerja-kerja penyenggaraan jalan Persekutuan 5 dan berapakah jumlah peruntukan tahunan bagi tujuan tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Masalah kekurangan lampu jalan dan pemisah Jalan antara Kilang Bernas hingga ke Balai Bomba Sekinchan bermula sejak jalan tersebut dinaiktaraf dari 2 lorong kepada 4 lorong. Masalah-masalah tersebut telah diutarakan oleh JKR Selangor kepada Ibu Pejabat JKR Malaysia. Susulan daripada itu kajian dan penelitian telah dibuat di antara Seksyen 506.20 hingga 509.60. Hasilnya ialah cadangan untuk mengadakan median dan juga lampu jalan di jalan ini adalah amat perlu. JKR akan mula melaksanakan kerja di kawasan ini secara berperingkat. Kerja mengadakan median bermula Julai 2011 ini.
- b) Permukaan yang beralun dan rosak adalah disebabkan beberapa faktor antaranya kenderaan berat seperti lori treler yang melebihi had muatan yang dibenarkan, keadaan tanah lembut di sepanjang jalan tersebut, pengorekan jalan dan bahu jalan yang menjaskan struktur turapan dan sebagainya.
- c) Kontraktor yang dipilih untuk menjalankan kerja-kerja penyenggaraan ini adalah syarikat konsesi Roadcare (M) Sdn. Bhd. Jumlah peruntukan tahunan adalah sebanyak RM 777,600.00 daripada Klang ke Sabak Bernam sepanjang 112km . Ini hanya meliputi kerja-kerja rutin seperti memotong rumput, menampal 'potholes', membersih longkang, mencuci papan tanda dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

**TAJUK : PERUNTUKAN INFRASTRUKTUR SETIAP AHLI DEWAN NEGERI
SELANGOR (ADNS)**

234. Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan RM 1 juta bagi setiap ADNS bagi meningkatkan infrastruktur di kawasan masing-masing.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Dari manakah sumber peruntukan ini?
- b) Apakah prosedur bagi menggunakan peruntukan ini?
- c) Apakah yang diharapkan dari peruntukan istimewa ini ?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menyalurkan peruntukan bagi meningkatkan taraf infrastruktur yang melibatkan jalan bagi setiap kawasan Dewan Negeri melalui Geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS).
- b) Projek-projek tersebut akan disenaraikan oleh ADN yang telah mengenal pasti keperluan pembangunan di kawasan mereka yang merangkumi pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan-jalan negeri, pemberian longkang tepi jalan dan jalan tanah (*crusher run*). Projek tersebut akan dikemukakan kepada PBT yang akan merancang dan memproses urusan berkaitan pelaksanaan projek. PBT akan membuat permohonan peruntukan kepada Perbendaharaan Negeri Selangor. Peruntukan yang telah diluluskan bagi projek-projek tersebut akan dikeluarkan secara *Direct Grant* kepada PBT.
- c) Dengan penyaluran peruntukan ini, adalah diharapkan jalan-jalan di kawasan ADN berkenaan dapat diselenggara dengan elok dan teratur demi kepentingan rakyat di kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

**TAJUK : MEKANISMA PEMBERIAN KONTRAK BARU KEPADA KONTRAKTOR
TEMPATAN**

235. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah mekanisme atau sistem yang di pakai bagi pemberian kontrak yang di amalkan oleh Majlis Perbandaran Klang atau Alam Flora untuk pembersihan longkang, pembuangan sampah dan pemotongan rumput di Meru ? Bukan sahaja perkhidmatan kontraktor-kontraktor tersebut tidak memuaskan malah majoriti kontraktor yang mendapat kontrak tersebut adalah bukan dari kontraktor tempatan walaupun yang berdaftar dengan UPEN sekalipun.

JAWAPAN :

- a) i) Pelantikan kontraktor diselaraskan oleh Alam Flora Sdn. Bhd.
ii) Bagi tambahan kawasan @ VO baru, ia diberi kepada kontraktor sedia ada yang berdekatan yang mempunyai rekod prestasi yang memuaskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : LALUAN BARU TREN MASS RAPID TRANSIT (MRT)

236. Sejak kebelakangan ini , isu pembinaan tren MRT dari Sg.Buloh – Kota Damansara – Kajang hangat dibincangkan oleh ramai persatuan penduduk di sekitar laluan tersebut . Pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awan Darat(SPAD) kini sedang adakan sesi maklum balas sehingga bulan Mei , 2011.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pihak Kerajaan Negeri memberikan input dan pandangan kepada SPAD mengenai laluan dan pembinaan MRT ini ?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri ingin menyelesaikan masalah penduduk jika timbulnya isu-isu kesesakan trafik, pengambilan tanah, lokasi pembinaan apabila projek ini dimulakan pada bulan Julai nanti.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri secara dasarnya tiada sebarang halangan dan kata putus bagi laluan jajaran ini akan ditentukan sepenuhnya selepas mendapat maklumat dan maklum balas hasil daripada sesi rundingan awam bersama penduduk. Satu jawatankuasa teknikal di peringkat negeri telah ditubuhkan dan pengerusinya secara bersama di antara oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD). Walaubagaimanapun, laluan yang dicadangkan oleh pihak SPAD ini telah dikaji kesesuaianya dan telah dikemukakan bagi proses pembinaan.
- b) Kerajaan Negeri akan mengadakan sesi rundingan awam bersama penduduk di kawasan yang terlibat bagi menyatakan antara masalah yang akan timbul jika pembinaan projek MRT berkenaan dijalankan. Walaubagaimanapun, sebelum pembinaan projek MRT ini bermula pemaju projek akan mengemukakan perancangan pembinaan yang telah diluluskan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini akan dapat membantu mengurangkan masalah yang akan timbul sekiranya projek pembinaan MRT berkenaan dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : LITTLE INDIA OF KLANG.

237. Bertanya Kepada Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar:
- Mengapakah Kerajaan Negeri Selangor masih belum mengumumkan secara rasmi Kawasan Jalan Tengku Kelana, Klang sebagai Kawasan "Little India of Selangor" sehingga ke hari ini?
 - Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi mencantikkan serta menaiktaraf kemudahan-kemudahan awam di Kawasan Little India di Jalan Tengku Kelana Klang untuk menarik lebih ramai para pelancong pada masa hadapan?
 - Apakah Kawasan Little India di Jalan Tengku Kelana Klang tidak mempunyai sebuah Pintu Gerbang Utama dan kemudahan-kemudahan awam yang selesa bagi menonjolkan identiti Little India of Selangor?

JAWAPAN :

- Sebarang pengisytiharan khususnya membabitkan identiti sesebuah kawasan dalam kawasan pentadbiran PBT perlu dikaji secara teliti dan menyeluruh, mengambil kira pandangan awam dan pihak berkepentingan. Dalam hal pengisytiharan Jalan Tengku Kelana sebagai "Little India of Selangor", MPK sedang merujuk kepada pihak Istana untuk pandangan supaya pengisytiharan ini nanti tidak bercanggah atau konflik dengan identiti dan imej bandar sedia ada sebagai Bandar Di Raja dan Bersejarah.
- MPK amat mengalu-alukan dan menghargai sebarang usaha untuk memperindah dan menaiktaraf kemudahan prasarana di kawasan "Little India" sejajar dengan fungsi kawasan tersebut sebagai tempat tumpuan pengunjung dan sebagai salah satu destinasi pelancongan di Klang. Oleh kerana Little India mempunyai kepentingan dalam sektor pelancongan di Negeri Selangor, maka peruntukan pembangunan dari Kerajaan Negeri Selangor adalah sangat diharapkan.
- MPK tiada halangan untuk menimbang cadangan membina pintu gerbang di kawasan Little India kerana ianya merupakan salah satu elemen estetik dan tarikan di kawasan tersebut. Walaubagaimanapun, MPK perlu mengkaji kesesuaian reka bentuk ruang binaan tapak dan lokasi pintu gerbang supaya tidak menjelaskan identiti dan reka bentuk bandar sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BILLBOARD MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

238. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- Berapakah bilangan *billboard* mengikut PBT yang memaparkan tentang usaha-usaha Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)?
- Apakah cara-cara promosi lain yang digunakan bagi menyampaikan maklumat MES kepada rakyat?

JAWAPAN :

- a) Bilangan billboard Merakyatkan Negeri Selangor (MES) mengikut PBT adalah:

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN BILLBOARD 'MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR'
Majlis Bandaraya Shah Alam	Tidak memberi Maklumbalas
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	2
Majlis Perbandaran Klang	5
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	6
Majlis Perbandaran Subang Jaya	7
Majlis Perbandaran Selayang	6
Majlis Perbandaran Kajang	2
Majlis Perbandaran Sepang	14
Majlis Daerah Hulu Selangor	4
Majlis Daerah Kuala Langat	6
Majlis Daerah Kuala Selangor	3
Majlis Daerah Sabak Bernam	0

- b) Selain pengiklanan melalui billboard, cara-cara promosi lain yang digunakan bagi menyampaikan maklumat ‘Merakyatkan Ekonomi Selangor’ adalah dengan kerjasama antara Pejabat Menteri Besar Selangor dan PBT di mana banner dan poster diedarkan kepada PBT untuk dipaparkan di kawasan Majlis. Selain itu, PBT turut dibekalkan dengan risalah dan pamphlet MES untuk diedarkan pada majlis-majlis anjuran PBT dan diletakkan di kaunter PBT untuk makluman dan bahan bacaan pelawat. Di samping itu juga, MES turut dipromosikan di laman web rasmi PBT serta melalui tayangan video di ruang legar Ibu Pejabat PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PENSWASTAAN TEMPAT LETAK KERETA PBT

239. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk mengarah PBT-PBT di Selangor untuk membatalkan konsesi penswastaan tempat letak kereta seperti yang dilakukan dalam penstrukturkan semula industri air memandangkan konsesi ini telah mendatangkan lebih keburukan daripada kebaikan kepada PBT dan pembayar cukai?

JAWAPAN :

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk mengarah PBT-PBT di Selangor untuk membatalkan konsesi penswastaan tempat letak kereta seperti yang dilakukan dalam penstrukturkan semula industri air memandangkan konsesi ini telah mendatangkan lebih keburukan daripada kebaikan kepada PBT dan pembayar cukai?
- b) Penswastaan Penyeragaman Sistem Kutipan Tempat Letak Kereta Di Negeri Selangor telah diswastakan kepada dua buah syarikat iaitu Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. (SESB) dan Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd. (GPSB). Perjanjian kontrak pengurusan tempat letak kereta ditandatangani oleh tiap-tiap PBT dengan syarikat konsesi. Tiada perjanjian utama dengan Kerajaan Negeri. Tempoh perjanjian konsesi tinggal lapan (8) tahun iaitu akan berakhir pada bulan April 2019.

Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. diberi konsesi bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berikut:-

- (i) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA);
- (ii) Majlis Perbandaran Klang (MPK);
- (iii) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ);
- (iv) Majlis Perbandaran Selayang (MPS);
- (v) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj);
- (vi) Majlis Perbandaran Sepang (MPSp); dan
- (vii) Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) – belum beroperasi

Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd. pula diberi konsesi bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berikut:-

- (i) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ);
- (ii) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ);
- (iii) Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL);
- (iv) Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) – belum beroperasi; dan
- (v) Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) – belum beroperasi

Kadar bayaran bagi setiap jam mengikut PBT adalah seperti berikut:-

- (i) Majlis Bandaraya Shah Alam – RM0.40
- (ii) Majlis Perbandaran Klang – RM0.50
- (iii) Majlis Perbandaran Ampang Jaya – RM0.50
- (iv) Majlis Perbandaran Selayang – RM0.50
- (v) Majlis Perbandaran Kajang – RM0.50
- (vi) Majlis Perbandaran Sepang – RM0.40
- (vii) Majlis Bandaraya Petaling Jaya – RM0.60
- (viii) Majlis Perbandaran Subang Jaya – RM0.50
- (ix) Majlis Daerah Kuala Langat – RM0.40

Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan bahawa tiada apa-apa kenaikan kepada kadar bayaran tempat letak kereta bagi setiap jam. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor telah menggesa supaya pihak PBT merundingkan supaya kadar bayaran bulanan sepetak dinaikkan.

Walau bagaimanapun, bagi PBT yang ingin menamatkan konsesi Penswastaan Penyeragaman Sistem Kutipan Tempat Letak Kereta adalah tertakluk kepada perjanjian yang telah ditandatangani di antara PBT dengan pihak syarikat sendiri dan penamatan perlulah merujuk kepada peruntukan di dalam perjanjian penswastaan yang telah dimuktamadkan oleh kedua-dua pihak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : TABUNG PEMULIHAN RUMAH KOS RENDAH

240. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Berapakah jumlah peruntukan untuk Tabung Pemulihan Rumah Kos Rendah sejak dilancarkan dan berapakah jumlah unit rumah mendapat faedah darinya ?
 - Sila terangkan kelayakan bagi mendapat peruntukan dari Tabung ini?
 - Terangkan taburan kawasan-kawasan yang telah mendapat peruntukan dari Tabung ini?

JAWAPAN :

- Pada peringkat permulaan, sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri ke dalam Tabung Pemulihan Rumah Kos Rendah. Ini tidak termasuk sumbangan daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sebanyak RM5 juta khusus untuk tujuan mengecat bangunan secara usaha sama di antara pemaju, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penduduk. Peruntukan daripada Tabung ini akan digunakan bagi tujuan baik pulih kerosakan harta bersama pangsapuri kos rendah seperti lif, bumbung, tangki air dan sebagainya. Setakat ini lawatan tapak ke 14 kawasan pemajuan pangsapuri kos rendah telah dibuat bagi mengenal pasti kawasan layak menerima bantuan tersebut berdasarkan beberapa kriteria. Bagi peringkat awal 6 kawasan telah disenarai pendek untuk menerima bantuan Tabung Pemulihan tersebut. Jumlah keseluruhan unit bagi 6 pemajuan pangsapuri kos rendah ini ialah 3,294 unit.
- Keutamaan kelayakan berdasarkan kepada pangsapuri yang mengalami kerosakan serius pada lif, bumbung dan tangki air. Kriteria lain pemilihan pangsapuri yang layak menerima bantuan seperti berikut:-
 - Mempunyai badan pengurusan yang diiktiraf seperti Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) yang aktif.
 - Mempunyai kedudukan kewangan/akaun yang kukuh (cth : peratusan penduduk membayar caj tinggi dan jumlah hutang yang sedikit).
 - Kerosakan harta bersama tersebut berada pada tahap kritikal.

Kriteria i) dan ii) adalah penting kerana konsep yang digunakan bagi melaksanakan program baikpulih ini adalah berdasarkan perkongsian kos di mana Kerajaan Negeri dan penduduk melalui saluran pengurusan bangunan (JMB/MC/ejen pengurusan/pemaju) akan bersama-sama menanggung kos baikpulih tersebut dengan nisbah 60:40. Iaitu 60 peratus disumbangkan oleh Kerajaan Negeri manakala bakinya oleh penduduk.

- c) Enam kawasan pemajuan yang telah disenarai pendek adalah seperti berikut:-

Bil	Pangsapuri	PBT	Kerosakan
1.	Pangsapuri Flora Damansara A & B	MBPJ	Lif
2.	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	Lif
3.	Pangsapuri Taman Kosas	MPAJ	Bumbung
4.	Pangsapuri Sri Intan	MPAJ	Lif
5.	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	Tangki Air
6.	Pangsapuri Cempaka, Bukit Beruntung.	MDHS	Bumbung

Pangsapuri Sri Intan telah dipilih untuk dijadikan projek perintis kepada program ini dan dijangka akan bermula selewat-lewatnya awal bulan April.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: PBT / PEJABAT DAERAH

241. Kebanyakan projek-projek yang dijalankan oleh PBT dan Pejabat Daerah tiada pemantauan dan penyeliaan dengan harga yang amat berpututan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Siapakah yang bertanggung jawab dalam perkara ini?
- b) Apakah langkah-langkah pemberian yang boleh diambil bagi mengatasi nya?
- c) Apakah jalan terbaik yang dapat diambil kepada kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh mereka-mereka ini yang mempunyai sikap seolah-olah "Melepas Batuk Ditangga" dalam menjalankan kerja tetapi tiada tindakan diambil ke atas mereka selam ini.

JAWAPAN:

- a) Bagi Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), pelantikan dan pemilihan pembekal tender dan sebut harga adalah terletak di bawah Jawatankuasa Tender dan Sebut harga berdasarkan penilaian serat analisa oleh Jawatankuasa Penilai. Pemantauan secara berkala akan dilakukan oleh kakitangan yang ditugaskan bagi memastikan kerja-kerja mengikut arahan dan ia termasuklah menyediakan laporan harian dan laporan kemajuan projek yang ditetapkan. Manakala bagi Majlis Perbandaran Sepang (MPSp), penyediaan harga berdasarkan kepada harga semasa yang diambil dari pembekal. Selain daripada itu, ia juga berdasarkan kepada jadual kadar harga JKR 2009. MPSp juga menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Harga bagi menyemak laporan analisa sebelum dia bawa kepada Jawatankuasa Sebut harga dan Jawatankuasa Tender. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) juga melakukan perkara sama yang dilakukan oleh MPSJ dan MPSp dalam urusan pelantikan pembekal dan pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan.
- b) Antara langkah-langkah pemberian yang dilakukan oleh MPSJ bagi mengatasi masalah tersebut adalah dengan mengeluarkan notis pembetulan dan jika masih berlaku tindakan seterusnya boleh diambil termasuklah penamatkan pengambilan kerja kontrak. Manakala bagi MPSp masih tiada masalah dari segi ketelusan dan pemilihan kontraktor kerana dengan adanya Jawatankuasa Penilaian Harga dan Jawatankuasa Sebut harga yang terdiri daripada Pegawai Teknikal dan Ahli Majlis membantu MPSp membuat keputusan terbaik sebelum projek dilaksanakan.

- c) Antara langkah yang diambil oleh MPSJ kepada kontraktor yang dilantik adalah dengan memberikan notis amaran terhadap kerja yang dijalankan. Selain daripada itu, MPSJ juga akan memberikan notis penamatkan dan tindakan senarai hitam kepada kontraktor yang masih melakukan perkara yang sama setelah tindakan dan amaran dikeluarkan. Bagi kakitangan pula MPSJ akan memberi tindakan amaran dan tindakan tata tertib akan dikeluarkan kepada mereka yang didapati menjalankan kerja tanpa mengikut ketetapan yang telah ditetapkan. Manakala bagi MPSp kontraktor berkenaan akan dikenakan denda lewat jika didapati gagal melaksanakan kerja di tapak, tidak mengikuti spesifikasi kerja atau BQ.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(DUN TERATAI)**

TAJUK : PROJEK MEMBAIKPULIH CERUN DI BUKIT PERMAI, SENTOSA COURT.

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah sebenarnya projek tersebut?
- b) Sila mengemukakan spesifikasi projek ini.
- c) Adakah projek ini memberi tempoh *warranty*? Jika ada, berapa lama?

JAWAPAN :

- a) Harga sebenar projek RM 2,000,000.00
- b) Spesifikasi projek kerja-kerja pembaikan cerun tahan dan batuan serta kerja berkaitan di Mutiara Court, Taman Bukit Permai :-
 - i) Preminaries,
 - ii) Rock skop stabilasation works,
 - Site clearing
 - Excavation
 - Removal & scalling
 - Rock fall netting
 - Concrete dentition
 - Rock bolt/rock powell
 - Concreta spray
 - iii) Soil slope stabilization work, dan
 - iv) Drainage works
- c) Tempoh "Delect Liability Period " (DLP) adalah 1 tahun bermula 1 Nov 2010 hingga 31 Oktober 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PINJAMAN PENGURUSAN INPENS

243. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 berkenaan Perbendaharaan Negeri Selangor di muka surat 8:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sebab-sebab surat peringatan berkala bagi pengurusan kutipan balik pinjaman INPENS tidak dikeluarkan?
- b) Mengapakah jumlah baki pinjaman boleh dituntut tidak dapat ditentukan?
- c) Apakah langkah-langkah untuk mendapatkan balik pinjaman tertunggak?

JAWAPAN :

- a) Surat peringatan, penyata tunggakan serta tindakan sehingga ke CTOS kepada bekas-bekas pelajar INPENS yang tidak menjelaskan langsung pinjaman pelajaran mereka kepada INPENS telah dilaksanakan semenjak dahulu. Kesan positif adalah jumlah pembayaran balik oleh bekas pelajar bagi tempuh Januari 2005 sehingga Disember 2010 adalah RM1.26 juta.
- b) Jumlah baki pinjaman boleh dituntut sehingga 31/12/2010 adalah RM3.9 juta daripada jumlah baki pinjaman asal RM5.1 juta. Hutang yang tidak dapat dituntut setelah mengambil kira tempuh yang terlalu lama tanpa apa-apa maklum balas walaupun setelah tindakan CTOS dikenakan kepada bekas pelajar berkenaan.
- c) Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mendapatkan semula baki pinjaman tertunggak.
 - i) Memberi tumpuan kepada pinjaman kurang 5 tahun, disusuli usia pinjaman yang lain.
 - ii) Menghantar surat tuntutan, peringatan berterusan sehingga ke CTOS.
 - iii) Berbincang tentang kaedah, jadual pembayaran balik yang bersesuaian dengan kemampuan bekas pelajar.
 - iv) Sijil-sijil asal bekas pelajar juga tidak akan diberi sehingga baki pinjaman keseluruhan dijelaskan sepenuhnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PELANCARAN MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)

244. Kerajaan Negeri Selangor melancarkan mikrokredit miskin bandar (MIMBAR) pada 3 Mac 2010.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah beza antara mikrokredit Bandar (MIMBAR) dengan Mikrokredit Miskin luar bandar ?
- b) Jika tidak ada perbezaan ketara, mengapa tidak disatukan antara kedua-duanya?
- c) Bagaimanakah operasinya dijalankan?

JAWAPAN :

- a) Terdapat banyak perbezaan wujud di antara Program MiMBAR dan SKIMSEL. MiMBAR adalah suatu program inovasi baru yang mengutarakan pendekatan "WORKFARE" bukan lagi "WELFARE", yang khas disusun atur untuk mengatasi pelbagai masalah masyarakat miskin bandar sekitar Selangor.

Perbezaan yang amat ketara dan bolehlah disimpulkan seperti berikut:-

Bil	Perkara	MiMBAR	SKIMSEL
1.	Jantina pemohon	Lelaki dan Perempuan	Perempuan
2.	Tanggungjawab Pemohon	Secara Individu	Secara Berkumpulan
3.	Kawasan Liputan	Bandar - di 8 PBT(Bandaraya dan Perbandaran sahaja kecuali kawasan yang mempunyai ketua kampung) dan 38 DUN Bandar Selangor	Luar Bandar dan kawasan yang mempunyai ketua kampung

4.	Cara Pembayaran	"Irrevocable Standing Instruction" atau 'Auto-debit', dan juga secara "online", telefon bimbit dan kutipan pegawai bagi peserta yang bermasalah	Secara Kutipan Pegawai di kawasan masing-masing semasa mesyuarat kumpulan
5.	Program	Program MiMBAR adalah berasaskan 'WORKFARE' yang menyediakan mekanisme baru untuk 3 program utama; a. Program Perniagaan b. Program Kerjaya c. Pinjaman Mikrokredit	Pinjaman Mikrokredit sahaja
6.	Kategori Sasaran Peminjam/Peserta	1. Peniaga kecil-kecilan 2. Pekerja bergaji kurang dari PGK dan ada masalah bermusim	Berniaga dan berusaha secara kumpulan
7.	Syarat Pendapatan Seisi Rumah	1. RM1,500 bagi tiada berkeluarga atau anak 2. RM2,500 bagi 3 anak atau kurang 3. RM3,000 bagi 4 anak atau lebih	RM1,500
8.	Proses Pemilihan Peserta	1. Mengisi borang 2. Temuduga 3. Siasatan 4. Jawatankuasa Pemilihan	Kumpulan perlu diwujudkan sesama peserta sebelum diterima masuk

- b) Program "WORKFARE" MiMBAR memerlukan pendekatan berbeza yang mudah diterima oleh masyarakat miskin bandar bagi menyelesaikan pelbagai masalah bandar yang berbeza seperti pinjaman 'along', tekanan taraf kehidupan yang tinggi, daya-saing yang ketara, kos barang dan persekolahan yang tinggi, ruang tanah yang sempit untuk memanfaatkan dan kurang mempunyai harta atau tanah kebun yang berpendapatan.

Oleh itu, perbezaan yang amat ketara ini memerlukan pendekatan berbeza untuk memastikan keadilan penyelesaian dapat disesuaikan dengan permasalahan mengikut tempat, tekanan, tabiat harian dan taraf kehidupan yang berbeza. Jadi, kedua program ini tidak perlu digabungkan.

- c) Secara ringkasnya, operasi atau susun-atur program peserta adalah seperti berikut:-
1. **Edaran Borang** – Borang oleh didapati di Pusat Khidmat DUN, PBT, Laman-web www.mimbarselangor.org dan dari ketua-ketua masyarakat.
 2. **Sesi Temuduga** – diadakan di PKD/PBT atau tempat yang dikenal pasti setelah borang diproses untuk tapisan pertama.
 3. **Sesi Siasatan** – dilakukan secara mengejut bagi memastikan segala maklumat dibuat adalah benar dan tiada ruang penipuan dalam segala bentuk.
 4. **Jawatankuasa Pemilihan** – Mesyuarat pemilihan peserta dibuat secara teliti bagi memastikan peserta yang benar-benar layak dan dalam kategori sasaran sahaja yang dipilih.
 5. **Perjanjian Peserta** – surat tawaran dikeluarkan dan perjanjian peserta dimeterai di mana peserta bersetuju dengan cara pembayaran “Irrevocable Standing Instruction” atau “Auto-debit” BIMB.
 6. **Latihan Asas** – peserta dilengkapsan dengan Latihan Asas Kecemerlangan MiMBAR di mana modul yang disediakan termasuk Sikap Jatidiri, Amanah dan Jujur, Budaya Kerja Cemerlang, Mengawal Perbelanjaan, dan Cara Kerja MiMBAR.
 7. **Rangkaian MiMBAR** – peserta tidak dilepaskan begitu sahaja sesudah latihan dan pembentukan pinjaman. Sesi perbincangan berkumpulan diadakan di kawasan masing-masing diketuai oleh pegawai MiMBAR dan Mentor jemputan khas bagi berkongsi pengalaman, masalah semasa, teknik perniagaan, pelanggan dan pembekal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : MASALAH GERAN TANAH PENEROKA

245. Seramai 24 orang peneroka dari Kampong Bukit Cerakah yang di cicirkan dari senarai pemberimilikan tanah oleh Kerajaan Negeri Selangor yang lalu telah bersabar menunggu selama 37 tahun untuk mendapatkan hak mereka.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang akan di buat oleh Kerajaan Negeri Selangor sekarang di bawah Pakatan Rakyat untuk melayakkan mereka menerima Surat Kelulusan Pemberimilikan Tanah (Notis 5A) ?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat telah menetapkan bahawa permohonan pemberimilikan tanah diproses semula oleh Pentadbir Tanah secara berkelompok atas tujuan pemutihan kes-kes penerokaan tanah kerajaan mengikut sesuatu kawasan dalam daerah. Dalam usaha ini semua permohonan yang telah diproses oleh Pentadbir Tanah sebelum ini adalah bergantung pada kes telah dikembalikan secara berkelompok dan ini menjurus kepada kelewatan dalam memproses permohonan tersebut.

Prosedur Permohonan Pemberimilikan Tanah :-

- i. Mereka yang layak di bawah Peruntukan Seksyen 43, Kanun Tanah Negara (KTN) yang telah diluluskan pemberimilikan di bawah Seksyen 76, KTN oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- ii. Mereka yang telah menjelaskan bayaran premium dan lain-lain bayaran yang ditetapkan seperti di Notis 5A; dan
- iii. Mengemukakan Sijil Akuan Ukur daripada Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia bagi permohonan Agensi Kerajaan/Syarikat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROGRAM TUSYEN RAKYAT SELANGOR

246. Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) sedang berjalan dengan lancar kebanyakan kawasan DUN di Selangor. Walaupun bagaimanapun , para penyelaras tuisyen menghadapi masalah untuk mendapatkan guru-guru yang berkualiti yang sanggup menerima bayaran elaun RM 40 sejam.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Memandangkan kadar bayaran di pusat tuisyen swasta atau tuisyen rumah adalah di antara RM 60 sejam dan ke atas , maka guru kurang cenderung untuk mengajar di bawah PTRS. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambahkan elaun guru-guru tuisyen ini ?

JAWAPAN :

- a) Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) merupakan program Tuisyen Percuma kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari seluruh Negeri Selangor. Pelajar yang terlibat adalah berasal dari keluarga yang berpendapatan rendah dan mempunyai tahap pencapaian akademik yang sederhana. Setiap kawasan (DUN) diperuntukkan seramai 100 orang pelajar yang menyertai program ini. Guru atau tenaga pengajar yang dilantik diberi elaun sebanyak RM 40.00 sejam. Berikut adalah perincian kadar bayaran elaun kepada guru atau tenaga pengajar mengikut matapelajaran:

Jadual 1 : Kadar bayaran elaun guru atau tenaga pengajar Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)

Jenis Matapelajaran	Bilangan Jam Mengajar	Aktiviti	Jumlah Elaun (Setiap Jam)
Bahasa Melayu	1 Jam	Pengajaran	RM 40.00
Bahasa Inggeris	1 Jam	Pengajaran	RM 40.00
Sejarah	1 Jam	Pengajaran	RM 40.00
Matematik	1 Jam	Pengajaran	RM 80.00
	1 Jam	Tutorial (Latih tubi)	

Kadar bayaran elaun yang diberikan kepada tenaga pengajar adalah berpatutkan kerana pihak kerajaan Negeri Selangor telah membuat kajian harga pasaran berkenaan kadar bayaran guru atau tenaga pengajar pusat tuisyen samada di kawasan bandar mahupun di kawasan pinggir bandar. Kadar bayaran yang diberikan adalah berada dipasas sederhana. Bermula tahun 2009 hingga 2011, Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dilaksanakan dengan baik dan pihak pentadbiran ini juga tidak menerima

sebarang aduan berkenaan elaun yang diberikan adalah rendah. Oleh itu, pihak Kerajaan Negeri masih meneruskan kadar bayaran yang sama dan tidak ada cadangan untuk menaikkan kadar tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN PKNS

247. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak dan dimanakah projek perumahan mampu milik dan kos sederhana yang akan dibangunkan oleh PKNS?
- b) Apakah kelebihan yang diberi kepada penjawat awam dan wakil rakyat jika mereka membeli rumah yang dibangunkan oleh PKNS?

JAWAPAN :

- a) Projek perumahan mampu milik yang disasarkan oleh PKNS dalam tempoh 5 – 7 tahun adalah berjumlah 20,000 unit. Untuk mencapai sasaran rumah mampu milik PKNS juga melaksanakan kolaborasi dengan syarikat pemaju swasta untuk memajukan ‘land bank’ syarikat bersama dengan PKNS. Projek perintis perumahan mampu milik yang akan dilaksanakan oleh PKNS adalah sebanyak 124 unit di Seksyen 3 Tambahan Bandar Baru Bangi. Projek akan dimulakan pada April 2011.
- b) PKNS telah memperuntukkan diskau 7% kepada pembeli Bumiputera, tambahan kepada diskau tersebut PKNS akan memberikan 3% untuk pembeli ‘early bird’ dan 5% lagi jika pembeli tersebut adalah penjawat awam dan wakil rakyat dianggap sebagai penjawat awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: PINJAMAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

248. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyakkah **PINJAMAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR** dalam RM telah kita tawarkan kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pendidikan ke **INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) DAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS)** dalam dan luar negeri sejak dari mula pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat?
- b) Berapakah jumlah pelajar dan pinjaman telah di keluarkan oleh Kerajaan Negeri? mengikut Daerah.
- c) Berkemungkinan Kerajaan Negeri Selangor memperkenalkan skim pemberian biasiswa berdasarkan "merit" khusus untuk pelajar-pelajar anak Negeri Selangor yang kurang berkemampuan yang berjaya memasuki universiti tempatan dan luar Negara.

JAWAPAN:

- a) Sejak mula pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat iaitu daripada tahun 2008 hingga 2010, jumlah pelajar yang telah ditawarkan pinjaman pelajaran untuk melanjutkan pengajian di IPTA/ IPTS dalam negara adalah seramai **2,504 orang**, melibatkan jumlah pinjaman sebanyak **RM14.2 juta**.
- b) Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (LTKWBNS) telah menawarkan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor kepada 2,504 orang mulai daripada tahun 2008 sehingga tahun 2010. Pecahan pelajar dan pinjaman mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	JUMLAH PELAJAR	JUMLAH PINJAMAN (RM)
1.	Klang	880	RM 4.9 juta
2.	Petaling	156	RM 0.88 juta
3.	Kuala Selangor	153	RM 0.88 juta
4.	Kuala Langat	116	RM 0.66 juta
5.	Sabak Bernam	100	RM 0.58 juta
6.	Hulu Langat	109	RM 0.62 juta
7.	Gombak	72	RM 0.42 juta

8.	Sepang	12	RM 0.08 juta
9.	Hulu Selangor	31	RM 0.18 juta
10.	Kuala Lumpur	494	RM 2.8 juta
11.	Lain-lain	381	RM 2.2 juta
JUMLAH KESELURUHAN		2,504	RM 14.2 juta

- c) Kerajaan Negeri di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) telah menyediakan kemudahan Pinjaman Pelajaran kepada pelajar-pelajar anak Negeri Selangor bagi melanjutkan pengajian di IPTA/ PTS dalam negara. Namun begitu, Kerajaan Negeri akan menukar pinjaman pelajaran tersebut kepada **biasiswa** sekiranya pelajar-pelajar berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang iaitu dengan memperolehi CGPA 3.75 ke atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : POLIS KESELAMATAN NEGERI ; NEGERI SELANGOR

249. Menteri Besar bagi Negeri Selangor melahirkan cadangan untuk mengadakan Polis Keselamatan Khas bagi negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasionalnya cadangan ini?
- b) Siapakah yang akan membiayai kos lantikan dan perkhidmatan Polis Keselamatan ini.
- c) Bagaimanakah respons pihak kerajaan Pusat?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PERTUKARAN NAMA UNISEL

250. Pertukaran nama Universiti Industri Selangor kepada Universiti Selangor telah diluluskan baru-baru ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional pertukaran nama ini?
- b) Dengan nama lama, apakah yang menghalang dari ditawarkan pelbagai kursus peringkat major (industri) dan minor (lain dari industri)
- c) Dengan menukarkan dari nama bidang khusus (industri), tidakkah UNISEL menjadi sebagai universiti biasa seperti di negeri-negeri yang ada sekarang?

JAWAPAN :

- a) Hakikatnya, UNISEL tidak perlu berlengah-lengah atau menunggu tempoh tertentu untuk berubah. Persekitaran alam pendidikan telah berubah, masyarakat juga telah berubah dan mengharapkan universiti memainkan peranan yang lebih luas, sebagai penjana idea dan pembaharuan serta sebagai pemangkin kepada kemajuan intelek, ekonomi dan sosial, bukan setakat terhad kepada pembangunan 'industri' sahaja.

Ini kerana, Negara kita sedang mencapai kemajuan dan ekonomi pelbagai (*Diversified*) yang cukup pesat di samping keperluan melahirkan insan yang lebih dinamik, insaniah, berjiwa lebih besar serta berkemahiran tinggi. Tuntutan ini juga meliputi evolusi dari segi Misi, Visi agar Selari dengan perkembangan masyarakat global. Rumusannya ialah, UNISEL perlu penjenamaan semula termasuk nama baru bagi menghadapi persaingan yang semakin sengit di kalangan Institusi Pengajian Tinggi Swasta khususnya.

Penjenamaan semula bukan satu perkara asing terutamanya dalam syarikat-syarikat korporat bukan sahaja di Malaysia malah seluruh dunia. Ianya dilihat sebagai salah satu usaha untuk memastikan imej, reputasi dan peranan UNISEL dapat difahami umum. Penjenamaan ini juga memberi kesan kepada penerimaan umum dan pihak majikan terhadap alumni UNISEL.

- b) Dengan nama lama, persepsi masyarakat menjangka bahawa kursus-kursus di UNISEL hanya terhad kepada bidang industri sahaja. Negara dan ekonominya telah berubah, maka universiti juga perlu turut berubah.

Kini, banyak kursus-kursus yang menyahut keperluan sektor lain seperti Bio-perubatan, Pendidikan bahasa, Sains sosial, Psikologi, Pendidikan Islam dan lain-lain lagi.

Walaupun pihak industri masih menjadi “*stake holder*” yang penting, UNISEL telah mengamalkan pendekatan yang lebih holistik dalam membangunkan insan. Perkataan ‘industri’ tidak perlu disebut lagi.

- c) Pertukaran nama tidak menjejas tujuan asal universiti iaitu untuk mengeluarkan tenaga profesional dan semi-profesional yang memenuhi kehendak majikan iaitu ‘*employable graduates*’. Menggugurkan nama industri dilihat tidak memberi impak yang ketara kepada graduan dalam usaha untuk mendapatkan pekerjaan. Malah perubahan ini dijangka akan dapat menukar persepsi masyarakat terhadap peluang pekerjaan lepasan UNISEL yang dilihat begitu terikat kepada sektor perindustrian sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : URUSAN PENGURUSAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

251. Pihak Berkuasa Tempatan menjalankan tugas mengikut Akta Kerajaan Tempatan dan juga Undang-undang Kecil yang digazetkan. Walaubagaimanapun beberapa polisi seperti penawaran kerja inden, pengendalian mesyuarat, peruntukkan kewangan pembangunan masih berbeza di antara satu pihak berkuasa tempatan dengan yang lain.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- Kenapakah perbezaan pengurusan seperti di atas berlaku ?
- Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menyelaraskan?

JAWAPAN :

- Pada dasarnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai kuasa-kuasa tertentu untuk menentukan urusan pentadbiran mereka sendiri berdasarkan keputusan Mesyuarat Penuh Majlis. Walau bagaimanapun Pihak Berkuasa Negeri boleh memberikan arahan am selagi ia tidak bercanggah dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Kerajaan Negeri dari masa ke semasa mengeluarkan pekeliling yang bertujuan menyelaras pelaksanaan dasar semasa. Lanjutan daripada itu, pekeliling yang dikeluarkan adalah menjurus kepada pengurusan majlis manakala isu berkaitan operasi majlis terletak di bawah kuasa Datuk Bandar atau Yang Dipertua untuk menentukannya selagi ia tidak bercanggah dengan perundangan semasa. Ini perlu kerana keperluan, status kewangan dan senario tempatan di setiap PBT adalah berlainan di antara PBT. Ada perkara-perkara yang boleh diseragamkan tetapi ada juga perkara-perkara yang perlu ditentukan oleh pihak PBT sendiri berdasarkan kepada kesesuaian melalui Mesyuarat Penuh Majlis.
- Kerajaan Negeri lebih cenderung agar pengurusan PBT dilaksanakan mengikut perundangan sedia ada. Sekiranya didapati ada isu pengurusan yang perlu diselaraskan maka Kerajaan Negeri akan mengeluarkan arahan penyelarasan bagi mengendalikan isu tersebut di semua PBT Selangor secara seragam. Perkara ini telah pun dilaksanakan secara berperingkat dan berdasarkan isu yang timbul dan tidak dapat diselesaikan di peringkat PBT. Sebagai contoh, isu caj tapak pasar malam yang mana Kerajaan Negeri telah menetapkan RM 4 untuk satu tapak dan ia dilaksanakan di semua PBT Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

**TAJUK : ANGKAT SUMPAH PERLANTIKAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELANGOR, DATO MOHD KHUSRIN MUNAWI TERTANGGUH. BERTANYA
KEPADA YAB DATO' MENTERI BESAR.**

252. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah pelantikan tersebut tertangguh?
- b) Apakah persepsi kerajaan terhadap Dato' Khusrin Munawi?
- c) Adakah masalah yang dibimbangkan selama ini dapat diselesaikan?

JAWAPAN :

- a) Pelantikan YB. Dato' Khusrin TIDAK tertangguh.
- b) Sebagai sebuah kerajaan, kita tidak berpegang pada persepsi pada mana-mana individu termasuk YB. Dato' Khusrin.
- c) Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang masalah hingga membawa kebimbangan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri mengharapkan semua proses pelantikan bagi semua jawatan tertinggi dilakukan mengikut tatacara yang telah ditetapkan sama ada secara peraturan maupun amalan kebiasaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(DUN TERATAI)**

TAJUK: MEMBAIKPULIH JALAN KAMPUNG CHERAS BARU, DARI PETRONAS SAMPAI MASJID NURUSAADAH KAMPUNG CHERAS BARU.

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila mengemukakan spesifikasi projek ini dan jumlah kos untuk membaikpulih?
- b) Atas apa sebab kerja ini tidak dibuka tender.
- c) Adakah JKR dapat surat daripada pengarah JKR supaya kes ini boleh dilantik terus. Sila lampirkan.

JAWAPAN :

- a) Spesifikasi yang digunakan bagi melaksanakan projek ini adalah berpandukan "Standard Specification for Road and Bridge Works" edisi JKR/SPJ/1988 keluaran dari ibu pejabat JKR Malaysia.

Jumlah kos untuk kerja-kerja membaik pulih jalan ini adalah RM198,503.00. Kadar Harga untuk kerja-kerja jalan dirujuk kepada 'Jadual Kadar Harga Kerja-kerja Kecil dan Membaike Tahun 2008.

- b) Kerja ini tidak dipanggil tender kerana nilai kerja di bawah RM500.000.00 adalah layak untuk dibuat secara sebut harga bagi mempercepatkan proses perolehan.
- c) Kerja ini tidak dipanggil secara lantikan terus tetapi telah dipanggil secara sebut harga. pilihan dibuka kepada 10 kontraktor terpilih yang berdaftar dengan UPEN. Surat kebenaran untuk lantikan terpilih ruj. J.N. SEL 29/13/02 (41) dari JKR Negeri Selangor (dilampirkan bersama).

Perkara 4 surat tersebut menjelaskan bidang kuasa Jurutera Daerah untuk kelulusan pemilihan nama-nama kontraktor. Pejabat JKR Daerah Hulu Langat melaksanakan proses memanggil sebut harga secara pilihan kerja-kerja perlu dilaksanakan dengan segera kerana terdapat banyak kemalangan yang berlaku di lokasi tersebut. pejabat ini telah menerima aduan orang awam melalui telefon, email dan aduan oleh ADUN Teratai sendiri agar JKR melaksanakan kerja dengan serta-merta.



JABATAN KERJA RAYA
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
TINGKAT I. BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH.
40582 SIAH ALAM.



" KEJUJURAN DAN KETEKUNAN "

JN.SEL.29/13/02 (-1)

Timbalan Pengarah JKR Selangor
Semua Ketua Penolong Pengarah JKR Selangor
Semua Jurutera Daerah JKR Selangor.
Penolong Pengarah Kanan Projek Khas.

PENUBUHAN URUSETIA LEMBAGA SEBUTHARGA

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada surat pejabat ini bil(36) dalam siri yang sama bertarikh 3 Februari, 2005 berkenaan perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pejabat ini telah memperkemasikan lagi senarai keahlian Jawatankuasa Sebutharga peringkat Ibu Pejabat dimana sebelum ini hanya melibatkan kategori projek dan juga Jawatankuasa Sebutharga peringkat daerah sahaja. Pejabat ini ingin memaklumkan untuk menambah senarai keahlian Jawatankuasa Sebutharga peringkat Ibu Pejabat bagi mengambil kira kerja-kerja bekalan dan perkhidmatan. Selain dari itu juga Ketua Penolong Pengarah (Mekanikal) melalui suratnya bil(58) dalam JJK-SEL Vol. 2 bertarikh 25 Februari 2005 ada memohon untuk membubarkan trussetianya serta melantik keahliannya sendiri dan pejabat ini telah meluluskannya pada 26 Februari 2005.

3. Keahlian Lembaga Sebutharga terkini adalah seperti yang disenaraikan di Lampiran A dan B. Bagi projek-projek khas yang mana semuanya merupakan projek-projek jalan dan jambatan ia adalah di kategorikan di bawah projek jalan dan jambatan dimana keahliannya tidak berubah kecuali pembentangan oleh Penolong Pengarah Kanan Projek Khas.

4. Pejabat ini ingin mengingatkan sekali lagi iaitu bagi sebutharga pilihan pula, kelulusan pemilihan nama-nama kontraktor perlu diperolehi terlebih dahulu daripada Pengarah atau Timbalan Pengarah dengan menggunakan format seperti di Lampiran C. Manakala di peringkat Daerah pula, kelulusan pemilihan nama perlu diperolehi daripada Jurutera Daerah.

Sekian. Terimakasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang mewujud perintah,

(DATO HJ. ABD. RASHID BIN YUSOF)
Pengarah Kerja Raya Selangor.

s.k Urusetia Jawatankuasa Sebutharga

PEJABAT JURUTERA DAERAH	
JKR. HULU LANGAT, KAJANG	
BANGUNAN:	PERADIBAN
✓ P.T. 544 13 SEP 2005 ✓	K.P.
PT 544 P.T. 544 ✓	JK. KG.
PT 544 P.T. 544 ✓	K. ZE.
PT 544 P.T. 544 ✓	F.S.
✓	F.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK: BANTUAN KEPADA USHAWAN INDUSTRI KECIL SEDERHANA SERTA GOLONGAN BELIA.

254. Pembelaan kepada usahawan IKS dan golongan Belia merupakan salah satu aspek penting untuk memajukan ekonomi belia dan usahawan IKS.

Bertanya kepada YAB Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak dana yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu golongan IKS meningkatkan daya saing dalam perniagaan dan golongan Belia untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.
- b) Berapa ramai golongan usahawan yang telah Berjaya dibantu dan mohon disenaraikan.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Skim Dana IKS telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta untuk membantu usahawan – usahawan IKS yang berdaya maju untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti produk agar lebih berdaya saing di pasaran.

Tiada peruntukan khas untuk membantu golongan belia untuk memulakan perniagaan. Di bawah program Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, kursus dan seminar keusahawanan di atur bagi memberi pendedahan kepada semua golongan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

- b) Pada tahun 2010 seramai 89 penerima yang layak dari seluruh Negeri Selangor telah dibantu di bawah skim Dana IKS. Senarai adalah seperti di lampiran.

SENARAI PENERIMA DANA IKS 2010

DAERAH GOMBAK		
BIL	NAMA	BIDANG
1.	NORMA BINTI AHMAD	JAHITAN
2.	ALINAH BINTI AWANG	JAHITAN
3.	NORULAIN BINTI ROZALI	JAHITAN
4.	RAHIMAH BINTI YAHYA	JAHITAN
5.	KAMISAH BINTI HJ ARSHAD	KUIH DAN BISKUT
6.	KAMARUDDIN BIN MAT ADA @ MAJRI	BAHULU
7.	YASIMAH BINTI MAMAT	BAHULU
8.	MOHD SYUKRI BIN MOHD YASID	SEJUK BEKU
9.	TUMINAH BINTI ABDUL RAHMAN	KIMPALAN
10.	THAM KOK CHEONG	KRAFTANGAN
11.	HALIM CHE IBRAHIM	PERABUT
12.	NATA BIN ISMAIL	PERABUT
DAERAH SEPANG		
13.	MOHD LATIF BIN LIAS	KEREPEK
14.	NORZAIDAH BINTI AHMAD	KEK MUFFIN CUP KEK BISKUT
DAERAH HULU LANGAT		
15.	SENAYA BINTI BIDIN	KUIH ROS
16.	FARIDAH BINTI MOHAMAD	SEJUK BEKU
17.	SADIAH BINTI ABDUL SHUKOR	KEK LAPIS SARAWAK
18.	JULIA BINTI OTHMAN	BAKERI
19.	HASNNAH BINTI HASSAN	JAHITAN
DAERAH KUALA SELANGOR		
20.	MOHD SUDERMAN BIN SOHOT	TEMPE
21.	ROSNAN BIN SELAMAT	SAMBAL PECAL
22.	ABDUL RAZAK BIN MOHAMMAD	ROTI
23.	MISTINAH BINTI KAIRI	KUIH
24.	MOHD EGHTIHAD BIN MOHD TASRIP	KERISEK SANTAN
25.	FATIMAH BINTI RASID	JAHITAN
26.	SAUYAH BINTI AKIM	JAHITAN
27.	SITI ROHANI BINTI MOHD SADALI	JAHITAN
28.	PATIMAH BINTI LATIFF	JAHITAN
29.	AZURA BINTI ARSHAD	JAHITAN
30.	WAN AISHAH BINTI TAWIL	JAHITAN
31.	NOOR MARZIANA BINTI MOHAMAD TAMIN	JAHITAN
32.	MAHANIM BINTI JURAIMI	JAHITAN
33.	AZIAH BINTI SAIMUN	JAHITAN
34.	ZAINI BINTI IBRAHIM	JAHITAN

35.	AHMAD DAUD BIN SAPAR	PERABUT
36.	NORDIN BIN MAT KASTOR	PERABUT
37.	AZMI BIN JALAL	BAHAN BINAAN

DAERAH SABAK BERNAM		
38.	SITI ZUBAIDAH BINTI HUSNI	SAMBAL GORENG KACANG BOTAK
39.	HALIMAH BINTI TAMRIN	KEREPEK
40.	RASIDAH BINTI ASMAWI	SEJUK BEKU
41.	NASRI BIN YACOB	BELACAN
42.	MOHAMAD NOOR HAikal BIN SAMSUDIN	DODOL
43.	ASIAH BINTI MD FADZAL	KUIH
44.	KWI AI MEI	BAKERY
45.	ROSLIZA BINTI AB SATTAR	JAHITAN
46.	SURTINAH BINTI BARJOORI	JAHITAN
47.	SITI ROBAEYAHTON BINTI SA'AID	JAHITAN

DAERAH HULU SELANGOR		
48.	RAFIAH BNTI SIMAN	JAHITAN
49.	SHAMSIAH BINTI SA'AN	JAHITAN
50.	MOHD RUFIE BIN WARIS	MAKANAN RINGAN
51.	RAMNAH BINTI ISMAIL	MEE KUNING
52.	ESAH BINTI AHMAD	MAKANAN
53.	SABRI BIN HJ LAMIN	BATU NESAN

DAERAH KLANG		
54.	NORLIZA BINTI ZAIRANI	JAHITAN
55.	KALAIARASI D/O DARAN	JAHITAN
56.	MASTURAH BINTI AHMAD	JAHITAN
57.	HAMIDAH BINTI MOHD YUNOS	JAHITAN
58.	SITI FATIMAH BINTI MHD ASHARA	JAHITAN
59.	NORHAYATI BINTI SALAMUN	JAHITAN
60.	MAWAR BINTI MOKSIN	JAHITAN
61.	NOOR HEYATI BINTI ABDULLAH	MAKANAN
62.	ROSNANI BINTI ISMAIL	MAKANAN
63.	RAMLAH BINTI HJ. ABDUL SHUKUR	MAKANAN
64.	JURAIZA BINTI ABDUL AZIZ	MAKANAN
65.	ROS MELATI BINTI HJ. HUSSIN	BAKERI
66.	NOOR BAHARUDDIN BIN MD NOOR	ROTI CANAI DAN KARIPAP SEGERA
67.	ROZITA BINTI ABDUL KADER	BAKERI

DAERAH KUALA LANGAT		
68.	ASLINA BINTI SAYUDI	JAHITAN
69.	MISLIZAH BINTI HAHTON	JAHITAN
70.	DZULYATI BINTI MOHAMED	JAHITAN
71.	NORAIDA BINTI WAGIMAN	JAHITAN
72.	MOHD NAZIR BIN BAHAROM	TEMPE DAN DADIH
73.	ELLISA BINTI MD IDROS	KEK
74.	KHAIRUDDIN BIN JOHARI	KEREPEK UBI DAN PISANG
75.	SITI JAMAEYAH BINTI SULAIMAN	BAHULU / REMPEYEK
76.	JUVITA BINTI YAHYA	KEREPEK
77.	YAUMI BINTI PARIJAN	MAKANAN
78.	MD. ISMADI BIN SALIM	PERABUT
79.	MOHD KAMAL FARID BIN KARIM	PERABUT
DAERAH PETALING		
80.	NOOR AFIZA BINTI MOHAMAD	JAHITAN
81.	KAMSINAH BINTI ARIFIN	JAHITAN
82.	SHARIMAH BINTI MOHD YUNUS	JAHITAN
83.	ROSLAN BIN ALI	PRODUK MAKANAN
84.	HAMIZA BINTI BAHARUDDIN	KEK DAN ROTI
85.	SALASIAH BINTI SAMDIN	BISKUT
86.	HAMDAM BIN ISMAIL	KEK
87.	NORLI BINTI YUSOP	BISKUT
88.	SITI HAWA BINTI DROS	BAHULU & MUFFIN
89.	ZANARIAH BINTI HJ AHMAD	CILI GILING
90.	SITI HANIM BINTI KOSNIN	BURGER IKAN / POPIA